

**KAEDAH PENDALILAN BERASASKAN AL-QURAN:
KAJIAN TENTANG PENGGUNAANNYA DALAM
FATWA – FATWA NEGERI PERAK 1994-2010**

ZAMRI BIN HASHIM

**JABATAN AL-QURAN DAN AL-HADITH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2011**

**KAEDAH PENDALILAN BERASASKAN AL-QURAN:
KAJIAN TENTANG PENGGUNAANNYA DALAM
FATWA – FATWA NEGERI PERAK 1994-2010**

ZAMRI BIN HASHIM

**DISERTASIINI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH
SARJANA USULUDDIN BAHAGIAN II
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN AL-QURAN DAN AL-HADITH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2011**

ABSTRAK

Disertasi bertajuk “ Kaedah Pendalilan Berasaskan al-Quran: Kajian Tentang Penggunaannya Dalam Fatwa-fatwa Negeri Perak 1994-2010” merupakan satu kajian yang bertujuan untuk mengenalpasti seterusnya membuat analisa terhadap kaedah-kaedah pendalilan berdasarkan dalil-dalil al-Quran yang digunakan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak dalam proses membuat fatwa dalam tempoh jangkamasa 1994 sehingga 2010. Di akhir kajian ini, penulis mencadangkan beberapa cadangan penambahbaikan yang dapat membantu untuk memurnikan kaedah pendalilan berkenaan. Kajian ini diharap dapat menjawab ketidakpuasan hati terhadap kewibawaan fatwa dan dapat membuktikan bahawa al-Quran mampu menyediakan jawapan dan panduan terhadap sebarang masalah kehidupan. Data-data penting dalam kajian ini diambil menerusi dokumen-dokumen rasmi Jabatan Mufti Perak. Kajian ini menggunakan kaedah menganalisa data-data fatwa yang diperolehi menggunakan metode induktif, deduktif dan komparatif. Antara penemuan penting yang diperolehi di dalam kajian ini ialah daripada dua puluh fatwa yang di keluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak dalam tempoh berkenaan, hanya sebelas fatwa yang berdalilkan al-Quran manakala selebihnya tidak disandarkan dengan dalil al-Quran ataupun hanya dilakukan pembetulan terhadap penyelewengan tafsiran ayat-ayat al-Quran namun Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak mempunyai alasan tersendiri.

ABSTRACT

The dissertation entitled “The methodology of using “dalil” based on the Holy Qur'an: A study on its uses in the fatwa of the state of Perak 1994-2010” is a study to identify and analyse on the methods of using “dalil” based on the Holy Qur'an as applied by the Council of Fatwa in Perak in the process of issuing fatwa from 1994 to 2010. At the end of this study, the author gives some recommendations that will help to improve the above mentioned method. It is hoped that this study will overcome the unsatisfactory feelings towards the integrity of the Fatwa and will prove that the Holy Qur'an is able to give answers and provide guidelines to any of the human problems. The important data in this study are taken from the official documents of the Jabatan *Mufti Perak*. This study uses the method of analyzing the gathered data on fatwa through the inductive, deductive and comparative methods. Among the important findings found in this study is that out of the twenty fatwas produced by the Council of Fatwa in Perak from 1994 to 2010, only eleven fatwas were based on Holy Qur'an and the rest of the fatwas were either not based on the Holy Qur'an or just make disclosure on incorrect interpretation of the verses in the Holy Qur'an. However, the Council of Fatwa of Perak have their own reason and justification regarding the situation.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah penulis bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana mengurniakan kesabaran dan kekuatan azam untuk menyiapkan kajian ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. serta kepada para sahabat dan keluarga baginda yang menjadi sumber suntikan semangat kepada penulis meneruskan kajian yang mudah-mudahan dapat menyumbang saham kepada Islam.

Mengambil kesempatan yang sangat berharga ini, penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan buat penyelia disertasi ini Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Mohd Yakub @ Zulkifli bin Mohd. Yusoff yang telah sudi meluangkan masa dan tenaga, menyumbangkan idea, bimbingan dan kritikan yang tidak ternilai buat penulis di sepanjang kajian ini sehingga selesai. Begitu juga jutaan terima kasih kepada seluruh tenaga pengajar dan pensyarah Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam khususnya Jabatan al-Quran dan al-Hadith yang sangat dedikasi mencurahkan segala ilmu kepada penulis sepanjang tempoh pengajian peringkat Sarjana Usuluddin ini. Semoga mendapat balasan yang berganda daripada Allah s..w.t.

Penulis mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Jabatan Mufti Negeri Perak amnya dan secara khusus kepada Sahibul Samahah Tan Sri Dato' Seri (Dr) Haji Harussani bin Haji Zakaria , Mufti Negeri Perak selaku Pengerusi Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak dan seluruh ahli jawatankuasa, juga kepada pegawai-pegawai Bahagian Pengurusan Fatwa dan Pengembangan Ijtihad Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan semua pihak yang terlibat telah membantu penulis secara langsung mahupun secara

tidak langsung mendapatkan informasi maklumat dan data-data yang diperlukan bagi menyiapkan kajian ini.

Seterusnya dan buat akhirnya sekalung penghargaan buat keluarga, ayah, ibu, isteri, anak-anak dan rakan-rakan seperjuangan. Semoga Allah s.w.t. memberi ganjaran yang setimpal di atas segala jasa baik, pengorbanan, kesabaran dan dorongan serta semangat yang diberikan.

Akhir kalam, penulis berdoa agar kajian ini diberkati Allah s.w.t. seterusnya memberi faedah dan manfaat kepada semua, khususnya umat Islam.

Sekian

Zamri bin Hashim

No 5, Laluan Wirajaya Timur 25,
Taman Rapat Koperasi,
31350 Rapat Setia
Ipoh, Perak.

24 OGOS 2011

ISI KANDUNGAN

TAJUK	HALAMAN
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI STATUT	xvi
KEPENDEKAN	xvii
TRANSLITERASI	xviii
SENARAI LAMPIRAN	xx

BAB PENDAHULUAN

1.1	PENDAHULUAN	1
1.2	LATAR BELAKANG	1
1.3	MASALAH KAJIAN	2
1.4	DEFINISI TAJUK	6
1.5	OBJEKTIF KAJIAN	8
1.6	KEPENTINGAN KAJIAN	8
1.7	SKOP KAJIAN	9
1.8	METODOLOGI KAJIAN	10
1.9	ULASAN PENULISAN	14
1.10	SISTEMATIKA KAJIAN	19

BAB SATU

PERANAN AL-QURAN DALAM PEMBINAAN FATWA

1. AL-QURAN SEBAGAI SUMBER HUKUM

Pendahuluan

1.1 PENGENALAN AL-QURAN

1.1.1 Definisi Al-Quran	23
1.1.2 Kehujahan Al-Quran	23
1.1.3 Hukum-hukum yang terkandung dalam Al-Quran	25

1.2 PENERANGAN AL-QURAN TERHADAP HUKUM

1.2.1 <i>Dilālah</i> Al-Quran terhadap hukum	27
1.2.2 <i>Uslūb</i> Al-Quran dalam menerangkan hukum	29
1.2.3 <i>Manhaj</i> Al-Quran dalam menerangkan hukum	35
1.2.4 Perbezaan pendalilan Al-Quran mengenai isu akidah dan hukum ‘ <i>amaliyyah</i> .	41
1.2.5 Kaedah pengambilan hukum.	43

2. HUBUNGAN AL-QURAN DENGAN FATWA

2.1 Era Permulaan Islam

2.1.1 Zaman Rasulullah s.a.w	46
2.1.2 Zaman Sahabat r.a.	50
2.1.3 Zaman Tabiin	52

2.2 Era kemunculan Imam-imam mazhab

2.3 Era taqlid

2.4 Era selepas taqlid

Penutup

BAB DUA	
PEMBINAAN FATWA DI NEGERI PERAK	
2.1 PENDAHULUAN	60
2.2 PENGENALAN DAN CIRI-CIRI FATWA	
2.2.1 Pendahuluan	61
2.2.2 Pengertian fatwa	61
2.2.3 Ciri-ciri Fatwa Negeri Perak	64
2.3 KEAUTORITIAN FATWA	67
2.3.1 Kuatkuasa fatwa	69
2.3.2 Pelanggaran fatwa	70
2.3.3 Autoriti fatwa dalam mahkamah	71
2.3.4 Penguatkuasaan fatwa	72
2.4 PROSES PENGHASILAN FATWA	
2.4.1 Sumber dan punca isu	73
2.4.2 Penyediaan jawapan	75
2.4.3 Perbincangan peringkat Jawatankuasa Fatwa	75
2.4.4 Sumber rujukan fatwa	78
2.5 PROSES PEWARTAAN FATWA	79
2.5.1 Pihak yang terlibat	80
2.5.2 Ciri-ciri fatwa yang diwartakan	82
PENUTUP	83

BAB TIGA

ISU-ISU FATWA NEGERI PERAK 1994-2010

3.1 PENDAHULUAN	85
3.2 FATWA-FATWA AKIDAH	
3.2.1 Fatwa Mengenai Ajaran Cahaya Qursani	87
3.2.2 Fatwa Mengenai Penggunaan Kalimah Allah	88
3.2.3 Fatwa Mengenai Ajaran Ayah Pin	89
3.2.4 Fatwa Mengenai Penulisan Astora Jabat Berkenaan Azab Kubur	91
3.2.5 Fatwa Mengenai Ajaran Azhar bin Wahab	94
3.2.6 Fatwa Mengenai Ajaran Ilmu Hakikat Hassan Jonit	96
3.2.7 Fatwa Mengenai Ajaran Islam Jamaah	97
3.2.8 Fatwa Mengenai al-Ma‘ūnah	98
3.2.9 Fatwa Mengenai Gerakan Anti-hadith	99
3.2.10 Fatwa Mengenai Al-Arqam	104
3.3 FATWA-FATWA SYARIAH	
3.3.1 Fatwa Solat Jumaat Ketika Bersuluk	109
3.3.2 Fatwa Harta Wakaf Khas Masjid Taiping	110
3.3.3 Fatwa Penyalahgunaan Kubur	111
3.3.4 Fatwa Zakat Pendapatan	112
3.3.5 Fatwa Status Tanah Pemberian Kerajaan Kepada Majlis Agama Islam Perak	113
3.4 FATWA-FATWA SOSIAL	
3.4.1 Fatwa Pengkid Dan Pondan	114
3.4.2 Fatwa Kumpulan Black Metal	117
3.4.3 Fatwa Senaman Yoga	118
3.4.4 Fatwa Mengenai Syarikat Rufaqa’	119

3.4.5 Fatwa Perpecahan Orang Melayu Islam	124
3.5 PENUTUP	128

BAB EMPAT

ANALISIS KAEDAH PENDALILAN BERASASKAN AL-QURAN DALAM FATWA-FATWA NEGERI PERAK 1994-2010

4.1 PENDAHULUAN	129
4.2 ANALISIS FATWA-FATWA YANG MEMPUNYAI DALIL-DALIL AL-QURAN	
4.2.1 FATWA-FATWA AKIDAH	
4.2.1.1 Analisis Fatwa Mengenai Penggunaan Kalimah Allah	130
4.2.1.2 Analisis Fatwa Mengenai Penulisan Astora Jabat Berkenaan Azab Kubur	135
4.2.1.3 Analisis Fatwa Mengenai Ajaran Azhar bin Wahab	140
4.2.1.4 Analisis Fatwa Mengenai al-Ma‘ūnah	144
4.2.1.5 Analisis Fatwa Mengenai Al-Arqam	145
4.2.2 FATWA SYARIAH	
4.2.2.1 Analisis Fatwa Solat Jumaat Ketika Bersuluk	149
4.2.3 FATWA –FATWA SOSIAL	
4.2.3.1 Analisis Fatwa Pengkid Dan Pondan	150
4.2.3.2 Analisis Fatwa Kumpulan Black Metal	156
4.2.3.3 Analisis Fatwa Mengenai Syarikat Rufaqa’	158
4.2.3.4 Analisis Fatwa Perpecahan Orang Melayu Islam	163

4.3 ANALISIS FATWA-FATWA YANG TIDAK MEMPUNYAI DALIL-DALIL AL-QURAN

4.3.1 FATWA-FATWA AKIDAH	
4.3.1.1 Analisis Fatwa Mengenai Ajaran Cahaya Qursani	169
4.3.1.2 Analisis Fatwa Mengenai Ajaran Ayah Pin	172
4.3.1.3 Analisis Fatwa Ajaran Ilmu Hakikat Hassan Jonit	175
4.3.1.4 Analisis Fatwa Mengenai Ajaran Islam Jamaah	178
4.3.2 FATWA-FATWA SYARIAH	
4.3.2.1 Analisis Fatwa Harta Wakaf Khas Masjid Taiping	181
4.3.2.2 Analisis Fatwa Penyalahgunaan Kubur	184
4.3.2.3 Analisis Fatwa Zakat Pendapatan	186
4.3.2.4 Fatwa Status Tanah Pemberian Kerajaan Kepada Majlis Agama Islam Perak	187
4.3.3 FATWA SOSIAL	
4.3.3.1 Analisis Fatwa Senaman Yoga	189
4.4 ANALISIS FATWA BERDASARKAN PEMBONGKARAN TERHADAP PENYELEWENGAN TAFSIRAN AL-QURAN.	
4.4.1 Analisis Fatwa Mengenai Al-Arqam	192
4.4.2 Analisis Fatwa Mengenai Gerakan Anti-hadith	193
KESIMPULAN	201

BAB LIMA

PENUTUP

5.1	PENDAHULUAN	203
5.2	KESIMPULAN	203
5.3	SARANAN DAN CADANGAN	
5.3.1	Pusat Pengajian Islam Awam dan Swasta	207
5.3.2	Institusi Kefatwaan	208
5.3.3	Masyarakat Muslim	209
5.4	PENUTUP	209
	BIBLIOGRAFI	210
	LAMPIRAN	219

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
---------------	----------------

Jadual 3: Pembahagian isu fatwa.	78
----------------------------------	----

SENARAI STATUT

1. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004. (Seksyen 33 sehingga seksyen 43)
2. Enakmen Jenayah (Syariah) Bil. 3 Tahun 1992. (Seksyen 20)
3. Warta – warta Kerajaan Negeri Perak berkaitan dengan fatwa dari tahun 1994 sehingga 2010.

KEPENDEKAN

c.	: cetakan
Dr.	: Doktor
h.	: Halaman
Ibid.	: Ibidem (Latin) – pada rujukan yang sama
j.	: Jilid
JFNP	: Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak
no.	: Nombor
op. cit.	: Opera Citato (Latin) – dalam rujukan yang telah disebutkan.
r.a.	: Rađia Allāh ‘Anh
s.a.w.	: Ṣalla Allah ‘Alayh wa Sallam
Sdn. Bhd.	: Sendirian Berhad
s.w.t.	: Subḥānah wa Ta‘āla
T.P	: Tiada Penerbit
t.t.	: tanpa tarikh
T.T.P.	: Tiada Tempat Penerbit

TRANSLITERASI

1. Konsonan

Arab	Rumi	Arab	Rumi	Arab	Rumi
ء , ا	a, '(Hamzah)	ز	Z	ف	Q
ب	b	س	S	ك	K
ت	t	ش	Sy	ل	L
ث	th	ص	S	م	M
ج	j	ض	D	ن	N
ح	h	ط	T	ه	H
خ	kh	ظ	Z	و	W
د	d	ع	'	ي	Y
ذ	dh	غ	Gh	ة	H
ر	r	ف	F		

2. Vokal

i) Pendek

_____ (fatḥah) a

ii) Panjang

ī : ā

iii) Diftong

أو : aw

_____ (kasrah) i

ى : ī

أي : ay

_____ (dammah) u

و : ū

وي : iy/ī

ووو : uww

3. Terdapat perkataan Melayu yang berasal daripada perkataan Arab dieja mengikut perkataan Melayu¹ seperti: akidah, ibadat, istinbat, al-Quran dan lain-lain.

¹ Ini memandangkan terdapat banyak perkataan Melayu yang berasalkan dari serapan Arab dan sudah dianggap sebagai perkataan Melayu. Sila lihat Kamus Dewan, Edisi ke-4, DBP, Kuala Lumpur: (2010)

Catatan: Semua ejaan dalam petikan (quotiations) adalah dikenalkan seperti ejaan asal.

SENARAI LAMPIRAN

Rajah Proses Penghasilan Fatwa

Rajah Proses Pewartaan Fatwa

Jadual Penggunaan dalil al-Quran dalam fatwa-fatwa tahun 1994-2010.

BAB PENDAHULUAN

1.1 PENDAHULUAN

Al-Quran merupakan sumber utama dalam mengeluarkan fatwa. Namun satu perkara yang sedia dimaklumi bahawa ketepatan dan keabsahan sesuatu fatwa itu sangat bergantung kepada sejauh mana ketepatan kaedah pendalilan ayat-ayat Al-Quran berkenaan sesuai dengan kaedah pendalilan yang betul.

Seiring dengan perkembangan keilmuan yang sangat pesat, kewibawaan sesuatu fatwa itu sangat dinilai oleh masyarakat berdasarkan hujjah dan dalil yang menyokong sesuatu kesimpulan hukum. Al-Quran sebagai kitab panduan dan pedoman sepatutnya diberikan peranan yang besar dalam aktiviti berfatwa samada *dilālah*²nya merujuk secara langsung dengan permasalahan yang cuba untuk diselesaikan atau rujukan itu secara tidak langsung yang bersifat sebagai *irṣyād*³ sahaja dalam usaha menghubungkan umat Islam dengan Al-Quran sebagai pedoman mereka dalam kehidupan .

1.2 LATAR BELAKANG

Kajian ini akan cuba melihat dan menilai sejauh mana kaedah pendalilan berasaskan penggunaan ayat-ayat Al-Quran dalam penghujahan fatwa yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak (JFNP) bagi tempoh 1994-2010. Kewibawaan sesuatu fatwa sangat dinilai berdasarkan kekuatan hujjah dan dalil. Al-Quran sebagai sumber utama hukum syarak, sepatutnya diberi peranan yang besar dalam proses membuat kesimpulan hukum.

² Dilālah bermaksud sesuatu yang difahami daripada lafaz apabila dinyatakan lihat al-Munazzomah al-‘Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-‘Ulum (1989), *al-Mu’jam al-Arabiyy al-Asāsī*, Larus, h. 460

³ Irsyad bermaksud bimbingan dan nasihat , *op. cit.* h. 524

Penulis menginsafi bahawa tidak semua permasalahan ditunjukkan penyelesaiannya secara langsung oleh ayat-ayat Al-Quran tertentu tetapi penyelesaiannya mungkin dijumpai di dalam hadis-hadis Rasulullah s.a.w ataupun ijtihad berdasarkan peristiwa Rasulullah s.a.w. mengutus Mu‘ādh bin Jabal.⁴ Namun pada asasnya sudah tentu ada ayat-ayat Al-Quran yang akan memberikan petunjuk secara tidak langsung kepada isu berkenaan. Ini disebabkan antara peranan hadis adalah tidak lari dari memberi penerangan terhadap ayat-ayat Al-Quran⁵ manakala ijtihād juga mestilah dilakukan oleh seorang mujtahid yang mempunyai kelayakan asas antara yang terpenting ialah menguasai ayat-ayat Al-Quran yang berkaitan hukum, *nasikh mansukh* dan sebagainya.⁶

1.3 MASALAH KAJIAN

Penyelidikan hanya boleh bermula apabila ada masalah atau persoalan yang ingin diselesaikan.⁷ Dalam usaha mendapatkan sumber masalah kajian, faktor-faktor seperti pengalaman peribadi, prihatin terhadap apa yang berlaku, pengetahuan dalam sesuatu bidang dan mencari penyelesaian kepada masalah⁸ yang timbul sedikit sebanyak dapat membantu penulis mengenal pasti permasalahan utama untuk dikaji.

Seksyen 43 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 memperuntukkan⁹

⁴ Abū Dāud Sulaimān bin al-Ash‘ath (t.t), *Sunan Abī Dāwūd*, “ *bab Ijtihād al-Ra'y fī al-Qadā'* ”, no. hadith 3592, j.3, al-Qāhirah: Dār Ihya' al-Sunnah al-Nabawiyyah h. 303

⁵ ‘Abd al-Karīm Zaidān (1987), *al-Wajīz fī uṣūl al-Fiqh*, c. 2. Beirut: Mu'assasah al-Risālah , h. 149-150

⁶ *Ibid.*, h. 403

⁷ Idris Awang (2009), *Penyelidikan ilmiah amalan dalam pengajian Islam*, Rawang: Sri Elila Resources, h. 14

⁸ *Ibid* .

⁹ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak), 2004,(Seksyen 43)

(1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 37, atau memperakukan sesuatu pendapat di bawah seksyen 42, Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut *qaul* muktamad (pendapat-pendapat yang diterima) Mazhab Shafie.

(2) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut *qaul* muktamad Mazhab Shafie suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan berhasil, Jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut *qaul* muktamad Mazhab Hanafi , Maliki atau Hanbali.

(3) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satu pun *qaul* muktamad daripada empat Mazhab ini boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam , Jawatankuasa Fatwa bolehlah membuat fatwa mengikut *ijtihad* tanpa terikat dengan *qaul* muktamad daripada mana-mana Mazhab yang empat itu.

Dapat difahami, ,bahawa fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh JFNP terikat dengan empat Mazhab di mana Mazhab Syāfi‘ī menjadi keutamaan sebelum berlakunya ijтиhad dalam kes-kes tertentu.

Secara positifnya, amalan beragama hampir diseragamkan dengan peruntukan undang–undang ini namun kebergantungan merujuk terus kepada pandangan pelopor-pelopor mazhab berkenaan termasuk dari kalangan al-Syāfi‘īyyah dengan menukilkan pandangan mereka tanpa mengkaji metodologi istinbat hukum yang menjadi sandaran mereka menyebabkan kadang-kadang fatwa yang dikeluarkan seolah-olah “terpisah “ dari sumber utamanya iaitu Al-Quran dan al-Hadith serta sumber-sumber yang lain sedangkan Al-Quran telah ditegaskan sebagai sumber paling utama keempat-empat Mazhab ini iaitu Mazhab Syafi’ī,¹⁰ Mazhab Hanafi,¹¹ Mazhab Maliki¹² dan Mazhab Hanbali.¹³

¹⁰ ‘Ali Jum‘ah Muhammad (2004), *al-Madkhāl ilā Dirāsah al-Madhāhib al-Fiqhiyyah*, al-Qāhirah: Dār al-Salām, h. 24 .

¹¹ *Ibid*, h. 91

Fenomena seolah-olahnya “terpisah” Al-Quran dari fatwa ini jelas dilihat pada fatwa-fatwa rasmi secara tradisinya hanya diedarkan kepada makluman umum dalam bentuk *ṣīghah* fatwa sahaja tanpa disertakan dengan dalil dan hujjah walaupun secara realitinya semasa perbincangan di peringkat Mesyuarat Fatwa mungkin dalil-dalil dan hujjah dikemukakan tetapi hanya tersimpan sebagai dokumen minit mesyuarat sahaja.

Perkara ini terjadi kerana tradisi kefatwaan berlaku dengan mufti tidak wajib ke atasnya mengemukakan cara pendalilan bahkan ia merupakan perkara yang harus sahaja.¹⁴ Malah tidak wajar orang awam untuk meminta dalil dan hujjah kepada mufti dan bertanya mengapa dan bagaimana hukum berkenaan disimpulkan.¹⁵ Pandangan ini bersesuaian dengan pandangan al-Syāṭiby bahawa fatwa ahli ijtihad adalah dalil bagi orang awam umpama dalil-dalil syarak kepada ahli-ahli ijtihad.¹⁶

Pada pandangan penulis, fatwa hari ini telah mengiringi perkembangan semasa sehingga ia tidak sama lagi dengan pengertian fatwa secara tradisi dari beberapa sudut seperti cara pembuatannya, autoritinya dan perbezaan yang paling besar ialah ia mempunyai kekuatan perundangan dan boleh dikuatkuasakan sehingga orang yang menyanggah dan tidak beramal dengannya boleh diambil tindakan. Maka adalah lebih wajar jika setiap fatwa ini diiringi dengan dalil-dalilnya. Ibnu al-Qayyim berpandangan

¹² *Ibid*, h. 141

¹³ *Ibid*, h. 193-194

¹⁴ Hussayn Muḥammad al-Mallāḥ(2006), *al-Fatwa* , Beirut: al-Maktabah al-‘Asriyyah, h. 690

¹⁵ *Ibid*, h. 633

¹⁶ Ibrāhim bin Mūsā al-Syāṭiby (t.t), *al-Muwāfiqāt fī Uṣūl al-Syarī‘ah*, j. 4, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h 215

adalah yang terbaik jika disebutkan cara pendalilan di dalam fatwa.¹⁷ Ibnu al-Sam‘āni mengatakan harus bagi *al-mustaftī*¹⁸ meminta dalil dari mufti untuk menjadikan dirinya lebih tenang terhadap fatwa berkenaan.¹⁹

Tinjauan terhadap fatwa-fatwa yang dikeluarkan untuk edaran umum oleh beberapa buah negeri di Malaysia seperti Pulau Pinang,²⁰ Selangor,²¹ Wilayah Persekutuan,²² Negeri Sembilan,²³ mendapati hanya *sīghah* fatwa sahaja yang dikemukakan tanpa mengemukakan dalil dan hujjah. Begitu juga keputusan-keputusan yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Muzakarah Fatwa Kebangsaan tidak mengemukakan hujjah dan dalil. Bagi pandangan penulis, pendekatan ini adalah faktor yang menyumbang kepada persepsi banyak pihak terhadap kewibawaan fatwa –fatwa berkenaan. Lantaran itu fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh JFNP untuk edaran umum disertakan dengan dalil.²⁴ Namun fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti Negara Brunei Darussalam bolehlah dijadikan contoh pendekatan berani mengemukakan dalil dan hujjah untuk tatapan umum.²⁵

¹⁷ Hussayn Muḥammad al-Mallāḥ(2006), *op. cit*, h. 627

¹⁸ al-mustaftī bermaksud orang yang memohon sesuatu fatwa dari mufti

¹⁹ Hussayn Muḥammad al-Mallāḥ(2006), *op. cit.*, h. 633

²⁰ Jabatan Mufti Pulau Pinang (t.t), *Fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Pulau Pinang*, (t.t.t).

²¹ Jabatan Mufti Selangor (t.t), *Keputusan Fatwa Negeri Selangor (Januari – September 2001)*, (t.t.t)

²² Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2002), *Fatwa-fatwa Mufti Wilayah Persekutuan*, Kuala Lumpur : Percetakan Nasional Berhad.

²³ Jabatan Mufti Negeri Sembilan (1998), *Himpunan Fatwa* , (t.t.t)

²⁴ Jabatan Mufti Negeri Perak (t.t), *Fatwa Negeri Perak 1994-2004*, (t.t.t)

²⁵ Jabatan Mufti Kerajaan Brunei (2001), *Fatwa Mufti Kerajaan Brunei*, Brunei:Syarikat Printing BISMI

Fenomena ini berlaku secara keseluruhannya di negeri-negeri di Malaysia termasuklah keputusan-keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang diedarkan untuk bacaan umum.²⁶ Maka kajian ini cuba untuk mengenalpasti, menghurai dan menganalisa pendalilan al-Quran yang digunakan oleh JFNP dalam mengeluarkan fatwa seterusnya dapat didedahkan kepada umum mengenainya.

1.4 DEFINISI TAJUK

Tajuk kajian ini adalah **Kaedah Pendalilan berdasarkan Al-Quran: Kajian Tentang Penggunaannya dalam Fatwa-fatwa Negeri Perak 1994-2010**. Sebelum kajian ini dilanjutkan, penulis akan menerangkan beberapa istilah penting yang menjadi asas tajuk kajian ini.

Kaedah membawa maksud cara atau peraturan membuat sesuatu.²⁷ **Pendalilan** berasal dari perkataan dalil iaitu keterangan yang menjadi bukti sesuatu kebenaran terutama yang berdasarkan ayat-ayat al-Quran, manakala pendalilan membawa maksud perihal mendalilkan.²⁸ Perkataan **berdasaskan** membawa maksud bersandarkan sesuatu sebagai asas.²⁹

Merujuk Kamus Dewan, perkataan **kajian** membawa maksud kegiatan samada usaha atau proses menyelidik dan meneliti dengan mendalam atau terperinci.³⁰

²⁶ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (t.t), *Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Siri 1,2,3(Edaran Percuma)*, Kuala Lumpur: Penerbitan JAKIM.

²⁷ Kamus Dewan(2007), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, cet. 2 edisi keempat, h. 653

²⁸ *Ibid*, h. 307

²⁹ *Ibid*, h. 82

³⁰ *Ibid*, h. 657

Al-Quran ialah kalam Allah yang diturunkan ke atas rasulNya, Nabi Muhammad s.a.w., yang merupakan mukjizat walaupun dengan satu surah daripadanya, dikira beribadat dengan membacanya, yang tertulis di antara kedua tepi mukasurat mushaf, dipindahkan kepada kita secara mutawatir daripada awal surah al-Fātiḥah hingga akhir surah al-Nās.³¹ **Penggunaannya** bermaksud pemakaianya.³²

Fatwa adalah keputusan tentang sesuatu hukum agama (yang belum pernah diputuskan lagi) berdasarkan nas Al-Quran, hadis dan sumber-sumber hukum lain, termasuk ijтиhad oleh mufti atau orang yang berwenang tentang keputusan hukum syarak.³³

Kajian tertumpu kepada menganalisa fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan oleh JFNP dari tahun 1994-2010 berdasarkan penafsiran fatwa mengikut Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2004 yang memberi peruntukan undang-undang seperti berikut:

37. (9) Apa-apa pernyataan yang dibuat oleh Mufti atau Jawatankuasa Fatwa tidak boleh diambil sebagai fatwa melainkan jika pernyataan itu disiarkan dalam Warta mengikut subseksyen (6)³⁴

Fatwa-fatwa yang dikeluarkan dalam tempoh itu merangkumi keseluruhan fatwa-fatwa yang pernah dikeluarkan oleh JFNP bagi tempoh berkenaan. Keputusan-keputusan JFNP sebelum tarikh berkenaan tidak diwartakan .

³¹ Muhammad Abd al-‘Azīm al-Zarqānī (1986), *Manāhil al-‘Urfān fi ‘Ulūm al-Qur’ān*, Baghdād: Maktabah al-Quds, h. 149-150

³² Kamus Dewan(2007), *op.cit* , h. 489

³³ Kamus Dewan(2007), *op.cit* , h. 408

³⁴ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak), 2004,(Seksyen 37)

Daripada definisi di atas dapat disimpulkan bahawa sesuatu kesimpulan hukum yang bersumberkan Al-Quran perlu melalui cara dan peraturan tertentu. Penggunaan kaedah yang betul sangat mempengaruhi pembuktian terhadap kebenaran hukum yang disimpulkan di dalam isu-isu baru dalam perbincangan fatwa.

Maka disertasi ini akan membuat satu penelitian dan kajian secara mendalam terhadap cara JFNP menggunakan ayat-ayat Al-Quran sebagai dalil dalam membuat rumusan hukum di dalam fatwa-fatwa negeri Perak sekitar tahun 1994-2010.

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini cuba untuk mencapai beberapa objektif penting khususnya di dalam melihat penggunaan kaedah pendalilan berasaskan Al-Quran oleh JFNP. Antara objektif kajian ini ialah:

1. Menghuraikan kaedah-kaedah pendalilan berasaskan Al-Quran.
2. Menghuraikan proses pengeluaran fatwa di Negeri Perak.
3. Menganalisis fatwa-fatwa JFNP berdasarkan kaedah-kaedah pendalilan al-Quran.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini sangat penting untuk disegera dan diketengahkan kerana sebab-sebab berikut:-

1. Apabila Al-Quran seperti dipinggirkan dalam sesuatu urusan, sudah tentu ia akan membawa masalah kepada masyarakat. Fatwa dan institusinya sering diragui kewibawaannya³⁵ oleh banyak pihak lantaran fatwa-fatwa yang

³⁵ Mohd Mohadis Yasin (2007), "Pengurusan dan Penyelarasan Fatwa :Perlaksanaan dan Cabaran Di Malaysia", *Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa*, Vol 1, Bil 1, h. 132.

dikeluarkan dilihat seperti tidak mantap dan tidak meyakinkan. Fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh JFNP juga tidak terlepas dari kritikan berkenaan. Maka satu kajian mengenai fatwa-fatwa ini perlu dilakukan khususnya melihat sejauh mana kaedah pendalilan ayat Al-Quran digunakan dalam proses mengeluarkan fatwa, lebih-lebih lagi sepakat para ulama mengatakan Al-Quran adalah sumber hukum yang paling utama.

2. Dapatkan dari kajian ini diharap dapat digunakan sebagai garis panduan dalam proses mengeluarkan fatwa yang digunakan oleh JFNP dan juga boleh dicadangkan untuk digunakan oleh Jawatankuasa Muzakarah Fatwa Kebangsaan dan Jabatan-jabatan Mufti seluruh negara.
3. Kajian ini penting untuk mendidik orang awam bahawa Al-Quran adalah sebagai rujukan utama dalam mengatur dan menyelesaikan masalah kehidupan ini mengatasi sumber-sumber sampingan yang lain.
- 4.

1.7 SKOP KAJIAN

Kajian ini menumpukan kepada kaedah pendalilan berasaskan Al-Quran menggabungkan antara Al-Quran dan tafsirannya serta perbahasan *uṣūl al-fiqh*³⁶ yang menyentuh isu kefatwaan. Kajian tertumpu kepada menganalisa fatwa-fatwa yang telah

³⁶*Uṣūl al-fiqh* mengikut ulama al-Syafi'iyyah ialah mengetahui dalil-dalil fiqh secara ijmal tidak terperinci dan cara memetik atau mengambil hukum-hukum daripadanya serta perihal keadaan orang-orang yang menuntutnya. Manakala ulama dari kalangan mazhab Hanafi, Malik, Ahmad bin Hanbal mentakrifkannya sebagai mengetahui keadah-kaedah yang dengannya dapat dikeluarkan atau difahami hukum-hukum syarak yang praktikal dari dalil-dalil terperinci (Lihat Hasan bin Ahmad (1998), *Uṣūl al-Fiqh*, Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid, h. 4-5)

dikeluarkan oleh JFNP dari tahun 1994-2010. Penulis memberi penumpuan kajian kepada tempoh masa berkenaan disebabkan faktor berikut:

- i. Keputusan-keputusan mesyuarat JFNP hanya dianggap fatwa apabila ia diwartakan. Ini berdasarkan penafsiran fatwa mengikut Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2004 yang memberi peruntukan undang-undang seperti berikut:

37. (9) Apa-apa pernyataan yang dibuat oleh Mufti atau Jawatankuasa Fatwa tidak boleh diambil sebagai fatwa melainkan jika pernyataan itu disiarkan dalam Warta mengikut subseksyen (6)³⁷
- ii. Hanya mulai tahun 1994, keputusan-keputusan JFNP sebahagiannya diwartakan sehingga kajian ini dimulakan pada tahun 2009. Fatwa-fatwa yang dikeluarkan dalam tempoh itu merangkumi keseluruhan fatwa-fatwa yang pernah dikeluarkan oleh JFNP bagi tempoh berkenaan.

1.8 METODOLOGI KAJIAN

Seperti sedia maklum setiap kajian perlu mempunyai pendekatan metodologi tersendiri. Kajian ini lebih memberi lebih tumpuan kepada kajian perpustakaan dan sedikit pendekatan temubual sebagai sumber maklumat sokongan. Kajian perpustakaan dilakukan melalui penelitian terhadap penulisan-penulisan yang berkaitan dengan kaedah pendalilan ayat-ayat Al-Quran dan kajian terhadap aplikasinya di dalam fatwa-fatwa negeri Perak bagi tempoh 1994-2010.

³⁷ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak), 2004,(Seksyen 37)

Penulis juga mengambil fakta-fakta dan data-data yang berkaitan dengan himpunan-himpunan fatwa JFNP di Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Perak yang bertindak sebagai urusetia fatwa di samping mendapatkan statut, risalah yang berkaitan dengan tajuk serta membuat tinjauan secara tidak langsung untuk melihat secara lebih dekat kekuatan dan kekurangan suasana bekerja di bahagian tersebut yang sedikit sebanyak mempengaruhi hasil kerja pengeluaran fatwa menerusi kaedah pandalilan Al-Quran.

Antara metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah :

A) Metodologi penentuan subjek

Selepas mengenalpasti masalah kajian, penentuan subjek sebenar untuk menjadi tumpuan kajian perlu dilakukan supaya kajian berkenaan lebih terarah.³⁸ Penulis memilih semua fatwa yang dikeluarkan oleh JFNP dari tahun 1994-2010 . Fatwa yang dimaksudkan di sini adalah seperti yang diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Perak 2004. Ini bermaksud keputusan-keputusan mesyuarat JFNP yang tidak diwartakan, tidak dikira sebagai subjek kajian kerana ia tidak dikira sebagai fatwa mengikut peruntukan undang-undang malah ia adalah sebagai keputusan-keputusan Mesyuarat JFNP. Fatwa-fatwa ini penulis dapatkan dari warta-warta rasmi kerajaan Negeri Perak.

³⁸ Uma Sekaran (2003), *Research Methods For Business A Skill Building Approach*, United States of America: John Wiley and Sons, Inc, h. 69.

B) Metodologi Pengumpulan Data

i) Metodologi historis

Metodologi historis ataupun pensejarahan³⁹ ini penulis gunakan ketika mendapatkan maklumat mengenai Fatwa Negeri Perak secara lebih khusus seperti pengenalan dan ciri-ciri fatwa, keautoritian fatwa, proses penghasilan fatwa dan proses pewartaan fatwa. Maklumat-maklumat ini diperolehi kebanyakannya dari urusetia Mesyuarat JFNP iaitu Bahagian Fatwa dan Istinbat.

ii) Metodologi dokumentasi

Penulis menggunakan metodologi ini untuk mengumpul data-data utama yang digunakan dalam kajian ini. Kebanyakannya adalah data-data ini diperolehi oleh penulis menerusi kajian perpustakaan (library research).⁴⁰ Kitab-kitab karangan ulama muktabar dalam ilmu tafsir serta ilmu *uṣūl fiqh* samada yang klasik mahupun kontemporari yang berkaitan dengan pendalilan ayat-ayat Al-Quran sebagai sumber utama hukum serta kitab-kitab tafsir yang menerangkan ayat-ayat Al-Quran yang berkaitan dikumpulkan untuk tujuan kajian yang dipadankan dengan data-data fatwa yang terkumpul dari terbitan rasmi Jabatan Mufti Perak. Penulis merujuk kepada kitab-kitab yang terdapat di perpustakaan-perpustakaan utama pusat-pusat pengajian tinggi seperti di Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kolej Islam Darul Ridzuan dan lain-lain.

³⁹ Perbincangan lanjut mengenainya boleh didapati dalam Muhammad Natsir Mahmud (1997), *Orientalisme: Al-Quran di mata barat*, Semarang, h. 68-69 dan Muhammad Yusoff Hashim (1992), *Pensejarahan Melayu: Kajian terhadap tradisi Sejarah Melayu Nusantara*, Kuala Lumpur, h.1-3.

⁴⁰ Uma Sekaran (2003), *op.cit.*, h.58-59.

iii) Metodologi temubual

Metodologi ini penulis menggunakannya sebagai metodologi sampingan untuk mengesahkan sesuatu perkara yang perlu pengesahan di samping kemungkinan ada maklumat-maklumat tambahan yang tersirat di sebalik dokumentasi sedia ada. Melalui temubual, data yang diperolehi melalui pemerhatian dapat diperkuuhkan dan diperlengkapkan lagi.⁴¹ Di antara individu yang terlibat untuk ditemubual oleh penulis adalah Sahibus Samahah Mufti⁴² serta urusetia Fatwa Jabatan Mufti Perak.⁴³ Penulis telah melakukan beberapa langkah seperti melakukan temujanji secara rasmi, menjelaskan maksud kajian dilaksanakan, menyediakan borang persetujuan sebagai memenuhi kehendak *code of ethical conduct for research involving humans*⁴⁴, menentukan terlebih dahulu isu-isu yang perlu untuk diberi penjelasan lanjut sebelum temubual dilakukan, temubual dirakam dengan perakan suara dan catatan sebelum dipindahkan dalam bentuk transkrip. Penulis juga mendapat data-data rasmi seperti minit mesyuarat, warta kerajaan, enakmen dan sebagainya menerusi sessi temubual berkenaan.

⁴¹ Marohaini Yusoff (2001), *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman kerja lapangan kajian*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h.108-109

⁴² Temubual dilakukan pada 7 November 2010.

⁴³ Abdul Halim bin Badray, Penolong Pegawai Fatwa, Jabatan Mufti Perak. Temubual pada 4 Ogos 2010 dan Kamaruddin bin Adam, Pegawai Fatwa Jabatan Mufti Perak, Temubual pada 5 Ogos 2010.

⁴⁴ Suseela Malakolunthu (2001), Pengumpulan dan analisis data kualitatif, dalam Marohaini, (eds.), *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman kerja lapangan kajian*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 4-7.

C) Metodologi penganalisaan data

Dalam melakukan kerja –kerja menganalisa data, penulis menggunakan metode induktif, deduktif dan komparatif. Dalam disiplin ilmu Islam kaedah induktif dikenali sebagai istiqra' manakala deduktif di kenali sebagai istinbat.⁴⁵

Melalui metodologi induktif, penulis akan membuat kesimpulan umum hasil daripada kajian terhadap data-data yang lebih khusus oleh penulisan ulama-ulama muktabar mengenai kaedah pendalilan berdasarkan ayat-ayat Al-Quran sebagai sumber hukum yang paling utama .

Melalui metodologi deduktif, penulis cuba melihat secara keseluruhannya kaedah pendalilan ayat-ayat Al-Quran yang sedia ada dilaksanakan oleh JFNP dari tahun 1994-2010. Penulis akan melakukan kajian satu-persatu terhadap fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh JFNP dari tahun 1994-2010 dan cara pendalilan ayat-ayat Al-Quran terhadapnya.

Metodologi komparatif atau perbandingan bertujuan untuk menentukan sumber yang boleh dipertanggungjawabkan, menentukan fakta yang sahih atau lebih sahih, memperbanding beberapa kaedah untuk mencari kaedah yang lebih tepat, memperbandingkan teori untuk menentukan teori yang paling sesuai dan juga memperbandingkan pendapat untuk mencari pendapat yang paling berasas.⁴⁶ Melalui metodologi komparatif, penulis membuat kesimpulan dengan membuat perbandingan antara kaedah pendalilan yang digunakan dalam fatwa-fatwa negeri Perak dengan kaedah

⁴⁵ Lou Safi (1998), *Asas-asas ilmu pengetahuan: Satu kajian perbandingan kaedah-kaedah penyelidikan Islam dan Barat*, Kuala Lumpur: The International of Islamic Thought, h. 40.

⁴⁶ Idris Awang (2009), *Penyelidikan ilmiah: Amalan dalam pengajian Islam*, Rawang: Sri Elila Resources, h.102.

sebenar mengikut kitab –kitab tafsir dan usul fiqh. Penulis akan dapat melihat sejauh mana ketepatan kaedah pendalilan ayat-ayat Al-Quran dalam fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh JFNP dari tahun 1994-2010.

1.9 ULASAN PENULISAN

Penulis cuba membuat sorotan terhadap susunan sumber hukum dalam pengeluaran fatwa yang telah dikaji oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini. Sorotan terhadap kajian khusus mengenai sejauh mana penggunaan Al-Quran sebagai dalil dalam proses mengeluarkan fatwa masih belum dimulakan lagi oleh pengkaji-pengkaji.

1. Setakat ini kajian terhadap sumber kedua perundangan Islam iaitu hubungan al-Sunnah serta penggunaannya dalam fatwa telah dilaksanakan oleh Mat Jaya bin Hj Hussin dalam tahun 1999 di Universiti Sains Malaysia dalam disertasinya bertajuk “Fatwa dan hubungannya dengan sunnah: satu kajian kes di semenanjung Malaysia”. Kajian beliau tertumpu kepada penggunaan al-Sunnah dalam pembinaan fatwa.
2. Sumber hukum yang ketiga iaitu ijmak telah dikaji oleh Norizan Masron dengan tajuk kajian “Penentuan hukum berasaskan ijmā’ oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia.”⁴⁷ Kajian beliau pula tertumpu kepada aspek penggunaan ijmak dalam pengeluaran fatwa.
3. Manakala sumber hukum yang tidak disepakati oleh ulama iaitu *Sadd Al-Dharā'i* dalam fatwa telah disentuh menerusi kajian “*Sadd Al-Dharā'i* sebagai sumber fatwa: satu

⁴⁷ Norizan Masron (2005), “Penentuan hukum berasaskan ijmā’ oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia” (Disertasi M.A . Akademi Pengajian Islam ,Universiti Malaya).

kajian tentang pemakaianya dalam fatwa-fatwa Negeri Selangor.”⁴⁸ “*Sadd Al-Dharā'i* yang digunakan dalam pengeluaran fatwa di Majlis Ulama Indonesia telah dibuat kajian dengan judul ““*Sadd Al-Dharā'i*: pemakaianya dalam fatwa Majelis Ulama Indonesia (kajian dibuat kepada fatwa Majlis Ulama Indonesia 1975 – 1994).⁴⁹

4. Pengaruh *maṣlaḥah* dalam mengeluarkan fatwa telah dikaji menerusi kajian bertajuk “Penggunaan *Maṣlaḥah* dalam fatwa: Kajian kes bagi fatwa-fatwa Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia.”⁵⁰ Kajian ini tidak membincangkan khusus mengenai dalil-dalil Al-Quran.

5. Pendekatan ijтиhad dalam pengeluaran fatwa telah dijadikan bidang kajian beberapa oleh beberapa orang penulis . Antara fokus kajian mereka ialah sejauh mana pendekatan ijтиhad dalam pembuatan fatwa di negeri-negeri tertentu. Antara kajian berkenaan adalah “Pendekatan *ijtiḥād* dalam fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu”.⁵¹ “Pendekatan *ijtiḥād* dalam fatwa Jemaah Ulama Negeri Kelantan.”⁵² dan “*Ijtihād* dan amalannya dalam pembinaan fatwa di Malaysia”.⁵³

⁴⁸ Saipul Anuar Haji Mohd. Yusop (1999), “*Sadd Al-Dharā'i* sebagai sumber fatwa: satu kajian tentang pemakaianya dalam fatwa-fatwa Negeri Selangor” (Disertasi M.A. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)

⁴⁹ Faisal Haji Muhammad Ali Nurdin (1997), “*Sadd Al-Dharā'i*: pemakaianya dalam fatwa Majelis Ulama Indonesia (kajian dibuat kepada fatwa Majlis Ulama Indonesia 1975 – 1994) ” (Disertasi M.A Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)

⁵⁰ Mohd Nazri Asiabu (2004), “Penggunaan Maslahah dalam fatwa: Kajian kes bagi fatwa-fatwa Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia.” (Disertasi M.A. Akademi Pengajian Islam ,Universiti Malaya)

⁵¹ Mohd Marbawi Taha (2006), “Pendekatan Ijtihad dalam fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu” (Disertasi M.A. Akademi Pengajian Islam ,Universiti Malaya)

⁵² Mohd Nor Hashri Junoh (2003), “Pendekatan Ijtihad dalam fatwa Jemaah Ulama Negeri Kelantan” (Disertasi M.A. Akademi Pengajian Islam ,Universiti Malaya)

⁵³ Abdul Hamid Yunus (1991), “Ijtihad dan amalannya dalam pembinaan fatwa di Malaysia” (Disertasi M.A. Akademi Pengajian Islam ,Universiti Malaya)

6. Selain dari itu ada kajian-kajian yang lebih menumpukan kepada isu pentadbiran institusi fatwa, sejarah, perkembangan dan sumbangannya kepada kemajuan pembangunan syariah Islam peringkat global telah dilakukan di dalam beberapa kajian seperti “From fatwas to furu’ Growth and change in Islamic substantive law”⁵⁴, “Legal literature ang problem of change: The case land rent”⁵⁵, “Judicial organization”⁵⁶. Kajian-kajian yang lebih bersifat tempatan ialah seperti kajian “Satu kajian kritikal mengenai institusi fatwa dalam hukum syara’ di negeri –negeri Melayu: sejarah dan interpretasinya”.⁵⁷ Pentadbiran fatwa di negeri Selangor: kajian terhadap Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989.⁵⁸ Kajian-kajian ini lebih menumpukan kepada isu-isu pentadbiran dan perjalanan institusi-institusi fatwa yang dikaji.

7. Kajian berbentuk analisis koleksi fatwa secara keseluruhan yang dikeluarkan oleh institusi dan badan-badan pengeluarkan fatwa telah dilakukan seperti kajian terhadap kumpulan fatwa Qardova dan Afrika,⁵⁹ kumpulan fatwa ulama al-Azhar dan Palestin,⁶⁰ himpunan

⁵⁴ Wael Hallaq (1994), “From fatwas to furu’ :Growth and change in Islamic substantive law”, *Islamic Law and Society*, v. 1, 1994.

⁵⁵ Baber Johansen (1993), “Legal literature ang problem of change: The case land rent”, dalam Chibli Mallat (eds), *Islam and Public Law*, London, 1993.

⁵⁶ Emile Tan (1995), “Judicial Organisation”, dalam Majid Khadduri dan Herbert J. Liesbesny (eds), *Law in the Middle East*, Washington D.C, 1955.

⁵⁷ Othman Hj Ishak (1979), “Satu kajian kritikal mengenai institusi fatwa dalam hukum syara’ di negeri –negeri Melayu: sejarah dan interpretasinya” (Tesis Ph.D. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)

⁵⁸ Mazni Abdul Wahab (2001), “Pentadbiran fatwa di negeri Selangor: kajian terhadap Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989” (Disertasi M.A. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)

⁵⁹ David Powers (1993), “Legal consultation (Futya) in medieval Spain and North Africa”, dalam Chibli Mallat (eds), *Islam and Public Law*, London.

⁶⁰ Gerber Haim (1998), “Rigidity versus openness in late classical Islamic Law: The case of the Seventeenth century Palestinian Mufti Khayr al-Din al-Ramli”, *Islamic Law and Society*, v. 5, no. 2.

fatwa mufti kerajaan Othmaniyyah.⁶¹ Manakala kajian mengenai koleksi fatwa-fatwa tempatan dari negeri-negeri tertentu juga telah dibuat antaranya “Fatwa Negeri Kelantan dalam ibadat: satu analisis”, “Metodologi Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah dalam mengeluarkan fatwa-fatwa kajian dari tahun 1985-1995”,⁶² “Fatwa Jemaah Ulama Kelantan tahun 1920 an hingga 1990 an: Satu analisis”,⁶³ “Fatwa Jawatankuasa Perundangan Hukum Syara’ Negeri Pahang Dari Tahun 1980 hingga 1997:Satu Analisis”.⁶⁴ Kajian-kajian ini menganalisa hukum-hukum dan dikaji mengenai metodologi yang diambil dalam merumuskan hukum fatwa di negeri-negeri berkenaan.

8. Penulis mendapati ada tiga kajian mengenai Fatwa Negeri Perak iaitu satu latihan ilmiah oleh Aisah Abol bertajuk “Undang-undang Islam Negeri Perak Darul Ridzuan: Suatu Tinjauan Mengenai Pentadbiran Fatwa”.⁶⁵ Kajian ini menyentuh mengenai sejarah pewujudan institusi fatwa, kedudukan mufti dan jawatankuasa syariah (fatwa) dari sudut undang-undang, aktiviti dan sumber manusia, prosedur pembuatan fatwa, penyebaran fatwa. Kajian ini tidak menyentuh mengenai isu-isu fatwa yang dibincangkan termasuklah dalil-dalil yang digunakan.

⁶¹ Urel Heyd (1969), “Some aspects of the Ottoman Fetva”, *Bulletin of School of oriental and African studies*, v.n 32.

⁶² Alias Azhar (2001), “Metodologi Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah dalam mengeluarkan fatwa-fatwa kajian dari tahun 1985-1995” (Disertasi M.A. Akademi Pengajian Islam , Universiti Malaya)

⁶³ Noor Naemah Abdul Rahman (2004), “Fatwa Jemaah Ulama Kelantan tahun 1920 an hingga 1990 an: Satu analisis.” (Tesis Ph.D. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)

⁶⁴ Ahmad Zaharuddin bin Mohd Alias (2004), “Fatwa Jawatankuasa Perundangan Hukum Syara’ Negeri Pahang Dari Tahun 1980 hingga 1997: Satu Analisis.” (Disertasi M.A. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)

⁶⁵ Asiah Abol (1990), “Undang-undang Islam Negeri Perak Darul Ridzuan: Suatu Tinjauan Mengenai Pentadbiran Fatwa ” (Latihan Ilmiah Fakulti Shariah Universiti Malaya)

9. Satu lagi kajian dalam bentuk latihan ilmiah telah dilakukan oleh Amalul Izzah binti Hassan bertajuk “Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perak Dari Tahun 1995 hingga 2002 : Satu Analisis.”⁶⁶ Latihan ilmiah ini menumpukan kepada analisis statistik fatwa-fatwa berkenaan dan dibahagikan kepada bidang-bidang, pembahagian tahun manakala analisis ketepatan hukum telah dilakukan dengan menganalisa keputusan hukum tetapi tidak menganalisis pendalilan dalil-dalil yang digunakan sehingga sesuatu hukum itu disimpulkan.

10. Satu latihan ilmiah bertajuk “Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perak Dari 1990 hingga 1999 : Satu analisis”⁶⁷ Kajian ini memberi tumpuan kepada menganalisis bilangan kekerapan mesyuarat dan bilangan keputusan mesyuarat. Kajian dilakukan lebih kepada analisis dari sudut statistik dan tidak menyentuh mengenai hukum dan dalil fatwa berkenaan.

Sorotan dari kajian-kajian yang telah dilakukan sebelum ini, penulis mendapati ada beberapa ruang yang perlu diambil perhatian dan menjadi faktor penumpuan kajian penulis:-

1. Kajian tentang penggunaan kaedah pendalilan berasaskan Al-Quran dalam fatwa-fatwa masih belum dimulakan .
2. Para penulis yang lalu lebih memberi penekanan kepada sumber-sumber hukum selain sumber yang utama seperti yang telah disepakati oleh ulama uṣūl iaitu Al-Quran

⁶⁶ Amalul Izzah binti Hassan (2003), “Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perak Dari Tahun 1995 hingga 2002: Satu Analisis” (Latihan Ilmiah Jabatan Fiqh dan Ushul Bahagian Pengajian Shariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur)

⁶⁷ Zafarulazlin Zan (2000), “Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perak Dari 1990 hingga 1999 : Satu analisis” (Latihan Ilmiah Jabatan Fiqh dan Ushul Bahagian Pengajian Shariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur)

dalam proses mengeluarkan hukum. Kedudukan al-Sunnah sebagai sumber kedua telah dikaji oleh Mat Jaya bin Hj Hussin(1999).

3. Setakat ini belum ada kajian mengenai Fatwa-fatwa di negeri Perak Darul Ridzwan yang memberi tumpuan kepada khusus kepada penggunaan kaedah pendalilan berasaskan ayat-ayat Al-Quran dalam usaha penulis mengembalikan amalan berfatwa ke landasan asal sepetimana metodologi Imam Mazhab yang empat termasuk Imam al-Syāfi‘ī.

1.10 SISTEMATIKA PENULISAN

Penulis membahagikan kajian ini kepada lima bab. Setiap bab diatur dengan tertib dan cermat agar kajian ini melalui galur proses yang menyampaikan penulis kepada objektif kajian.

Pendahuluan kajian ini akan menyentuh beberapa perkara asas mengapa kajian ini dilaksanakan melalui pengenalan, latar belakang masalah kajian, masalah kajian, objektif kajian, skop kajian, metodologi kajian, sistematika kajian dan kajian lepas.

Bab pertama penulis akan menumpukan kepada peranan Al-Quran dalam pembinaan fatwa dengan membahagikannya kepada dua fasal. Fasal yang pertama menjelaskan Al-Quran sebagai sumber hukum dengan mengemukakan definisi Al-Quran, kedudukannya sebagai hujjah, hukum-hukum yang terkandung di dalam Al-Quran, Uslub Al-Quran dalam menerangkan hukum, *dilālah* Al-Quran, perbezaan pendalilan Al-Quran di antara isu akidah dan hukum-hakam ‘amaliyyah. Fasal yang kedua menjelaskan mengenai hubungan Al-Quran dengan fatwa. Fasal ini akan menyorot kembali peranan Al-

Quran dalam pembinaan fatwa merentasi zaman permulaan Islam, zaman kemunculan imam-imam mazhab, zaman taqlid dan zaman selepasnya.

Dalam bab kedua perbincangan kajian akan lebih menjurus dan fokus kepada pembinaan fatwa di Negeri Perak. Penulis akan menyentuh beberapa perkara yang sangat berkaitan dengan tajuk bab ini seperti pengenalan dan ciri-ciri fatwa, keautoritian fatwa, proses penghasilan fatwa dan proses pewartaan fatwa di negeri Perak Darul Ridzuan.

Bab ketiga adalah bab yang penting iaitu bab yang menyenarai fatwa-fatwa negeri Perak serta penghujjahannya sekali dari tahun 1994-2010. Penulis akan membahagikan fatwa-fatwa berkenaan kepada tiga isu utama iaitu isu-isu akidah, isu-isu syariah dan isu-isu sosial. Penulis akan melihat kaedah pendalilan berasaskan Al-Quran oleh JFNP dalam fatwa-fatwa yang dikeluarkan.

Bab keempat adalah bab yang terpenting kerana, setelah melihat dalil-dalil dan kaedah pendalilan berasaskan Al-Quran oleh JFNP, penulis akan menganalisa terhadap kaedah-kaedah pendalilan berkenaan dan akan menilai sejauh mana pendalilan itu menepati kaedah yang sebenar sepertimana yang ditetapkan oleh ulama tafsir dan ulama uṣūl. Untuk menjadikan kajian lebih fokus kepada kaedah pendalilan berasaskan al-Quran, penulis akan membahagikan fatwa-fatwa kepada tiga kategori iaitu fatwa-fatwa yang mempunyai dalil-dalil al-Quran, fatwa-fatwa yang tidak mempunyai dalil-dalil al-Quran dan fatwa-fatwa yang terhasil dari pembongkaran terhadap kesalahan di dalam menafsirkan ayat-ayat al-Quran.

Bab kelima adalah bab penutup. Dalam bab ini penulis akan membuat rumusan dan cadangan serta saranan.

1.11 PENUTUP

Kajian ini cuba melihat secara lebih dekat kaedah pendalilan menggunakan ayat-ayat Al-Quran dalam proses pengeluaran fatwa di negeri Perak Darul Ridzwan. Adalah diharapkan dapatan kajian ini dapat mengubah ketradisional acara pembuatan fatwa dan cara penyebaran fatwa di kalangan orang ramai yang selama ini sangat bergantung kepada nukilan-nukilan pendapat dari ulamaulama mazhab ke arah menggali sendiri dari asas sumber fatwa iaitu Al-Quran.

BAB SATU

PERANAN AL- QURAN DALAM PEMBINAAN FATWA

1. AL-QURAN SEBAGAI SUMBER HUKUM

Pendahuluan

Al-Quran termasuk dalam sumber-sumber hukum yang disepakati oleh semua ulama' di samping sumber-sumber yang lain seperti al-Sunnah, *al-Ijmā'* dan *al-Qiyās*. Sebagai kitab petunjuk, sudah tentu ia mengandungi panduan-panduan yang membimbing manusia menjalani kehidupan selaras dengan kehendakNya. Hasil mengikut panduanNya, manusia akan mengecapi kehidupan yang sejahtera di dunia dan di akhirat.

Al-Quran dengan segala keistimewaannya mampu untuk merawat segala krisis yang melanda umat Islam samada ia melibatkan kerohanian, intelektual, jasmani, kemasyarakatan, ekonomi, politik, kebudayaan dan lain-lain lagi elemen kehidupan masnusia. Al-Quran memberi panduan-panduan langsung mahupun tidak langsung dalam membimbing manusia memilih jalan yang tepat dan hampir kepada kehendak Allah s.w.t. Manusia yang sengaja memilih alternatif selain dari bimbingan Al-Quran akan mendapat kehidupan yang tidak tenteram di dunia dan di akhirat:

قَالَ أَهْبِطَا مِنْهَا حَمِيعًا بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ فَإِمَّا يَأْتِيَنَّكُمْ مِّنِّي هُدًى
فَمَنِ اتَّبَعَ هُدَائِي فَلَا يَضُلُّ وَلَا يَشْقَى ﴿١٢٣﴾ وَمَنْ أَعْرَضَ عَنْ ذِكْرِي فَإِنَّ
لَهُ مَعِيشَةً ضَنْكاً وَخَسْرَهُ دِيْوَمَ الْقِيمَةِ أَعْمَى

Surah Tāhā (20): 123-124

"Turunlah kamu berdua dari syurga itu bersama-sama, dalam keadaan setengah kamu menjadi musuh bagi setengahnya yang lain; kemudian jika

datang kepada kamu petunjuk dariKu, maka sesiapa yang mengikut petunjukKu itu nescaya ia tidak akan sesat dan ia pula tidak akan menderita azab sengsara. "Dan sesiapa yang berpaling ingkar dari ingatan dan petunjukKu, maka sesungguhnya adalah baginya kehidupan yang sempit, dan Kami akan himpukkan dia pada hari kiamat dalam keadaan buta".

Terjemahan Surah Tāhā (20): 123-124

1.1 PENGENALAN AL-QURAN

1.1.1 Definisi Al-Quran

Al-Quran ialah Kalam Allah yang mempunyai mukjizat, diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w., tertulis di mushaf, dipindah daripada Nabi Muhammad s.a.w. secara *mutawātir*, dikira ibadat dengan membacanya. Definisi ini telah disepakati oleh ulama' Uṣuliyyin, Fuqaha dan ulama bahasa arab.⁶⁸ Definisi ini sering digunakan oleh sekelian ulama dalam segenap bidang ilmu Islam namun, ulama uṣul fiqh lebih menumpukan definisi ini kepada menerangkan ayat-ayat yang boleh digunakan sebagai istinbat⁶⁹ hukum-hukum syarak atau sebagai dalil-dalil fiqh juga ayat-ayat yang berkaitan dengan akidah.⁷⁰ Dalam kajian ini, penulis akan menumpukan kepada kaedah-kaedah pendalilan ayat-ayat al-Quran di dalam fatwa-fatwa JFNP dalam tempoh 1994-2010 yang meliputi isu-isu akidah, syariah dan sosial.

1.1.2 Kehujjahah al-Quran

Penegasan perlunya berhujjahah dan beramal dengan hukum-hukum Al-Quran telah diperingatkan oleh Allah s.w.t. Umat Islam wajib berpegang dengan kehujjahah Al-Quran

⁶⁸ Ṣubḥī al-Ṣāliḥ (1972), *Mabāhith fī ‘ulūm al-Qur’ān*, cet.7, Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn, h. 21.

⁶⁹ Istinbat bermaksud amalan mengeluarkan hukum atau keputusan berdasarkan al-Quran atau hadis tertentu. Lihat Kamus Dewan(2007), op. cit., h.592

⁷⁰ Wahbah al-Zuḥaylī (1986), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, Dimasyq: Dār al-Fikr, h.421

kerana ia merupakan sumber hukum yang pertama di dalam perundangan Islam. Perkara ini telah disepakati oleh para ulama. Umat Islam tidak dibenarkan berpaling dari Al-Quran selama mana panduan hukum kita dapat di dalamnya, sehinggalah jika kita gagal menemui panduan hukum yang dikehendaki di dalam Al-Quran.

Di antara dalil yang mewajibkan kita berpegang kepada penghujjah Al-Quran datang dalam bentuk nyata dan tegas⁷¹ ialah seperti firman Allah:

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَبَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ الْكِتَبِ
وَمُهَمِّمًا عَلَيْهِ فَاحْكُمْ بَيْنَهُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ عَمَّا جَاءَكَ
مِنَ الْحَقِّ

Surah al-Mā''idah (5): 48

“ dan Kami turunkan kepadamu (Wahai Muhammad) Kitab (Al-Quran) dengan membawa kebenaran, untuk mengesahkan benarnya kitab-kitab suci yang telah diturunkan sebelumnya dan untuk memelihara serta mengawasinya. maka jalankanlah hukum di antara mereka (Ahli Kitab) itu dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kepadamu), dan janganlah engkau mengikut kehendak hawa nafsu mereka (dengan menyeleweng) dari apa yang telah datang kepadamu dari kebenaran.”

Terjemahan Surah al-Mā' idah (5): 48

Firman Allah s.w.t :

إِنَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَبَ بِالْحَقِّ لِتَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ بِمَا أَرَنَاكَ اللَّهُ وَلَا تَكُنْ
لِّلْخَابِنِينَ حَصِيمًا

Surah al-Nisā'(4): 105

⁷¹ Badrān Abū al-'Ainain Badrān (1969) , *Uṣūl al-Fiqh*, al-Qāhirah: Dār al-Ma‘ārif , h. 60

" Sesungguhnya Kami menurunkan kepadamu (Wahai Muhammad) Kitab (Al-Quran) dengan membawa kebenaran, supaya engkau menghukum di antara manusia menurut apa yang Allah telah tunjukkan kepadamu (melalui wahyuNya); dan janganlah engkau menjadi pembela bagi orang-orang yang khianat."

Terjemahan Surah al-Nisā'(4): 105

Satu contoh bagaimana generasi para sahabat telah menjadikan al-Quran sebagai rujukan utama ialah sebagaimana yang dilakukan oleh Abu Bakar ketika mencari jalan penyelesaian terhadap sesuatu isu. Abu Bakar akan merujuk jalan penyelesaiannya kepada kitab Allah. Jika didapati penyelesaiannya, beliau akan berhukum dengannya. Namun jika ia tidak menjumpainya maka beliau akan merujuknya kepada sunnah Rasulullah s.a.w. Jika didapati penyelesaiannya, beliau akan berhukum dengannya. Namun jika ia tidak menjumpainya maka beliau akan bertanya mengenainya kepada orang ramai jika mereka mempunyai maklumat penyelesaiannya dari Rasulullah s.a.w. Jika tiada juga maka beliau akan bermesyuarat bersama sahabat yang lain sehingga berlaku ijmak di kalangan mereka.⁷²

1.1.3 Hukum-hukum yang terkandung di dalam al-Qurān

Hukum-hukum yang berbentuk ‘*amaliyyah* ataupun hukum fiqh terbahagi kepada dua jenis utama ;-

- I. Hukum-hukum yang menghubungkan terus manusia dengan Allah s.w.t. melalui perlaksanaan ibadah-ibadah induk dan asas seperti solat, puasa, zakat haji, sedekah, jihad, sumpah dan sebagainya. Hampir 140 ayat-ayat Al-Quran

⁷² Muhammad Nur bin Idris (1993), *Muḥāḍarāt fī uṣūl al-fiqh*, Kota Bharu: al-Maṭba‘ah al-Nūriah al-Kelantāniyyah, h.70.

menyentuh isu-isu ibadat tetapi kebanyakannya hanya melalui perbicaraan umum sahaja sedangkan perinciannya dilaksanakan melalui hadis-hadis Rasulullah s.a.w.⁷³

II. Hukum-hukum muamalat iaitu hukum-hakam yang mengatur kehidupan dan perhubungan sesama manusia samada individu dengan individu, individu dengan kumpulan ataupun kumpulan dengan kumpulan. Kategori ini mengandungi hukum-hakam berikut :-

- i. Terdapat 70 ayat Al-Quran yang menyentuh isu-isu kekeluargaan seperti pernikahan, penceraian, perwalian dan yang seumpama dengannya. Semua ayat ini bertujuan membina sistem kekeluargaan yang kukuh.⁷⁴
- ii. Terdapat 70 ayat Al-Quran yang menyentuh isu-isu transaksi harta individu seperti jual beli, pajak gadai, pinjaman serta akad-akad yang lain.⁷⁵
- iii. Terdapat 13 ayat yang menyentuh isu-isu kehakiman, persaksian, sumpah dan lain-lain isu-isu perundangan.⁷⁶
- iv. Terdapat 30 ayat yang membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kesalahan-kesalahan dan hukuman atau dikenali sebagai undang-undang jenayah Islam.⁷⁷

⁷³ *Ibid.*, h. 66

⁷⁴ ‘Abd al-Karīm Zaidān (1987), *al-Wajīz fī uṣūl al-Fiqh*, c. 2. Beirut: Mu’assasah al-Risālah , h. 156.

⁷⁵ *Ibid*, h. 156

⁷⁶ *Ibid*, h. 156

⁷⁷ *Ibid*, h. 156

- v. Terdapat 10 ayat yang berkaitan dengan pemerintah dan rakyat serta tanggungjawab di antara hubungan kedua-dua belah pihak serta tanggungjawab yang perlu dimainkan oleh setiap pihak atau dikenali sebagai undang-undang perlembagaan.⁷⁸
- vi. Terdapat 25 ayat Al-Quran berkaitan dengan hubungan antarabangsa yang mengatur hubungan negara Islam dengan negara-negara lain semasa aman mahupun sedang berlaku perang, begitu juga hubungan rakyat di negara Islam dan rakyat di negara bukan Islam.⁷⁹
- vii. Terdapat 10 ayat menyentuh isu-isu ekonomi yang berkisar dalam topik-topik punca-punca hasil negara, belanjawan dan perbelanjaan negara juga hak-hak seseorang terhadap harta-harta orang kaya.⁸⁰

1.2 PENERANGAN AL-QURAN TERHADAP HUKUM

1.2.1 *Dilālah* Al-Quran terhadap hukum

Al-Quran diyakini thabitnya tanpa sebarang keraguan kerana sampainya kepada kita dengan cara *mutawātir* yang mana ia meyakinkan kita tentang kesahihan al-Quran yang dipindah kepada kita tetapi menunjuknya kepada hukum, terkadang secara yakin dan terkadang secara *zān* (anggapan kuat).⁸¹ Jaminan Allah s.w.t. bahawa Al-Quran akan terpelihara daripada sebarang penyelewengan terungkap dalam firmanNya:

⁷⁸ *Ibid*, h. 156

⁷⁹ *Ibid*, h. 157

⁸⁰ *Ibid*, h. 157

⁸¹ Haji Hasan Hj Ahmad (1998), *Uṣūl al-Fiqh*, Kuala Lumpur: Pustaka Abdul Majid, h. 169

إِنَّا هُنَّ نَزَّلْنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَفِظُونَ ﴿١﴾

Surah al-Hijr (15): 9

“Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.”

Terjemahan surah al-Hijr (15): 9

Namun apabila ditinjau dari sudut *dilālahnya* terhadap hukum, kadang-kadang ada yang *qat'iyyah* dan ada yang *zanniyah*. Jika lafaz yang digunakan di dalam Al-Quran itu hanya merujuk kepada satu makna sahaja, tiada makna lain yang boleh diertikan melalui lafaz itu maka dimasukkan dalam kategori *qat'iyyah*.

Contohnya firman Allah s.w.t.

وَلَكُمْ نِصْفُ مَا تَرَكَ أَزْوَاجُكُمْ إِن لَمْ يَكُن لَهُنَّ وَلَدٌ فَإِن كَانَ لَهُنَّ
وَلَدٌ فَلَكُمُ الْرُّبُعُ مِمَّا تَرَكْنَ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِينَ بِهَا أَوْ دِيْنٍ

Surah al-Nisā' (4): 12

“dan bagi kamu satu perdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak. tetapi jika mereka mempunyai anak maka kamu beroleh satu perempat dari harta yang mereka tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang mereka wasiatkan dan sesudah dibayarkan hutangnya”.

Terjemahan surah al-Nisā' (4): 12

Jika lafaz yang digunakan itu mengandungi lebih daripada satu makna maka dimasukkan dalam kategori *zanniyah*.

Contohnya firman Allah s.w.t.

وَالْمُطَلَّقُتُ يَرَبْصُنَ بِأَنفُسِهِنَ ثَلَثَةٌ قُرُونٌ

surah al-Baqarah(2): 229

“dan isteri-isteri yang diceraikan itu hendaklah menunggu dengan menahan diri mereka (dari berkahwin) selama tiga kali suci (dari haid).”

Terjemahan surah al-Baqarah(2): 229

Lafaz *ثلاثة قروء* membawa lebih dari satu makna samada tiga kali suci ataupun tiga kali haidh . Maka *dilālah* ayat ini terhadap hukum adalah *dilālah zaniyyah*.⁸²

1.2.2 *Uslūb*⁸³ Al-Quran dalam menerangkan hukum

Secara umumnya, Al-Quran menjelaskan semua perkara termasuk hukum-hakam seperti firmanNya :

وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ تَبَيَّنَ لِكُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً وَشُرُّى لِلْمُسْلِمِينَ



Surah al-Nahl(16): 89

⁸² Abd al-Wahhāb Khallāf (1995) , ‘Ilm al-Uṣūl al-Fiqh, al-Qāhirah: Dār al-Fikr al-‘Arabiyy, h. 36.

⁸³ Uslub bermaksud kaedah ataupun cara. Lihat Kamus Dewan(2010), *op. cit.*, h.1783

“dan Kami turunkan kepadamu Al-Quran menjelaskan tiap-tiap sesuatu dan menjadi hidayah petunjuk, serta membawa rahmat dan berita yang menggembirakan, bagi orang-orang Islam”.

Terjemahan surah al-Nahl(16): 89

FirmanNya lagi:

مَا فَرَّطْنَا فِي الْكِتَابِ مِنْ شَيْءٍ

Surah al-An‘ām (6): 38

“ tiada Kami tinggalkan sesuatu pun di dalam Kitab Al-Quran ini”

Terjemahan surah al-An‘ām (6): 38

Walaupun hukum-hakam dijelaskan di dalam al-Quran, namun penjelasan berkenaan terbahagi kepada dua cara :-

Pertama : Al-Quran hanya menjelaskan prinsip-prinsip dan kaedah-kaedah umum bagi mensyariatkan hukum seperti:

i. prinsip bermesuarat seperti firmanNya:

وَأَمْرُهُمْ شُورَى بَيْنَهُمْ

Surah al-Syūra(42): 38

“dan urusan mereka dijalankan secara bermesuarat sesama mereka”

Terjemahan Surah al-Syūra(42): 38

ii. melakukan keadilan

Firman Allah s..w.t

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ
 الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Surah al-Nahl (16): 90

“ Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya”.

Terjemahan Surah al-Nahl (16): 90

iii. hukuman berdasarkan kadar kesalahan sahaja

Firman Allah s.w.t :

وَجَزَّا أُولَئِكُمْ سَيِّئَاتِهِمْ مِّثْلًا فَمَنْ عَفَاهُ اللَّهُ عَلَيْهِ إِنَّهُ لَا
 تُحِبُّ الظَّالِمِينَ

Surah al-Syūra (42): 40

“ dan (jika kamu hendak membalaaskan maka) balasan sesuatu kejahatan ialah kejahatan yang bersamaan dengannya; Dalam pada itu sesiapa yang memaaafkan (kejahatan orang) dan berbuat baik (kepadanya), maka pahalanya tetap dijamin oleh Allah (dengan diberi balasan yang sebaik-baiknya). Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berlaku zalim”.

Terjemahan Surah al-Syūra (42): 40

iv. konsep bantu-membantu dalam perkara-perkara kebajikan

Firman Allah s.w.t.:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدُوانِ^٤
 وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Surah al-Mā''idah (5): 2

“ dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. dan bertaqwalah kepada Allah, kerana Sesungguhnya Allah Maha berat azab seksaNya (bagi sesiapa Yang melanggar perintahNya) ”.

Terjemahan surah al- Mā' idah (5): 2

v. prinsip menghilangkan sebarang kesulitan yang timbul :

Firman Allah s.w.t :

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

Surah al-Hajj (22): 78

” dan ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah “.

Terjemahan surah al-Hajj (22): 78

Banyak ayat Al-Quran yang menerangkan perkara-perkara berkaitan hukum-hakam, hanya menerangkannya secara *ijmāl*⁸⁴ dan tidak secara terperinci. Sebagai contoh perintah mengeluarkan zakat dengan firman Allah s.w.t.

⁸⁴ *Ijmāl* bermaksud rumusan dan umum . Lihat Kamus Dewan(2010), *op. cit.*, h.561

حُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيْهِمْ هَنَا وَصَلَّى عَلَيْهِمْ إِنَّ
صَلَوَاتِكَ سَكْنٌ لَّهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيهِمْ

Surah al-Taubah (9) : 103

" ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya engannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui.

Terjemahan Surah al-Taubah(9) : 103

Allah memerintahkan *Qisās* juga dalam bentuk umum

يَعَاهِدُهَا الَّذِينَ ءاْمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِصاصُ فِي الْقَتْلَى الْحُرُبِ بِالْحُرُبِ
وَالْعَبْدُ بِالْعَبْدِ وَالْأُتْشَى بِالْأُتْشَى فَمَنْ عُفِيَ لَهُ مِنْ أَخِيهِ شَيْءٌ فَاتِّبِاعُ
بِالْمَعْرُوفِ وَإِذَاءُ إِلَيْهِ بِإِحْسَانٍ ذَلِكَ تَخْفِيفٌ مِّنْ رَّبِّكُمْ وَرَحْمَةٌ فَمَنْ
أَعْتَدَى بَعْدَ ذَلِكَ فَلَهُ عَذَابٌ أَلِيمٌ

Surah al-Baqarah (2) : 178

“ Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan kamu menjalankan hukuman ” *Qisās* ” (balasan yang seimbang) dalam perkara orang-orang yang mati dibunuh iaitu: orang merdeka dengan orang merdeka, dan hamba dengan hamba, dan perempuan dengan perempuan. maka sesiapa (pembunuh) yang dapat sebahagian keampunan dari saudaranya (pihak yang terbunuh), maka hendaklah orang yang mengampunkan itu) mengikut cara yang baik (dalam menuntut ganti nyawa), dan (si pembunuh pula) hendaklah menunaikan bayaran ganti nyawa itu) dengan sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah suatu keringanan dari Tuhan kamu serta suatu rahmat kemudahan. sesudah itu sesiapa yang melampaui batas (untuk

membalas dendam pula) maka baginya azab seksa yang tidak terperi sakitnya”.

Terjemahan surah al-Baqarah (2) : 178

Penjelasan Al-Quran terhadap hukum hakam secara tanpa perincian terhadap rukun dan syarat mengenainya banyak kita dapat di dalam Al-Quran. Hikmah di sebalik penjelasan Al-Quran secara umum ialah sifat Al-Quran sebagai manual panduan hidup akan tetap relevan walaupun berhadapan dengan kepelbagaiannya keperluan manusia, berbeza tempat mahupun berlainan masa dan keadaan dan Islam mengiktiraf peranan aqal dalam menjustifikasikan hukum dalam sempadan yang diberikan autoritinya oleh syarak kepada akal manusia.

Kedua : Penjelasan Al-Quran terhadap hukum - hakam dengan penjelasan secara terperinci.

Terdapat beberapa isu hukum di mana Al-Quran menerangkannya secara terperinci walaupun bilangannya tidak banyak seperti kadar-kadar pembahagian harta pusaka, kadar-kadar hukuman dalam hukuman hudud, isu-isu yang berkaitan dengan penceraian seperti bilangan talak, perempuan-perempuan yang haram dinikahi dan beberapa isu yang lain. Ternyata penjelasan Al-Quran secara detail adalah amat sedikit sekali.⁸⁵

1.2.3 *Manhaj⁸⁶ al-Quran dalam menerangkan hukum*

Al-Quran melakukan beberapa pendekatan ketika menerangkan hukum- hakam sesuai sekali dengan fungsi Al-Quran sebagai kitab hidayah dan pedoman serta kekal

⁸⁵ ‘Abd al-Karīm Zaidān (1987), *op. cit.*, h. 158

⁸⁶ Manhaj bermaksud cara yang telah ditentukan untuk menyampaikan kepada maksud yang telah ditentukan . Lihat lihat al-Munazzomah al-‘Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-‘Ulūm (1989), *op. cit.*, h. 1234

sebagai kitab mukjizat. Antara pendekatan Al-Quran yang dapat diperolehi secara nyata ialah;

Pertama: Penelitian terhadap pendekatan Al-Quran dalam proses menerangkan hukum, kita mendapati bahawa Al-Quran bukan sahaja menceritakan hukum-hakam sahaja tetapi dalam masa yang sama menyuntik juga nilai-nilai rangsangan untuk melaksanakan segala tuntutan dan meninggalkan segala larangan atas dorongan iman dan kegerunan terhadap pembalasan.⁸⁷ Contohnya seperti ayat pengharaman riba yang mengandungi ancaman kepada pelaku-pelakunya dan pujian kepada orang yang meninggalkannya.

يَأَيُّهَا الْذِينَ ءامَنُوا أَتَقُولُوا إِنَّ اللَّهَ وَرَبَّكُمْ مَا يَعْلَمُ
فَإِنَّمَا تَفْعَلُونَ فَإِذَا نُؤْمِنُ بِحَرْبٍ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَإِنْ
تُبْتُمْ فَلَكُمْ رُءُوسُ أَمْوَالِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ

Surah al-Baqarah (2) : 278-279

Wahai orang-orang yang beriman! bertaqwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang- orang yang beriman. Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu: akan adanya perang dari Allah dan RasulNya, (akibatnya kamu tidak menemui selamat). dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah pokok asal harta kamu. (dengan yang demikian) kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa.

Terjemahan Surah al-Baqarah (2) : 278-279

Kedua: Al-Quran tidak menempatkan ayat-ayat sesuatu hukum pada satu surah atau satu tempat sahaja, sebaliknya ayat-ayat hukum terletak di beberapa surah Al-Quran

⁸⁷ Badrān Abu al-‘Ainain Badrān (1969) , *Uṣūl al-Fiqh*, al-Qāhirah: Dār al-Ma‘ārif , h. 69

dan berada di antara isu-isu hukum yang berbeza. Contohnya ayat-ayat berkaitan dengan penceraihan, persusuan dan wanita-wanita yang haram dinikahi terletak di antara ayat-ayat yang berkaitan dengan perang dan hal ehwal anak yatim. Ayat-ayat mengenai hukum-hakam ibadat haji terdapat sebahagiannya di dalam surah al-Baqarah ayat 196-202 dan sebahagian ayat mengenainya terdapat di dalam ayat 26-37 surah al-Hajj. Pendekatan ini menggambarkan bahawa segala hukum-hakam Al-Quran walaupun terdapat di pelbagai tempat dan surah, adalah wajib diamalkan secara keseluruhannya dan tidak boleh dipisah-pisahkan di antara satu sama lain.⁸⁸

Ketiga: Al-Quran menggunakan pendekatan kepelbagaian penggunaan perkataan untuk arahan melakukan sesuatu atau arahan meninggalkan sesuatu. Al-Quran tidak hanya menggunakan pendekatan yang sama dalam setiap ayat-ayat hukum.

1- Perbuatan yang wajib dilaksanakan.

Di antara pendekatan Al-Quran untuk mewajibkan sesuatu perbuatan ialah seperti berikut:

1.1 Menggunakan kata kerja suruhan (*fi'l al-amr*) seperti

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُظَهِّرُهُمْ وَتُرْكِيمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ

Surah al-Taubah (9): 103

“ ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan

⁸⁸ Badrān Abu al-'Ainain Badrān (1969), *op.cit.*, h. 70

mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka”.

Terjemahan al-Taubah (9): 103

1.2 Pendekatan memfardhukan dan mewajibkan ke atas orang-orang yang ditujukan arahan itu

يَتَأْمُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَىٰ
الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Surah al-Baqarah (2): 183

“Wahai orang-orang yang beriman! kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa”.

Terjemahan surah al-Baqarah (2): 183

1.3 Al-Quran juga menggunakan pendekatan menjanjikan balasan pahala dan ganjaran samada di dunia ataupun di syurga bagi memotivasiikan manusia untuk melaksanakan arahan Allah.

ٌتِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ وَمَنْ يُطِعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ يُدْخِلُهُ
جَنَّتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَرُ خَلِدِينَ فِيهَا
وَذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

Surah al-Nisā’(4): 13

“ Segala hukum yang tersebut adalah batas-batas (Syariat) Allah, dan sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, akan dimasukkan oleh Allah ke dalam syurga yang mengalir dari bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya; dan itulah kejayaan yang amat besar.

Terjemahan Surah al-Nisā’(4): 13

2- Perbuatan yang wajib ditinggalkan.

Di antara pendekatan Al-Quran untuk mewajibkan sesuatu perbuatan ialah seperti berikut:

2.1 Menggunakan perkataan “haram”

إِنَّمَا حَرَمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهْلَكَ
بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ فَمَنِ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغِعٍ وَلَا عَادِ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ
إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Surah al-Baqarah (2): 173

“ Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak mengingininya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”.

Terjemahan Surah al-Baqarah (2): 173

2.2 Al-Quran juga menggunakan perkataan yang membawa maksud larangan

قُلْ تَعَاوَلُوا أَتُلُّ مَا حَرَمَ رَبُّكُمْ عَلَيْكُمْ أَلَا تُشْرِكُوا بِهِ
شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَنَا وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ مِنْ
إِمْلَقِي نَحْنُ نَرْزُقُكُمْ وَإِيَاهُمْ وَلَا تَقْرِبُوا الْفَوَاحِشَ مَا

ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَرَ ﴿١٦﴾
 وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ
 إِلَّا بِالْحَقِّ ذَلِكُمْ وَصَنْكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ

Surah al-An‘ām (6): 151

“katakanlah: "Marilah, supaya Aku bacakan apa yang telah diharamkan oleh Tuhan kamu kepada kamu, Iaitu janganlah kamu sekutukan dengan Allah sesuatupun; dan hendaklah (kamu) membuat baik kepada ibu bapa; dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana kepapaan, (sebenarnya) Kamilah yang memberi rezeki kepada kamu dan kepada mereka; dan janganlah kamu hampiri kejahanatan-kejahanan (zina) - yang terang daripadanya dan yang tersembunyi; dan janganlah kamu membunuh jiwa yang telah diharamkan Allah (membunuhnya) melainkan dengan jalan yang hak (yang dibenarkan oleh Syarak). Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu memahaminya.

Terjemahan Surah al-An‘ām (6): 151

2.3 Pendekatan menjanjikan balasan dan azab yang buruk kepada pelaku-pelaku yang menyongsang arahan agama

وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَتَعَدَّ حُدُودَهُ يُدْخِلُهُ نَارًا
 خَلِدًا فِيهَا وَلَهُ عَذَابٌ مُّهِينٌ

Surah al-Nisā’(4): 14

“dan sesiapa yang derhaka kepada Allah dan RasulNya, dan melampaui batas-batas syariatNya, akan dimasukkan oleh Allah ke dalam api neraka, kekalah dia di dalamnya, dan baginya azab seksa yang amat menghina”.

Terjemahan Surah al-Nisā’(4): 14

Oleh sebab yang demikian, proses pendalilan menggunakan ayat-ayat Al-Quran bukan satu perkara yang mudah kerana mereka yang akan mengistinbat hukum sangat perlu

memahami pendekatan-pendekatan Al-Quran dalam menyatakan sesuatu hukum itu samada suruhan dan larangan itu sampai ke tahap wajib, sunat, haram, makruh mahupun harus.

Secara ringkasnya dapat disimpulkan bahawa terdapat beberapa garis panduan asas dalam mengistinbat hukum sesuatu perbuatan seperti berikut:-

- i. Setiap perbuatan itu dihukumkan wajib ataupun sunat apabila ayat Al-Quran datang dalam binaan perkataan dan ayat yang menunjukkan bahawa hukumnya adalah wajib ataupun diiringi dengan tanda-tanda lain yang menunjukkan hukumnya adalah sunat. Adakalanya elemen-elemen lain seperti Allah memuji, menyukai perbuatan berkenaan ataupun orang yang membuatnya, Allah menyifatkan perbuatan berkenaan sebagai lurus mahupun diberkati, penceritaan balasan baik terhadap perbuatan baik berkenaan dapat memberikan kepada kita pedoman bahawa perbuatan berkenaan adalah wajib ataupun sunat.
- ii. Sesuatu perbuatan itu dihukumkan haram ataupun makruh apabila ayat-ayat Al-Quran yang berkaitan dengan perbuatan berkenaan datang dalam binaan perkataan dan ayat yang menunjukkan hukumnya haram atau pun makruh. Antara ciri-ciri ayat-ayat berkenaan ialah seperti ayat yang mengandungi gesaan Allah agar meninggalkan ataupun menjauhi perbuatan berkenaan, ayat-ayat yang mengandungi celaan Allah terhadap perbuatan berkenaan dan pelakunya, ayat-ayat yang menjadikan perbuatan itu menjadi penyebab bagi pelakunya di azab, mendapat kemurkaan Allah, memasuki neraka, mendapat laknat dari Tuhan, ayat-ayat yang menyifatkan perbuatan itu sebagai najis, fasiq, perbuatan syaitan ataupun ayat berkenaan menyifatkan pelaku perbuatan berkenaan sebagai haiwan ataupun syaitan.

iii. Sesuatu perbuatan itu harus apabila ayat-ayat al-Quran yang memperihalkannya datang dalam binaan perkataan dan ayat yang dapat difahami bahawa hukum perbuatan berkenaan adalah harus seperti menggunakan perkataan dihalalkan, dizinkan, dinafikan dosa dan kesalahan apabila melakukannya, mengengkari orang-orang yang mengharamkan sesuatu dan lain-lain.⁸⁹

1.2.4 Perbezaan pendalilan Al-Quran mengenai isu akidah dan hukum ‘amaliyyah

Ada beberapa perbezaan asas dalil-dalil Al-Quran dalam menegakkan kebenaran akidah dan dalil-dalil Al-Quran dalam menjelaskan hukum-hukum selainnya. Antara perbezaan berkenaan adalah :-

1. Tujuan Al-Quran menegakkan dalil-dalil akidah adalah untuk membatalkan pegangan-pegangan songsang yang dianuti selama ini dan membuat penegasan terhadap akidah yang betul seperti kewujudan, keesaan Allah dan hari pembalasan.
2. Adapun tujuan Al-Quran mengemukakan dalil-dalil hukum selain akidah adalah untuk menjelaskan kepada mukallaf agar melaksanakan atau meninggalkan sesuatu arahan mahupun larangan.

Lantaran dari itu kita mendapati bahawa dalil-dalil Al-Quran yang berkaitan dengan akidah adalah *yaqiniyyah qat’iyyah* yang disandarkan kepada hujjah yang diterima oleh aqal (*al-burhān al-‘aqliyy*) untuk menundukkan hujjah-hujjah penentang-penentangnya dan menjelaskan sebarang kekeliruan mengenai krisis keyakinan. Menerusi ayat-ayat al-Quran yang berkaitan, seolah-olah umat Islam diajar bagaimana berhujjah dengan penentang-

⁸⁹ Hj Hassan Hj Ahmad (1998), *Uṣūl al-Fiqh*, Kuala Lumpur: Pustaka Abdul Majid, h. 186-187

penentangnya. Dalil-dalil ini tidak terhad kepada penghujahan terhadap orang Islam sahaja tetapi penghujahannya juga menjangkau kepada sesiapa sahaja yang mempunyai aqal yang sihat termasuk orang kafir. Contohnya seperti ayat-ayat berikut:-

لَوْ كَانَ فِيهِمَا إِلَهٌ إِلَّا اللَّهُ لَفَسَدَتَا فَسُبْحَنَ اللَّهَ رَبِّ الْعَرْشِ عَمَّا يَصِفُونَ

Surah al-Anbiyā’(21): 22

“kalau ada di langit dan di bumi tuhan-tuhan yang lain dari Allah, nescaya rosaklah pentadbiran kedua-duanya. maka (bertauhidlah kamu kepada Allah dengan menegaskan): Maha Suci Allah, Tuhan yang mempunyai ‘Arasy, dari apa yang mereka sifatkan“.

Terjemahan Surah al-Anbiyā’(21): 22

أَوَلَيْسَ الَّذِي حَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ بِقَنْدِيرٍ عَلَى أَنْ تَخْلُقَ مِثْلَهُمْ بَلَى وَهُوَ

الْخَلَقُ الْعَلِيمُ

Surah Yāsīn (36): 81

“tidakkah diakui dan tidakkah dipercayai bahwa Tuhan yang telah menciptakan langit dan bumi (yang demikian besarnya) - berkuasa menciptakan semula manusia sebagaimana ia menciptakan mereka dahulu? Ya! diakui dan dipercayai berkuasa! dan Dia lah Pencipta yang tidak ada bandinganNya, lagi yang Maha Mengetahui“.

Terjemahan Surah Yāsīn (36): 81

Manakala ayat-ayat yang menerangkan hukum ‘amaliyyah taklifiyyah hanya ditujukan kepada mukalaf sahaja.⁹⁰ Dilālahnya ada yang *qaṭ‘iy* dan ada yang *zanni*.

⁹⁰ al-Syātibiyī Abi Ishāq Ibrāhīm bin Mūsā (t.t .), *al-muwāfiqāt fī uṣūl al-syāri‘ah*, j. 2, juzu’. 3. Beirut: Dār al- Kutub al-‘ilmīyyah, h. 38.

1.2.5 Kaedah Pengambilan hukum

Memahami bahasa arab dengan betul adalah satu perkara yang sangat penting untuk membuat kesimpulan hukum. Perbincangan asas mengenai pembuatan kesimpulan hukum berkisar kepada usaha memahami lafaz-lafaz al-Quran dari sudut khusus⁹¹, umum⁹² dan *al-musytarak* ataupun *al-musytarak al-lafz*⁹³.

Lafaz-lafaz yang terdapat di dalam al-Quran dalam kategori khusus terbahagi kepada beberapa bentuk antaranya ialah *muṭlaq*⁹⁴, *muqayyad*⁹⁵, *amr*⁹⁶, *nahi*⁹⁷. Lafaz-lafaz

⁹¹ Lafaz yang diperuntukan bagi menunjukkan satu perkara secara berasingan samada menunjuk kepada syakhsiah tertentu seperti Muhammad, atau menunjuk kepada satu-satu jenis seperti lelaki, atau menunjukkan hitungan-hitungan seperti dua, tiga, sepuluh, seratus dan kaum. (lihat Hj Hassan Hj Ahmad (1998), *op. cit.*, h.362-363)

⁹² Lafaz yang diperuntukan bagi menunjukkan kepada beberapa perkara yang banyak yang tidak ada batasan secara secara meliputi kesemua maknanya yang sesuai baginya. (lihat Hj Hassan Hj Ahmad (1998), *op. cit.*, h.426-427)

⁹³ Satu lafaz yang berbilang makna dan hantarannya atau peruntukannya. (lihat Hj Hassan Hj Ahmad (1998), *op. cit.*, h.468)

⁹⁴ Perkataan yang menunjukkan kepada sesuatu perkara atau beberapa perkara secara menyeluruh dan tidak disertainya oleh perkataan yang menunjukkan kepada dikaitkannya dengan mana-mana sifat. (lihat Hj Hassan Hj Ahmad (1998), *op. cit.*, h.365)

⁹⁵ Perkataan yang menunjukkan kepada suatu perkara atau beberapa perkara secara menyeluruh dan sertiakannya oleh perkataan yang menunjuk kepada dikaitkan dengan mana-mana sifat. (lihat Hj Hassan Hj Ahmad (1998), *op. cit.*, h.367). Beberapa aspek hukum dan kaitan antara *muṭlaq* dan *muqayyad* diperincikan perbahasannya oleh Zaki al-Dīn Sya'bān (t.t), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmi*, al-Qāhirah: Dār al-Ta'līf, h.216-226.

⁹⁶ Jumhur ulama mendefinisikan sebagai perkataan yang menuntut membuat sesuatu perbuatan. (lihat Hj Hassan Hj Ahmad (1998), *op. cit.*, h.387). Perbahasan mengenai *ṣīghah amr*, hukum *amr*, hukum hakiki bagi *amr*, perintah selepas *amr*, *dilālah amr* yang berulang-ulang, telah diulas oleh Muḥammad Abū al- Nūr Zuhayr (t.t), *Uṣūl al-Fiqh*, al-Qāhirah: Dār al-Ittiḥād al-‘Araby li al-Tibā‘ah, j. 2, h. 132-133, 152-154, 163-166)

⁹⁷ Perkataan yang menuntut tinggal melakukan perbuatan dengan tunjuk yang pertama. (lihat al-Asnāwī (t.t), *Syarah al-Asnāwī Nihāyah al-Sawl bersamanya Syarah al-Badakhsyī Manāhij al-‘Uqūl*, al-Qāhirah: Matba‘ah Muḥammad ‘Alī Ṣabīḥ wa Aulādīhi, h. 53. Perbahasan mengenai bentuk-bentuk *nahi*, makna hakiki bagi *ṣīghah nahi*, hukum yang timbul dari *ṣīghah nahi*, adakah *nahi* menunjukkan kepada bersegera, berulang-ulang atau tidak, kesan *nahi* terhadap ibadat dan muamalat banyak di ulas oleh Zaki al-Dīn Sya'bān

yang menunjukan makna umum yang terdapat di dalam al-Quran banyak, antaranya lafaz (كل) dan (جميع), perkataan plural yang mempunyai (الإِسْتَغْرِيقَةُ), perkataan plural dita'rifkan dengan *idhāfah*, lafaz *mufrad* yang dita'rifkan dengan (الإِسْتَغْرِيقَةُ), perkataan *mufrad* dita'rifkan dengan *idhāfah*, *Ism mauṣūlah*, *Ism istifhām*, *Ism Syarat* dan *nakirah* yang datang dalam bentuk *nafī* atau *nahi*⁹⁸. Di antara perkara yang telah ditetapkan oleh ulama Usul, apabila dipastikan lafaz itu *musytarak* iaitu mempunyai dua makna atau lebih dan ada *qarīnah* yang menunjukkan kepada dikehendaki salah satu daripada makna-maknanya, para ulama telah sepakat mengatakan bahawa lafaz itu hanya menunjuk kepada makna yang ditunjuk oleh *qarīnah* tersebut wlaupun mereka berselisih pendapat dalam menentukan *qarīnah* dan makna yang dikehendaki dari lafaz itu⁹⁹.

Berdasarkan perbincangan di atas, 20 fatwa yang dikeluarkan oleh JFNP akan dianalisa pada bab yang keempat berdasarkan kepada *dilālah* ayat-ayat al-Quran yang digunakan sebagai dalilnya samada *qaṭ'iy* ataupun *zanni*. Dalil-dalil yang digunakan sebagai sandaran juga akan dinilai dari sudut uslubnya samada secara *tafsīl* mahupun *ijmāl* seterusnya aspek yang akan dinilai ialah dari sudut manhaj ayat berkenaan dalam penerangannya terhadap hukum.

(t.t), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmi*, al-Qāhirah: Dār al-Ta’līf dan, h.239-240, Muḥammad Abū al- Nūr Zuhayr (t.t), *Uṣūl al-Fiqh*, al-Qāhirah: Dār al-Ittiḥād al-‘Araby li al-Tibā‘ah, h.177-178,

⁹⁸ ‘Abd al-Karīm Zaidān (1987), op. cit., h. 305-308. Perbincangan mengenai hukum ‘ām dan *dilālahnya*, kesan perselisihan ulama mengenai ‘ām dan *dilālahnya*, pembahagian ‘ām, takhṣīṣ lafz ‘ām (diulas oleh Zaki al-Dīn Sya‘bān (t.t), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmi*, al-Qāhirah: Dār al-Ta’līf dan, h. 248, 251-258)

⁹⁹ Hj Hassan Hj Ahmad (1998), *op. cit.*, h.470-471, Penjelasan lanjut mengenainya juga telah diulas oleh Muṣṭafa Sa‘īd al-Khin (1981), *Athar al-Ikhtilāf fī al-Qawā‘id al-Uṣūliyyah fī Ikhtilāf al-Fuqahā’*, Beirut, h. 230-232.

2.1 HUBUNGAN AL-QURAN DENGAN FATWA

Sejak zaman Rasulullah s.a.w. sehingga kini, Al-Quran memainkan peranan penting dalam pembinaan fatwa. Ini disebabkan kedudukan Al-Quran sebagai sumber hukum yang paling utama . Ini dapat dijelaskan dengan kita menelusuri metode pembinaan hukum dan fatwa merentas beberapa peringkat zaman. Peringkat-peringkat tersebut ialah:-

Pertama: Era permulaan Islam merangkumi zaman Rasulullah s.a.w, para sahabat dan para tabiin sehingga sebelum kemunculan imam-imam mazhab.

Kedua: Era kemunculan imam-imam mazhab

Ketiga: Era taqlid dan selepasnya.

2.1.1 Era permulaan Islam: Zaman Rasulullah s.a.w.

Era ini merupakan era perletakkan batu asas dalam proses istinbat hukum dan menjadi panduan kepada era-era berikutnya. Era ini bermula selepas Rasulullah s.a.w. dilantik menjadi rasul dan berakhir dengan kewafatan Rasulillah s.a.w. pada tahun ke sepuluh selepas penghijrahan baginda ke Madinah al-Munawwarah.¹⁰⁰ Peranan Al-Quran sebagai kitab petunjuk kepada manusia dalam era ini secara umumnya terbahagi kepada dua : peringkat sebelum hijrah dan peringkat selepas hijrah.

Fatwa-fatwa yang dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. pada era sebelum hijrah sangat berkait rapat dengan akidah dan pemurnian akhlak. Lantaran itu, Al-Quran dalam period Mekah sebelum hijrah, sasarannya ditujukan kepada membaiki akidah dengan mengesakan Allah s.w.t., membenarkan para Rasul dan menceritakan kisah-kisah para nabi terdahulu

¹⁰⁰ Dr ‘Abd al-‘Azīm Sharaf al-Dīn (1993), *Tārikh al-Tashrī‘al-Islāmiy*, Benghāzi: Manshūrāt Khān Yūnus, h. 41

dan nasib umat yang mengengkari mereka. Al-Quran juga mengajak manusia kembali kepada akhlak yang mulia dan meninggalkan budaya-budaya jahiliyyah yang berlawanan dengan fitrah manusia seperti pembunuhan, perzinaan, menguburkan anak secara hidup-hidup di samping menerangkan kepada mereka akhlak-akhlak yang mulia seperti berlaku adil, berlaku ihsan bertolong-menolong dalam kebaikan dan ketaqwaan.

Setelah Nabi s.a.w. berada di Madinah, di samping isu-isu akidah yang masih dipertekankan, fokus pembinaan fatwa tertumpu kepada hukum-hakam pergaulan (*mu‘āmalāt*) yang mengatur hubungan sesama individu maupun perhubungan dalam masyarakat. Maka turunlah ayat-ayat Al-Quran yang mensyariatkan hukum-hukum ibadat, *mu‘āmalāt*, jihad, *mawārith*, wasiat, perkahwinan, talak, hukum-hukum sumpah, peradilan dan lain-lain lagi.

Sebagai contoh, sebanyak sebelas kali perkataan fatwa dan seumpamanya telah digunakan dalam sembilan ayat Al-Quran¹⁰¹ untuk menyelesaikan permasalahan semasa ketika itu.

Kesimpulannya Al-Quran sangat berperanan dalam menyelesaikan masalah di zaman Rasulullah s.a.w. dengan pendekatan berikut:-

Pertama: Rasulullah s.a.w. akan menjawab persoalan yang timbul dengan menerangkan hukumnya berdasarkan ayat-ayat Al-Quran yang telah turun sebelum isu berkenaan timbul. Contohnya Rasulullah S.A.W menyelesaikan masalah seorang sahabat yang baru memeluk agama Islam sedangkan beliau mempunyai sepuluh orang isteri dengan membacakan ayat di bawah:-

¹⁰¹ Muhammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqi (1994), *al-Mu‘jam al-Mufahras Li alfāz al-Qur’ān al-Karīm*, c. 4. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, h. 650.

وَإِنْ خِفْتُمُ الَّا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَمَّيْ فَإِنِّكُمْ حُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِّنَ النِّسَاءِ مَشَنِي
 وَلُثَنَتْ وَرُبَاعَ فَإِنْ خِفْتُمُ الَّا تَعْدِلُوا فَوَحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَنُكُمْ ذَلِكَ
 أَدْنَى الَّا تَعُولُوا

Surah al-Nisā' (4): 3

" dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman."

Terjemahan surah al- Nisā' (4): 3

Rasulullah s.a.w. mengistinbatkan daripada ayat berkenaan dengan memerintahkan untuk mengekalkan empat orang isterinya dan menceraikan yang selebihnya.¹⁰²

Kedua: Rasulullah s.a.w menunggu sehingga turunnya ayat Al-Quran yang menyelesaikan masalah yang timbul seperti isu *al-Kalālah*¹⁰³. Rasulullah s.a.w. bersama Abu Bakar al-Šiddīq menziarahi Jābir bin ‘Abd Allah yang sedang sakit. Jābir bertanya

¹⁰² Daripada Ibnu ‘Umar: Ghilān Ibn Salāmah ketika memeluk Islam, bersamanya sepuluh orang isteri, lalu Rasulullah s.a.w bersabda: “Kekalkan empat daripada mereka”. Ibn Majah (1987), *Sunan Ibnu Mājah*. “Kitab al- Nikah”, “Bab al-Rajul Yaslamu Wa ‘Indahu Akthar Min Arba’i Niswah”, no. hadith 1943. j.1 Beirut: Maktabah al-Ilmiyyah.

¹⁰³ Seorang mati tanpa meninggalkan anak mahupun ibubapa untuk mewarisi hartanya.

kepada Rasulullah s.a.w. mengenai pembahagian harta pusakanya selepas beliau meninggal dunia. Baginda s.a.w. tidak menjawab persoalan itu sehingga turun ayat¹⁰⁴

يَسْتَفْتُونَكَ قُلِ اللَّهُ يُفْتِيكُمْ فِي الْكَلَالَةِ إِنْ أَمْرُوا هَلَكَ لَيْسَ لَهُ وَلَدٌ وَلَهُ زَوْجٌ أُخْتٌ فَلَهَا نِصْفٌ مَا تَرَكَ وَهُوَ يَرِثُهَا إِنْ لَمْ يَكُنْ لَهَا وَلَدٌ فَإِنْ كَانَتَا اُثْتَنَيْنِ فَلَهُمَا الْثُلَاثَانِ إِمَّا تَرَكَ وَإِنْ كَانُوا إِخْوَةً رِجَالًا وَنِسَاءً فَلِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنْثَيَيْنِ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ أَنَّ تَضِلُّوا وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

Surah al- Nisā' (4): 176

"mereka (orang-orang Islam umatmu) meminta fatwa kepadamu (Wahai Muhammad mengenai masalah *Kalālah*). Katakanlah: "Allah memberi fatwa kepada kamu di dalam perkara *Kalālah* itu, iaitu jika seseorang mati yang tidak mempunyai anak dan ia mempunyai seorang saudara perempuan, maka bagi saudara perempuan itu satu perdua dari harta yang ditinggalkan oleh si mati; dan ia pula (saudara lelaki itu) mewarisi (semua harta) saudara perempuannya, jika saudara perempuannya tidak mempunyai anak. Kalau pula saudara perempuannya itu dua orang, maka keduanya mendapat dua pertiga dari harta yang di tinggalkan oleh si mati. Dan sekiranya mereka (saudara-saudaranya itu) ramai, lelaki dan perempuan, maka bahagian seorang lelaki menyamai bahagian dua orang perempuan". Allah menerangkan (hukum ini) kepada kamu supaya kamu tidak sesat. dan (ingatlah) Allah Maha mengetahui akan tiap-tiap sesuatu."

Terjemahan surah al- Nisā' (4): 176

Kekuasaan menetapkan hukum pada era ini di tangan Nabi s.a.w, tiada campurtangan dari pihak-pihak yang lain. Sumber ambilan hukum Nabi s.a.w adalah dari wahyu Allah s.w.t. dan ketetapan Nabi s.a.w yang juga pada hakikatnya ialah kembali kepada Al-Quran juga iaitu samada mentafsilkannya, mentaqyidkannya, mahupun

¹⁰⁴ Abu ‘Abdillah Muhammad bin Ahmad al-Anṣārī Al-Qurṭubi (1968), *al-Jāmi‘ Li aḥkām Al-Quran*, j. 6, al- Qāhirah: al-Maktabah al-Arabiyyah, h. 29.

mentakhsîskannya. Ayat-ayat Al-Quran yang turun ketika itu dilatari dengan sesuatu sebab atau untuk menjawab sesuatu pertanyaan. Bilangan ayat yang turun tanpa bersebab atau pertanyaan adalah sedikit.¹⁰⁵

2.1.2 Era permulaan Islam: Zaman Sahabat r.a

Fasa ini bermula sejak kewafatan Rasulullah s.a.w pada tahun sebelas hijrah dan berakhir pada akhir- akhir abad pertama hijrah. Fasa ini juga dinamakan sebagai fasa ‘sahabat’ kerana mereka berperanan besar dalam kefatwaan .¹⁰⁶

Ada di kalangan para sahabat menafsirkan nas-nas Al-Quran dan al-Hadith terhadap isu-isu yang tidak termasuk dalam kumpulan hukum-hukum yang telah dibekalkan oleh Nabi s.a.w. kepada umat Islam sebelum kewafatan baginda s.a.w. Perkara ini amat diperlukan lebih-lebih lagi apabila berlaku perkara-perkara yang memerlukan fatwa sedangkan tiada ketentuan nas secara langsung mengenainya. Masalah-masalah baru hasil dari pembukaan wilayah-wilayah baru Islam melalui kemenangan dalam perang semakin bertambah. Tidak semua sahabat berfatwa kerana mereka mempunyai kemampuan yang berbeza-beza di antara satu sama lain. Ibnu al-Qayyim menyatakan bahawa:

“Dan mereka yang berfatwa antara sahabat rasul bilangannya ialah seratus tiga puluh lebih di kalangan lelaki dan perempuan...”¹⁰⁷

¹⁰⁵ Prof . T.M Hasbi Ash-Shiddieqy (1971), *Sedjarah Pertumbuhan Dan Perkembangan Hukum Islam*, Jakarta: Penerbitan Bulan Bintang, h. 16.

¹⁰⁶ A.Hanafi M.A (1984), *Pengantar dan Sejarah Hukum Islam*, Jakarta: Bulan Bintang, h. 186 .

¹⁰⁷ Shams al-Dîn Abi ‘Abdillah Muhammad bin Abi Bakr Ibn Qayyim al-Jauziyyah (1991), *I'lâm al-Muwaqqi'iñ 'an Rab al-'Âlamîn*, j. 1, Beirut: Dâr al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 10.

Antara ciri utama yang melayakkan mereka berani berfatwa ialah penguasaan mereka terhadap sumber utama hukum Islam iaitu Al-Quran. Perkara ini telah diutarakan oleh Ibnu Khaldun:

“Sesungguhnya bukanlah sahabat itu semuanya ahli fatwa dan mampu untuk berfatwa, tetapi berfatwa adalah untuk mereka yang menguasai Al-Quran, mengetahui nasikh dan mansukhnya....”¹⁰⁸

Para sahabat r.a. sentiasa menjadikan Al-Quran sebagai rujukan utama dalam mengeluarkan fatwa. Fakta ini dijelaskan lagi dengan keterangan daripada Sunan al-Dārimi:

“Sesungguhnya Abu Bakar, jika diajukan masalah kepada beliau, rujukan utamanya ialah Al-Quran. Sekiranya beliau menjumpai penyelesaian masalah itu di dalamnya ia akan menyelesaiannya dengan Al-Quran. Sekiranya tidak ditemuinya di dalam Al-Quran dan beliau mengetahui penyelesaiannya di dalam al-sunnah, maka beliau akan menyelesaiannya dengan al-sunnah...”¹⁰⁹

Qādī Syuraiḥ telah diberi panduan yang sangat jelas oleh ‘Umar al-Khaṭṭāb mengenai tatacara mengeluarkan fatwa ketika beliau dilantik di Kūfah:

“Lihatlah apa yang nyata daripada maklumat kitab Allah dan jangan kamu bertanya dahulu kepada orang lain mengenainya, dan sekiranya tiada yang jelas di dalam kitab Allah maka ikutlah sunnah Rasulillah s.a.w. sekiranya masih tiada yang jelas, berijtihadlah”¹¹⁰

‘Abd Allah bin ‘Abbās menjadikan Al-Quran sebagai rujukan utama dalam tatacara pembuatan fatwanya seperti yang dijelaskan oleh ‘Ubayd Allah bin Abī Yazīd;

¹⁰⁸ ‘Abd al-Rahmān Ibn Khaldūn (1993), *Muqaddimah Ibn Khaldūn*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 353.

¹⁰⁹ Abū Muḥammad ‘Abdullah bin Abd al-Rahmān bin al-Faḍl bin Bahram al-Dārimi (1991), *Sunan al-Dārimi*, Kitab al-Muqaddimah, no. hadith 161, j. 1, Damshiq: Dār al-Qalam, h. 62

¹¹⁰ Ibn Qayyim al-Jauziyyah (1991), *op. cit.*, j.1, h. 50

“Sekiranya sesuatu masalah ditanya kepada Ibnu ‘Abbās, beliau akan memberi hukumnya jika terdapat di dalam Al-Quran, jika tiada dijumpainya di dalam Al-Quran, beliau akan menjelaskan apa yang ada pada sunnah Nabi s.a.w...”¹¹¹

Salah satu ciri kegemilangan zaman ini ialah sumber pertama hukum Islam iaitu Al-Quran telah dikumpulkan daripada hanya menjadi tulisan-tulisan simpanan peribadi sahaja. Al-Quran telah dibuku, diseragam dan disebarluaskan untuk membolehkan orang ramai mempelajarinya. Maka dengan adanya penulisan al-Quran ini, periwayatan ayat-ayat hukum dalam Al-Quran adalah *mutawātir*, baik dengan lisan ataupun dengan tulisan dan kesemuanya berstatus *qat’iy*. Namun dari sudut *dilālah* Al-Quran, masih terdapat juga perselisihan di kalangan para sahabat disebabkan kebanyakan nas Al-Quran tidak menunjukkan pengertian yang sifatnya tegas-jelas (*qat’iy*) melainkan sifatnya yang mempunyai kemungkinan-kemungkinan (*zanni*).

Kesimpulannya, Al-Quran telah meneruskan peranannya sebagai sumber hukum yang utama di dalam era para sahabat r.a.

2.1.3 Era permulaan Islam: Zaman Tabiin

Penguasaan Islam yang semakin meluas telah menuntut para Sahabat r.a. merentasi gurun Ḥijāz menuju ke tanah-tanah yang telah dibuka oleh tentera-tentera Islam seperti Syām, ‘Irāq dan Irān. Mu‘ādh bin Jabal ke tanah Syām, ‘Abd Allah bin Mas‘ūd ke Kūfah dan lain-lain lagi.¹¹² Para Sahabat r.a. telah membentuk aliran-aliran fiqh yang berbeza-beza di kalangan para tabiin sebagai anak-anak murid mereka. Walaupun perbezaan ini

¹¹¹ *Ibid.*, h. 51

¹¹² Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1996), *op. cit.*, h. 17

berlaku, ia tidak melibatkan sumber hukum yang paling utama. Al-Quran tetap menjadi rujukan utama di kalangan tabiin ketika membuat fatwa.

Metode yang mereka ambil untuk membuat kesimpulan hukum tidak jauh dari bimbingan para sahabat iaitu mereka akan meneliti terlebih dahulu nas Al-Quran dan akan menggunakan jika penyelesaiannya di dapati di dalam nas berkenaan. Jika tidak diketemui di dalam nas Al-Quran, mereka akan meneliti pula di dalam al-Sunnah termasuk menyemak al-Sunnah dari sudut sanad¹¹³ dan matan.¹¹⁴ Mereka akan berhukum dengannya jika masalah itu dijumpai penyelesaiannya di dalam al-Sunnah. Jika hukum itu tidak dijumpai di dalam al-Sunnah mereka meneliti jika telah berlaku ijma' sebelum ini mengenai perkara berkenaan, jika ada mereka akan berhukum dengannya.¹¹⁵

2.2 Era kemunculan Imam-imam mazhab

Fasa ini berlangsung selama lebih kurang 250 tahun bermula pada awal kurun pertama hijrah sehingga pertengahan abad ke empat hijrah. Era ini juga dikenali sebagai era keemasan kerana berkembang pesat kemajuan ilmu termasuklah dalam penulisan, pembukuan hukum-hukum Islam, hadith-hadith Rasul s.a.w. dikumpul dan ditulis. Fatwa-fatwa sahabat, tābi‘in dan atbā‘ tābi‘īn dibukukan¹¹⁶ begitu juga dengan tafsir Al-Quran dan kumpulan pendapat imam-imam fiqah .

¹¹³ Sanad ialah rangkaian perawi yang digunakan untuk sampai kepada matan. Lihat Kamus Dewan(2010), *op. cit.*, h.1383

¹¹⁴ Matan ialah nas yang terdapat pada akhir sanad. Lihat Kamus Dewan(2010), *op. cit.*, h.1007.

¹¹⁵ Dr al-Sheikh Husayn Muhammad al-Mallāḥ (2001), *al-Fatwā Nash'atuhā Wa Taṭawwaruhā Uṣūluhā Wa Taṭbiquhā*, j. 1, Beirut: Al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, h. 100.

¹¹⁶ Muḥammad Muṣṭafa Syalabi (1985), *al-Madkhal fī al-Ta‘rīf bi al-Fiqh al-Islāmi*, Beirut: Dār al-Nahḍah al-‘Arabiyyah, h. 133.

Muncul tokoh-tokoh baru yang mempunyai daya intelek luar biasa dalam memahami sumber –sumber hukum yang asal iaitu Al-Quran dan Hadith. Mereka bukan sahaja mempunyai kemampuan memahami nas-nas Al-Quran untuk menggali hukum bahkan mampu memperkembangkan ia kepada isu-isu baru namun masih tidak berganjak dari menjadikan Al-Quran sebagai sumber utama. Tokoh-tokoh besar tersebut juga dikenali sebagai pengasas mazhab-mazhab besar yang masih kekal sehingga hari ini. Mereka adalah Imam Abu Ḥanīfah, Imam Mālik, Imam Syafī‘ī dan Imam Aḥmad .

Al-Imam Abu Ḥanīfah menjelaskan Al-Quran sebagai sumbernya yang utama dalam berfatwa dengan ungkapan:

“Sesungguhnya saya akan menggunakan kitab Allah untuk mengambil hukum jika ada, sekiranya tiada, saya akan mengambil Sunnah Rasulullah s.a.w dan athār yang sahih daripada baginda …”¹¹⁷

Al-Qādī al-‘Iyād menjelaskan bahawa al-Imam Mālik menjadikan Al-Quran sebagai asas utama mengeluarkan fatwa dengan katanya;

“Sesungguhnya al-Imam Mālik menyusun mengikut tertib dalil-dalil berdasarkan martabatnya, beliau mendahulukan Al-Quran kemudian al-Athār yang diriwayatkan oleh periwayat-periwayat hadis yang dipercayai dan dikenali...”¹¹⁸

Imam Syafī‘ī juga menjadikan Al-Quran sebagai sumber utama dalam metode pengeluaran hukum. Perkara ini beliau jelaskan dengan ungkapan;

¹¹⁷ Aḥmad bin ‘Ali Abu Bakr Al-Khaṭīb al-Baghdādī (t.t), *Tārīkh Baghdaḍ*, j. 13, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 368.

¹¹⁸ Abu al-Faḍl ‘Iyād bin Musa Al-Qādī ‘Iyād (1967), *Tartīb al-Madārik Wa Taqrīb al-Masālik Li Ma ‘rifah A’lām Madhab Mālik*, j. 1, Beirut: Dār Maktabah al-Ḥayāh, h.94

“Ilmu itu mempunyai beberapa tahap, pertama al-Kitab dan al-Sunnah sekiranya jelas dan tepat, kedua adalah ijmak dalam perkara-perkara yang tidak ada nas di dalam Al-Quran dan al-Sunnah...”¹¹⁹

Al-Imam Ahmad Ibn Hanbal juga meletakkan Al-Quran dan Al-Sunnah sebagai sumber utama fatwanya, diikuti dengan fatwa al-Shohābah.¹²⁰

Al-Quran masih digunakan sebagai sumber utama istinbat hukum dalam fatwa-fatwa mereka dengan penambahan beberapa aspek baru yang sebelum ini tidak diberikan penekanan sebelum ini seperti *qirā'āt*¹²¹ dan tanda-tanda lain yang bertujuan memelihara kesucian Al-Quran.

Ini dapat dijelaskan dengan kita melihat bahawa keempat-empat Imam Mazhab bersepakat menjadikan al-Quran sebagai sumber utama pembinaan fatwa ataupun hukum. Al-Quran telah ditegaskan sebagai sumber paling utama keempat-empat Mazhab ini iaitu Mazhab Syafi‘ī¹²², Mazhab Hanafi¹²³, Mazhab Mālikī¹²⁴ dan mazhab Hanbali¹²⁵.

2.3 Era taqlid

Secara umumnya taqlid bererti menerima apa sahaja hukum yang difatwakan oleh para ulama mujtahid tanpa usul periksa atas penilaian ia adalah satu hakikat hukum syarak

¹¹⁹ Muhammad Idris Al-Syāfi‘ī (1973), *al-Umm*, j. 7, c.2, Beirut: Dar al-Makrifah, h. 265

¹²⁰ Al-Imam Muhammad Abu Zahrah (t.t), *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah fi al-Siyāsah wa al-'aqāid wa tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah*, al-Qāhirah: Dār al-Fikr al-‘Arabiyy, h. 354

¹²¹ Bentuk-bentuk bacaan al-Quran. Lihat lihat al-Munazzomah al-‘Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-‘Ulum (1989), *op. cit.*, h. 975

¹²² Ali Jum‘ah Muhammad (2004) , *al-Madkhāl ila dirāsah al-madhāhib al-fiqhiyyah.*, al-Qāhirah: Dār al-Salām, h 24

¹²³ *Ibid.*, h. 91

¹²⁴ *Ibid.*, h. 141

¹²⁵ *Ibid.*, h. 193-194

yang perlu diikuti.¹²⁶ Fasa ini berlangsung lama iaitu dari pertengahan abad keempat hijrah sampai akhir abad ke tiga belas hijrah.¹²⁷ Pada fasa ini ulama-ulama seolah-olah sudah lemah kemahuan untuk mencapai tingkatan mujtahid mutlak dan menggali hukum-hukum Islam secara langsung dari puncanya yang asal iaitu Al-Quran dan al-Sunnah atau mencari hukum sesuatu persoalan melalui dalil-dalil syarak. Mereka merasa cukup hanya dengan mengikuti pendapat-pendapat yang ditinggalkan oleh Imam-imam mujtahid sebelumnya seperti Imam Abu Ḥanīfah, Imam Mālik, Imam Syafī‘ī dan Imam Aḥmad Ibnu Ḥanbal.

Para pengikut mazhab pada fasa ini berusaha membela mazhabnya sendiri dan memperteguhkan dasar-dasar mazhab mahupun pendapat-pendapat mazhabnya dengan cara mengemukakan alasan-alasan pendirian mazhabnya dan adakalanya menyalahkan mazhab yang lain. Perkembangan ini sebenarnya memberi kesan kepada peranan al-Quran sebagai sumber rujukan utama hukum.

Tersangat kurangnya fatwa-fatwa yang lahir dari ijtihad yang sebenarnya adalah kesan dari sikap fuqaha yang tidak lagi kembali kepada sumber hukum asal iaitu Al-Quran dan al-Sunnah di dalam mencari ketentuan hukum. Sebaliknya fatwa-fatwa lebih merupakan nukilan-nukilan atau penceritaan kepada fatwa-fatwa yang telah dibuat oleh para mujtahidin sebelum itu. Walaubagaimanapun terdapat juga fatwa-fatwa yang berasaskan sumber-sumber asli ini, sebagaimana yang dilakukan oleh Ibnu Taymiyyah dan

¹²⁶ Al-Sheikh Muhammad al-Khuḍari Bek (1983), *Tārīkh al-Tasyī‘ al-Islāmiyy*, Beirut: Dār al-Qalam, h. 240

¹²⁷ Abd al-Wahhāb Khallāf (1995), *op.cit.*, h. 260.

Ibnu al-Qayyim, tetapi ianya jarang berlaku dan tidak popular.¹²⁸ Antara tokoh lain ialah seperti al-Shaukāni pengarang kitab *Nail al-Auṭār*.¹²⁹

Masyarakat sibuk dengan memahami kitab-kitab yang sukar difahami.¹³⁰ Ini disebabkan walaupun banyak kitab dikarang dan dihasilkan termasuk kitab-kitab berupa fatwa seperti al-Fatāwā al-Khāniyyah oleh Qādi Khān, Kitab al-Fatāwā oleh al-Imām ‘Iz Ibn Abd al-Salām dan lain-lain lagi tetapi fokusnya lebih banyak berkisar sekitar hukum-hukum yang telah disimpulkan oleh Imam-imam mazhab sahaja dan tidak berlaku ijтиhad yang baru bersumber Al-Quran dan al-Sunnah.

Antara metode yang dipakai untuk berfatwa ialah seperti *Ta’līl al-Ahkām*,¹³¹ *al-Tarjīh bayna al-Arā’*,¹³² *al-Munāẓarah* dan *al-Jadal*.¹³³ Walaupun begitu, Al-Quran sebagai sumber utama hukum tidaklah terpinggir begitu sahaja kerana beberapa contoh metode yang disebutkan tadi masih memerlukan keupayaan melihat dalil-dalil yang digunakan oleh imam mazhab masing-masing.

¹²⁸ Mahmood Zuhdi bin Hj Abdul Majid (1988), *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*, Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, h. 217.

¹²⁹ ‘Ādil Muhammad Abd al-‘Aziz al-Ghiryāni (2002), *Mabāhith Tārīkh al-Tasyrī‘ al-Islāmiyy*, Kuala Lumpur: Fajar Ulung, h. 227.

¹³⁰ Berbagai metode penerangan terhadap kitab-kitab ini seperti *al-Mutūn*, *al-Syurūh*, *al-Hawāsyi*, *al-Taqrīrāt* dan *al-Ta’liqāt*.

¹³¹ Muhammad Muṣṭafa Syalabi (1985), *op.cit*, h.138.

¹³² Dr al-Sheikh Husayn Muhammad al-Mallāḥ (2001), *op. cit*, h. 327.

¹³³ *Ibid*, h.328.

2.4 Era selepas taqlid.

Era ini bermula pada akhir abad ketiga belas hijrah.¹³⁴ Terdapat beberapa tokoh dan mempunyai gerakan yang tersendiri dalam usaha mengembalikan masyarakat kembali kepada sumber hukum asal iaitu al-Quran dan al-Sunnah dalam mengatur kehidupan .

Gerakan yang dipimpin oleh Muḥammad bin Abdul Wahhāb (wafat 1206H) di Arab Saudi, gerakan yang dipimpin oleh Muhammad bin Al-Sanusi di Libya (1791-1859M) , gerakan yang diketuai oleh al-Mahdi (1843-1885 M) di Sudan menyeru untuk kembali kepada Al-Quran dan al-Sunnah sebagai dasar hukum.

Antara beberapa tokoh yang bertegas dengan idea mengembalikan Al-Quran dan al-Sunnah kembali dijadikan sumber asas dalam istinbat hukum dan menjauhi taqlid ialah seperti Al-Afghāni (wafat 1898 M), anak muridnya Muhammad ‘Abduh (wafat 1906) dan Rasyid Riḍo.

Antara ciri yang dapat memberi kesan kepada proses mengembalikan semula Al-Quran dan al-Sunnah sebagai asas pembinaan hukum ialah dalam era ini hukum fiqh termasuk fatwa-fatwa dipelajari bukan sekadar menghalusinya dari sudut *matan*, *syarah* dan *hawāshi* kitab karangan ulama' dalam mazhab tertentu namun ia mula dipelajari dengan bentuk yang baru iaitu membuat perbandingan kesimpulan hukum , dalil-dalilnya dan kadang-kadang dibuat pentarjihan seperti yang telah dimulakan oleh Ibnu Ḥazm, Ibnu Rusyd dan Ibnu Qudāmah. Ia juga dikenali sebagai *Fiqh al-Muqāran*.

Begitu juga dengan bentuk penulisan-penulisan baru yang mengulas sesuatu isu dengan membuat perbandingan khususnya perbandingan dalil-dalil yang digunakan yang

¹³⁴ Adil Muhammad Abd al-‘Aziz al-Ghiryāni (2002), *op. cit.*, h. 227

akhirnya dibuat penyaringan terhadap dalil –dalil berkenaan dari sudut kekuatan dan ketepatannya.

Pengeluaran fatwa-fatwa rasmi pada hari ini dilakukan secara kolektif dengan penubuhan al-Majāmi‘ al-Fiqhiyyah oleh Pertubuhan Negara-negara Islam dan di Malaysia telah ditubuhkan Muzakarah Fatwa Kebangsaan. Apabila diteliti prosedur ataupun tatacara pembuatan fatwa, kita dapati bahawa Al-Quran tetap menjadi rujukan utama pembuatan fatwa.

Penutup

Menjadikan Al-Quran sebagai rujukan utama kehidupan termasuk dalam bidang kefatwaan adalah memenuhi tuntutan Allah s.w.t. Kegagalan memenuhi tuntutan ini akan membuka ruang ketidaktepatan keputusan dan tindakan. Namun usaha besar ini perlu ditekuni secara teliti oleh mereka yang berkelayakan dan tidak mustahil dilaksanakan kerana sejarah telah membuktikan bahawa usaha ini telah melalui pasang surutnya.

BAB DUA

PEMBINAAN FATWA DI NEGERI PERAK

2.1 PENDAHULUAN

Fatwa telah memainkan peranan sangat penting dalam perundangan Islam sejak zaman Rasulullah s..a.w. lagi. Perluasan wilayah Islam dan keperluan semasa telah menjadikan fatwa dan institusinya semakin penting khususnya apabila ia bukan setakat menyelesaikan masalah orang awam, bahkan apabila negara memerlukan fatwa untuk menggubal polisi yang berkaitan dengan pentadbiran negara.

Di Negeri Perak Darul Ridzuan, jawatan mufti telah mula diwujudkan sejak tahun 1879. Manakala Jawatankuasa Syariah telah mula ditubuhkan melalui peruntukan Undang-undang Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak 1952 terdiri daripada tujuh orang ahli yang dipengerusikan oleh Raja. Tujuan penubuhan jawatankuasa ini adalah untuk membantu mufti menyelesaikan masalah-masalah yang gagal diselesaikan oleh mufti secara bersendirian.¹³⁵ Institusi ini terus berkembang sehingga ke hari ini di mana mufti dibantu oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri membuat keputusan-keputusan hukum serta kedudukannya diperuntukan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Perak 2004. Perkembangan masa dan tuntutan kehidupan telah menjadikan fatwa di negeri Perak mempunyai beberapa perbezaan jika dibandingkan dengan fatwa dalam pemahaman para ulama' silam.

¹³⁵ Hasnan Kasan (2006) , *Penginstitusian Pentadbiran Hukum Syarak di Semenanjung Malaysia*. Sari (ATMA), bil. 24 , h. 180.

Dalam bab ini penulis akan menjuruskan perbincangan kepada pengenalan fatwa, bagaimana fatwa dikeluarkan di negeri Perak, sejauh mana fatwa-fatwa ini mempunyai autoriti di sisi undang-undang dan proses pewartaan fatwa.

2.2 PENGENALAN DAN CIRI-CIRI FATWA

2.2.1 Pendahuluan

Fatwa yang dikeluarkan di negeri Perak mempunyai beberapa ciri yang sedikit berbeza dengan kefahaman tradisi terhadap fatwa. Ini disebabkan faktor perundangan dan sebagainya. Namun ia masih mengekalkan beberapa ciri asas di dalam pembinaan fatwa.

2.2.2 Pengertian fatwa

Fatwa dari sudut bahasa adalah kata nama dari perkataan *aftā* (أفتى) , *iftā'an* (إفتاء) dan nama terbitannya adalah *fatan* (فتى). Asal perkataan ini membawa dua maksud; yang pertama membawa maksud segar, baru dan yang kedua membawa maksud penerangan .

Dari maksud yang pertama berkenaan muncul perkataan الفتيان , الفتى . Manakala dari maksud yang kedua muncul *al-fatwa* seperti firman Allah SWT

وَيَسْتَفْتُونَكَ فِي النِّسَاءِ قُلِ اللَّهُ يُفْتِي كُمْ فِيهِنَّ وَمَا يُتَلَى عَلَيْكُمْ فِي الْكِتَابِ فِي يَتَمَّى النِّسَاءِ الَّتِي لَا تُؤْتُونَهُنَّ مَا كُتِبَ لَهُنَّ وَتَرَغَبُونَ أَنْ تَنِكِحُوهُنَّ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ الْوِلَادَاتِ وَأَنْ تَقُومُوا لِلِّيَتَمَّى بِالْقِسْطِ وَمَا تَفْعَلُوا مِنْ حَيْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِهِ عَلِيمًا

Surah al-Nisā' (4) : 127

“dan mereka meminta fatwa kepadamu (Wahai Muhammad), mengenai (hak dan kewajipan) kaum perempuan. Katakanlah olehmu: "Allah akan memberi keterangan (fatwa) kepada kamu mengenai mereka dan juga (ada difatwakan dalam) apa yang selalu dibacakan kepada kamu dalam Kitab (Al-Quran) ini mengenai perempuan-perempuan yatim yang kamu tidak memberi kepadanya apa yang telah ditetapkan menjadi hak mereka, dan yang kamu suka berkahwin dengan mereka; dan juga mengenai anak-anak yang lemah (yang masih kecil lagi). dan (kamu juga diwajibkan) supaya menguruskan (hak dan keperluan) anak-anak yatim dengan adil. dan (ingatlah) apa jua kebaikan yang kamu lakukan (kepada mereka), maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahuinya.”

Terjemahan surah al-Nisā’(4) : 127

Al-Fatwa dan *al-Futya* membawa maksud yang sama dan dijamakkan dengan *al-fatāwi* dan *al-fatāwa*.¹³⁶ Kata kerja ini juga membawa maksud *istiftā'* atau *iftā'* yang membawa maksud meminta penerangan mengenai sesuatu masalah.¹³⁷ ‘Ali bin Muhammad al-Jurjāni mendefinisikan *iftā'* sebagai penerangan kepada masalah sesuatu hukum.¹³⁸

Dari sudut istilah, fatwa ialah hukum syarak yang dikemukakan oleh *al-faqīh* yang berkelayakan untuk berfatwa kepada orang yang bertanya kepadanya, bukan secara wajib untuk diikuti (*la ‘ala wajh al-ilzām*). Ini bermakna *al-mustafti* tidak semestinya patuh dengan hukum berkenaan bahkan berhak untuk bertanya hukum berkenaan kepada mufti yang lain dan ia boleh beramal dengan hukum yang dikemukakan oleh mufti kedua walaupun berbeza dengan mufti pertama selama mana mufti kedua mempunyai kelayakan yang cukup untuk berfatwa.¹³⁹

¹³⁶ Abu al-Husayn Aḥmad bin Fāris bin Zakaria (1981), *Mu‘jam Maqāyīs al-Lughah*, cet. 2, j. 4, al-Qāhirah: Syarikah Maktabah Muṣṭafa al-Bābi al-Halabi, h. 474.

¹³⁷ Abi Naṣr Ismail bin Ḥammad al-Jauhari al-Farabi (1998), *al-Šihāh*, j.2, Beirūt: Dār al-Fikr, h. 1781

¹³⁸ Al-Syarīf ‘Ali bin Muḥammad al-Jurjāni (t.t), *kitab al-Ta‘rifāt*, Singapura: Al-Ḥaramayn, h. 32.

¹³⁹ Quṭub Muṣṭafa Sano (2000), *Mu‘jam Muṣṭolahāt Uṣūl al-Fiqh*, Beirūt: Dār al-Fikr al-Mu‘āşir, h.312

Muhammad Abu Zahrah membezakan antara *iftā'* dan ijтиhad di mana *iftā'* adalah lebih khusus daripada ijтиhad. Ijтиhad berlaku dengan mengistinbatkan hukum-hukum samada ada terdapat pertanyaan mengenai mauduk soalan itu ataupun tidak, seperti mana yang dibuat oleh Imam Abu Hanifah ketika beliau ingin menguji ketepatan kaedah-kaedah yang disimpulkan sehingga terpaksa mengandai-andai masalah dan sebagainya. Manakala *iftā'* hanya berlaku kepada perkara – perkara yang benar-benar berlaku lantas seseorang faqih berusaha untuk memberi hukum terhadap perkara berkenaan.¹⁴⁰

Perbezaan antara fatwa dan *al-qadā'* telah diulas oleh Ibnu Qayyim al-Jauziyyah dengan menegaskan bahawa fatwa yang diutarakan tidak bersifat mesti dipatuhi tetapi sebaliknya seorang mufti hanya memberitahu hukum berkenaan kepada *mustafti*. Adalah menjadi pilihan kepada *mustafti* samada untuk menerima fatwa berkenaan atau meninggalkannya. Adapun *al-qadā'*, ia mempunyai sifat wajib untuk diikuti.¹⁴¹

Definisi fatwa di negeri Perak adalah seperti yang diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak), 2004 :

37. (9) Apa-apa pernyataan yang dibuat oleh Mufti atau Jawatankuasa Fatwa tidak boleh diambil sebagai fatwa melainkan jika pernyataan itu disiarkan dalam Warta mengikut subseksyen (6)¹⁴²

Mengikut peruntukan undang-undang di atas, fatwa secara umumnya adalah pernyataan mufti atau Jawatankuasa Fatwa yang dibuat di dalam warta mengenai apa-apa persoalan yang dikemukakan. Maka segala pernyataan mufti dan ahli Jawatankuasa Fatwa

¹⁴⁰ Muhammad Abu Zahrah (t.t), *Uṣūl al-Fiqh*, al-Qāhirah: Dār al-Fikr al-‘Arabiyy, h. 319.

¹⁴¹ Ibnu Qayyim al-Jauziyyah (2006), *I'lām al-Muwaqi 'īn 'an Rab al-'Ālāmīn*, j. 1, al-Qāhirah: Dār al-Hadīs, h.37.

¹⁴² Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak), 2004,(Seksyen 37)

yang tidak diwartakan, tidak dipanggil fatwa namun ia dikira sebagai pandangan mufti atau pun Jawatankuasa Fatwa. Di sinilah antara perbezaan yang ketara antara pengertian fatwa dalam tradisi ilmu Islam dan pengertian fatwa dalam pengertian moden setelah dienakmenkan dalam undang-undang.

2.2.3 Ciri-ciri Fatwa Negeri Perak

Daripada perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa antara ciri-ciri asas fatwa di negeri Perak adalah seperti berikut:

- i. Fatwa di negeri Perak hanya dikeluarkan oleh pihak yang telah diberikan kuasa untuk mengeluarkannya sahaja iaitu mufti ataupun JFNP. Pandangan pihak-pihak lain seperti para fuqaha, ulama, ustaz dan sebagainya tidak dipanggil fatwa. Ini berbeza dengan tradisi berfatwa dalam sejarah Islam di mana fatwa boleh dikeluarkan oleh sesiapa sahaja yang layak.
- ii. Sesuatu pandangan mufti ataupun Jawatankuasa Fatwa hanya dianggap sebagai fatwa apabila ia disiarkan di warta kerajaan negeri. Ini tidak berlaku dalam tradisi fatwa sebelum aktiviti fatwa diinstitusikan.
- iii. Fatwa di Negeri Perak mempunyai nilai undang-undang kerana ia mengikat setiap orang Islam yang berada di negeri ini dan ketidakpatuhan terhadap fatwa yang dikeluarkan akan diambil tindakan undang-undang. Ciri ini adalah perbezaan besar yang berlaku antara definisi fatwa secara bahasa serta syarak dan definisi fatwa mengikut tafsiran undang-undang. Di dalam tradisi fatwa silam, ia berbeza dengan *qaḍā'* yang mempunyai nilai undang-undang.

iv. Dari sudut sumber fatwa, fatwa di Negeri Perak pada asasnya mengikut *qawl* muktamad Mazhab al-Syafii, namun apabila pandangan berkenaan berlawanan dengan kepentingan awam, Jawatankuasa Fatwa boleh mengikut *qawl* muktamad Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali. Tetapi jika tiada satu pun *qawl* muktamad daripada keempat-empat mazhab ini boleh diikuti tanpa berlawanan dengan kepentingan awam, Jawatankuasa Fatwa boleh berijtihad tanpa terikat dengan mana-mana mazhab.

Ini dinyatakan secara jelas dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004:

43. (1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 37, atau memperakuan sesuatu pendapat di bawah seksyen 42, Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut *qaul* muktamad (pendapat-pendapat yang diterima) Mazhab Shafie.

(2) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut *qaul* muktamad Mazhab Shafie suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan terhasil, Jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut *qaul* muktamad Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali.

(3) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satu pun *qaul* muktamad daripada empat Mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan berlawanan dengan kepentingan awam, Jawatankuasa Fatwa bolehlah membuat fatwa itu mengikut *ijtihad* tanpa terikat dengan *qaul* muktamad daripada mana-mana Mazhab yang empat itu.¹⁴³

v. Setiap pernyataan fatwa yang diwartakan hendaklah dimulakan dengan menyebut peruntukan undang-undang yang memberikan kuasa kepadanya, manakala bahasa kebangsaan yang ditulis dengan tulisan rumi dan jawi hendaklah digunakan manakala dalil-dalil al-Quran, Hadith dan petikan

¹⁴³ *Ibid.*

pandangan ulama hendaklah ditulis dalam tulisan jawi. Peruntukan ini jelas terkandung dalam seksyen 37, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004:

(7) Sesuatu fatwa yang disiarkan dalam *Warta* hendaklah disertakan dengan pernyataan bahawa fatwa itu dibuat di bawah seksyen ini.

(8) Sesuatu fatwa hendaklah disiarkan dalam bahasa kebangsaan dalam tulisan rumi dan jawi, dan nas fatwa itu hendaklah dalam tulisan jawi.¹⁴⁴

vi. Fatwa di negeri Perak boleh dipinda, dilakukan ubah suai mahupun dibatalkan jika dilihat baik untuk kemaslahatan umum. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 memperuntukkan:

39. (1) Jawatankuasa Fatwa boleh meminda, mengubah suai atau membatalkan mana-mana fatwa yang telah disiarkan dalam *Warta* di bawah Enakmen ini atau di bawah Enakmen yang terdahulu.¹⁴⁵

2.3 KEAUTORITIAN FATWA

Kajian mengenai sejarah yang menyentuh tentang autoriti fatwa, menunjukkan ada beberapa faktor yang mempengaruhi keautoritian sesuatu fatwa seperti orang atau pihak yang mengeluarkan fatwa, cara fatwa itu dikeluarkan, dasar pemerintah terhadap sesuatu fatwa dan beberapa faktor lagi.

Umat Islam tidak berselisih pendapat mengenai autoriti fatwa-fatwa yang diputuskan oleh Rasulullah s.a.w., tetapi bermula dengan fatwa-fatwa yang diputuskan oleh

¹⁴⁴ *Ibid.*

¹⁴⁵ *Ibid.*

para sahabat dan tabiin, terdapat perbezaan pendapat di kalangan ulama mengenai kehujahan dan keautoritiannya.¹⁴⁶

Fatwa-fatwa yang dikeluarkan di Negeri Perak mempunyai perbezaan dengan fatwa yang difahami dengan makna bahasa dan istilah syarak, di mana fatwa-fatwa yang dikeluarkan di negeri Perak mempunyai kuasa undang-undang dan boleh dikuatkuasakan malah orang-orang yang melanggarnya tanpa alasan yang munasabah akan dikenakan tindakan sedangkan fatwa dalam bentuk pemahaman syarak dibezakan dengan *al-qadā'*. Kuasa perundangan hanya diperuntukkan kepada *al-qadā'* tetapi tidak kepada *al-ifṭā'*.

Fatwa yang diwartakan hanyalah satu-satunya bentuk fatwa sahaja yang diiktiraf oleh pihak berkuasa. Adapun pandangan orang perseorangan tidak dianggap sebagai fatwa walaupun pandangan-pandangan berkenaan sangat membantu menyelesaikan masalah-masalah masyarakat.

Menurut Othman Ishak, fatwa-fatwa yang dikeluarkan di Malaysia adalah merupakan hukum syarak yang muktamad, boleh dikuatkuasakan dan sepatutnya tidak dipersoalkan kerana ia dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang mesti dipatuhi. Firman Allah s.w.t.

يَأَيُّهَا الْذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكَ الْأَمْرُ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنْزَعُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ
ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Surah al-Nisā' (4): 59

¹⁴⁶ Ibnu Qayyim al-Jauziyyah (2006), *op.cit*, h. 140

“ Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu, kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.”

Terjemahan Surah al-Nisā' (4): 59

Di samping itu, fatwa-fatwa ini telah mendapat perkenan dari Raja-raja melalui Majlis Raja-raja dan juga telah mendapat perkenan dari Raja-raja ataupun sultan. Ringkasnya, sepatutnya hukum syarak ini mempunyai autoriti penuh mengatasi semua pihak yang lain, dan perkara ini tidak boleh dipertikaikan lagi oleh mana-mana pihak lebih-lebih lagi apabila dikuatkuasakan oleh kerajaan.¹⁴⁷

2.3.1 Kuatkuasa fatwa

Autoriti keputusan hukum yang telah dibuat oleh JFNP dan yang telah diwartakan sebagai fatwa serta diwartakan dalam Warta Kerajaan akan menjadi fatwa di kalangan penduduk-penduduk beragama Islam yang berada di Negeri Perak Darul Ridzuan. Fatwa-fatwa ini akan mengikat setiap orang Islam yang berada di negeri ini dengan tidak mengambil kira samada ia penduduk negeri ini ataupun tidak dan sebarang perlanggaran terhadap pematuhan fatwa-fatwa ini akan mengundang kepada tindakan penguatkuasaan dan hukuman bahkan setiap orang Islam yang berada di negeri ini wajib mematuhi dan berpegang dengannya. Ini termaktub dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004:

38. (1) Apabila ia disiarkan dalam Warta, sesuatu fatwa hendaklah mengikat tiap-tiap orang Islam yang berada di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajipannya di

¹⁴⁷ Othman Hj Ishak (1981), *Fatwa Dalam Perundangan Islam*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, h.174.

sisi agama untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu, melainkan jika ia dibenarkan oleh Hukum Syara' untuk tidak mengikut fatwa itu dalam perkara-perkara amalan, kepercayaan atau pendapat peribadi.¹⁴⁸

Walaupun ia mengikat tiap-tiap orang Islam yang berada di negeri Perak, namun terdapat ruang-ruang yang masih dibenarkan khilaf dengan fatwa berkenaan khususnya dalam perkara-perkara amalan, kepercayaan ataupun pendapat peribadi. Contohnya seperti orang Islam yang bermazhab selain daripada Mazhab al-Shafii beramal dengan pandangan mazhab anutannya. Perkara ini sudah sedia dimaklumi bahawa orang awam boleh mengikut mazhab selain mazhab yang diikutinya secara keseluruhannya dengan berpindah kepada mazhab yang lain ataupun mengamalkan pandangan mazhab yang lain dalam masalah-masalah tertentu dengan syarat tidak melakukan *talfiq*¹⁴⁹ dan mencari rukhsah¹⁵⁰ di antara pandangan-pandangan mazhab.¹⁵¹

2.3.2 Pelanggaran fatwa

Setiap perlanggaran fatwa dan ketidakpatuhan kepadanya, dikira sebagai melakukan kesalahan dari sudut undang-undang dan jika didapati benar seseorang itu telah melakukan kesalahan berkenaan, ia boleh dihukum dengan hukuman yang diperuntukkan dalam Enakmen Jenayah (Syariah) Negeri Perak.

20. (1) Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, sebagai Ketua Agama Islam Negeri, mengeluarkan apa-apa perintah, dari masa ke semasa, berkaitan

¹⁴⁸ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak), 2004,(Seksyen 38, (1))

¹⁴⁹ Al-Sayyid al-Bakri bin Muhammad Shatā al-Dimyātī (t.t), *I'ānah al-Tālibīn*, j. 4, al-Qāhirah: 'Isā al-Halabiy, h. 217

¹⁵⁰ Rukhsah ialah kelonggaran ketetapan hukum syarak kerana sebab-sebab yang dibenarkan. Lihat Kamus Dewan(2010), *op. cit.*, h.1349

¹⁵¹ Al-Sayyid al-Bakri bin Muhammad Shatā al-Dimyātī (t.t), *op. cit.*

dengan apa-apa perkara khusus yang tidak bertentangan dengan Hukum Syara’:

Dengan syarat bahawa perintah itu hendaklah berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui Warta.

(2) Sesiapa yang tidak mematuhi perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) adalah bersalah atas sesuatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.¹⁵²

Begitu juga bagi seseorang yang mengeluarkan pandangan untuk disebarluaskan dan dikembangkan kepada orang ramai sedangkan pandangan itu bertentangan dengan fatwa yang telah diwartakan. Perbuatan berkenaan dikira sebagai melakukan kesalahan dan terdapat hukuman tertentu mengenai kesalahan berkenaan.

21. Sesiapa yang memberi, mengembangkan atau menyebarkan apa-apa pendapat berupa fatwa untuk diikuti oleh orang Islam mengenai apa-apa soalan, ajaran Islam atau Hukum Syara’ yang berlawanan dengan mana-mana fatwa yang dikeluarkan dengan sah oleh Mufti adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukum denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan pendapat itu, jika bertulis, hendaklah dirampas dan dimusnahkan sebagaimana yang diarah oleh Mahkamah, dan penerbitannya, penjualannya, dan pengedarannya hendaklah dilarang.¹⁵³

2.3.3 Autoriti fatwa di dalam mahkamah.

Dari sudut autoriti fatwa dalam mahkamah, fatwa-fatwa ini diiktiraf oleh semua mahkamah Syariah di Negeri Perak mengenai isu yang diputuskan di dalam fatwa . Jika isu yang sama dibincangkan dan mempunyai beberapa keputusan maka fatwa yang terakhir adalah diambil kira .

¹⁵² Enakmen Jenayah (Syariah), Bil. 3 Tahun 1992

¹⁵³ *Ibid*

Seksyen 38 (2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 memperuntukkan:

Sesuatu fatwa hendaklah diiktiraf oleh semua mahkamah di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan tentang semua perkara yang dinyatakan dalamnya. Jika terdapat perbezaan fatwa atas perkara yang sama, fatwa yang terakhir dikeluarkan hendaklah terpakai.¹⁵⁴

Fatwa atau pandangan dari Jawatankuasa Fatwa juga mempunyai autoriti untuk menjelaskan hukum-hukum syarak dalam kes-kes yang dibicarakan dalam mahkamah-mahkamah sivil seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 42 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak)2004.

Jika dalam mana-mana mahkamah selain Mahkamah Syariah apa-apa persoalan tentang Hukum Syarak perlu diputuskan ,mahkamah itu boleh meminta pendapat Jawatankuasa Fatwa tentang persoalan itu, dan Mufti boleh memperakarkan pendapat Jawatankuasa Fatwa itu kepada mahkamah yang membuat permintaan itu.¹⁵⁵

2.3.4 Penguatkuasaan Fatwa

Dari segi penguatkuasaan, bukanlah menjadi tanggungjawab Mufti atau jabatan Mufti negeri-negeri untuk menguatkuasakan sesuatu fatwa. Tugas jabatan ini hanya menyelesaikan sesuatu persoalan hukum semasa yang diperlukan oleh masyarakat atau kerajaan negeri.¹⁵⁶ Di Negeri Perak, Mufti dan Jawatankuasa Fatwa menjalankan tugasnya untuk mengeluarkan fatwa dan tidak ada kuasa dan mekanisme untuk memastikan fatwa-fatwa itu dipatuhi. Sebaliknya penguatkuasaan fatwa dilakukan oleh agensi-agensi penguatkuasaan yang lain seperti Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Jabatan

¹⁵⁴ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak), 2004,(Seksyen 38, (2))

¹⁵⁵ *Ibid*, Seksyen 42

¹⁵⁶ Ahmad Hidayat Buang et. al. (2000), *Laporan Projek Penganalisaan Fatwa-fatwa Semasa di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 26.

Agama Islam Perak, polis dan lain-lain agensi yang berkaitan. Sebagai contoh Jabatan Agama Islam Perak telah merobohkan sebuah binaan di atas tanah perkuburan di Kampung Changkat Bincang Malim Nawar Perak. Tindakan ini berdasarkan kepada fatwa yang telah dikeluarkan oleh JFNP iaitu Fatwa mengenai penyalahgunaan kubur (binaan bangunan kekal) di tanah rizab perkuburan Kampung Changkat Bincang, Malim Nawar, Perak.¹⁵⁷

2.4 PROSES PENGHASILAN FATWA

Fatwa di negeri Perak dihasilkan melalui beberapa peringkat dan proses. Pihak yang sangat berperanan di dalam menghasilkan fatwa ini ialah Sahibus Samahah Mufti dan JFNP.

2.4.1 Sumber dan punca permasalahan/isu

Apabila ditinjau dari sudut sumber atau punca permasalahan sehingga fatwa itu dihasilkan, terdapat beberapa sumber permasalahan sehingga fatwa itu dihasilkan antaranya :-

1. Pertanyaan yang diajukan oleh masyarakat untuk mengetahui hukum agama tentang isu-isu tertentu samada masalah berkenaan bersifat kepentingan individu mahupun kepentingan kelompok masyarakat, pertanyaan dari mana-mana pihak samada agensi kerajaan mahupun swasta dan pertubuhan-pertubuhan, parti-parti politik dan sebagainya. Pertanyaan –pertanyaan berkenaan dikemukakan melalui surat yang dialamatkan kepada Mufti .
2. Fatwa juga diputuskan untuk menyelesaikan isu yang menjadi pertikaian dalam masyarakat khususnya yang berlaku dalam negeri Perak Darul Ridzuan.

¹⁵⁷ Warta Kerajaan Negeri Perak , Jil. 60, Bil 2 , Pk. P.U. 4 bertarikh 30 hb Januari 2007.

3. Fatwa juga diputuskan atas dayausaha Mufti sendiri tanpa didahului dengan permintaan mahupun pertanyaan-pertanyaan ini. Ini berlaku apabila sesuatu isu itu perlu diperjelaskan hukumnya kepada masyarakat demi menjaga kesucian agama dan menjaga kefahaman yang agama yang sahih .

Seksyen 36 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 memperuntukkan

Tertakluk kepada seksyen 40, Jawatankuasa Fatwa hendaklah, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan, dan bolehlah atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan oleh mana-mana orang yang dibuat melalui surat dialamatkan kepada Mufti, menyediakan satu fatwa atas apa-apa persoalan yang belum muktamad atau yang menimbulkan kontroversi tentang atau yang berhubungan dengan Hukum Syarak.¹⁵⁸

Seksyen 36 di atas masih boleh diperbaiki dengan tidak mengehadkan penyampaian soalan atau isu untuk difatwakan hanya melalui surat yang dialamatkan kepada Mufti. Seiring dengan perkembangan moden sepatutnya cara penyampaian isu untuk difatwakan diperluaskan kepada meluaskannya dengan secara bersemuka, melalui telefon, email, bersurat dan melalui laman sesawang Jabatan Mufti.

4. Fatwa juga diputuskan melalui arahan dari Majlis Raja – Raja Melayu. Selalunya isu-isu ini berkaitan dengan kepentingan nasional.

Seksyen 41(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak)2004 memperuntukkan

Jawatankuasa Fatwa hendaklah menerima pakai apa-apa nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang menyentuh apa-apa perbuatan atau amalan yang diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja sebagai merupakan perbuatan atau amalan yang meliputi seluruh

¹⁵⁸ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak), 2004,(Seksyen 36)

Persekutuan menurut Fasal (2)(b)perkara 38 Perlembagaan Persekutuan.¹⁵⁹

2.4.2 Penyediaan jawapan

Bagi perkara-perkara yang ditimbulkan dalam bentuk pertanyaan dari individu, masyarakat, kerajaan dan lain-lain, Mufti akan meneliti dan menilai samada pertanyaan berkenaan sesuai untuk diperbincangkan di peringkat mesyuarat Jawatankuasa Fatwa ataupun tidak. Jika Mufti berpandangan ianya tidak perlu diperbincangkan pada peringkat Jawatankuasa Fatwa disebabkan kepentingannya hanya terhad kepada pihak yang bertanya, tidak terlalu rumit dan tidak ada keperluan dari sudut penguatkuasaan undang-undang, Mufti akan menjawab dan menjelaskan hukum isu berkenaan secara terus kepada pihak yang bertanya.

2.4.3 Perbincangan peringkat Jawatankuasa Fatwa

Sebelum perbincangan diadakan satu kertas kerja akan disediakan dan diselia oleh urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa. Penyelidikan dan penyediaan kertas kerja selalunya akan diadakan secara bersama antara urusetia Mesyuarat Fatwa¹⁶⁰ dan agensi-agensi yang berkaitan rapat dengan isu yang akan diperbincangkan seperti Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Islam Perak dalam isu-isu ajaran sesat, Bahagian Pengurusan Masjid Jabatan Agama Islam Perak dalam urusan-urusan mendirikan masjid dan surau, naik taraf masjid serta agensi-agensi berkaitan yang lain. Ini memenuhi peruntukan Seksyen 37(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak)2004:

¹⁵⁹ Ibid., Seksyen 41

¹⁶⁰ Urusetia Mesyuarat Fatwa adalah Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Perak.

Sebelum Jawatankuasa Fatwa membuat sesuatu fatwa, Mufti boleh menyebabkan supaya apa-apa kajian atau penyelidikan dijalankan sebagaimana yang diarahkan olehnya dan suatu kertas kerja disediakan.¹⁶¹

Apabila semua kertas kerja telah disediakan, Setiausaha Jawatankuasa Fatwa¹⁶² akan memanggil Mesyuarat Fatwa. Untuk membolehkan ahli-ahli JFNP¹⁶³ meneliti dan membuat persediaan untuk perbahasan di dalam mesyuarat Fatwa, kertas-kertas kerja hendaklah sampai kepada semua ahli Jawatankuasa Fatwa selewat-lewatnya dua minggu sebelum mesyuarat diadakan.¹⁶⁴ Ini memenuhi peruntukan Seksyen 37(2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak)2004:

Bila mana Jawatankuasa bercadang hendak membuat sesuatu fatwa ,Mufti hendaklah memanggil suatu mesyuarat Jawatankuasa Fatwa bagi maksud membincangkan fatwa yang dicadangkan itu.¹⁶⁵

Ini membawa maksud setiap isu yang dicadangkan untuk difatwakan terlebih dahulu melalui proses perbincangan di peringkat Jawatankuasa Fatwa. Mufti tiada kuasa untuk membuat fatwa secara bersendirian.

Namun jika isu yang akan dibincang itu menyentuh kepentingan nasional seperti ada hubungan dengan apa-apa perkara dasar, program atau aktiviti yang secara langsung menyentuh kepentingan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau mana-mana

¹⁶¹ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak), 2004,(Seksyen 37 (1))

¹⁶² Setiausaha Jawatankuasa Fatwa adalah seorang pegawai daripada Jabatan Mufti yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Perak berdasarkan tuntutan kepada seksyen 35. (2)(f) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak), 2004.

¹⁶³ Ahli-ahli JFNP terdiri daripada sebelas orang alim-ulama' daripada gabungan tokoh-tokoh agama tradisional dan ahli-ahli akademi pusat-pusat pengajian tinggi berdasarkan tuntutan kepada seksyen 35. (2)(a-f) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak), 2004.

¹⁶⁴ Abdul Halim bin Badray, Penolong Pegawai Fatwa, Jabatan Mufti Perak. Temubual pada 4 Ogos 2010.

¹⁶⁵ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak), 2004,(Seksyen 37 (2))

kementerian, jabatan atau agensinya, Jawatankuasa Fatwa akan menangguhkan perbincangan mengenai isu berkenaan dan sebaliknya akan mengemukakan isu berkenaan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak.

Selepas penelitian dibuat, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak akan mendapatkan perkenan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan agar fatwa yang dicadangkan itu dirujukkan kepada Majlis Raja-raja, melalui Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Seksyen 40(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak)2004 memperuntukkan:

Walau apa pun kuasa Jawatankuasa Fatwa di bawah seksyen 36, bilamana Jawatankuasa Fatwa mendapati bahawa suatu fatwa yang dicadangkan dibuat adalah berkaitan dengan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan nasional, Jawatankuasa Fatwa hendaklah menangguhkan perbincangannya tentang fatwa yang dicadangkan itu dan mengemukakan perkara itu kepada Majlis.¹⁶⁶

Seksyen 40(2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak)2004 pula memperuntukkan

Selepas menimbang teliti perkara itu Majlis boleh membuat syor kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk mendapatkan perkenan Baginda agar fatwa yang dicadangkan itu dirujukkan kepada Majlis Raja-Raja melalui Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan¹⁶⁷

Penjelasan mengenai perkara-perkara yang dikatakan menyentuh kepentingan nasional dijelaskan melaui Seksyen 40(3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak)2004:

Tanpa menjelaskan keluasan subseksyen (1), suatu fatwa hendaklah disifatkan berkaitan dengan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan nasional jika persoalan itu ada hubungan dengan apa-apa perkara, dasar,

¹⁶⁶ *Ibid.*,Seksyen 40. (1)

¹⁶⁷ *Ibid.*,Seksyen 40. (2)

program atau aktiviti yang secara langsung menyentuh kepentingan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau mana-mana kementerian, jabatan atau agensinya.¹⁶⁸

Apabila Majlis Raja-Raja memperkenankan syor atau nasihat Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan supaya sesuatu fatwa dibuat, maka JFNP hendaklah menerima pakai syor berkenaan seperti mana yang diperuntukkan dalam seksyen 41 (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004:

Jawatankuasa Fatwa hendaklah menerima pakai apa-apa nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang menyentuh apa-apa perbuatan atau amalan yang diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja sebagai merupakan perbuatan atau amalan yang meliputi seluruh Persekutuan menurut Fasal (2)(b)Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan.¹⁶⁹

2.4.4 Sumber rujukan fatwa

Mufti dan JFNP akan memberikan perhatian besar terhadap penjagaan kepentingan awam di dalam membuat sesuatu fatwa. Walaupun Mufti atau JFNP lebih mengutamakan Mazhab Shafii daripada mazhab-mazhab yang lain dalam mengeluarkan fatwa, namun mereka masih diberikan ruang untuk mengambil pandangan-pandangan dari mazhab yang lain ataupun berijtihad tanpa terikat dengan mana-mana mazhab demi memastikan kepentingan awam berhasil. Ini adalah memenuhi peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004.

43. (1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 37, atau memperakarkan sesuatu pendapat di bawah seksyen 42, Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut qaul muktamad (pendapat-pendapat yang diterima) Mazhab Shafie.

¹⁶⁸ *Ibid.*,Seksyen 40. (3)

¹⁶⁹ *Ibid.*,Seksyen 41. (1)

(2) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut qaul muktamad Mazhab Shafie sesuatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan terhasil, Jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut qaul muktamad Mazhab Hanafi, Maliki dan Hambali.

(3) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada suatu pun qaul muktamad daripada empat Mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Jawatankuasa Fatwa bolehlah membuat fatwa itu mengikut ijtihad tanpa terikat dengan qaul muktamad daripada mana-mana Mazhab yang empat itu.¹⁷⁰

Dalam proses mengeluarkan fatwa, kebanyakan kitab-kitab ulama al-Shafiyyah telah menjadi rujukan utama seperti *Mughnī al-Muhtāj*, *Bughyah al-Mustarsyidīn*, *Fath al-Mu‘īn*, *Qalyūbi wa ‘Umayrah*, *I‘ānah al-Tālibīn* dan lain-lain lagi. Manakala kitab fiqh perbandingan dan fiqh semasa yang sering menjadi rujukan adalah seperti *al-Fiqh ‘ala al-Madhāhib al-Arba‘ah*, *al-Fiqah al-Islāmi wa Addilatuhu*, *Fiqh al-Zakah*, *al-Fatawa al-Mu‘āṣirah* dan lain-lain. Dalam bidang aqidah, antara kitab yang sering menjadi rujukan ialah seperti kitab *Sharḥ ‘Aqīdah al-Tāḥawiyah* dan *al-‘Aqidah al-Nasafiyah*.

2.5 PROSES PEWARTAAN FATWA

Proses pewartaan adalah satu proses yang sangat penting kerana dari segi undang-undang, sesuatu pernyataan yang diputuskan oleh Mufti ataupun keputusan hukum dari JFNP hanya dikira sebagai fatwa apabila pernyataan itu disiarkan di dalam Warta Kerajaan Negeri Perak.¹⁷¹ Apabila fatwa-fatwa berkenaan telah diwartakan, ia mempunyai nilai undang-undang kerana ia mengikat orang-orang yang berada di negeri Perak dan kegagalan untuk mematuhi boleh menyebabkan tindakan undang-undang dikuatkuasakan.

¹⁷⁰ Ibid., Seksyen 43

¹⁷¹ Lihat Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak), 2004,(Seksyen 37)

2.5.1 Pihak yang terlibat dalam pewartaan

Ada beberapa pihak yang terlibat dalam proses pewartaan fatwa selain daripada JFNP dan Jabatan Mufti Negeri Perak iaitu:

- i. Perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan
- ii. Kerajaan Negeri Perak
- iii. Penasihat Undang-undang Negeri
- iv. Majlis Agama Islam Perak

Setiap keputusan yang telah diputuskan oleh Jawatakuasa Fatwa Negeri Perak dan hendak diwartakan sebagai fatwa terlebih dahulu dimaklumkan kepada Majlis Agama Islam Perak. Tujuan pemakluman berkenaan adalah agar fatwa itu persetujui dan oleh Majlis Agama Islam dan setakat ini masih belum ada keputusan-keputusan berkenaan ditolak dan tidak diterima oleh Majlis Agama Islam Perak.¹⁷²

Setelah keputusan JFNP dimaklumkan dan diterima oleh Majlis Agama Islam Perak serta dipersetujui untuk diwartakan, deraf *sighah* fatwa berkenaan akan dirujuk kepada Penasihat Undang-undang Negeri Perak bagi tujuan penyemakan bahasa yang digunakan dalam *sighah* fatwa bertepatan dengan bahasa undang-undang. Semakan ini penting untuk memastikan ia betul dan mempunyai kekuatan pendakwaan ataupun penguatkuasaan di samping memenuhi kehendak peruntukan Enakmen yang mengkehendaki penggunaan Bahasa Melayu dalam pewartaan. Seksyen 37, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 mengkehendaki:

¹⁷² Kamaruddin bin Adam, Pegawai Fatwa Jabatan Mufti Perak, Temubual pada 5 Ogos 2010.

(8) Sesuatu fatwa hendaklah disiarkan dalam bahasa kebangsaan dalam tulisan rumi dan jawi, dan nas fatwa itu hendaklah dalam tulisan jawi.¹⁷³

Setelah deraf *sighah* fatwa berkenaan selesai disemak oleh Penasihat Undang-undang Negeri, langkah seterusnya adalah mendapatkan perkenan daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan dengan mengutuskan sepucuk surat dan jika perlu Mufti akan mengadap membuat penjelasan terhadap fatwa berkaitan. Perkenan daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak adalah sangat penting di dalam proses pewartaan keputusan - keputusan yang telah dipersetujui oleh Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa. Baginda berkuasa penuh samada memperkenan ataupun tidak sesuatu keputusan itu untuk diwartakan sebagai fatwa atau sebaliknya.Untuk mendapatkan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, penjelasan dan ulasan fatwa perlu disediakan jika ia perlu.

Setelah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan, Kerajaan Negeri Perak akan dimaklumkan mengenainya dan proses pewartaan akan dilakukan oleh Penasihat Undang-undang Negeri. Ini dijelaskan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004

37. (3) Selepas fatwa disediakan oleh Jawatankuasa Fatwa, Mufti hendaklah, bagi pihak dan atas nama Jawatankuasa Fatwa, memaklumkan Majlis tentang fatwa yang telah disediakan itu.

(4) Jawatankuasa Fatwa boleh membuat syor kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk mendapatkan perkenan Baginda bagi penyiaran fatwa itu dalam *Warta*.

(5) Syor yang dibuat di bawah subseksyen (4) hendaklah disertakan dengan memorandum penjelasan dan ulasan daripada Jawatankuasa Fatwa jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat penjelasan dan ulasan itu perlu.

¹⁷³ *Ibid.*

(6) Apabila fatwa itu telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan, Jawatankuasa Fatwa hendaklah memaklumkan Kerajaan Negeri tentang fatwa itu dan sesudah itu hendaklah menyebabkan fatwa itu disiarkan dalam *Warta*.¹⁷⁴

Oleh kerana proses pewartaan fatwa melalui proses yang melibatkan banyak pihak, maka kadang-kadang sesuatu keputusan itu terpaksa mengambil masa yang lama untuk diwartakan sebagai fatwa. Contohnya fatwa mengenai penulisan Astora Jabat berkenaan dengan azab kubur telah dibincangkan dan diputuskan hukumnya oleh JFNP pada tarikh 17 Disember 2003 namun disiarkan pada Warta Kerajaan Negeri Perak pada 29 Julai 2004.¹⁷⁵ Ia mengambil masa sehingga hampir lebih enam bulan untuk diwartakan.

2.5.2 Ciri-ciri isu yang diwartakan

Isu-isu yang akan dibincangkan dalam mesyuarat Fatwa dan akan diwartakan sebagai fatwa adalah mempunyai ciri-ciri berikut:

- i. Melibatkan kepentingan umum seperti Fatwa mengenai status tanah pemberian kerajaan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak.¹⁷⁶
- ii. Mempunyai elemen perundangan seperti penguatkuasaan, kes-kes yang melibatkan mahkamah dan pencegahan dengan menggunakan undang-undang seperti Fatwa mengenai pengharaman ajaran

¹⁷⁴ *Ibid.*

¹⁷⁵ Jabatan Mufti Negeri Perak (t.t), *Fatwa Negeri Perak 1994-2004*, (t.t.p), h. 1

¹⁷⁶ *Ibid*, h. 26

Azhar bin Wahab (Pengasas Al-Mansur Holding Sendirian Berhad).¹⁷⁷

- iii. Arahan dari Majlis Raja –Raja Melayu khususnya yang berkaitan dengan kepentingan nasional seperti Fatwa menangani masalah perpecahan orang Islam/Melayu.¹⁷⁸

PENUTUP

Fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh JFNP, jelas berbeza dengan istilah fatwa yang digunakan dalam tradisi keilmuan silam dalam beberapa aspek seperti pihak yang diberikan kuasa untuk mengeluarkannya, sudut proses mengeluarkannya, sudut autoriti dan penguatkuasaannya. Perkembangan-perkembangan ini sejajar dengan tuntutan semasa dan sesuai dengan aktiviti berfatwa yang telah diinstitusikan secara rasmi oleh pemerintah.

Fatwa hanya dikeluarkan oleh JFNP setelah melalui beberapa proses dan melibatkan beberapa pihak. Sepatutnya fatwa-fatwa ini dihormati dan dipatuhi oleh masyarakat Islam yang berada di negeri Perak kerana ia bukan sahaja mempunyai kekuatan undang-undang untuk dikuatkuasakan tetapi ia juga telah melalui proses pembinaan yang teliti.

Namun fatwa-fatwa ini masih perlu menerima penambahbaikan dari pelbagai sudut yang berkaitan dengannya seperti peruntukan undang-undang mengenainya, penguatkuasaannya dan prosedur pembuatannya.

¹⁷⁷ *Ibid*, h. 14

¹⁷⁸ *Ibid*, h. 46

BAB TIGA

ISU-ISU FATWA NEGERI PERAK 1994-2010

3.1 PENDAHULUAN

Dalam bab ini, penulis akan menyenaraikan fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan oleh JFNP dalam tempoh 1994 – 2010. Sepanjang tempoh berkenaan JFNP telah mengeluarkan sebanyak 20 fatwa yang menyentuh beberapa aspek kehidupan. Penulis membahagikan isu-isu berkenaan kepada tiga kategori utama iaitu:

- i. Isu akidah.
- ii. Isu syariah.
- iii. Isu sosial.

Kajian tertumpu kepada 20 fatwa yang telah dikeluarkan oleh JFNP dari tahun 1994-2010 berdasarkan penafsiran fatwa mengikut Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2004 yang memberi peruntukan undang-undang seperti berikut:

37. (9) Apa-apa pernyataan yang dibuat oleh Mufti atau Jawatankuasa Fatwa tidak boleh diambil sebagai fatwa melainkan jika pernyataan itu disiarkan dalam Warta mengikut subseksyen (6)¹⁷⁹

Fatwa-fatwa yang dikeluarkan dalam tempoh itu merangkumi keseluruhan fatwa-fatwa yang pernah dikeluarkan oleh JFNP bagi tempoh berkenaan. Keputusan-keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa sebelum tarikh berkenaan tidak diwartakan .

¹⁷⁹ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak), 2004,(Seksyen 37)

Penulis mendapatkan fatwa-fatwa berkenaan dari Warta-warta Kerajaan Negeri Perak yang berkaitan dengan fatwa dan buku “Fatwa Negeri Perak 1994-2004” terbitan Jabatan Mufti Negeri Perak. Penulis juga terpaksa merujuk kepada minit-minit mesyuarat dan kertas perbincangan dalam Mesyuarat JFNP serta beberapa surat yang terlibat dalam proses pewartaan fatwa untuk melihat dalil-dalil yang digunakan disebabkan fatwa-fatwa yang terkandung di dalam Warta hanya dalam bentuk keputusan fatwa sahaja dengan tidak mendatangkan dalil-dalil yang digunakan untuk membuat kesimpulan hukum.

Daripada 20 fatwa yang dikeluarkan, pembahagiannya mengikut kategori adalah seperti berikut:

Jadual 3: Pembahagian isu fatwa.

ISU	BIL
Akidah	10
Syariah	5
Sosial	5
JUMLAH	20

Sumber: Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Perak

Fatwa-fatwa yang berkaitan dengan isu-isu akidah didapati lebih banyak daripada isu-isu syariah dan sosial. Perkara ini bukanlah sesuatu yang janggal kerana isu akidah

adalah isu yang terpenting dalam kehidupan lebih-lebih lagi muncul banyak ajaran-ajaran menyeleweng yang berlaku dalam masyarakat.

Dalam bab ini penulis hanya menyenaraikan dalil-dalil al-Quran sahaja kerana skop kajian hanyalah mengenai pendalilan al-Quran terhadap fatwa-fatwa yang dikeluarkan JFNP. Ulasan terhadap dalil-dalil berkenaan akan dilakukan dalam bab keempat.

3.2 FATWA-FATWA AKIDAH

Sepanjang tempoh 1994-2010 sebanyak 10 fatwa telah dikeluarkan seperti berikut:

3.2.1 Fatwa mengenai Ajaran Cahaya Qursani.¹⁸⁰

Keputusan fatwa:

”Amalan dan kepercayaan dalam ajaran Cahaya Qursani adalah sesat dan menyeleweng dari Ajaran Islam yang sebenar. Umat Islam diharamkan untuk beramal dan beriktiad dengan kepercayaan tersebut. Sesiapa sahaja yang mengamalkan dan beriktiad dengan ajaran ini adalah melakukan kesalahan dan boleh didakwa di bawah Enakmen Jenayah Syariah Negeri Perak. Oleh itu mana-mana pengikut dan orang Islam yang mengamalkan dan beriktiad seperti itu adalah sesat dan wajib bertaubat.”¹⁸¹

Keputusan Mesyuarat JFNP yang bersidang pada 6 November 2008M bersamaan 8 Zulkaedah 1429H kali 179. Diwartakan pada tarikh 10 haribulan Jun 2010 Warta Kerajaan Negeri Perak Jil. 63 Bil.12 Pk. P.U. 24.

¹⁸⁰ Ajaran ini diasaskan oleh Anuar Idris Bin Beedin dari Lenggong Perak. Ia adalah adunan antara ajaran dan perbomohan. Antara pegangan yang jelas terpesong dari ajaran Islam sebenar ialah seperti pemujaan guru dalam amalan perbomohan, mampu meneroka alam ghaib dan sebagainya lihat Minit Mesyuarat JFNP kali ke 179, perkara 4.2.

¹⁸¹ Warta Kerajaan Negeri Perak, Jilid 63, Bil. 12, Pk. P.U. 24

Penggunaan dalil al-Quran

Fatwa JFNP mengenai ajaran Cahaya Qursani tidak ada dalil al-Quran,¹⁸² meskipun terdapat beberapa ayat al-Quran yang masih boleh dijadikan sandaran hukum. Penulis akan mengemukakan dalil-dalil al-Quran yang berkaitan dengan fatwa ini dalam bab yang ke empat.

3.2.2 Fatwa mengenai penggunaan kalimah Allah.

Keputusan fatwa:

- i. Penggunaan Kalimah Allah hanya dikhususkan kepada umat Islam;
- ii. Mana-mana penganut selain daripada penganut Agama Islam adalah dilarang daripada menggunakan Kalimah Allah untuk sebarang tujuan atau maksud;
- iii. Orang-orang yang bukan beragama Islam adalah dilarang daripada menggunakan kalimah Allah dalam apa jua penerbitan, penyiaran dan penyebaran apa-apa buku, risalah, filem, video dan sebagainya.¹⁸³

Keputusan Mesyuarat JFNP yang telah bersidang buat kali 178 pada 17 Julai 2008 bersamaan 14 Rejab 1429. Diwartakan pada tarikh 10 haribulan Jun 2010 Warta Kerajaan Negeri Perak Jil. 63 Bil.12 Pk. P.U. 25.

Penggunaan dalil al-Quran

JFNP telah menggunakan ayat berikut sebagai sandaran fatwa yang diputuskan¹⁸⁴

¹⁸² Minit Mesyuarat JFNP kali ke 179, perkara 4.2.

¹⁸³ Warta Kerajaan Negeri Perak, Jil. 63, Bil.12, Pk. P.U. 25

¹⁸⁴ Minit Mesyuarat JFNP kali ke 178, perkara 4.21

إِنَّ الْدِينَ عِنْدَ اللَّهِ أَلَّا سُلْطَنٌ

Surah Āli ‘Imrān (3) : 19

“Sesungguhnya ugama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam.”

Terjemahan Surah Āli ‘Imrān (3) : 19

Jawatankuasa Fatwa juga telah menggunakan surah al-Ikhlas sebagai dalil utama dalam fatwa berkenaan.

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ
لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوْلَدْ
لَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ

Surah al-Ikhlas (112) : 1-4

“ Katakanlah (Wahai Muhammad): "(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa; "Allah yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat; "Ia tiada beranak, dan ia pula tidak diperanakkan; "Dan tidak ada sesiapapun yang serupa denganNya".

Terjemahan Surah al-Ikhlas (112) : 1-4

3.2.3 Fatwa mengenai ajaran Ayah Pin

Keputusan fatwa:

“1. Bahawa ajaran Arifin bin Muhamad (Ayah Pin) ialah ajaran yang menyeleweng daripada ajaran Islam sebenar ,sesat dan syirik kerana ciri-ciri yang menyeleweng seperti yang berikut:

(a) dari aspek akidah-

- (i) Ayah Pin sebagai tuhan yang turun dari langit dan kerajaan langit adalah di bawah kekuasaannya;
- (ii) Ayah Pin mempunyai kuasa menyembuh segala penyakit dan sebutan namanya boleh menakutkan binatang buas;

- (iii) Ayah Pin mendakwa bahawa Mekah,Kaabah dan Air Zam adalah miliknya dan dibina selepas mendapat wahyu dari langit;
- (iv) Ayah Pin mempunyai kuasa menjadikan manusia menjadi batu melalui sumpahannya ,mengetahui perkara ghaib ,boleh menentukan syurga atau neraka seseorang,mendakwa roh orang yang mati jahat akan dikurung dalam kubah markaz;
- (v) Menolak berlaku kemusnahan dunia ketika qiamat;
- (vi) Seseorang Islam itu perlu menjadi kafir dahulu
- (vii) Menolak kepentingan mengucapkan dua kalimah syahadah di akhir kematian anak Adam.

(b) dari aspek syariah

- (i) menolak rukun Islam dan hukum syara'berkaitan dengan Tuhan';
- (ii) menolak rukun –rukun Islam termasuk kewajipan sembahyang lima waktu, puasa di dalam bulan Ramadhan , zakat dan ibadah haji.;
- (iii) menghalalkan makanan yang diharamkan oleh syara' ;
- (iv) mengada-adakan hukum syara'seperti nikah batin.

2. Semua dakwaan-dakwaan di atas mengandungi ajaran-ajaran dan fahaman yang bertentangan dengan akidah dan syariah Islamiah serta boleh mengeliru dan menyesatkan masyarakat Islam dan dengan ini adalah diharamkan.

3. Kumpulan Ayah Pin yang berpegang kepada ajaran-ajaran dan fahaman yang didakwa oleh Arifin Muhammad adalah diharamkan.

4. Oleh itu, orang Islam dilarang mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman Kumpulan Ayah Pin, menjadi ahli, mengetuai, memimpin, memberikan ceramah, mengadakan kelas pendidikan dan pembelajaran, mengadakan aktiviti-aktiviti ekonomi, sosial dan aktiviti-aktiviti lain yang bertujuan untuk menghidupkan dan mengembangkan kumpulan ini. Orang-orang Islam adalah juga dilarang memiliki, menyimpan, mencetak, menjual termasuk mengedarkan risalah dan apa-apa dokumen, menggunakan sebarang bentuk lambang, rajah atau tanda-tanda yang boleh dikaitkan dengan Kumpulan Ayah Pin pada mana-mana harta alih atau tak alih.

5. Sebarang bentuk sokongan dan bantuan kepada Ayah Pin dan/atau pengikut-pengikutnya dilarang dan hendaklah dihentikan serta-merta.

6. Bahawa orang Islam yang mengamalkan ajaran Arifin bin Mohamad (Ayah Pin) adalah *murtad*.¹⁸⁵

Keputusan Mesyuarat JFNP yang telah bersidang buat kali 167 pada 18 Ogos 2005 bersamaan 13 Rejab 1426. Diwartakan pada tarikh 30 haribulan Januari 2007 Warta Kerajaan Negeri Perak Jil. 60 Bil. 2 Pk. P.U. 3.

Penggunaan dalil al-Quran

Tiada ayat al-Quran yang menjadi dalil kepada fatwa ini.¹⁸⁶ Namun bagi pandangan penulis, sangat banyak ayat al-Quran yang boleh menjelaskan lagi kesesatan pegangan kumpulan ini. Dalil-dalil ini akan dibincangkan dalam bab seterusnya.

3.2.4 Fatwa mengenai penulisan Astora Jabat¹⁸⁷ berkenaan dengan azab kubur.

Keputusan Fatwa:

” Bahawa menolak kepercayaan azab kubur setelah wujud keterangan dari Al-Quran dan Al Hadith serta Ijma’ Ulama’ adalah terkeluar dari ajaran Islam yang sebenar dan oleh itu orang Islam dilarang mengamalkan ajaran itu”¹⁸⁸

¹⁸⁵ Warta Kerajaan Negeri Perak Jil. 60 Bil. 2 Pk. P.U. 3.

¹⁸⁶ Minit Mesyuarat JFNP kali ke 167, perkara 4.1.6

¹⁸⁷ Nama sebenar beliau adalah Asae Toramae. Sering menulis di media dengan menggunakan nama pena Astora Jabat. Di dalam Majalah Al Islam edisi November dan Disember 2003 beliau menulis artikel bertajuk “Tiada azab kubur selepas meninggal dunia” dan “Percanggahan hadith mengenai azab kubur” (Minit Mesyuarat JFNP kali ke 161, perkara 4.2.2)

¹⁸⁸ Warta Kerajaan Negeri Perak, Jil. 57, Bil. 16, No. 1083.

Keputusan Mesyuarat JFNP yang telah bersidang buat kali 161 pada 17 Disember 2003 bersamaan 23 Syawal 1424. Diwartakan pada tarikh 29 haribulan Julai 2004 Warta Kerajaan Negeri Perak, Jil. 57, Bil. 16, No. 1083.

Penggunaan dalil al-Quran

JFNP telah menggunakan ayat-ayat al-Quran berikut untuk menegaskan bahawa azab kubur adalah memang wujud¹⁸⁹ :

وَمَنْ أَعْرَضَ عَنْ ذِكْرِي فَإِنَّ لَهُ مَعِيشَةً ضَنْكاً وَخَسْرُهُ رَبِيعُ الْقِيمَةِ
أَعْمَى

Surah Tòha (20) : 124

"Dan sesiapa yang berpaling ingkar dari ingatan dan petunjukKu, maka Sesungguhnya adalah baginya kehidupan yang sempit, dan Kami akan himpukkan dia pada hari kiamat dalam keadaan buta".

Terjemahan Surah Tòha (20) : 124

وَإِنَّ لِلّذِينَ ظَلَمُوا عَذَابًا دُونَ ذَلِكَ وَلَكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ

Surah al-Tūr (52) : 47

"Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu akan beroleh azab seksa selain dari azab yang tersebut, akan tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui (hakikat yang sebenarnya)."

Terjemahan Surah al-Tūr (52) : 47

¹⁸⁹ Minit Mesyuarat JFNP kali ke 161, perkara 4.2.2

كَلَّا سَوْفَ تَعْلَمُونَ

Surah al-Takāthur (102) : 3

“Jangan sekali-kali (bersikap demikian)! kamu akan mengetahui kelak”

Terjemahan Surah al-Takāthur (102) : 3

النَّارُ يُعَرَضُونَ عَلَيْهَا غُدُوا وَعَشِيًّا وَيَوْمَ تَقُومُ السَّاعَةُ أَذْخُلُوا إِلَيْهَا فِرْعَوْنَ أَشَدَّ الْعَذَابِ

Surah al-Mu'min (40) : 46

“Mereka didedahkan kepada bahang api neraka pada waktu pagi dan petang (semasa mereka berada dalam alam barzakh); dan pada hari berlakunya kiamat (diperintahkan kepada malaikat): "Masukkanlah Firaun dan pengikut-pengikutnya ke dalam azab seksa api neraka yang seberat-beratnya!"

Terjemahan Surah al-Mu'min (40) : 46

مِمَّا حَطَّيْتُهُمْ أَغْرِقُوا فَأَدْخُلُوا نَارًا فَلَمْ تَجِدُوا لَهُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ أَنْصَارًا

Surah Nūh (71) : 25

“Disebabkan dosa-dosa dan kesalahan mereka, mereka ditenggelamkan (dengan banjir dan taufan), kemudian (pada hari akhirat) dimasukkan ke dalam neraka; maka mereka tidak akan beroleh sebarang penolong yang lain dari Allah (yang dapat memberikan pertolongan).”

Terjemahan Surah Nūh (71) : 25

وَلَا تَحْسِبَنَّ الَّذِينَ قُتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتًاٌ بَلْ أَحْيَاءٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ
 فَرِحِينَ بِمَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَيَسْتَبِشُونَ بِالَّذِينَ لَمْ يَلْحَقُوْا بِهِمْ
 مِنْ حَلْفِهِمْ أَلَا حَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ

Surah Āli ‘Imrān (3) : 169-170

“Dan jangan sekali-kali engkau menyangka orang-orang yang terbunuh (yang gugur syahid) pada jalan Allah itu mati, (Mereka tidak mati) bahkan mereka adalah hidup (secara istimewa) di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki; (dan juga) mereka bersukacita dengan kurniaan Allah (balasan mati syahid) yang telah dilimpahkan kepada mereka, dan mereka bergembira dengan berita baik mengenai (saudara-saudaranya) orang-orang (Islam yang sedang berjuang), yang masih tinggal di belakang, yang belum (mati dan belum) sampai kepada mereka, (Iaitu) bahawa tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.”

Terjemahan Surah Āli ‘Imrān (3) : 169-170

3.2.5 Fatwa mengenai ajaran Azhar bin Wahab¹⁹⁰ (pengasas Al-Mansur Holding Sdn. Bhd.

Keputusan:

”Bahawa:

1. Ajaran Azhar bin Wahab didapati bertentangan dengan fahaman Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar ;
2. Bahawa mana-mana kumpulan atau orang perseorangan yang berpegang dan mengamalkan Ajaran Azhar bin Wahab dianggap menyalahi Hukum Syarak dan wajib bertaubat.”¹⁹¹

¹⁹⁰ Azhar bin Wahab tidak pernah menerima pendidikan agama secara formal. Terpengaruh dengan Ustaz Hanafi bekas pengikut setia al-Arqam. Menubuhkan syarikat perniagaan Al-Mansur selepas al-Arqam dibubarkan. Antara ajaran beliau yang menyeleweng ialah masih mengamalkan Aurad Muhammadiah, mendakwa di dampingi wali Allah, mengenakan syarat makan ais untuk mendapat karamah, mengetahui perkara ghaib, sentiasa menjamakkan solat dan sebagainya. (Minit Mesyuarat JFNP kali ke 162, perkara 4.1.)

Keputusan Mesyuarat JFNP yang telah bersidang buat kali 162 pada 11 Mac 2004 bersamaan 19 Muharam 1425. Diwartakan pada tarikh 29 haribulan Julai 2004 Warta Kerajaan Negeri Perak, Jil. 57, Bil. 16, No. 1084.

Penggunaan dalil al-Quran

Untuk memberi penegasan bahawa sikap taksub kepada ketua secara membuta tuli adalah satu sikap yang bertentangan dengan ajaran kesederhanaan Islam, JFNP telah memperkuatkan hujjah mereka dengan ayat berikut;¹⁹²

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ
الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا

Surah al-Baqarah (2) : 143

“Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (Wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu.”

Terjemahan Surah al-Baqarah (2) : 143

Untuk menolak hujjah pengasas ajaran ini iaitu Azhar bin Wahab bahawa beliau mampu memberi keberkatan dan syafaat, JFNP telah menggunakan ayat:

¹⁹¹ Warta Kerajaan Negeri Perak, Jil. 57, Bil. 16, No. 1084.

¹⁹² Minit Mesyuarat JFNP kali ke 162, perkara 4.1.

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَقُّ الْقَيُومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي
 السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا
 بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفُهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ
 وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ
الْعَظِيمُ

Surah al-Baqarah (2) : 255

Allah, tiada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang tetap hidup, Yang kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhlukNya). Yang tidak mengantuk usahkan tidur. Yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. tiada sesiapa yang dapat memberi syafaat (pertolongan) di sisiNya melainkan dengan izinNya. Yang mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari (kandungan) ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendaki (memberitahu kepadanya). Luasnya Kursi Allah (ilmuNya dan kekuasaanNya) meliputi langit dan bumi; dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah menjaga serta memelihara keduanya. dan Dia lah Yang Maha tinggi (darjat kemuliaanNya), lagi Maha besar (kekuasaanNya)

Terjemahan Surah al-Baqarah (2) : 255

3.2.6 Fatwa mengenai kedudukan Ajaran Ilmu Hakikat Hassan Jonit¹⁹³.

Keputusan:

” bahawa ajaran dan amalan Ilmu Hakikat Hassan bin Jonit adalah sesat dan terkeluar dari ajaran Islam yang sebenar dan oleh itu orang-orang Islam adalah dilarang mengamalkan ajaran itu.”¹⁹⁴

¹⁹³ Ajaran ini dipelopori oleh Hassan bin Jonit dari Ampang Selangor. Ajaran ini mula diperkenalkan 25 tahun dulu di Melaka dan Singapura. Antara ajaran yang menyeleweng ialah boleh bertemu Allah dan Nabi Muhammad, menolak hari akhirat, mandi wajib dengan mencelup jari dan sebagainya. Penjelasan lanjut boleh diperolehi dari Minit Mesyuarat JFNP kali ke 157, perkara 4.8.

¹⁹⁴ Warta Kerajaan Negeri Perak, Jil. 56, No. 474

Keputusan Mesyuarat JFNP yang bersidang kali ke 157 pada 15 Syaaban 1423 bersamaan 22 Oktober 2002 . Diwartakan pada tarikh 19 haribulan Jun 2003 Warta Kerajaan Negeri Perak, Jil. 56, No. 474.

Penggunaan dalil al-Quran

Fatwa yang dikeluarkan ini tidak disandarkan kepada mana-mana ayat al-Quran.¹⁹⁵ Penulis terpaksa meneliti beberapa pegangan dan amalan kumpulan ini yang sangat jelas bertentangan dengan beberapa ayat al-Quran. Penulis akan membincangkannya dalam bab ke empat.

3.2.7 Fatwa mengenai ajaran Islam Jamaah.

Keputusan:

“Bahawa ajaran dan amalan Islam Jamaah adalah sesat dan terkeluar dari ajaran Islam yang sebenar dan oleh itu orang-orang Islam adalah dilarang mengamalkan ajaran itu.”¹⁹⁶

Keputusan Mesyuarat JFNP yang bersidang kali ke 155 pada 26 Safar 1423 bersamaan 9 Mei 2002. Diwartakan pada tarikh 8 haribulan Mei 2003 Warta Kerajaan Negeri Perak, Jil. 56, No. 317.

¹⁹⁵ Minit Mesyuarat JFNP kali ke 157, perkara 4.8

¹⁹⁶ Warta Kerajaan Negeri Perak, Jil. 56, No. 317

Penggunaan dalil al-Quran

Fatwa yang dikeluarkan ini tidak disandarkan kepada mana-mana ayat al-Quran.¹⁹⁷ Sebenarnya banyak pegangan dan amalan kumpulan ini bertentangan dengan hukum-hakam yang terkandung di dalam ayat-ayat al-Quran. Penulis akan menghuraikannya dalam bab seterusnya.

3.2.8 Fatwa mengenai buku "Persaudaraan ilmu dalam al-Maunah Malaysia"¹⁹⁸

Keputusan:

”(1) Kandungan buku bertajuk ”Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Maunah Malaysia Seni Bela Diri Warisan Islam (sumber kekuatan batin)” karangan Syeikh Muhamad Amin bin Mohd Razali didapati mengandungi perkara-perkara yang meragukan dan menyalahi ajaran Agama Islam yang sebenar. Oleh yang demikian umat Islam dilarang mengamalkan ajaran itu dan buku itu wajib diharamkan dan pengamalnya wajib bertaubat.

(2) Bagi orang-orang Islam yang telah membaca, dan menyebarkan dan mengamalkan ajaran itu di mana-mana juga hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan kepada Allah Subhanahu Wata’ala.”¹⁹⁹

¹⁹⁷ Minit Mesyuarat JFNP kali ke 155, perkara 4.7.

¹⁹⁸ Ahli-ahli kumpulan ini mengambil kepercayaan dan berpegang kepada buku ini dalam mengamal wirid dan zikir harian untuk mendapatkan kekuatan. Buku ini dikarang oleh Muhammad Amin bin Mohd Razali. Antara bentuk penyelewengan yang terdapat dalam buku ini ialah ia diresapi fahaman *wahdah al-wujūd*, mengetahui benda-benda ghaib dan sebagainya. Penjelasan lanjut boleh diperolehi dari Minit Mesyuarat JFNP kali ke 150, perkara 4.1.

¹⁹⁹ Warta Kerajaan Negeri Perak, Jilid 54, No. 509

Keputusan Mesyuarat JFNP yang bersidang kali ke 150 pada 9 Syaban 1421 bersamaan 6 November 2001. Diwartakan pada tarikh 2 haribulan Ogos 2001 Warta Kerajaan Negeri Perak, Jilid 54, No. 509.

Penggunaan dalil-dalil al-Quran:

Fatwa ini telah diperkuuhkan dengan ayat al-Quran berikut:²⁰⁰

قُلْ لَا يَعْلَمُ مَنِ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبِ إِلَّا اللَّهُ وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانٍ يُبَعْثُرُونَ

Surah al-Naml (27) : 65

Katakanlah lagi: tiada sesiapapun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib melainkan Allah!" dan tiadalah mereka menyedari bilakah masing-masing akan dibangkitkan hidup semula (sesudah mati).

Terjemahan Surah al-Naml (27) : 65

3.2.9 Fatwa mengenai buku-buku berkaitan dengan gerakan anti-hadith.

Keputusan:

”A BAHAWA BUKU YANG BERTAJUK-

- (a) ”Hadith Satu Penilaian Semula” dan ”Hadith Jawapan Kepada Pengkritik ” yang kedua-duanya ditulis oleh Kassim Ahmad;
- (b) ”Pendedahan Kebenaran Adalah Dari Tuhanmu-Hadith di dalam Al-Quran” yang ditulis oleh Idris Abdul Rahman;
- (c) ”Bacaan” yang ditulis oleh Othman Ali;
- (d) ”The Computer Speaks-God’s Message To The World” yang ditulis oleh Dr. Rashad Khalifa.

²⁰⁰ Minit Mesyuarat JFNP kali ke 150, perkara 4.1.

Adalah mengandungi ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang bertentangan dengan akidah, syariah dan akhlak Islam serta mengeliru dan menyesatkan masyarakat Islam. Ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang terkandung dalam-dalam buku tersebut, antara lain, menolak hadith sahih (iaitu hadith yang disahkan bersumber daripada Rasulullah S.A.W) sebagai sumber akidah dan perundangan Islam, menghina kedudukan Rasulullah S.A.W dan menghina al-Quran dengan mempertikaikan kesahihan serta memesongkan pengertian sebenar ayat-ayat al-Quran tersebut.

B. BAHAWA orang dalam kumpulan yang berpegang kepada ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang terkandung dalamm buku-buku yang tersebut dahulu adalah suatu kumpulan yang sesat dan bertentangan dengan akidah, syariah dan akhlak Islamiah.

C. OLEH YANG DEMIKIAN –

(1) mana-mana orang atau kumpulan yang berpegang kepada ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang terkandung dalam buku "Hadith Satu Penilaian Semula", "Hadith Jawapan Kepada Pengkritik", "Pendedahan Kebenaran Adalah Dari Tuhanmu-Hadith di dalam Al-Quran", "Bacaan" atau "The Computer Speaks-God's Message To The World" adalah murtad;

(2) mana-mana orang Islam adalah dilarang

(a) mengajar, mempelajari, mengamalkan berpegang kepada atau menyebarkan ajaran-ajaran atau fahaman-fahaman yang terkandung dalam buku "Hadith Satu Penilaian Semula", "Hadith Jawapan Kepada Pengkritik" "Pendedahan Kebenaran Adalah Dari Tuhanmu-Hadith di dalam Al-Quran", "Bacaan" atau "The Computer Speaks-God's Message To The World";

(b) mencetak, menerbitkan, memiliki, menyiaran, menyebarkan atau mengedarkan buku "Hadith Satu Penilaian Semula", "Hadith Jawapan Kepada Pengkritik" "Pendedahan Kebenaran Adalah Dari Tuhanmu-Hadith di dalam Al-Quran", "Bacaan" atau "The Computer Speaks-God's Message To The World"; atau mana-mana bahagiannya termasuk

- (i) apa-apa bentuk, versi, atau variasinya;
- (ii) apa-apa terjemahannya dalam apa-apa bahasa;
- (iii) apa-apa bahan publisiti yang bertujuan memberikan publisiti kepada mana-mana buku itu, pada atau atas apa-apa bahan, samada bahan

cetak atau elektronik atau selainnya atau melalui apa-apa media ; atau

- (c) Menjadi anggota atau memimpin mana-mana Golongan Antihadith atau membantu dalam menghidupkan atau mengembangkan kumpulan sedemikian.”²⁰¹.

Keputusan Mesyuarat JFNP yang bersidang pada 2 Jamadilawal 1416 kali ke 134 bersamaan 27 September 1995. Diwartakan pada tarikh 15 Februari 1996 Warta Kerajaan Negeri Perak, Jil 49 No. 139.

Penggunaan dalil-dalil al-Quran:²⁰²

Jawatankuasa Fatwa telah mendedahkan beberapa fakta salah mengenai penafsiran ayat-ayat al-Quran yang dianuti oleh kumpulan ini menerusi buku-buku yang diharamkan ini antaranya:-

I. Memesongkan pengertian sebenar ayat-ayat al-Quran.

Antara penyelewengan paling nyata yang dilakukan oleh golongan anti hadith ini ialah menterjemah dan menafsirkan ayat-ayat al-Quran mengikut ’selera’ sendiri tanpa memperhitungkan disiplin ilmu Islam yang sebenar.

²⁰¹ Warta Kerajaan Negeri Perak, Jil 49 No. 139.

²⁰² Minit Mesyuarat JFNP kali ke 134, perkara 4.3.

Contoh ayat-ayat yang telah diselewengkan tersebut ialah:

1) Ayat 12 surah al-Taghābun

Ayat ini telah ditafsirkan dengan maksud bahawa taat kepada perintah rasul bermakna taat kepada wahyu(Quran). Penjelasan ayat ini dikembangkan oleh Kassim Ahmad, di dalam buku ”HADIS JAWAPAN KEPADA PENGKRITIK” hal. 26 dan 27.

”Ayat ini menerangkan bahawa tugas rasul hanyalah menyampaikan wahyu Allah, iaitu al-Quran. Jadi taat kepada Rasul bermakna taat kepada Allah yang diwakili oleh rasulNya dalam al-Quran, dan berpegang kepada al-Quran. Jadi taat kepada rasul dengan sendirinya bermakna taat kepada Allah dan berpegang kepada Quran.”

”Bukti-bukti bahawa inilah makna ungkapan tersebut yang sebenar dapat dilihat dari kegunaan perkataan ’rasul’ dan bukan Muhammad dan juga dari banyak ayat Quran lain yang memerintah kita supaya tunduk, berpegang dan patuh hanya kepada Tuhan”.

2) Ayat 114, surah Hūd

Pengertian ini telah diselewengkan dengan maksud bahawa sembahyang dengan maksud bahawa sembahyang hanya tiga kali sehari, iaitu Subuh, Maghrib dan Isyak.

”Othman memberikan contoh Surah 11:114 yang berbunyi: dan lakukanlah solat pada dua tepi siang dan awal malam. Ayat ini bermakna sembahyang hanya tiga kali sehari iaitu Subuh, Maghrib dan isyak...”

(petikan dari Utusan Malaysia, 14 Julai 1995. Kenyataan oleh Othman Ali)

3) Ayat 15, Surah Tāhā

Pengertian ayat ini telah diselewengkan dengan maksud bahawa:

”Saat itu (tamatnya dunia) pasti tiba, Aku hampir-hampir merahsiakannya supaya tiap-tiap diri dibalas mengikut kerjanya’.

(petikan dari buku ”HADIS JAWAPAN KEPADA PENGKRITIK, tulisan Kassim Ahmad hal. 57)

Dengan pentafsiran seperti di atas. Golongan Antihadith ini mendakwa tarikh akan berlakunya kiamat tidak menjadi rahsia kepada manusia, malah ianya boleh ditentukan dengan menggunakan kod 19.

II. Mempertikai kesahihan ayat-ayat al-Quran.

Selain daripada memesongkan pengertian ayat-ayat al-Quran, Golongan Antihadith ini juga didapati telah mempertikaikan kesahihan ayat 128 dan 129, surah al-Taubah. Kassim Ahmad melalui bukunya ”Hadis Jawapan Kepada Pengkritik”, hal. 60, mendakwa bahawa terdapat sabotaj dalam penulisan kedua-dua ayat ini kerana ia tidak dapat diselaraskan kepada kod 19.

”Kita tidak boleh meninggalkan bab ini tanpa menyebut suatu lagi pendedahan besar yang telah dibuat oleh kod 19. Bukhari dan al-Suyuti (811 T.M) menyatakan bahawa Khalifah Uthman melantik sebuah suruhanjaya untuk menyemak naskhah-naskhah Quran yang wujud pada waktu itu, termasuk menyemak dengan mereka yang menghafal Quran, untuk mengadakan suatu naskhah Quran yang rasmi, suruhanjaya itu mendapati bahawa tiap-tiap ayat Quran disahkan oleh banyak saksi, ’ kecuali ayat 128 dan 129, surah 9Tetapi yang amat memerlukan perhatian bila kita dapati bahawa kedua-dua ayat ini, dari segi huruf, perkataan dan ayat- ditolak oleh kod 19. Ini bermakna Kod 19 mengesahkan dua kenyataan sejarah oleh Bukhari dan al-Suyuti yang kita petik tadi bahawa ayat-ayat ini ialah tambahan yang tidak terdapat dalam Quran”.

III. Mendakwa kiamat akan berlaku pada 1710H / 2280 M

Golongan antihadith ini juga mendakwa bahwa kiamat akan berlaku pada 1710H / 2280 M berdasarkan kepercayaannya kepada kod 19 . Kenyataan ini terkandung di dalam buku ”HADITH JAWAPAN KEPADA PENGKRITIK” tulisan Kassim Ahmad, hal. 59.

”Angka 309 ada disebut dalam al-Quran dalam konteks yang berkaitan dengan tamatnya dunia dan kiamat. Ini bermakna Quran sendiri mengesahkan tarikh tamatnya dunia dan kiamat. Oleh yang demikian, dunia ini akan berakhir 309 tahun hijrah dari 1400, atau 300 tahun masih dari 1980 pada 1710 T.H. bersamaan dengan 2280 T.M.

IV. Menfitnah para ulama melalui ayat al-Quran dengan memesongkan pangertian ayat tersebut, contohnya:

”Dalam hal ini al-Quran mengatakan: ”Wahai orang beriman, sesungguhnya kebanyakannya pendita-pendita dan alim ulama itu memakan harta manusia dengan cara palsu (batil) dan mereka menghalang orang daripada jalan Allah”. (Q.9:34)

(petikan akhbar Berita Harian 14 Julai 1995), tulisan Wadan Kassim, hal. 10)

3.2.10 Fatwa Mengenai al-Arqam

Keputusan:

”A. Bahawa-

- (i) Buku yang bertajuk ”Aurad Muhammadiah Pegangan Darul Arqam Sekaligus Menjawab Tuduhan” yang ditulis oleh Ustaz HAJI ASHAARI MUHAMMAD dan isi kandungannya ; dan
- (ii) ”Manaqib (Riwayat Hidup) Sheikh Muhammad bin Abdullah As-Suhaimi yang ditulis oleh Mohamad Taha As Suhaimi dan juga yang ditulis oleh pihak-pihak lain dalam semua bahasa dan isi kandungannya.

adalah mengandungi ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang bertentangan dengan akidah dan syariah Islamiah serta mengelirukan dan boleh menyesatkan masyarakat Islam, oleh itu adalah diharamkan.

B. Bahawa Kumpulan Darul Arqam @ Al-Arqam yang berpegang kepada ajaran-ajaran dan fahaman –fahaman yang terkandung di dalam buku bertajuk ”Aurad Muhammadiah Pegangan Darul Arqam Sekaligus Menjawab Tuduhan” dan ”Manaqib (Riwayat Hidup) Sheikh Muhammad bin Abdullah As-Suhaimi adalah diharamkan.

C. Bahawa penghaminan ini meliputi-

(i) Apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang mana-mana ajaran- ajaran tersebut di (A) di atas, dan termasuklah apa-apa pegangan ideologi, falsafah, atau apa-apa kumpulan atau sistem amalan atau penunaian yang merangkumi bahawa tujuannya atau salah satu daripada tujuan-tujuannya ialah pencapaian pengajaran kebatinan , perlindungan kebatinan atau kewujudan kebatinan iaitu suatu pegangan, ideologi, falsafah , atau kumpulan atau sistem amalan atau penunaian yang tidak diakui dan bertentangan dengan syariat Islam dan pegangan oleh Ahli Sunnah Waljamaah;

(ii) apa-apa publisiti Kumpulan Darul Arqam @ Al-Arqam termasuk mana-mana terbitan, ertinya apa-apa bahan, termasuklah suatu gambar, gambarfoto, poster, rajah, surat edaran, glansar filem, iklan di akhbar dan apa-apa bentuk iklan lain, yang bertujuan untuk memberi publisiti kepada terbitan tersebut yang berkaitan dengan ajaran-ajaran atau pegangan-pegangan di (A) di atas;

(iii) apa-apa terbitan, ertinya apa-apa buku, majalah, pamphlet, risalah atau apa-apa bahan bacaan lain, samada dicetak, ditaip, ditulis tangan, atau dikeluarkan dengan apa-apa cara lain dan apa-apa bentuk keluaran ulangannya, dan termasuklah apa-apa filem iaitu sebuah wayang gambar, sebuah pita rakaman, atau sebuah rekod walaubagaimanapun ia dibuat, dari suatu imej berdasarkan penglihatan, yang mana adalah sebuah rekod yang mampu digunakan sebagai suatu alat menayangkan rangkaian itu sebagai suatu gambar bergerak; rakaman audio atau apa-apa bahan termasuk piring-piring hitam, fotografi, pita-pita rakaman, cakera laser dan cakera padat, yang mana dirakamkan rakaman suara manusia, untuk dibaca, dilihat atau didengar yang berkaitan dengan ajaran-ajaran atau pegangan-pegangan di (A) diatas;

Oleh itu orang Islam adalah dilarang mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman Kumpulan Darul Arqam @ Al-Arqam, menjadi ahli, mengetuai, memimpin, memberi ceramah, mengadakan kelas pendidikan dan pembelajaran, mengadakan aktiviti-aktiviti ekonomi, sosial, program persembahan kesenian dan kebudayaan dan lain-lain aktiviti-aktiviti yang bertujuan menghidupkan dan mengembangkan kumpulan ini.

Orang-orang Islam adalah juga dilarang memiliki, menyimpan, mencetak, menjual, termasuk mengedarkan filem, rakaman audio, pamphlet, buku-buku, majalah, atau apa-apa terbitan, risalah dan apa-apa dokumen; menggunakan sebarang bentuk lambang, rajah atau tanda-tanda yang boleh mengaitkan Kumpulan Darul Arqam @ Al-Arqam kepada mana-mana harta alih atau tak alih, dan semua pihak dilarang daripada memberi apa jua kemudahan dan bantuan.²⁰³

Keputusan Majlis Ugama Islam dan Adat Melayu Perak Darul Ridzuan yang bersidang pada 1 Rabiulawal 1415 bersamaan 10 Ogos 1994. Diwartakan pada tarikh 18 haribulan Ogos 1994 Warta Kerajaan Negeri Perak, Jil. 47, Bil. 17, Pk. P.U. 16.

Penggunaan dalil-dalil al-Quran:²⁰⁴

JFNP telah menggunakan beberapa ayat al-Quran untuk membuktikan bahawa beberapa asas pegangan kumpulan ini jelas menyeleweng dari ajaran Islam.

1. Persoalan menerima Aurad secara langsung dari Rasulullah di dalam keadaan jaga adalah satu dakwaan sahaja kerana seseorang yang telah meninggal dunia termasuk para Nabi atau syuhada tidak boleh berhubung dengan makhluk yang masih hidup di dunia. Lagipun Nabi s.a.w. telah

²⁰³ Warta Kerajaan Negeri Perak, Jil. 47, Bil. 17, Pk. P.U. 16.

²⁰⁴ Minit Mesyuarat JFNP kali ke 130, perkara 4.10.

menyempurnakan tugas kerasulannya, tidak berbangkit lagi isu penyampaian dakwah selepas kewafatan baginda s.a.w.

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَقْمَتْ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمْ
إِلَّا سَلَامَ دِينَا

Surah al-Mā'idah (5) : 3

".... pada hari ini telah ku sempurnakan untuk kamu agama kamu, dan telah ku cukupkan kepadamu ni'matku dan telah ku rida' Islam itu jadi agama bagi mu..."

Terjemahan Surah al-Mā'idah (5) : 3

2. Kebanyakan pengikut Arqam percaya mana-mana orang Arqam yang keluar daripada Arqam yang mengalami kematian, sakit dan nasib malang orang tertentu dianggap sebagai akibat menentang Arqam. Hal ini adalah bertentangan dengan konsep Islam yang sebenar kerana Allah s.w.t. berfirman:

قُلْ لَنْ يُصِيبَنَا إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَنَا هُوَ مَوْلَانَا وَعَلَى اللَّهِ فَلِيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾

Surah al-Taubah (9) : 51

"Tidak sekali-kali akan menimpa kami sesuatupun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami"

Terjemahan Surah al-Taubah (9) : 51

3. Kepercayaan kumpulan Arqam bahawa dengan menyeru nama Syeikh Suhaimi sewaktu menghadapi masalah dan hajat akan dapat dipenuhi, hal ini bertentangan dengan sama sekali dengan ayat-ayat Al-Quran yang jelas menyuruh umat Islam menumpukan permohonan kepada Allah semata-mata




Surah al-Ikhlas (112): 2

“Allah yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat”;

Terjemahan Surah al-Ikhlas (112): 2

Begitu juga dengan ayat di bawah :




Surah al-Fatiyah (1) : 5

“Engkaulah sahaja (Ya Allah) yang kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan.”

Terjemahan Surah al-Fatiyah (1) : 5

4. Mengenai ramalan berlakunya kiamat oleh Ustaz Ashaari Muhammad pada kurun ke 15 H adalah bertentangan dengan ajaran Rasulullah s.a.w. yang baginda sendiri tidak mahu meramalkan bila akan berlakunya kiamat, tambahan pula Allah menerangkan :



Surah Luqman (31): 34

Sesungguhnya di sisi Allah pengetahuan yang tepat tentang hari kiamat.

Terjemahan Surah Luqman (31): 34

5. Jawatankuasa Fatwa juga membuat pendedahan terhadap penyelewengan dalam mentafsir ayat poligami oleh Ashaari Muhammad melalui ayat 3 surah al-Nisa' di mana Ashaari Muhammad mengatakan :

“Ini (berpoligami) bermula daripada dua dahulu, selepas itu tiga dan selepas itu empat orang. Sudah cuba dan rasa-rasa tak adil, baru boleh berunding baik-baik. Lepaskan, tinggalkan satu ataupun dua ataupun tiga. Kalau satu sahaja, tidak tahu lagi apakah adil atau tidak sebab itu Allah berfirman “masna” (dua), satu disebut dihujung selepas...”

(Buku “Inilah Sikap Kita” oleh Ashaari Muhammad 1990, m.s. 171)

3.3 FATWA-FATWA SYARIAH

Sepanjang tempoh 1994-2010 sebanyak lima fatwa telah dikeluarkan seperti berikut:

3.3.1 Fatwa mendirikan solat Jumaat ketika bersuluk oleh pengamal tarekat.

Keputusan:

- (i) Amalan bersuluk atau khulwah oleh pengamal-pengamal tareqat tertentu tidak boleh dikategorikan sebagai keuzuran yang dibenarkan oleh syara' untuk tidak menunaikan solat Jumaat;
- (ii) Pengamal tareqat tertentu yang bersuluk diwajibkan menunaikan solat Jumaat ketika bersuluk;
- (iii) Tindakan undang-undang dikenakan ke atas mereka yang meninggalkan Solat Jumaat dengan alasan bersuluk walaupun sekali tanpa perlu menunggu tinggalan 3 kali berturut-turut.²⁰⁵

Keputusan Mesyuarat JFNP yang telah bersidang buat kali 178 pada 17 Julai 2008 bersamaan 14 Rejab 1429. Diwartakan pada tarikh 10 haribulan Jun 2010 Warta Kerajaan Negeri Perak Jil. 63 Bil.12 Pk. P.U. 20.

Penggunaan dalil al-Quran

Jawatankuasa Fatwa telah menggunakan ayat berikut sebagai sandaran bahawa kefardhuan solat Jumaat:²⁰⁶

²⁰⁵ Warta Kerajaan Negeri Perak Jil. 63 Bil.12 Pk. P.U. 20.

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نُودِي لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَآسِعُوهَا إِلَى
ذِكْرِ اللَّهِ وَذِرُوا الْبَيْعَ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Surah al-Jumu‘ah (62) : 9

Wahai orang-orang yang beriman! apabila diserukan azan (bang) untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli (pada saat itu); yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya)

Terjemahan Surah al-Jumu‘ah (62) : 9

3.3.2 Fatwa mengenai harta wakaf khas Masjid Taiping

Keputusan:

Segala perolehan harta wakaf khas Masjid Melayu Taiping hendaklah dibelanjakan untuk tujuan wakaf berkenaan dan tidak boleh dipindahkan untuk tujuan lain selama mana mauquf a‘laih iaitu Masjid Melayu Taiping masih ada. Mesyuarat juga bersetuju bahawa harus hukumnya bangunan masjid yang berusia 100 tahun diletakkan di bawah pemuliharaan muzium dalam keadaan fungsi masjid dan kehormatan masjid dijamin untuk dijaga.²⁰⁷

Keputusan Mesyuarat JFNP yang telah bersidang buat kali 161 pada 17 Disember 2003 bersamaan 23 Syawal 1424. Diwartakan pada tarikh 12 haribulan Mac 2009 Warta Kerajaan Negeri Perak, Jil. 62, No. 298.

²⁰⁶ Minit Mesyuarat JFNP kali ke 178, perkara 4.21

²⁰⁷ Warta Kerajaan Negeri Perak, Jil 62, No. 298

Penggunaan dalil al-Quran

JFNP tidak menyandarkan fatwa ini kepada mana-mana ayat al-Quran.²⁰⁸ Penulis berpendapat walaupun dalil dari ayat al-Quran secara langsung terhadap fatwa ini mungkin tidak ada, namun penelitian terhadap latar belakang fatwa ini menunjukkan terdapat ayat-ayat al-Quran yang boleh digunakan untuk menjelaskan lagi fatwa ini. Penulis akan memberikan ulasan dalil-dalil berasaskan al-Quran pada bab yang keempat.

3.3.3 Fatwa mengenai penyalahgunaan kubur (binaan bangunan kekal) di tanah rizab perkuburan Kampung Changkat Bincang, Malim Nawar, Perak.

Keputusan:

“Bahawa haram hukumnya membina bangunan samada berbentuk rumah, kubah atau masjid di atas tanah perkuburan am (musabbalah), dan wajib dirobohkan segala binaan tersebut”²⁰⁹

Keputusan Mesyuarat JFNP yang telah bersidang buat kali 169 pada 15 Mac 2006 bersamaan 15 Safar 1427. Diwartakan pada tarikh 30 haribulan Januari 2007 Warta Kerajaan Negeri Perak Jil. 60, Bil. 2, Pk. P.U. 4.

Penggunaan dalil al-Quran

Fatwa yang dikeluarkan ini tidak disandarkan kepada mana-mana ayat al-Quran.²¹⁰ JFNP telah memetik beberapa pandangan daripada beberapa buah kitab

²⁰⁸ Minit Mesyuarat JFNP kali ke 161, perkara 4.1.

²⁰⁹ Warta Kerajaan Negeri Perak Jil. 60, Bil. 2, Pk. P.U. 4.

²¹⁰ Minit Mesyuarat JFNP kali ke 169, perkara 4.2.

mazhab al-Syafii. Walaupun tiada ayat al-Quran yang memberikan hukum secara jelas mengenai hukum membina binaan atas perkuburan, namun penulis menemui perbahasan mengenai fatwa ini dalam tafsiran ayat 21 Surah al-Kahfi oleh al-Qurtubi dan Ibnu Kathir. Perbahasan mengenainya akan diperjelaskan pada bab seterusnya.

3.3.4 Fatwa mengenai zakat atas pendapatan (Gaji)

Keputusan:

“Bahawa gaji atau pendapatan termasuk dalam kategori yang wajib zakat apabila cukup nisab dan haul kerana haul itu adalah merupakan syarat yang diittifaqkan Jumhurul Ulama dalam mazhab yang empat. Syarat ini tidak berlaku pada gaji atau pendapatan maka gaji atau pendapatan tidak wajib zakat.”²¹¹

Keputusan Mesyuarat JFNP yang telah bersidang buat kali 113 pada 22 Mac 1990 bersamaan 25 Syaaban 1410. Diwartakan pada tarikh 26 haribulan Februari 2004 Warta Kerajaan Negeri Perak Jil. 57, Bil. 5, No. 165.

Penggunaan dalil al-Quran

Fatwa yang dikeluarkan ini tidak disandarkan kepada mana-mana ayat al-Quran.²¹² JFNP berpegang teguh kepada prinsip syara’ bahawa sesuatu amalan yang diwajibkan perlu kepada sandaran sesuatu dalil yang jelas. Dalam membuat penegasan ini, penulis mendapat terdapat beberapa ayat al-Quran yang boleh dijadikan sandaran dalil terhadap kaedah berkenaan . Penjelasannya akan dilakukan dalam ulasan pendalilan dalam bab yang keempat.

²¹¹ Warta Kerajaan Negeri Perak Jil. 57, Bil. 5, No. 165.

²¹² Minit Mesyuarat JFNP kali ke 113, perkara 2.4

3.3.5 Fatwa status tanah pemberian kerajaan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak.

Keputusan:

“Bahawa tanah-tanah pemberian Kerajaan kepada Majlis Agama dan ‘Adat Melayu Perak untuk tujuan rumah ibadat orang Islam, masjid, surau dan tanah perkuburan adalah dikira wakaf manakala tanah-tanah pemberian kerajaan untuk tujuan pembangunan adalah dikira sebagai harta Baitulmal.”²¹³

Keputusan Mesyuarat JFNP yang telah bersidang buat kali 154 pada 17 Januari 2001 bersamaan 3 Zulkaedah 1422. Diwartakan pada tarikh 26 haribulan Februari 2004 Warta Kerajaan Negeri Perak Jil. 57, Bil. 5, No. 164.

Penggunaan dalil al-Quran

JFNP telah memetik pandangan ulama’ dari dua buah kitab mazhab al-Syafii iaitu Asna al-Maṭālib Syarḥ Rauḍ al-Tālib dan al-Fiqh al-Manhāji ’ala madhhab al-Imām al-Syaffā'i.²¹⁴ Penulis mendapati pengarang kedua-dua buah kitab berkenaan telah merujuk kepada perbuatan Saidina Umar r.a. sebagai khalifah ketika itu. Perbincangannya akan dilakukan dalam bab keempat.

3.4 FATWA-FATWA SOSIAL

Sepanjang tempoh 1994-2010 sebanyak 5 fatwa telah dikeluarkan seperti berikut:

²¹³ Warta Kerajaan Negeri Perak Jil. 57, Bil. 5, No. 164.

²¹⁴ Minit Mesyuarat JFNP kali ke 154, perkara 4.7.

3.4.1 Fatwa mengenai hukum wanita menyerupai lelaki (Pengkid) dan hukum lelaki menyerupai perempuan (pondan dan mak nyah)

Keputusan:

“Pengkid, iaitu wanita yang berpenampilan dan mempunyai gerak laku serta naluri seksual seperti lelaki, dan lelaki yang menyerupai wanita (maknyah/ pondan) samada dari segi pakaian, penampilan dan gerak laku serta naluri seksual seperti wanita adalah **HARAM** di sisi Islam.

Ibu bapa dan masyarakat Islam hendaklah memberi perhatian serius terhadap gejala ini serta menekankan pendidikan, tunjuk ajar yang sebaik-baiknya kepada anak-anak mereka khususnya dalam aspek berpakaian, perlakuan dan penampilan supaya gejala seumpama ini dapat dielakkan kerana ia adalah berlawanan dengan fitrah dan sunnatullah.”²¹⁵

Keputusan Mesyuarat JFNP yang telah bersidang pada 18 Disember 2008 bersamaan 20 Zulhijjah 1429. Diwartakan pada tarikh 10 haribulan Jun 2010 Warta Kerajaan Negeri Perak Jil. 63, Bil. 12, Pk. P.U. 20.

Penggunaan dalil al-Quran²¹⁶

JFNP telah menggunakan beberapa ayat al-Quran untuk menegaskan bahawa perhubungan antara lelaki dengan perempuan perlu diurus mengikut fitrah dari sudut penampilan dan perkahwinan.

سُبْحَانَ اللَّهِيْ خَلَقَ الْأَرْوَاحَ كُلَّهَا مِمَّا تُنْبِتُ الْأَرْضُ وَمِنْ أَنفُسِهِمْ
وَمِمَّا لَا يَعْلَمُونَ

²¹⁵ Warta Kerajaan Negeri Perak Jil. 63, Bil. 12, Pk. P.U. 20.

²¹⁶ M.N. Pk A351. IST. 05/09 J 3 (4) surat Mufti kepada Setiausaha Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak.

Surah Yāsin (36) : 36

Maha suci Tuhan yang telah menciptakan makhluk-makhluk semuanya berpasangan; sama ada dari yang ditumbuhkan oleh bumi, atau dari diri mereka, ataupun dari apa yang mereka tidak mengetahuinya.

Terjemahan Surah Yāsin (36) : 36

وَمِنْ ءَايَتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ
بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Surah al-Rūm (30) : 21

Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa ia menciptakan untuk kamu (Wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikannya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.

Terjemahan Surah al-Rūm (30) : 21

وَأَنِكُحُوا الْأَيْمَنَ مِنْكُمْ وَالصَّلِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَامَيْكُمْ إِنْ
يَكُونُوا فُقَرَاءٌ يُغْنِهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِ

Surah al-Nūr (24) : 32

Dan kahwinkanlah orang-orang bujang (lelaki dan perempuan) dari kalangan kamu, dan orang-orang yang soleh dari hamba-hamba kamu, lelaki dan perempuan. jika mereka miskin, Allah akan memberikan kekayaan kepada mereka dari limpah kurniaNya kerana Allah Maha Luas (rahmatNya dan limpah kurniaNya), lagi Maha mengetahui.

Terjemahan Surah al-Nūr (24) : 32

أَتَأْتُونَ الْذُكْرَانَ مِنَ الْعَلَمِينَ ﴿١٦٥﴾ وَتَدْرُونَ مَا حَلَقَ لَكُمْ رَبُّكُمْ مِنْ

أَزْوَاجُكُمْ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ عَادُونَ ﴿١٦٦﴾

Surah al-Syu'arā' (26) : 165-166

"Patutkah kamu melakukan hubungan jenis dengan lelaki dari kalangan manusia, "Dan kamu tinggalkan apa yang diciptakan oleh Tuhan kamu untuk kamu (melakukan hubungan yang halal) dari badan isteri-isteri kamu? (kamu orang-orang yang bersalah) bahkan kamu adalah kaum yang melampaui batas (keinginan kebanyakan haiwan)!"

Terjemahan Surah al- al-Syu'arā' (26) : 165-166

3.4.2 Fatwa mengenai Kumpulan Black Metal²¹⁷

Keputusan:

”Amalan dan perbuatan semua kumpulan Black Metal adalah sesat dan bercanggah dengan ajaran Islam. Oleh itu umat Islam diminta menjauhi kumpulan tersebut kerana perbuatan dan amalan mereka boleh menyebabkan seseorang itu menjadi murtad serta tindakan undang-undang yang sewajarnya boleh diambil ke atas mereka.”²¹⁸

Keputusan Mesyuarat JFNP yang telah bersidang kali 179 pada 6 November 2008 bersamaan 8 Zulkaedah 1429. Diwartakan pada tarikh 10 haribulan Jun 2010 Warta Kerajaan Negeri Perak Jil. 63, Bil. 12, Pk. P.U. 22.

²¹⁷ Black Mental adalah satu aliran muzik yang bersifat anti ketuhanan, anti keagamaan dan pemujaan syaitan. Mula menular masuk di Malaysia dengan berselindung di sebalik kemasukan kumpulan muzik rock kira-kira sekitar awal 1980-an. Antara ciri kesesatan kumpulan ini ialah seperti menghina al-Quran, memuja iblis dan membenci tuhan, mengaku diri telah murtad, mengamal seks bebas dan sebagainya. (Minit Mesyuarat JFNP kali ke 179, perkara 4.3.)

²¹⁸ Warta Kerajaan Negeri Perak Jil. 63, Bil. 12, Pk. P.U. 22.

Penggunaan dalil al-Quran²¹⁹

JFNP telah berdalilkan beberapa ayat al-Quran untuk menegaskan bahawa perbuatan mempermain-mainkan agama, menghina Al-Quran termasuk dalam perkara yang sangat jelas mengeluarkan pelakunya dari agama Islam.

وَلِئِن سَأَلْتَهُمْ لَيَقُولُنَّ إِنَّمَا كُنَّا نَخْوضُ وَنَلْعَبُ قُلْ أَبِّاللَّهِ

وَإِيَّاهُ وَرَسُولِهِ كُنْتُمْ تَسْتَهْزِءُونَ ﴿٦٥﴾

Surah al-Taubah (9) : 65

Dan jika engkau bertanya kepada mereka (tentang ejek-ejekan itu) tentulah mereka akan menjawab: "Sesungguhnya kami hanyalah berbual dan bermain-main". katakanlah: "Patutkah nama Allah dan ayat-ayatNya serta RasulNya kamu memperolok-olok dan mengejeknya?"

Terjemahan Surah al-Taubah (9) : 65

وَالَّذِينَ كَفَرُوا فَتَعَسَّا هُمْ وَأَضَلَّ أَعْمَانَهُمْ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ كَرِهُوا مَا

أَنْزَلَ اللَّهُ فَأَحْبَطَ أَعْمَانَهُمْ ﴿٤٧﴾

Surah Muhammad (47) : 8-9

Dan (sebaliknya) orang-orang yang kafir, maka kecelakaanlah bagi mereka, dan (Allah) mensia-sikan amal-amal mereka. Berlakunya yang demikian, kerana sesungguhnya mereka tidak menyukai apa yang diturunkan oleh Allah (mengenai ajaran Tauhid dan hukum-hukum Syarak yang diterangkan di dalam Al-Quran), lalu Allah menggugurkan amal-amal mereka.

Terjemahan Surah Muhammad (47) : 8-9

²¹⁹ Minit Mesyuarat JFNP kali ke 179, perkara 4.3.

3.4.3 Fatwa mengenai kedudukan senaman yoga di kalangan umat Islam

Keputusan:

“Senaman yoga yang berasal dari masyarakat Hindu sejak sebelum masih lagi merupakan gabungan amalan fizikal adalah sebahagian daripada mistik Hinduisme yang cara duduknya sama seperti yang digambarkan kepada tokong shiva dan fikiran dikosongkan supaya dapat bersatu dengan shiva, mengandungi unsur-unsur keagamaan dan pemujaan bagi tujuan tertentu adalah **HARAM** dan bertentangan dengan akidah umat Islam sama ada diamalkan dengan mentera atau hanya pergerakan badan. Oleh itu mesyuarat **bersetuju memutuskan** bahawa apa jua jenis atau bentuk senaman yang mengandungi unsur-unsur tersebut tersebut diatas adalah **dilarang** dan **bertentangan dengan syariat Islam.**”²²⁰

Keputusan Mesyuarat Khas JFNP Darul Ridzuan yang bersidang pada 18 Disember 2008M bersamaan 20 Zulhijjah 1429 H. Diwartakan pada tarikh 10 haribulan Jun 2010 Warta Kerajaan Negeri Perak Jil. 63, Bil. 12, Pk. P.U. 23.

Penggunaan dalil al-Quran

Fatwa yang dikeluarkan ini tidak disandarkan kepada mana-mana ayat al-Quran.²²¹ JFNP sekadar menyatakan beberapa unsur sejarah dan penyerupaan senaman yoga dengan agama hindu dan pengaruh hinduisme dalam senaman tersebut. Penulis mendapati bahawa terdapat ayat-ayat al-Quran yang boleh

²²⁰ Warta Kerajaan Negeri Perak Jil. 63, Bil. 12, Pk. P.U. 23.

²²¹ M.N. Pk A351. IST. 05/09 J 3 (4) surat Mufti kepada Setiausaha Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak.

dijadikan sandaran dalil untuk menegaskan bahawa sesuatu perbuatan yang dilakukan mestilah dengan pengetahuan untuk mengelakkan diri dari meniru-niru khususnya jika sesuatu perbuatan itu menyerupai acara penyembahan agama hindu. Perbahasan ini akan dibincangkan oleh penulis dalam bab yang keempat.

3.4.4 Fatwa mengenai Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd. dan rangkaian syarikat gabungannya.

Keputusan:

- (i) Mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpulan melalui individu atau berkumpulan melaui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang menjadi ahli jamaah atau pengikut Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd (SRC) dan rangkaian syarikat gabungannya adalah mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang menyeleweng daripada ajaran Islam ;
- (ii) Mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang menjadi ahli jamaah atau pengikut SRC dan rangkaian syarikat gabungannya dengan berselindung di apa-apa aktiviti ekonomi, perniagaan, pertanian, perlادangan, telekomunikasi atau apa-apa aktiviti lain yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan ajaran, pegangan dan fahaman kumpulan al-Arqam, adalah mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang menyeleweng daripada ajaran Islam;
- (iii) Mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan , persatuan atau syarikat yang cuba menghidupkan kembali ajaran dan fahaman Kumpulan al-Arqam sama ada melalui SRC dan rangkaian syarikat gabungannya atau mana-mana pertubuhan, persatuan atau syarikat yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan ajaran, pegangan dan fahaman kumpulan al-Arqam, adalah mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang menyeleweng daripada ajaran Islam;
- (iv) Mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan , persatuan atau syarikat yang mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang disebut pada perenggan (i), (ii) dan (iii) di atas, adalah mengamalkan ajaran , pegangan dan fahaman yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;
- (v) Apa-apa variasi, versi bentuk atau cabang mana-mana ajaran, pegangan atau fahaman al-Arqam dan ajaran pegangan dan fahaman ahli jamaah

SRC atau apa-apa ajaran , pegangan atau fahaman kumpulan baru yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur ajaran, pegangan dan fahaman Kumpulan al-Arqam dan ahli jamaah SRC adalah bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan menyeleweng daripada ajaran Islam;

- (vi) Apa-apa jua bahan publisiti yang menonjolkan atau menghidupkan ajaran Kumpulan Al-Arqam dan ajaran, pegangan atau fahaman ahli jamaah SRC atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman kumpulan baru yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur ajaran, pegangan dan fahaman Kumpulan al-Arqam dan ahli jamaah SRC dalam apa-apa jua bentuk penerbitan dan cetakan adalah diharamkan.
- (vii) Orang Islam adalah juga dilarang memiliki , menyimpan, mencetak, menjual termasuk mengedarkan filem, rakaman, audio,risalah, buku-buku, majalah atau apa-apa terbitan, risalah dan apa-apa dokumen, menggunakan sebarang bentuk lambang, rajah atau tanda-tanda yang boleh mengaitkan Kumpulan Darul Arqam @ Al-Arqam atau SRC kepada mana-mana harta alih atau tak alih dan semua pihak dilarang daripada memberi apa jua kemudahan dan bantuan.²²²

Keputusan Mesyuarat JFNP Darul Ridzuan kali 172. Diwartakan pada tarikh 12 haribulan Mac 2009 Warta Kerajaan Negeri Perak, Jil 62, no. 297.

Penggunaan dalil al-Quran

Beberapa dalil Al-Quran telah dijadikan hujjah untuk menjelaskan tentang beberapa kesalahan kumpulan ini²²³

1. JFNP telah menggunakan ayat-ayat berikut untuk menolak pegangan mereka bahawa Ashaari bin Muhammad mempunyai kelebihan meramal dan mengetahui perkara yang akan berlaku pada masa hadapan dan perkara-perkara ghaib.

²²² Warta Kerajaan Negeri Perak, Jil 62, no. 297.

²²³ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa 172, perkara 4.1.

قُلْ لَا يَعْلَمُ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبَ إِلَّا اللَّهُ^۲ وَمَا

يَشْعُرُونَ أَيَّانَ يُبَعْثُونَ^{۱۵}

Surah al-Naml (27) : 65

"Katakanlah lagi: tiada sesiapapun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib melainkan Allah!" dan tiadalah mereka menyedari bilakah masing-masing akan dibangkitkan hidup semula (Sesudah mati)."

Terjemahan Surah al-Naml (27) : 65

عَلِمَ الْغَيْبِ فَلَا يُظَهِّرُ عَلَىٰ غَيْبِهِ أَحَدًا^{۳۳}

Surah al-Jin (72) : 26

"Tuhanlah sahaja yang mengetahui segala yang ghaib, maka ia tidak memberitahu perkara ghaib yang diketahuiNya itu kepada sesiapapun, -

Terjemahan Surah al-Jin (72) : 26

قُلْ لَا أَقُولُ لَكُمْ عِنْدِي خَرَائِنُ اللَّهِ وَلَا أَعْلَمُ الْغَيْبَ وَلَا أَقُولُ
لَكُمْ إِنِّي مَلَكٌ إِنْ أَتَّبِعُ إِلَّا مَا يُوحَىٰ إِلَيَّ قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الْأَعْمَىٰ
وَالْبَصِيرُ أَفَلَا تَتَفَكَّرُونَ^{۶۶}

Surah al-An‘ām (6) : 50

Katakanlah (Wahai Muhammad); "Aku tidak mengatakan kepada kamu (bahawa) perbendaharaan Allah ada di sisiku, dan aku pula tidak mengetahui perkara-perkara yang ghaib; Aku juga tidak mengatakan kepada kamu bahawasanya aku ini malaikat, aku tidak menurut melainkan apa yang diwahyukan kepadaku". Bertanyalah (kepada mereka): "Adakah sama orang yang buta dengan orang yang celik? tidakkah kamu mahu berfikir?"

Terjemahan Surah al-An‘ām (6) : 50

2. Dakwaan Ashaari bin Muhammad bahawa beliau mendapat ilmu terus dari Allah (ilham, ilmu ladunni atau kasyaf) yang meliputi soal agama, dunia, hal ehwal semasa, pemerintahan, bina insan dan lain adalah salah kerana perbuatan ini adalah menyandarkan kepada Allah sesuatu yang bukan datang dari sisiNya. Firman Allah s.w.t.

وَإِنَّ مِنْهُمْ لَفَرِيقًا يَلْوُدُنَ الْسِنَتَهُمْ بِالْكِتَبِ لِتَحْسَبُوهُ مِنَ
 الْكِتَبِ وَمَا هُوَ مِنَ الْكِتَبِ وَيَقُولُونَ هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ
 وَمَا هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ وَيَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبُ وَهُمْ يَعْلَمُونَ

Surah Āli Imrān (3) : 78

"Dan sesungguhnya, di antara mereka (Ahli Kitab itu) ada (Ketua-ketua ugamanya) yang memutar-mutar lidahnya semasa membaca Kitab Taurat (dengan mengubah maknanya), supaya kamu menyangkanya sebahagian dari Kitab Taurat padahal ia bukanlah dari Kitab itu. dan mereka pula berkata: "(Bahaha) ia adalah (datangnya) dari sisi Allah", padahal ia bukanlah dari sisi Allah; dan mereka pula tergamak berkata dusta terhadap Allah sedang mereka mengetahui (bahawa mereka adalah berdusta).

Terjemahan surah Āli Imrān (3) : 78

3. Dakwaan bahawa minda Ashaari Muhammad adalah wahyu Tuhan bahkan wahyu yang diturunkan kepadanya adalah 1/46 daripada kenabian adalah seolah-olah menganggap wahyu masih berterusan sedangkan wahyu sudah terhenti dengan penurunan ayat berikut:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَّتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمْ
 الْإِسْلَامَ دِينًا

Surah al-Māidah (5) : 3

Aku telah sempurnakan bagi kamu ugama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi ugama untuk kamu.

Terjemahan surah al-Māidah (5) : 3

4. Pegangan yang mengatakan bahawa minda Ashaari adalah intisari al-Quran dan Hadith, malah tidak perlu lagi merujuk kepada Quran dan Hadith disebabkan minda ini sudah lengkap jelas bertentangan dengan ayat :

يَتَأْمِنُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ مِنْ كُمْكُمْ
فَإِنْ تَنْزَعُمْ فِي شَيْءٍ فَرْدُوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ
وَالْيَوْمَ الْأَخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Surah al-Nisā' (4) : 59

Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.

Terjemahan surah al-Nisā' (4) : 59

3.4.5 Fatwa menangani masalah perpecahan orang Melayu Islam.

Keputusan:

- (1) Tiada halangan untuk menggunakan perkataan Islam oleh mana-mana petubuhan malah digalakkan dengan disiplin ilmu, iman dan ihsan. Mana-mana orang atau pertubuhan yang menggunakan perkataan

Islam untuk tujuan mengelirukan dan menyeleweng adalah salah dan boleh diambil tindakan berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedia ada.

- (2) Seseorang itu sudah diiktiraf sebagai orang Islam jika menepati Rukun Iman dan Rukun Islam. Dari itu adalah salah dan tidak berhak bagi mana-mana pihak menambah apa-apa syarat bagi menentukan keislaman seseorang itu. Fahaman sedemikian adalah salah di sisi Islam. Oleh itu sesiapa yang mengamal, mengajar, menyeru, menyebar dan lain-lain cara sebaran akan fahaman tersebut maka perbuatan sedemikian termasuk dalam perbuatan menyebar ajaran salah atau menyeleweng.
- (3) Ketentuan syurga atau neraka adalah hak mutlak Allah s.w.t. Dari itu dakwaan bahawa pengakuan dan sokongan kepada orang atau pertubuhan tertentu diperlukan sebelum seseorang itu Islam dilayakkan ke syurga atau ke neraka adalah salah menurut agama Islam. Oleh itu sesiapa yang mengamal, mengajar, menyeru, menyebar dan lain-lain cara sebaran akan fahaman tersebut maka perbuatan sedemikian termasuk dalam perbuatan menyebar ajaran salah dan menyeleweng.²²⁴

Keputusan Mesyuarat JFNP yang telah bersidang kali 151 pada 30 Januari 2000 bersamaan 5 Zulkaedah 1421. Diwartakan pada tarikh 2 haribulan Ogos 2001 Warta Kerajaan Negeri Perak Jil. 54, No. 508.

Penggunaan dalil-dalil al-Quran:²²⁵

JFNP telah menggunakan beberapa petikan ayat-ayat al-Quran sebagai sandaran fatwa di atas seperti:

إِنَّ الْدِيْنَ كُلُّهُ لِلّٰهِ الْعَلِيِّ سَلَّمَ

Surah Āli ‘Imrān (3) : 19

Sesungguhnya ugama (yang benar dan diredayai) di sisi Allah ialah Islam.

Terjemahan Surah Āli ‘Imrān (3) : 19

²²⁴ Warta Kerajaan Negeri Perak Jil. 54, No. 508.

²²⁵ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa 151, perkara 4.1.

آلَيْوَمْ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيَتُ لَكُمْ إِلَّا سَلَامَ

دِينًا

Surah al-Mā'idah (5) : 3

Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu ugama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi ugama untuk kamu.

Terjemahan al-Mā'idah (5) : 3

هُوَ سَمَّنَكُمُ الْمُسْلِمِينَ مِنْ قَبْلٍ

Surah al-Hajj (22) : 78

Ia menamakan kamu: "Orang-orang Islam" semenjak dahulu

Terjemahan Surah al-Hajj (22) : 78

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ إِلَّا سَلَامٍ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَسِيرِينَ

Surah Āli 'Imrān (3): 85

Dan sesiapa yang mencari ugama selain ugama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi.

Terjemahan Surah Āli 'Imrān (3): 85

وَمَنْ أَحْسَنْ قَوْلًا مِمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ

Surah Fuṣṣilat (41): 33

Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta ia sendiri

mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: "Sesungguhnya Aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)!"

Terjemahan Surah Fuṣilat (41): 33

قُلْ يَأَهْلَ الْكِتَابِ تَعَالَوْا إِلَى كَلِمَةٍ سَوَاءٍ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَا نَعْبُدُ إِلَّا اللَّهُ
وَلَا نُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِنْ دُونِ اللَّهِ فَإِنْ تَوَلَّوْا
فَقُولُوا آشَهُدُوا بِأَنَّا مُسْلِمُونَ

Surah Āli ‘Imrān (3): 64

Katakanlah (Wahai Muhammad): "Wahai ahli kitab, marilah kepada satu kalimah yang bersamaan antara kami dengan kamu, iaitu kita semua tidak menyembah melainkan Allah, dan kita tidak sekutukan dengannya sesuatu jua pun; dan jangan pula sebahagian dari kita mengambil akan sebahagian yang lain untuk dijadikan orang-orang yang dipuja dan didewa-dewakan selain dari Allah". kemudian jika mereka (ahli kitab itu) barpaling (enggan menerimanya) maka katakanlah kepada mereka: "Saksikanlah kamu bahawa sesungguhnya kami adalah orang-orang Islam".

Terjemahan Āli ‘Imrān (3): 64

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقًّا تُقَاتَهُ وَلَا تُؤْتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

Surah Āli ‘Imrān (3): 102

Wahai orang-orang yang beriman! bertaqwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa, dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.

Terjemahan Surah Āli ‘Imrān (3): 102

وَلَنْ تَرْضَى عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصَارَى حَتَّىٰ تَتَّبَعَ مِلَّهُمْ

Surah Al-Baqarah (2): 120

Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan bersetuju atau suka kepadamu (Wahai Muhammad) sehingga engkau menurut ugama mereka (yang telah terpesong itu).

Terjemahan Surah Al-Baqarah (2): 120

3.5 PENUTUP

Apabila disenaraikan semua fatwa yang telah dikeluarkan oleh JFNP bagi tempoh 1994-2010 yang berjumlah 20 fatwa, kita mendapati kebanyakan fatwa-fatwa ini berdalilkan ayat-ayat al-Quran sebagai sandaran hukum dan ada juga fatwa-fatwa yang tidak menggunakan ayat-ayat al-Quran sebagai hujjah sebaliknya kerana kemungkinan menggunakan dalil-dalil lain seperti daripada hadith-hadith Rasulullah s.a.w. dan juga memetik hukum-hukum yang telah disimpulkan oleh ulama'-ulama' terdahulu.

Kesimpulannya, dalam bab ini penulis mendapati Al-Quran masih menjadi sandaran utama dalam kebanyakan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh JFNP bagi tempoh 1994-2010. Pada bab yang akan datang penulis akan cuba menganalisa kaedah penggunaan dalil-dalil berkenaan di samping mencari faktor mengapa pada sesetengah fatwa, tidak disandarkan kepada dalil-dalil al-Quran dan mencadangkan agar beberapa dalil al-Quran yang berkaitan digunakan dalam menguatkan hujjah-hujjah fatwa agar sesuatu fatwa itu akan kelihatan lebih berwibawa dan ada unsur-unsur mendidik masyarakat untuk mengembalikan mereka kepada kitab pedoman kehidupan mereka iaitu al-Quran.

BAB EMPAT

ANALISIS KAEDEAH PENDALILAN BERASASKAN AL-QURAN DALAM FATWA NEGERI PERAK 1994-2010

4.1 Pendahuluan

Sebanyak 20 fatwa telah diwartakan oleh JFNP sepanjang tempoh 1994-2010 merangkumi isu – isu akidah, syariah dan sosial. Sepertimana dimaklumi bahawa sumber utama dalam proses berfatwa adalah al-Quran. Daripada 20 fatwa berkenaan, terdapat 11 fatwa telah disandarkan kepada dalil-dalil al-Quran, manakala terdapat 9 fatwa tidak disandarkan kepada mana-mana ayat al-Quran.

Dalam bab ini penulis cuba untuk menganalisis kaedah-kaedah pendalilan berasaskan al-Quran terhadap fatwa-fatwa yang ditunjangi dengan dalil-dalil al-Quran dengan berpandukan kepada landasan teori yang dibincangkan dalam bab pertama. Bagi fatwa-fatwa yang tidak mempunyai dalil-dalil al-Quran, penulis cuba untuk mencadangkan ayat-ayat al-Quran samada berkaitan khusus dengan fatwa berkenaan ataupun ayat-ayat yang bersifat sebagai *irsyād* sahaja yang mungkin digunakan oleh JFNP dalam usaha memperkuatkannya fatwa yang dikeluarkan di samping menyuburkan budaya mendidik masyarakat melalui fatwa supaya fatwa tidak dilihat seperti hukum yang diputuskan oleh hakim mahupun *qādī*. Usaha ini sangat penting kerana masyarakat muslim perlu dikembalikan kepada budaya mengaitkan semua elemen kehidupan dengan petunjuk al-Quran.

Penulis akan menganalisis setiap satu persatu berkenaan cara istinbat dan kaedah pendalilan JFNP terhadap dalil-dalil al-Quran dengan membuat perbandingan dengan kitab-kitab tafsir yang muktabar dan asas-asas pendalilan hukum dalam usul fiqah. Penulis membahagikan penganalisaan kepada tiga kategori:-

- i. Fatwa-fatwa yang mempunyai dalil-dalil al-Quran.
- ii. Fatwa-fatwa yang tidak mempunyai dalil al-Quran.
- iii. Fatwa-fatwa yang diputuskan oleh JFNP berdasarkan pembongkaran terhadap penyelewengan tafsiran al-Quran .

4.2 FATWA-FATWA YANG MEMPUNYAI DALIL-DALIL AL-QURAN

Sepanjang tempoh 1994-2010 sebanyak 11 fatwa yang berkaitan dengan isu akidah, syariah dan sosial telah diwartakan dengan mempunyai dalil-dalil al-Quran. Penulis akan menganalisa satu-persatu pendalilan berdasarkan penggunaan dalil-dalil al-Quran berkenaan.

4.2.1 FATWA-FATWA AKIDAH

4.2.1.1 Fatwa mengenai penggunaan kalimah Allah hanya merujuk kepada Tuhan Yang Maha Esa dalam agama Islam sahaja.

JFNP telah membuat keputusan bahawa kalimah Allah hanya dikhatusukan kepada umat Islam sahaja dan penganut agama asing dilarang menggunakan dalam apa bentuk sekalipun.

Penggunaan dalil al-Quran

JFNP telah menggunakan ayat berikut sebagai sandaran fatwa yang diputuskan²²⁶

إِنَّ الْدِينَ كُلَّهُ عِنْدَ اللَّهِ أَلَا إِسْلَامُ

Surah Āli ‘Imrān (3) : 19

Sesungguhnya ugama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam.

Terjemahan Surah Āli ‘Imrān (3) : 19

JFNP telah menggunakan surah al-Ikhlas sebagai dalil utama dalam fatwa berkenaan.

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۖ إِلَهُ الْصَّمَدُ ۖ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوْلَدْ ۖ وَلَمْ يَكُنْ لَّهُ كُفُواً أَحَدٌ ۖ

Surah al-Ikhlas (112) : 1-4

Katakanlah (Wahai Muhammad): "(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa; "Allah yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat; "Ia tiada beranak, dan ia pula tidak diperanakkan; "Dan tidak ada sesiapapun yang serupa denganNya".

Terjemahan Surah al-Ikhlas (112) : 1-4

Analisis kaedah pendalilan

JFNP telah menggunakan Surah Āli ‘Imrān (3) : 19 untuk menegaskan bahawa hanya Islam sahaja satu-satunya agama yang diiktiraf oleh Allah s.w.t²²⁷

²²⁶ Minit Mesyuarat JFNP kali ke 178, perkara 4.21

Walaupun ayat ini tidak menjurus secara langsung kepada kesimpulan fatwa yang diwartakan , namun penegasan ini penting kepada umat Islam di Malaysia yang diasak dengan fahaman – fahaman yang mengancam akidah seperti fahaman pluralisme agama yang menganggap semua agama itu sama²²⁸ sehingga beberapa perkataan yang mempunyai maksudnya yang tersendiri dalam syarak telah dikongsipakai oleh agama –agama lain. Dalam Islam, perkataan ”Allah” adalah hanya merujuk kepada Tuhan Yang Esa seperti mana yang ditegaskan oleh dalil kedua yang digunakan oleh JFNP iaitu al-Ikhlas (112) : 1-4. Ketika mengistinbat ayat ini JFNP memetik pandangan *tafsir bi al-ma ’thūr*²²⁹ dari Tafsir Ibnu Kathīr :

“Surah al-Ikhlas diturunkan, ia membicarakan soal konflik tentang siapakah sebenarnya Allah yang dituturkan oleh agama-agama lain itu. Adakah ia tepat dan benar dengan konsep “Allah” sebagaimana yang digelar dan dipanggil oleh mereka? Imam Ibn Kathīr menukilkan kata-kata ‘Ikrimah tentang perihal turunnya ayat ini. Berkata ‘Ikrimah: “Ketika orang Yahudi mengatakan: Kami menyembah ‘Uzair anak Allah. Orang Nasrani mengatakan: Kami menyembah al-Masih anak Allah. Majusi pula mengatakan: Kami menyembah matahari dan bulan. Orang musyrikin pula mengatakan: Kami menyembah berhala. Lalu Allah SWT menurunkan ke atas Rasulullah SAW surah al-Ikhlas yang bermaksud: Katakanlah wahai Muhammad bahawa Allah itu Esa, Allah itu tempat bergantung segala makhluk-Nya, Allah itu tidak beranak dan tidak diperanakkan dan Allah itu tiada bagi-Nya sekutu”. Tidak mengira apa juu agama, sekiranya

²²⁷ *Ibid.*

²²⁸ Antara ciri asas fahaman pluralism agama ialah tiada kebenaran mutlak yang boleh didakwa oleh mana – mana agama kerana semua agama itu adalah sama (lihat Anes Malik Toha (2005), *al-Ta’addudiyah al-Diniyyah Ru’yah Islamiyyah*, Kuala Lumpur: Pusat Penyelidikan Universiti Islam Antarabangsa, h. 10-11

²²⁹ Tafsir ini meliputi tafsir al-Quran dengan al-Quran sendiri, tafsiran al-Quran dengan tafsiran yang dipindahkan daripada Rasulullah s.a.w, tafsiran al-Quran dengan tafsiran yang dipindahkan daripada sahabat r.a., dan tafsiran al-Quran dengan tafsiran yang dipindahkan daripada tabiin (Lihat Muḥammad Hussayn al-Dhababiy (1989), *al-Tafsīr wa al-Mufassirūn*,j. 1, c. 4, al- Qāhirah: Maktabah Wahbah, h.154.)

mereka tidak mengerti dan mengenal siapa itu Allah? Apakah makna sebenar di sebalik nama itu? Jika itu semua tidak diketahui dan dimengerti, maka mereka sekali-kali tidak layak untuk menggunakan kalimah Allah.”²³⁰

JFNP telah menggunakan dalil-dalil yang bersifat *dilālah yaqīniyyah qat‘iyyah* sebagai penegasan terhadap akidah yang betul. Dalam surah al-Ikhlas di atas, al-Quran menggunakan uslub terperinci tatkala membetulkan persepsi mengenai pengenalan Allah. Dari sudut manhaj penegasan al-Quran terhadap isu keesaan Allah s.w.t, kita mendapati ia disentuh dalam pelbagai bentuk pendekatan di pelbagai surah dan ayat di dalam al-Quran. Antara dalil al-Quran lain yang boleh digunakan untuk memperkuuhkan fatwa di atas ialah seperti ayat :

لَقَدْ كَفَرَ الظَّالِمُونَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ ثَالِثُ ثَلَاثَةٍ وَمَا مِنْ إِلَهٍ إِلَّا إِلَهٌ وَحْدَهُ وَإِنْ لَمْ يَنْتَهُوا عَمَّا يَقُولُونَ لَيَمْسَنَ الظَّالِمُونَ كَفَرُوا مِنْهُمْ
عَذَابٌ أَلِيمٌ

Surah al-Mā’idah (5) : 73

Demi sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang berkata: "Bahwasanya Allah ialah salah satu dari tiga tuhan". padahal tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Tuhan Yang Maha Esa. dan jika mereka tidak berhenti dari apa yang mereka katakan itu, sudah tentu orang-orang yang kafir dari antara mereka akan dikenakan azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

Terjemahan Surah al-Mā’idah (5) : 73

²³⁰ Minit Mesyuarat JFNP kali ke 178, *Ibid*

Jelas ayat di atas menegaskan pengharaman perbuatan mengatakan Allah itu mempunyai sekutunya²³¹ melalui manhaj penggunaan perkataan "kufur" dan janji balasan azab kepada orang-orang yang melakukannya untuk menimbulkan kegerunan kepada pelaku-pelakunya.

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ هَٰنَا وَذَرُوا الَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِي أَسْمَائِهِ

سَيُجْزَوْنَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Surah al-A'rāf (7): 180

"dan Allah mempunyai nama-nama yang baik (yang mulia), maka serulah (dan berdoalah) kepadanya dengan menyebut nama-nama itu, dan pulaukanlah orang-orang yang berpaling dari kebenaran dalam masa menggunakan nama-namanya (menyalah ertikan). Mereka akan mendapat balasan mengenai apa Yang mereka telah kerjakan."

Terjemahan Surah al-A'rāf (7): 180

Allah menggunakan perkataan arahan pulaukan (وذرؤا) terhadap orang-orang yang menyalah ertikan dalam penggunaan nama-nama Allah s.w.t. Ketika menafsir perkataan (بلحدون) Ibnu Kathīr²³² dan al-Qurṭuby²³³ menukilkan pandangan Ibnu 'Abbās dan Qatādah bahawa mengekalkan kesyirikan terhadap Allah semasa menggunakan nama-nama Allah ini termasuk dalam perbuatan (بلحدون).

²³¹ Abū 'Abd Allāh Muhammād 'Umar b. Ḥusayn Fakhr al-Dīn al-Rāzī (t.t), *al-Tafsīr al-Kabīr*, j. 2, al-Qāhirah : Mu'assasah al-Maṭbu'āt al-Islāmiyah , j.12 , ,h. 58

²³² Abū al-Fidā' Ismā'īl bin Kathīr (1991), *Tafsīr al-Qur'ān al-Azīz*, j. 2, c. 2, Beirut: Dār al-Khayr, h. 299;

²³³ Abū 'Abdullah Muhammād bin Aḥmad al-Anṣāri Al-Qurṭubi (1986), *al-Jāmi' Li Aḥkām al-Qur'ān*, j. 7, al-Qāhirah:al-Hay'ah al-Miṣriyyah al- 'Ammah li al-Kitāb, h. 328

Di samping penggunaan al-Quran sebagai dalil , fatwa ini juga dikukuhkan dengan konsep *maṣlaḥah*²³⁴ dan *sadd al-dhari‘ah*.²³⁵

4.2.1.2. Fatwa mengenai penulisan Astora Jabat berkenaan dengan azab kubur.

JFNP telah mengambil keputusan bahawa orang Islam dilarang mengamalkan ajaran menolak kepercayaan mengenai azab kubur kerana ia terkeluar dari ajaran Islam.

Penggunaan dalil al-Quran

JFNP telah menggunakan ayat-ayat al-Quran berikut untuk menegaskan bahawa azab kubur adalah memang wujud²³⁶ :

وَمَنْ أَعْرَضَ عَنِ ذِكْرِي فَإِنَّ لَهُ مَعِيشَةً ضَنْكاً وَخَسْرُهُ رِيَوْمَ الْقِيَمَةِ
أَعْمَى

Surah Tāha (20) : 124

"Dan sesiapa yang berpaling ingkar dari ingatan dan petunjukKu, maka sesungguhnya adalah baginya kehidupan yang sempit, dan Kami akan himpukkan dia pada hari kiamat dalam keadaan buta".

Terjemahan Surah Tāha (20) : 124

²³⁴ *Maṣlaḥah* bermaksud manfaat yang ingin disampaikan oleh Allah kepada hambaNya dalam bentuk pemeliharaan agama, jiwa, keturunan, akal dan harta sesuai dengan urusan manfaat yang dijelaskanNya. (lihat Sa‘īd Ramadān al-Būṭī (1992), *Dawābiṭ al- Maṣlaḥah Fī al-Syarī‘ah al-Islāmiyyah*, c.7, Beirut: Dār al-Muttaḥidah, h. 23.

²³⁵ *Sadd al-dhari‘ah* bermaksud menghentikan jalan-jalan yang pada kebiasaannya menuju kerosakan (lihat Syihāb al-Dīn Aḥmad bin Idris al-Qarāfī (1998) , *Anwār al-Burūq Fī Anwā‘ al-Furūq*, j. 2 Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah , h. 32

²³⁶ Minit Mesyuarat JFNP kali ke 161, perkara 4.2.2

وَإِنَّ لِلّذِينَ ظَلَمُوا عَذَابًا دُونَ ذَلِكَ وَلَكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ

Surah al-Tūr (52) : 47

Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu akan beroleh azab seksa selain dari azab yang tersebut, akan tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui (hakikat yang sebenarnya).

Terjemahan Surah al-Tūr (52) : 47

كَلَّا سَوْفَ تَعْلَمُونَ

Surah al-Takāthur (102) : 3

Jangan sekali-kali (bersikap demikian)! kamu akan mengetahui kelak

Terjemahan Surah al-Takāthur (102) : 3

النَّارُ يُرَضُّوْنَ عَلَيْهَا غُدُوْا وَعَشِيًّا ۝ وَيَوْمَ تَقُومُ الْسَّاعَةُ أَدْخِلُوْا إِلَى فِرْعَوْنَ أَشَدَّ الْعَذَابِ

Surah al-Mu'min (40) : 46

Mereka didedahkan kepada bahang api neraka pada waktu pagi dan petang (semasa mereka berada dalam alam barzakh); dan pada hari berlakunya kiamat (diperintahkan kepada malaikat): "Masukkanlah Firaun dan pengikut-pengikutnya ke dalam azab seksa api neraka yang seberat-beratnya!"

Terjemahan Surah al-Mu'min (40) : 46

مِمَّا كَطِّيَّتِهِمْ أَغْرِقُوْا فَأَدْخِلُوْا نَارًا فَلَمْ تَجِدُوْا هُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ أَنْصَارًا

Surah Nūh (71) : 25

Disebabkan dosa-dosa dan kesalahan mereka, mereka ditenggelamkan (dengan banjir dan taufan), kemudian (pada hari akhirat) dimasukkan ke dalam neraka; maka mereka tidak akan beroleh sebarang penolong yang lain dari Allah (yang dapat memberikan pertolongan).

Terjemahan Surah Nūḥ (71) : 25

وَلَا تَحْسِنَ الَّذِينَ قُتُلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتًا ۚ بَلْ أَحْيَاءٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرَزَّقُونَ
فَرِحِينٌ بِمَا آتَهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ ۖ وَيَسْتَبِشُرُونَ بِالَّذِينَ لَمْ يَلْحُقُوهُمْ
مِنْ خَلْفِهِمْ أَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزُنُونَ ﴿١٦﴾

Surah Āli ‘Imrān (3) : 169-170

Dan jangan sekali-kali engkau menyangka orang-orang yang terbunuh (yang gugur syahid) pada jalan Allah itu mati, (Mereka tidak mati) bahkan mereka adalah hidup (secara istimewa) di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki; (dan juga) mereka bersukacita dengan kurniaan Allah (balasan mati syahid) yang telah dilimpahkan kepada mereka, dan mereka bergembira dengan berita baik mengenai (saudara-saudaranya) orang-orang (Islam yang sedang berjuang), yang masih tinggal di belakang, yang belum (mati dan belum) sampai kepada mereka, (Iaitu) bahawa tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.

Terjemahan Surah Āli ‘Imrān (3) : 169-170

Analisis kaedah pendalilan

JFNP telah menukilkhan tafsiran para sahabat r.a. terhadap ayat-ayat yang dijadikan dalil oleh mereka. Dalam surah Tāha (20) : 124, JFNP menukilkhan tafsiran (ضنك) oleh Abū Sa‘īd al-Khudrī dan ‘Abdullah bin Mas‘ūd sebagai azab kubur. Dalam surah al-Ṭūr (52) : 47 , ‘Abdullah bin Mas‘ūd menafsirkan (عذاباً دون ذلك) sebagai azab kubur. Dalam surah al-Takāthur (102) : 3, ‘Abdullah bin ‘Abbās merujuk ayat ini sebagai azab kubur. Dalam surah al-Mu’min (40) : 46 , JFNP telah menggunakan keadah perbincangan nahu bahasa arab untuk mengambil

istinbat dari ayat berkenaan. Ia menunjukkan bahawa pembentangan itu berlaku sebelum hari qiamat kerana (عَطْفٌ) di situ membawa makna مُغَايِرَةً yang sudah tentu tidak berlaku di dunia malah di alam barzakh. Dalam surah Nūḥ (71) : 25, JFNP menggunakan pendekatan perbahasan nahu di dalam mengistinbat hukum iaitu huruf ‘fa’ pada perkataan (فَادْخُلُوا) menunjukkan berturutan maka masuk neraka selepas lemas berlaku berturutan dan ianya berlaku di alam barzakh dan bukan pada hari qiamat. Menerusi surah Āli ‘Imrān (3) : 169-170 JFNP telah membuat kesimpulan bahawa kenikmatan berkenaan berlaku sebelum hari kiamat kerana manusia diarahkan jangan menyangka mereka mati dan ayat berkenaan membawa maksud bahawa mereka menunggu-nunggu saudara-saudara mereka yang masih berada di bumi dan sedang mencari kemuliaan mati syahid.²³⁷

Ahli JFNP telah menggunakan pendekatan tafsir *bi al-ma’thūr*²³⁸ dan *tafsir bi al-ra’y*²³⁹ dalam pendalilan al-Quran terhadap fatwa ini. JFNP telah mengambil pendapat para sahabat r.a seperti ‘Abdullah bin ‘Abbās, ‘Abdullah bin Mas‘ūd dan Abu Sa‘īd al-Khudrī dalam istinbat beberapa ayat al-Quran yang dijadikan dalil hujjah mereka . Pendekatan tafsir *bi al-ma’thūr* dapat dilihat apabila tafsiran (ضنك) pada surah Tāha (20) : 124 oleh Abu Sa‘īd al-Khudrī sebagai azab kubur²⁴⁰.

²³⁷ *Ibid*

²³⁸ Tafsir ini meliputi tafsir al-Quran dengan al-Quran sendiri, tafsiran al-Quran dengan tafsiran yang dipindahkan daripada Rasulullah s.a.w, tafsiran al-Quran dengan tafsiran yang dipindahkan daripada sahabat r.a., dan tafsiran al-Quran dengan tafsiran yang dipindahkan daripada tabiin (Lihat Muhammad Hussain al-Dhahabi (1989), *al-Tafsir wa al-Mufassirun*, j. 1, c. 4, al-Qāhirah: Maktabah Wahbah, h.154).

²³⁹ Tafsir al-Quran dengan menggunakan ijtihad selepas seseorang ahli tafsir itu menguasai pertuturan, lafaz-lafaz, sesuatu yang ditunjukkan oleh lafaz dengan dibantu dengan syair-syair, sebab-sebab diturunkan ayat, *nasikh* dan *mansukh* serta beberapa ilmu alat yang digunakan untuk memahami ayat-ayat al-Quran. *Ibid.*, h 246

²⁴⁰ Ibnu Kathīr (1991), *op. cit*, j. 3, c. 2, h. 20; Abū Ja‘far Muhammad bin Jarīr Al-Ṭobari (1992), *Jami al-Bayān fi Ta’wīl al-Qur’ān* , j. 8, Beirut:Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah , h. 371

Tafsiran (عذابا دون ذلك) surah al-Tur (52) : 47 sebagai azab kubur adalah pandangan ‘Abdullah bin ‘Abbās.²⁴¹ Dalam surah al-Takāthur (102) : 3, ‘Abdullah bin ‘Abbās merujuk ayat ini sebagai azab kubur. Bahkan Imām al-Qurṭuby mengatakan bahawa beriman dengannya adalah wajib mengikut ahli Sunnah wa al-Jama’ah.²⁴²

Walaupun JFNP telah menggunakan pendekatan perbahasan nahu dalam mengistinbat hukum dari surah al-Mu’mīn (40) : 46, namun ia selaras dengan pandangan wujudnya azab kubur seperti yang dinyatakan oleh tafsiran para sahabat r.a.. Ketika menafsir ayat ini, Ibnu Kathīr telah menegaskan adanya azab kubur dengan membawa beberapa riwayat sahih dari hadith Rasulillah s.a.w.²⁴³ Begitu juga pada surah Nūḥ (71) : 25, Imām al-Qurṭuby menukikan kata-kata al-Qusyairi bahawa ayat berkenaan merujuk kepada azab kubur.²⁴⁴ Menerusi surah Ālī ‘Imrān (3) : 169-170, JFNP telah menggunakan pendekatan *dilālah al-Isyārah*²⁴⁵ di mana mereka membuat kesimpulan bahawa para syuhada’ hidup penuh nikmat dalam satu alam selepas kematian tetapi alam itu berlaku sebelum alam akhirat dan sudah tentulah alam itu adalah alam barzakh.

Secara keseluruhannya Ahli JFNP dalam pendalilan berasaskan al-Quran, mereka menggunakan manhaj al-Quran yang meletakkan ayat-ayat mengenai azab kubur ini di beberapa surah lantas dikumpulkan dan dibuat kesimpulan. Bahkan

²⁴¹ Al-Ṭobari (1992), *Ibid*, j. 11, h. 499; Al-Qurṭubi (1986), *op. cit*, j. 17, h. 78

²⁴² Al-Qurṭubi (1986), *Ibid*, j 20, h. 172-173; ‘Ali bin Abī Ṭālib r.a juga mempunyai pandangan yang sama lihat al-Ṭābari (1992), *op.cit*, j. 12, h. 679.

²⁴³ Ibnu Kathīr (1991), *op.cit* , , j. 4, h. 86

²⁴⁴ Al-Qurṭubi (1986), *op.cit* j 18, h. 311.

²⁴⁵ Lafaz nas pada awalnya tidak menunjukkan kepada kesimpulan yang dimaksudkan namun ia difahami selepas itu. Lihat Mannā‘ al-Qattān (1990), *Mabāhith fī U'lūm al-Qur'ān*, c. 7, al-Qāhirah: Maktabah Wahbah, h. 258

menurut Ibnu Ḥajar, Imām al-Bukhāri dalam sahihnya telah mengumpulkan beberapa dalil al-Quran lain yang digunakan untuk menolak dakwaan bahawa tiada azab kubur dalam al-Quran.²⁴⁶ Dari sudut uslub al-Quran, ayat-ayat al-Quran yang dijadikan dalil adalah merupakan prinsip-prinsip umum terhadap azab kubur. JFNP telah mengambil pandangan sahabat-sahabat r.a dalam menafsirkan dalil-dalil al-Quran yang digunakan di samping menggunakan tafsir nahu dan *dilālah al-Isyārah* yang tidak bertentangan dengan tafsir *bi al-ma ’thūr*.

4.2.1.3 Fatwa mengenai ajaran Azhar bin Wahab (pengasas Al-Mansur Holding Sdn. Bhd).

JFNP telah sebulat suara menfatwakan bahawa Ajaran Azhar bin Wahab didapati bertentangan dengan fahaman Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar .

Penggunaan dalil al-Quran²⁴⁷

Untuk memberi penegasan bahawa sikap taasub²⁴⁸ kepada ketua secara membuta tuli adalah satu sikap yang bertentangan dengan ajaran kesederhanaan Islam, JFNP telah memperkuatkan hujah mereka dengan ayat berikut;

²⁴⁶ Muhammad bin ‘Āli b Ḥajar al- ‘Asqalāni (2000), *Fath al-Bārī Syarḥ Ṣahih Bukhari*, j.3 c. 3 Riyād : Dar al-Salām, h. 296

²⁴⁷ Minit Mesyuarat JFNP kali ke 162, perkara 4.1.

²⁴⁸ Taasub diertikan sebagai kuat pegangan serta keyakinan yang keterlaluan terhadap sesuatu atau seseorang , fanatik *Kamus Dewan*, c. 4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka h. 1561; Tidak menerima kebenaran walaupun jelas bukti kebenaran berkenaan disebabkan kecenderungan kepada pihak lain. Lihat Louis Ma’aluf (1952), *al-Munjid*, c 19, Beirut:Dār al-Masyriq, h 508)

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ
الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا

Surah al-Baqarah (2) : 143

Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (Wahai umat Muhammad) satu umat pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu.

Terjemahan Surah al-Baqarah (2) : 143

Untuk menolak hujjah pengasas ajaran ini iaitu Azhar bin Wahab bahawa beliau mampu memberi berkat dan syafaat, JFNP telah berdalilkan ayat:

اللهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَقُّ الْقَيُومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي
السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا
بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفُهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَعُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ
الْعَظِيمُ

Surah al-Baqarah (2) : 255

Allah, tiada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang tetap hidup, Yang kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhlukNya). Yang tidak mengantuk usahkan tidur. Yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Tiada sesiapa yang dapat memberi syafaat (pertolongan) di sisiNya melainkan dengan izinNya. Yang mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari (kandungan) ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendaki (memberitahu kepadanya). Luasnya Kursi Allah (ilmuNya dan

kekuasaanNya) meliputi langit dan bumi; dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah menjaga serta memelihara keduanya. dan Dia lah Yang Maha tinggi (darjat kemuliaanNya), lagi Maha besar (kekuasaanNya)

Terjemahan Surah al-Baqarah (2) : 255

Analisis kaedah pendalilan

JFNP menekankan bahawa sifat taksub kepada ketua sehingga melampaui batas-batas syarak sehingga mendewa-dewakan ketua seperti mampu untuk memberikan syafaat dan sebagainya adalah dilarang dan di luar batas kesederhanaan. JFNP menggunakan uslub umum pernyataan Allah menerusi Surah al-Baqarah (2): 143 bahawa kesederhanaan perlu diamalkan dalam kehidupan termasuklah dalam hubungan pemimpin dan kepengikutkan. Walaupun perkataan (وسط), tafsirannya berkisar dengan makna terbaik, kualiti dan adil²⁴⁹ sesuai dengan peristiwa pertukaran kiblat yang melatari ayat berkenaan, namun Ibnu Jarīr al-Tabari di samping membawa tafsiran yang sama, beliau juga menggunakan makna umum kesederhanaan dengan memberi ingatan agar tidak menyerupai melampaunya golongan al-Naṣāra dalam beberapa pegangan agama mereka.²⁵⁰ Di samping dalil yang dikemukakan ini, JFNP boleh mengukuhkan pandangan mereka dengan dalil ayat al-Quran yang lebih berkaitan dengan fatwa seperti ayat:

²⁴⁹ Ibnu Kathīr (1991), *op.cit* , , j. 1, h. 203-204

²⁵⁰ Al-Tabari (1992), *op. cit*, j. 2, h. 8-9.

قُلْ يَأَهْلَ الْكِتَبِ لَا تَغْلُوْ فِي دِينِكُمْ عَيْرَ الْحَقِّ وَلَا تَتَّبِعُوا
أَهْوَاءَ قَوْمٍ قَدْ ضَلُّوا مِنْ قَبْلٍ وَأَضَلُّوا كَثِيرًا وَضَلُّوا عَنْ سَوَاءٍ

السَّبِيلِ

Surah al-Mā''idah (5): 77

katakanlah: "Wahai ahli kitab! janganlah kamu melampau dalam ugama kamu secara yang tidak benar, dan janganlah kamu menurut hawa nafsu suatu kaum yang telah sesat sebelum ini dan telah menyesatkan banyak manusia, dan juga (sekarang) mereka telah tersesat (jauh) dari jalan yang betul"

Terjemahan Surah al-Mā' idah (5): 77

Ayat di atas jelas menunjukkan larangan melampau dalam urusan agama

(لا تغلوا في دينكم). Walaupun larangan di dalam ayat berkenaan ditujukan kepada ahli kitab tetapi peringatan berkenaan juga terpakai kepada umat Islam berdasarkan kepada kaedah ²⁵¹(العبرة بعموم النّفظ لا بخصوص السبب)

JFNP juga menggunakan prinsip umum uslub al-Quran dalam menerangkan hukum iaitu syafaat adalah milik Allah s.w.t. dan hanya diberikan kepada sesiapa yang dikehendakiNya sahaja. Sesiapa yang diizinkan oleh Allah untuk diberikan syafaat hanya diketahui di akhirat kelak. Maka dakwaan bahawa Azhar bin Wahab mampu memberi berkat dan syafaat adalah dakwaan yang menyeleweng.

²⁵¹ Mannā' al-Qaṭṭān (1990), *op.cit*, h. 82-83

4.2.1.4 Fatwa tentang kandungan kandungan buku "Persaudaraan ilmu dalam al-Maunah Malaysia

JFNP telah membuat keputusan bahawa kandungan buku bertajuk "Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Maunah Malaysia Seni Bela Diri Warisan Islam (sumber kekuatan batin)" karangan Syeikh Muhamad Amin bin Mohd Razali didapati mengandungi perkara-perkara yang meragukan dan menyalahi ajaran agama Islam yang sebenar

Penggunaan dalil-dalil al-Quran:

Fatwa ini telah diperkuuhkan dengan ayat al-Quran berikut:²⁵²

قُل لَا يَعْلَمُ مَن فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبَ إِلَّا اللَّهُ وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانٍ
يُعَثُّونَ

Surah al-Naml (27) : 65

Katakanlah lagi: tiada sesiapapun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib melainkan Allah!" dan tiadalah mereka menyedari bilakah masing-masing akan dibangkitkan hidup semula (sesudah mati).

Terjemahan Surah al-Naml (27) : 65

Analisis kaedah pendalilan.

JFNP telah menggunakan Surah al-Naml (27): 65 untuk membuktikan bahawa pegangan kumpulan ini bahawa pertolongan Allah (al-ma‘ünah) memungkinkan seseorang mengetahui perkara ghaib adalah menyeleweng dari

²⁵² Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 150, perkara 4.1.

ajaran sebenar. Ayat ini adalah dalil yang bersifat *dilālah yaqīniyyah qat'iyyah* sebagai penegasan terhadap akidah yang betul bahawa perkara ghaib hanya diketahui oleh Allah s.w.t. Pendekatan manhaj al-Quran dalam menerangkan pernyataan ini ialah dengan membuat penegasan dalam beberapa ayat yang terletak di berbagai tempat di dalam al-Quran. JFNP merasakan memadai dengan mengambil Surah al-Naml (27) : 65 ini sahaja sebagai hujjah fatwa.

4.2.1.5. Fatwa Mengenai pertubuhan al-Arqam

Fatwa yang telah diputuskan oleh JFNP mendapati Kumpulan Darul Arqam @ Al-Arqam yang berpegang kepada ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang terkandung di dalam buku bertajuk ”Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam Sekaligus Menjawab Tuduhan” dan ”Manaqib (Riwayat Hidup) Sheikh Muhammad bin Abdullah As-Suhaimi adalah adalah mengandungi ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang bertentangan dengan akidah dan syariah Islamiah serta mengelirukan dan boleh menyesatkan masyarakat Islam.

Penggunaan dalil-dalil al-Quran:²⁵³

JFNP telah menggunakan beberapa ayat al-Quran untuk membuktikan bahawa beberapa asas pegangan kumpulan ini jelas menyeleweng dari ajaran Islam.

6. Persoalan menerima Aurad²⁵⁴ secara langsung dari Rasulullah s.a.w di dalam keadaan jaga adalah satu dakwaan sahaja kerana seseorang yang telah

²⁵³ Minit Mesyuarat JFNP kali ke 130, perkara 4.10.

²⁵⁴ Ajaran Aurad Muhammadiyyah menuntut penambahan dalam dua kalimah syahadah dengan perkataan lain selain kalimah yang sedia ada dalam Islam . Lihat (Farahwahida Mohd Yusof (2007), *Al-Arqam dan Ajaran Aurad Muhammadiyah satu penilaian*, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, h. 88.Ia adalah zikir istimewa

meninggal dunia termasuk para Nabi atau syuhada tidak boleh berhubung dengan makhluk yang masih hidup di dunia. Lagipun Nabi s.a.w. telah menyempurnakan tugas kerasulannya, tidak berbangkit lagi isu penyampaian dakwah selepas kewafatan baginda s.a.w.

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَقْمَتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمْ
إِلَّا سَلَمَ دِينًا

Surah al-Mā''idah (5) : 3

".... pada hari ini telah ku sempurnakan untuk kamu agama kamu, dan telah ku cukupkan kepadamu ni'matku dan telah ku rida' Islam itu jadi agama bagi mu..."

Terjemahan Surah al-Mā' idah (5) : 3

7. Kebanyakan pengikut Arqam percaya mana-mana orang Arqam yang keluar daripada Arqam yang mengalami kematian, sakit dan nasib malang orang tertentu dianggap sebagai akibat menentang Arqam. Hal ini adalah bertentangan dengan konsep Islam yang sebenar kerana Allah s.w.t. berfirman:

قُلْ لَنْ يُصِيبَنَا إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَنَا هُوَ مَوْلَانَا وَعَلَى اللَّهِ
فَلِيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ ﴿٥١﴾

Surah al-Taubah (9) : 51

yang didakwa boleh melahirkan perkara luarbiasa pada pengamalnya. Dia mendakwa zikir ini diterima oleh Sheikh Suhaimi daripada Rasulullah dalam ka'bah secara sedar (Abdul Halim El Muhammady (1994), *Penyelewengan al-Arqam dari aqidah Quran dan Sunnah*, Petaling Jaya : ABIM, h. 6.

”Tidak sekali-kali akan menimpa kami sesuatupun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami”

Terjemahan Surah al-Taubah (9) : 51

8. Kepercayaan kumpulan Arqam bahawa dengan menyeru nama Syeikh Suhaimi sewaktu menghadapi masalah dan hajat akan dapat dipenuhi, hal ini bertentangan dengan sama sekali dengan ayat-ayat Al-Quran yang jelas menyuruh umat Islam menumpukan permohonan kepada Allah semata-mata



Surah al-Ikhlas (112): 2

“Allah yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat”;

Terjemahan Surah al-Ikhlas (112): 2

Begitu juga dengan ayat di bawah :



Surah al-Fatiyah (1) : 5

“Engkaulah sahaja (Ya Allah) yang kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan.”

Terjemahan Surah al-Fatiyah (1) : 5

9. Mengenai ramalan berlakunya kiamat oleh Ustaz Ashaari Muhammad pada kurun ke 15 H adalah bertentangan dengan ajaran Rasulullah s.a.w. yang baginda sendiri tidak mahu meramalkan bila akan berlakunya kiamat, tambahan pula Allah menerangkan :

إِنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ عِلْمٌ أَلْسَاعَةٍ

Surah Luqmān (31): 34

Sesungguhnya di sisi Allah pengetahuan yang tepat tentang hari kiamat.

Terjemahan Surah Luqmān (31): 34

Analisis kaedah pendalilan.

JFNP telah menggunakan ayat-ayat al-Quran berkaitan dengan isu-isu akidah yang menunjukkan *dilālah yaqīniyyah qat'iyyah*. Isu-isu akidah yang utama seperti penerimaan ajaran baru (Aurad Muhammadiyyah) selepas kewafatan Rasulullah s.a.w, kecelakaan akan berlaku disebabkan apabila keluar dari kumpulan ini, menyeru dengan nama-nama tertentu untuk memohon pertolongan apabila berlaku kecemasan dan melakukan ramalan tarikh berlaku kiamat adalah isu-isu yang telah diselesaikan oleh ayat-ayat al-Quran yang dilalahnya *dilālah yaqīniyyah qat'iyyah*. Al-Quran menggunakan manhaj mengukuhkan pegangan yang betul terhadap isu-isu akidah dalam ayat-ayat yang diletakkan di perbagai surah. JFNP memada dengan mengambil satu atau dua ayat al-Quran untuk menjelaskan pegangan yang sebenar.

4.2.2 FATWA SYARIAH

4.2.2.1 Fatwa mengenai kewajipan mendirikan solat Jumaat ketika bersuluk oleh pengamal tarekat.

JFNP telah membuat keputusan amalan bersuluk atau khulwah oleh pengamal-pengamal tarekat tertentu tidak boleh dikategorikan sebagai keuzuran yang dibenarkan oleh syara' untuk tidak menunaikan solat Jumaat.

Penggunaan dalil al-Quran

JFNP telah menggunakan ayat berikut sebagai sandaran kefardhuan solat Jumaat:²⁵⁵

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعُوا إِلَى
ذِكْرِ اللَّهِ وَدَرْوَانَ الْبَيْعِ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Surah al-Jumu'ah (62) : 9

Wahai orang-orang yang beriman! apabila diserukan azan (bang) untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli (pada saat itu); yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya)

Terjemahan Surah al-Jumu'ah (62) : 9

Analisis kaedah pendalilan.

JFNP menggunakan ayat ini sebagai dalil kewajipan menunaikan fardhu Jumaat di samping menggunakan dalil-dalil lain seperti hadith Rasulillah s.a.w. Hukum wajib melaksanakan solat Jumaat ditunjukkan dengan *dilālah qat'iyyah* dengan manhaj

²⁵⁵ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 178, perkara 4.21

penggunaan kata-kata perintah iaitu perkataan (فَاصْنُو) وَذَرُوا dan . JFNP menggunakan uslub al-Quran dalam menerangkan hukum secara prinsip umum sahaja , namun mengenai penjelasan terperinci mengenai golongan yang diberi keuzuran untuk tidak melaksanakan diterangkan oleh hadith-hadith Nabi s.a.w. sesuai dengan fungsi hadith sebagai menerangkan makna umum dari al-Quran dan yang mengikat beberapa persoalan tafsir al-Quran²⁵⁶ . Bersuluk tidak menjadi salah satu keuzuran untuk meninggalkan solat Jumaat.

4.2.3 FATWA SOSIAL

4.2.3.1 Fatwa mengenai hukum wanita menyerupai lelaki (Pengkid) dan hukum lelaki menyerupai perempuan (pondan dan mak nyah)

JFNP telah membuat keputusan bahawa pengkid, iaitu wanita yang berpenampilan dan mempunyai gerak laku serta naluri seksual seperti lelaki, dan lelaki yang menyerupai wanita (maknyah/ pondan) samada dari segi pakaian, penampilan dan gerak laku serta naluri seksual seperti wanita adalah haram di sisi Islam.

Penggunaan dalil al-Quran

JFNP telah menggunakan beberapa ayat al-Quran untuk menegaskan bahawa perhubungan antara lelaki dengan perempuan perlu diurus mengikut fitrah dari sudut penampilan dan perkahwinan sesuai dengan kejadian asal.²⁵⁷

²⁵⁶ Zulkifli Hj Mohd Yusuf, Tafsir al-Quran Bi al-Ma'thur: satu Analisis Terhadap Tafsir Al-Quran Bi Al Quran dan Tafsir al-Quran bi al-Hadith”, *Jurnal Usuluddin* , bil 5, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, h. 29

²⁵⁷ M.N. Pk A351. IST. 05/09 J 3 (4) surat Mufti kepada Setiausaha Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak.

سُبْحَانَ اللَّهِيْ خَلَقَ الْأَرْوَاحَ كُلَّهَا مِمَّا تُنْبِتُ الْأَرْضُ وَمِنْ أَنْفُسِهِمْ
وَمِمَّا لَا يَعْلَمُونَ

Surah Yāsin (36) : 36

Maha suci Tuhan yang telah menciptakan makhluk-makhluk semuanya berpasangan; sama ada dari yang ditumbuhkan oleh bumi, atau dari diri mereka, ataupun dari apa yang mereka tidak mengetahuinya.

Terjemahan Surah Yāsin (36) : 36

وَمِنْ إِيَّاهِنَّ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ
بَيْنَكُمْ مَوَدًّا وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Surah al-Rūm (30) : 21

Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa ia menciptakan untuk kamu (Wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikannya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.

Terjemahan Surah al-Rūm (30) : 21

وَأَنِّكُحُوا الْأَيْمَنَ مِنْكُمْ وَالصَّلِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَائِكُمْ إِنْ
يَكُونُوا فُقَرَاءٌ يُغْنِهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِ

Surah al-Nūr (24) : 32

Dan kahwinkanlah orang-orang bujang (lelaki dan perempuan) dari kalangan kamu, dan orang-orang yang soleh dari hamba-hamba kamu, lelaki dan perempuan. jika mereka miskin, Allah akan

memberikan kekayaan kepada mereka dari limpah kurniaNya kerana Allah Maha Luas (rahmatNya dan limpah kurniaNya), lagi Maha mengetahui.

Terjemahan Surah al-Nūr (24) : 32

أَتَأْتُونَ الْذُكْرَانَ مِنَ الْعَلَمِينَ ﴿١٦﴾ وَتَذَرُّونَ مَا خَلَقَ لَكُمْ رَبُّكُمْ مِنْ أَزْوَاجِكُمْ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ عَادُونَ ﴿١٧﴾

Surah al-Syu‘arā’ (26) : 165-166

"Patutkah kamu melakukan hubungan jenis dengan lelaki dari kalangan manusia, "Dan kamu tinggalkan apa yang diciptakan oleh Tuhan kamu untuk kamu (melakukan hubungan yang halal) dari badan isteri-isteri kamu? (kamu orang-orang yang bersalah) bahkan kamu adalah kaum yang melampaui batas (keinginan kebanyakan haiwan)!"

Terjemahan Surah al-Syu‘arā’ (26) : 165-166

Analisis kaedah pendalilan

JFNP menggunakan ayat-ayat al-Quran yang menggunakan uslub al-Quran menerangkan hukum secara prinsip-prinsip dan kaedah-kaedah umum . Keempat-empat dalil al-Quran yang digunakan adalah ayat-ayat hukum ‘amaliyyah yang mengatur hubungan sesama manusia. Ayat-ayat ini tidak memperincikan hukum secara langsung seperti yang dinyatakan dalam fatwa tetapi membuat penegasan umum bahawa setiap mahkluk termasuk manusia dijadikan berpasang-pasangan dan ia adalah tanda kewujudan dan kekuasaan Allah s.w.t seperti dalam Surah Yāsin (36) : 36.²⁵⁸ Manakala pada Surah al-Rūm (30) : 21 menjelaskan tentang hikmah perkahwinan yang berlaku secara tabi‘i mengikut sunnatullah akan menghasilkan kesenangan, kasih sayang dan kemesraan di antara lelaki dan perempuan yang

²⁵⁸ Ibnu Kathīr (1991), *op.cit* , , j. 3, h. 627

diikat dengan talian pernikahan yang sah.²⁵⁹ Dalam al-Nūr (24) : 32 Allah mengarahkan masyarakat Islam agar membantu urusan perkahwinan supaya kemiskinan tidak lagi menjadi halangan utama untuk mendirikan rumah tangga di kalangan pemuda dan pemudinya. Ini merupakan antara matlamat ajaran Islam agar masyarakat Islam bersih dari gejala kemungkaran.²⁶⁰ *Mafhūm muwāfaqah*²⁶¹ dari ayat berkenaan juga membawa maksud untuk memastikan masyarakat Islam terus bersih dari sebarang kemungkaran, gejala pengkid dan pondan juga perlu dibenteras. Manakala Surah al-Syu‘arā’ (26) : 165-166 merupakan pengharaman hubungan sejenis sesama lelaki, di mana al-Quran menggunakan manhaj melabelkan perbuatan itu sebagai perbuatan yang melampaui batas dan ia merupakan salah satu manhaj al-Quran untuk menggambarkan perbuatan berkenaan adalah haram.

Semua *dilālah* umum menerusi ayat-ayat di atas mempunyai hubungkait yang rapat dari sudut setiap manusia samada lelaki mahupun perempuan dijadikan oleh Allah untuk menggalas tanggungjawab masing-masing. Lantaran itu mereka hendaklah akur dan menginsafi bahawa kejadian mereka sebagai seorang lelaki ataupun seorang perempuan adalah ketetapan Allah Yang Maha Bijaksana untuk menjalankan tugas masing-masing. Penyimpangan dari kejadian asal lelaki

²⁵⁹ al-’Alūsi (1994), *op. cit*, j. 21, h. 47

²⁶⁰ Sayyid Quṭb (1990), *op. cit*, j. 4, c. 16, h. 2515

²⁶¹ Dilalah lafaz pada hukum yang tersurat dalam nas juga terpakai kepada hukum yang tersirat kerana kedua-duanya mempunyai ilah hukum yang sama. Perkara ini diketahui dengan memahami bahasa arab tanpa perlu kepada ijтиhad. Lihat : ‘Abd al-Karīm Zaidān (1987), *op.cit*, h.361

mahupun perempuan samada dari sudut perawakan, penampilan adalah dianggap bersalah dalam Islam.

Penulis mendapati ada satu ayat al-Quran yang lebih hampir dengan dengan maksud fatwa berkenaan iaitu ayat:

وَلَا أُضْلِنُهُمْ وَلَا مُنِينُهُمْ وَلَا مَرْنُهُمْ فَلَيَبْتَكُنَّ إِذَا رَأَوْنَ الْأَنْعَمِ
وَلَا مَرْبُوْهُمْ فَلَيَغِيْرُنَّ خَلْقَ اللَّهِ وَمَنْ يَتَّخِذِ الشَّيْطَنَ وَلِيًّا مِّنْ
دُونِ اللَّهِ فَقَدْ حَسِرَ خُسْرَانًا مُّبِينًا

Surah al-Nisā' (4): 119

"Dan demi sesungguhnya, aku akan menyesatkan mereka (dari kebenaran), dan demi sesungguhnya aku akan memperdayakan mereka dengan angan-angan kosong, dan demi sesungguhnya aku akan menyuruh mereka (mencacatkan binatang-binatang ternak), lalu mereka membelah telinga binatang-binatang itu; dan aku akan menyuruh mereka mengubah ciptaan Allah". dan (ingatlah) sesiapa yang mengambil syaitan menjadi pemimpin yang ditaati selain dari Allah, maka sesungguhnya rugilah ia dengan kerugian yang terang nyata.

Terjemahan Surah al-Nisā' (4): 119

Imam al-Tabari telah membuat kesimpulan bahawa **فَلَيَغِيْرُنَّ خَلْقَ اللَّهِ** adalah mengubah agama Allah berdalilkan ayat

فِطْرَةَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ ذَلِكَ
الَّذِينُ الْقَيْمُولَكِينَ أَكْثَرُ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

Surah al-Rūm (30) : 30

Iaitu ugama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada

sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah ugama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.

Terjemahan Surah al-Rūm (30) : 30

Termasuklah di dalam mengubah agama Allah s.w.t. itu, perbuatan mengkasi binatang, membuat tattoo dan lain-lain maksiat yang dianjurkan oleh syaitan.²⁶² Pengkid dan pondan adalah termasuk dalam merubah kejadian Allah yang diharamkan oleh Allah s.w.t.

Menurut Syeikh Mutawalli al-Sya'rāwi, antara cara syaitan ingin menyesat manusia ialah dengan merubah fungsi asal sesuatu kejadian yang diciptakan oleh Allah. Apabila sesuatu kejadian itu digunakan kepada selain untuk fungsi asal ia diciptakan maka ia termasuk dalam perkara merubah kejadian Allah.²⁶³

Pendekatan kedua, JFNP telah menggunakan beberapa hadith sahih sebagai penjelasan terhadap makna umum dalam ayat-ayat di atas untuk lebih fokus kepada isu sebenar seperti yang difatwakan. Ini sesuai dengan kaedah-kaedah asas hubungan al-Quran dan al-Hadith di mana al-hadith menerangkan makna umum dari al-Quran²⁶⁴

²⁶² Al-Tabari (1992), *op. cit*, j. 4, h. 285

²⁶³ Muḥammad Mutawalli Sya'rāwi (1991), *Tafsīr al-Sha'rāwi*, j.5 , al-Qāhirah : Akhbār al-Yawm, Idārah al-Kutub wa al-Maktabah, h. 2655

²⁶⁴ Zulkifli Hj Mohd Yusuf, *op. cit*, h. 29

4.2.3.2 Fatwa mengenai Kumpulan Black Metal.

JFNP telah membuat keputusan bahawa amalan dan perbuatan kumpulan Black Metal adalah sesat dan bercanggah dengan ajaran Islam bahkan perbuatan dan amalan mereka boleh menyebabkan seseorang itu menjadi murtad .

Penggunaan dalil al-Quran

JFNP telah berdalilkan beberapa ayat al-Quran untuk menegaskan bahawa perbuatan mempermain-mainkan agama, menghina Al-Quran termasuk dalam perkara yang sangat jelas mengeluarkan pelakunya dari agama Islam.²⁶⁵

وَلِئِن سَأَلْتُهُمْ لَيَقُولُنَّ إِنَّمَا كُنَّا نَخْوَضُ وَنَلْعَبُ قُلْ أَبِّاللَّهِ

وَإِيَّيْهِ وَرَسُولِهِ كُنْتُمْ تَسْتَهْزِءُونَ ﴿٦٥﴾

Surah al-Taubah (9) : 65

Dan jika engkau bertanya kepada mereka (tentang ejek-ejekan itu) tentulah mereka akan menjawab: "Sesungguhnya kami hanyalah berbual dan bermain-main". katakanlah: "Patutkah nama Allah dan ayat-ayatNya serta RasulNya kamu memperlok-lok dan mengejeknya?"

Terjemahan Surah al-Taubah (9) : 65

وَالَّذِينَ كَفَرُوا فَتَعَسَّا لَهُمْ وَأَضَلَّ أَعْمَانَهُمْ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ كَرِهُوا مَا

أَنْزَلَ اللَّهُ فَأَحْبَطَ أَعْمَانَهُمْ ﴿٤٧﴾

Surah Muhammad (47) : 8-9

²⁶⁵ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 179, perkara 4.3.

Dan (sebaliknya) orang-orang yang kafir, maka kecelakaanlah bagi mereka, dan (Allah) mensia-siakan amal-amal mereka. Berlakunya yang demikian, kerana sesungguhnya mereka tidak menyukai apa yang diturunkan oleh Allah (mengenai ajaran Tauhid dan hukum-hukum Syarak yang diterangkan di dalam Al-Quran), lalu Allah menggugurkan amal-amal mereka.

Terjemahan Surah Muhammad (47) : 8-9

Analisis kaedah pendalilan

JFNP telah menggunakan dalil-dalil ayat al-Quran yang bersifat *dilālah yaqīniyyah qat'iyyah* sebagai penegasan bahawa perbuatan mencemuh, memperolok-lokkan dan membenci ajaran tauhid serta hukum-hukum yang terkandung di dalam al-Quran seperti yang dilakukan oleh kumpulan ini, adalah perbuatan yang haram dan ditegah. Dua dalil al-Quran berkenaan termasuk dalam usul umum al-Quran dalam menerangkan hukum.

Dalam Surah al-Taubah (9): 65, Allah s.w.t. menjelaskan perbuatan mempermain-mainkan dan memperolok-lokkan Rasulullah s.a.w. ketika perang Tabuk oleh golongan munafikin telah menyebabkan mereka kufur.²⁶⁶ Perkara ini lebih jelas jika JFNP menggunakan juga ayat 66 pada surah yang sama.

لَا تَعْذِرُوا قَدْ كَفَرُتُمْ بَعْدَ إِيمَانِكُمْ إِنْ نَعْفُ عَنْ طَآئِفَةٍ مِّنْكُمْ
نَعْذِبُ طَآئِفَةً بِأَهْمَمْ كَانُوا مُجْرِمِينَ

Surah al-Taubah (9) : 66

²⁶⁶ Maḥmud bin ‘Omar al-Zamakhsyari (1986), *op. cit.*, j. 2, h. 286

janganlah kamu berdalih (dengan alasan-alasan yang dusta), kerana Sesungguhnya kamu telah kufur sesudah kamu (melahirkan) iman. jika Kami maafkan sepuak dari kamu (kerana mereka bertaubat), maka Kami akan menyeksa puak yang lain, kerana mereka adalah orang-orang yang terus bersalah.

Terjemahan Surah al-Taubah (9) : 66

Dalam Surah Muhammad (47) : 8-9 , Ibnu Kathīr menyatakan bahawa Allah s.w.t. akan menggugur dan membatalkan amalan orang-orang yang tidak menyukai Allah dan agamanya.²⁶⁷

Manhaj al-Quran dalam menyatakan perbuatan ini haram dapat dibuktikan dengan penggunaan kata-kata ancaman pengguguran amalan dan perkataan kufur.²⁶⁸

4.2.3.3 Fatwa mengenai Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd. dan rangkaian syarikat gabungannya.

JFNP telah membuat keputusan bahawa mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpulan melalui individu atau berkumpulan melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang menjadi ahli jamaah atau pengikut Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd (SRC) dan rangkaian syarikat gabungannya adalah mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang menyeleweng daripada ajaran Islam. Ia juga mempunyai unsur-unsur persamaan dengan ajaran, pegangan dan fahaman kumpulan al-Arqam.

²⁶⁷ Ibnu Kathīr (1991), *op.cit* , , j. 4, h. 184

²⁶⁸ Wahbah al-Zuhaily (1986), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhū*, j. 1 , Dimasyq : Dār al-Fikr h. 445

Penggunaan dalil al-Quran

Beberapa dalil Al-Quran telah dijadikan hujjah untuk menjelaskan tentang beberapa kesalahan kumpulan ini ²⁶⁹

5. JFNP telah menggunakan ayat-ayat berikut untuk menolak pegangan mereka bahawa Ashaari bin Muhammad mempunyai kelebihan meramal dan mengetahui perkara yang akan berlaku pada masa hadapan dan perkara-perkara ghaib.

قُلْ لَا يَعْلَمُ مَنِ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبِ إِلَّا اللَّهُۚ وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانَ يُبَعْثُرُونَ


Surah al-Naml (27) : 65

"Katakanlah lagi: tiada sesiapapun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib melainkan Allah!" dan tiadalah mereka menyedari bilakah masing-masing akan dibangkitkan hidup semula (Sesudah mati)."

Terjemahan Surah al-Naml (27) : 65

عَلِمَ الْغَيْبٌ فَلَا يُظْهِرُ عَلَىٰ غَيْبِهِ أَحَدًا


Surah al-Jin (72) : 26

"Tuhanlah sahaja yang mengetahui segala yang ghaib, maka ia tidak memberitahu perkara ghaib yang diketahuiNya itu kepada sesiapapun,"

Terjemahan Surah al-Jin (72) : 26

²⁶⁹ Minit Mesyuarat JFNP172, perkara 4.1.

قُل لَا أَقُولُ لَكُمْ عِنْدِي حَرَبٌ إِنَّ اللَّهَ وَلَا أَعْلَمُ الْغَيْبَ وَلَا أَقُولُ
 لَكُمْ إِنِّي مَلَكٌ إِنْ أَتَتْ بُعْدًا مَا يُوحَى إِلَيَّ قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الْأَعْمَاءِ
 وَالْبَصِيرُ أَفَلَا تَتَفَكَّرُونَ ﴿٦﴾

Surah al-An‘ām (6) : 50

Katakanlah (Wahai Muhammad); "Aku tidak mengatakan kepada kamu (bahawa) perbendaharaan Allah ada di sisiku, dan aku pula tidak mengetahui perkara-perkara yang ghaib; Aku juga tidak mengatakan kepada kamu bahwasanya aku ini malaikat, aku tidak menurut melainkan apa yang diwahyukan kepadaku". Bertanyalah (kepada mereka): "Adakah sama orang yang buta dengan orang yang celik? tidakkah kamu mahu berfikir?"

Terjemahan Surah al-An‘ām (6) : 50

6. Dakwaan Ashaari bin Muhammad bahawa beliau mendapat ilmu terus dari Allah (ilham, ilmu ladunni atau kasyaf) yang meliputi soal agama, dunia, hal ehwal semasa, pemerintahan, bina insan dan lain adalah salah kerana perbuatan ini adalah menyandarkan kepada Allah sesuatu yang bukan datang dari sisiNya. Firman Allah s.w.t.

وَإِنَّ مِنْهُمْ لَفَرِيقًا يَلْوُنَ أَسْنَتَهُمْ بِالْكِتَبِ لِتَحْسَبُوهُ مِنَ
 الْكِتَبِ وَمَا هُوَ مِنَ الْكِتَبِ وَيَقُولُونَ هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ
 وَمَا هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ وَيَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٧﴾

Surah Āli Imrān (3) : 78

"Dan sesungguhnya, di antara mereka (Ahli Kitab itu) ada (Ketua-ketua ugamanya) yang memutar-mutar lidahnya semasa membaca Kitab Taurat (dengan mengubah maknanya), supaya kamu menyangkanya sebahagian dari Kitab Taurat padahal ia

bukanlah dari Kitab itu. dan mereka pula berkata: "(Bahawa) ia adalah (datangnya) dari sisi Allah", padahal ia bukanlah dari sisi Allah; dan mereka pula tergamak berkata dusta terhadap Allah sedang mereka mengetahui (bahawa mereka adalah berdusta).

Terjemahan surah Āli Imrān (3) : 78

7. Dakwaan bahawa minda Ashaari Muhammad adalah wahyu Tuhan bahkan wahyu yang diturunkan kepadanya adalah 1/46 daripada kenabian adalah seolah-olah menganggap wahyu masih berterusan sedangkan wahyu sudah terhenti dengan penurunan ayat berikut:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَّمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمْ
الْإِسْلَامَ دِينًا

Surah al-Māidah (5) : 3

Aku telah sempurnakan bagi kamu ugama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi ugama untuk kamu.

Terjemahan surah al-Māidah (5) : 3

8. Pegangan yang mengatakan bahawa minda Ashaari adalah intisari al-Quran dan Hadith, malah tidak perlu lagi merujuk kepada Quran dan Hadith disebabkan minda ini sudah lengkap jelas bertentangan dengan ayat :

يَتَّبِعُهَا الَّذِينَ إِمَانُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ مِنْ كُمْ
فَإِنْ تَنْزَعُمْ فِي شَيْءٍ فَرْدُوهُ إِلَى اللَّهِ وَإِلَى الرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ
وَالْيَوْمَ الْأَخِرُ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.

Terjemahan surah al-Nisā' (4) : 59

Analisis kaedah pendalilan

JFNP telah menggunakan dalil-dalil al- Quran yang sangat jelas dan tuntas dari sudut dilalahnya (*dilālah yaqīniyyah qat'iyyah*) ketika membuat hujahan bahawa pegangan kumpulan ini jelas menyeleweng dari ajaran al-Quran. Empat isu utama yang berkaitan dengan akidah telah menjadi tumpuan JFNP kerana sangat jelas bertentangan dengan ajaran al-Quran iaitu:-

- i. keupayaan meramal dan mengetahui perkara yang akan berlaku pada masa hadapan dan perkara-perkara ghaib.
- ii. mendapat ilmu terus dari Allah dan menyandarkannya kepada Allah. .
- iii. menganggap wahyu masih berterusan.
- iv. tidak perlu lagi merujuk kepada al- Quran dan Hadith.

Semua penyelewengan berkenaan termasuk dalam perkara-perkara perkara-perkara asas agama yang sudah sedia dimaklumi (معلوم من الدين بالضرورة). Namun JFNP memperkuatkannya penghujahan mereka dengan dengan ayat-ayat al-Quran

yang termasuk dalam kategori ayat-ayat yang mudah difahami disebabkan kejelasan *dilālahnya*.²⁷⁰ Penulis berpendapat langkah yang telah dilakukan oleh JFNP adalah tindakan yang tepat kerana dapat mendidik masyarakat menghubungkan kehidupan mereka dengan pedoman al-Quran.

4.2.3.4 Fatwa menangani masalah perpecahan orang Melayu Islam.

JFNP telah membuat fatwa bahawa tiada halangan untuk menggunakan perkataan Islam oleh mana-mana petubuhan malah digalakkan dengan disiplin ilmu, iman dan ihsan. Mana-mana orang atau pertubuhan yang menggunakan perkataan Islam untuk tujuan mengelirukan dan menyeleweng adalah salah dan boleh diambil tindakan berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedia ada. JFNP juga berpandangan seseorang itu sudah diiktiraf sebagai orang Islam jika menepati rukun iman dan rukun Islam. Dari itu adalah salah dan tidak berhak bagi mana-mana pihak menambah apa-apa syarat bagi menentukan keislaman seseorang itu. JFNP juga menegaskan bahawa ketentuan syurga atau neraka adalah hak mutlak Allah s.w.t. Dari itu dakwaan bahawa pengakuan dan sokongan kepada orang atau pertubuhan tertentu diperlukan sebelum seseorang itu Islam dilayakkan ke syurga atau ke neraka adalah salah menurut agama Islam.

²⁷⁰ Termasuk dalam pembahagian tafsir oleh Ibnu ‘Abbās sebagai bahagian yang tiada seorang pun di uzurkan daripada mengetahui maknanya (lihat Badr al-Dīn Muḥammad bin ‘Abd Allāh al-Zarkāṣī (t.t.), *al-Burhān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, j. 2, Beirūt: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, h. 164)

Penggunaan dalil-dalil al-Quran:

JFNP telah menggunakan beberapa petikan ayat-ayat al-Quran sebagai sandaran fatwa di atas seperti:²⁷¹

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ إِلَّا سَلَامٌ

Surah Āli ‘Imrān (3) : 19

Sesungguhnya ugama (yang benar dan direndai) di sisi Allah ialah Islam.

Terjemahan Surah Āli ‘Imrān (3) : 19

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ
دِينًا

Surah al-Mā’idah (5) : 3

Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu ugama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi ugama untuk kamu.

Terjemahan al-Mā’idah (5) : 3

هُوَ سَمَّنَّكُمُ الْمُسْلِمِينَ مِنْ قَبْلُ

Surah al-Hajj (22) : 78

Ia menamakan kamu: "Orang-orang Islam" semenjak dahulu

Terjemahan Surah al-Hajj (22) : 78

²⁷¹ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa 151, perkara 4.1.

وَمَن يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَن يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَسِيرِينَ

Surah Āli ‘Imrān (3): 85

Dan sesiapa yang mencari ugama selain ugama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi.

Terjemahan Surah Āli ‘Imrān (3): 85

وَمَنْ أَحْسَنْ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ

Surah Fuṣṣilat (41): 33

Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: "Sesungguhnya Aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)!"

Terjemahan Surah Fuṣṣilat (41): 33

قُلْ يَأَهْلَ الْكِتَابِ تَعَالَوْا إِلَى كَلِمَةٍ سَوَاءٌ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَا نَعْبُدُ إِلَّا اللَّهُ
وَلَا نُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِّنْ دُونِ اللَّهِ فَإِنْ تَوَلَّوْا
فَقُولُوا أَشْهُدُو أَنَا مُسْلِمُونَ

Surah Āli ‘Imrān (3): 64

Katakanlah (Wahai Muhammad): "Wahai ahli kitab, marilah kepada satu kalimah yang bersamaan antara kami dengan kamu, iaitu kita semua tidak menyembah melainkan Allah, dan kita tidak sekutukan dengannya sesuatu jua pun; dan jangan pula sebahagian dari kita mengambil akan sebahagian yang lain untuk dijadikan orang-orang yang dipuja dan didewa-dewakan selain dari Allah". kemudian jika mereka (ahli kitab itu) barpaling (enggan menerimanya) maka katakanlah kepada mereka: "Saksikanlah kamu bahawa sesungguhnya kami adalah orang-orang Islam".

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمْنَوْا أَتَقُولُوا أَنَّ اللَّهَ حَقٌّ تُقَاتِلُهُ وَلَا تُؤْتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

Surah Āli ‘Imrān (3): 102

Wahai orang-orang Yang beriman! bertaqwalah kamu kepada Allah Dengan sebenar-benar taqwa, dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan Dalam keadaan Islam.

Terjemahan Surah Āli ‘Imrān (3): 102

وَلَنْ تَرْضَى عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا الْنَّصَارَى حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّهُمْ

Surah Al-Baqarah (2): 120

Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan bersetuju atau suka kepadamu (Wahai Muhammad) sehingga engkau menurut ugama mereka (yang telah terpesong itu).

Terjemahan Surah Al-Baqarah (2): 120

Analisis kaedah pendalilan

JFNP telah menggunakan lapan dalil al-Quran iaitu Āli ‘Imrān (3) : 19, 64, 85 dan 102, al-Mā’idah (5) : 3, al-Hajj (22) : 78, Āli ‘Imrān (3) : 19 dan Fuṣīlat (41): 33 untuk menjadi hujjah sebagai membuktikan bahawa dakwaan pihak kerajaan bahawa antara punca perpecahan yang menggugat perpaduan umat Islam di Malaysia ialah penggunaan perkataan Islam dalam satu-satu pertubuhan.

JFNP telah menggunakan Āli ‘Imrān (3) : 19 dan al-Mā’idah (5) : 3 untuk menegaskan bahawa perkataan Islam adalah nama yang diberikan oleh Allah s.w.t. kepada

satu-satunya agama yang direbadinya. Ibnu ‘Abbās mengatakan bahawa agama yang dimaksudkan dalam ayat ini adalah Islam.²⁷²

Untuk membuktikan bahawa orang Islam diperintahkan untuk menggunakan nama Islam, JFNP telah menukilkan tafsiran al-Ḥajj (22): 78 dari tafsir Ibnu Kathīr dengan meriwayatkan bahawa al-Nasa’i telah menyebut dalam menafsirkan ayat ini dengan hadith

“Barangsiapa yang memanggil dengan panggilan jahiliyyah maka sesungguhnya ia akan menjadi timbunan batu neraka jahannam. Berkata seorang lelaki – meskipun ia berpuasa dan bersembahyang. Oleh itu panggillah dengan panggilan itu (iaitu panggilan Islam) akan orang-orang muslim yang beriman sebagai hamba Allah.”²⁷³

JFNP menggunakan ayat Āli ‘Imrān (3) : 85 untuk menegaskan bahawa orang yang mencari agama selain Islam tidak akan diterima. Sebaliknya orang yang merasa bangga mengiklankan keislamannya akan mendapat pujian daripada Allah seperti dalil yang digunakan oleh JFNP melalui Fussilat (41): 33. JFNP telah membuat kesimpulan terhadap tafsir ayat ini oleh Dr Wahbah al-Zuhaily :

“Ada tiga perkara yang perlu difahami dari ayat ini, iaitu: seruan untuk mentauhid dan mentaati Allah , melaksanakan apa yang diwajibkan Allah kepada manusia dan menjadikan Islam sebagai agama dan cara hidup.Tidak ada kata-kata lain yang lebih baik daripadanya. Dan ketika ia mengatakan (إِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ)”Bahwa sesungguhnya aku adalah dari kalangan orang-orang Islam “. Dalam menyebut perkataan itu mesti ada perasaan kuat dan gagah (تَفَخَّرًا) dan merasa bangga(اعْتِزَازًا) dengan menjadikan Islam sebagai satu cara hidup dan agama”²⁷⁴

²⁷² Ibnu Kathīr (1991), *op.cit* , , j. 2, h. 15

²⁷³ Ibnu Kathīr (1991), *op.cit* , , j. 3, h. 261

²⁷⁴ Wahbah al-Zuhaily (1998), *al-Tafsīr al-Munīr* , j. 23, c. 2 , Beirūt: Dār al-Fikr al-Mu‘āşir, h. 228-229

JFNP menggunakan dalil ayat Āli ‘Imrān (3): 64 untuk menegaskan tindakan yang sepatutnya dilakukan kepada golongan yang menolak kebenaran walaupun telah diperjelaskan iaitu dengan menegaskan pendirian dan identiti mereka bahawa mereka adalah orang-orang Islam. JFNP menggunakan dalil Āli ‘Imrān (3): 102 untuk memperkuuhkan hujjah bahawa Allah s.w.t. memerintahkan supaya orang-orang Islam sentiasa bertaqwa dan memelihara keIslamannya sehingga sampai waktu kematian.

Daripada lapan dalil al-Quran di atas, JFNP telah membuat kesimpulan berikut:

Maka penzahiran Islam dan bertaqwa sepanjang hayatnya bukan menjadi punca perpecahan sebaliknya menjadi benteng daripada berlakunya perpecahan.²⁷⁵

JFNP telah menggunakan dalil ayat Al-Baqarah (2): 120 untuk mengingatkan umat Islam bahawa musuh-musuh Islam telah lama merancang dan sentiasa merancang supaya orang Islam mengikuti jejak langkah agama mereka dan memutuskan hubungan orang-orang Islam dengan agama Islam .

Manhaj al-Quran dalam menerangkan sesuatu hukum dengan meletakkan perbincangan mengenai perkara di beberapa ayat yang terletak di beberapa surah telah digunakan oleh JFNP untuk membuat kesimpulan hukum dan dijadikan sandaran utama fatwa ini di samping menggunakan dalil-dalil lain yang berkaitan. JFNP telah mengemukakan dalil-dalil ayat al-Quran yang mengemukakan uslub penerangan secara prinsip dan kaedah umum dan penerangan mengenainya di dapati daripada dilālah yang sangat jelas dalam ayat-ayat berkenaan di samping mendapatkan tafsiran beberapa ayat berkenaan dari kitab-kitab tafsir yang muktabar.

²⁷⁵ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa 151, perkara 4.1.

JFNP tidak mengemukakan apa-apa dalil dalam fatwanya berhubung dengan perbuatan menentukan syarat-syarat tambahan untuk melayakkan seseorang itu memasuki syurga ataupun neraka. Perkara ini jelas bersalahan dengan prinsip hak mutlak Allah s.w.t. di dalam memberikan keampunan ataupun azab kepada hambanya. Ini dijelaskan oleh Allah s.w.t dalam ayat:

يُعَذِّبُ مَنْ يَشَاءُ وَيَرْحَمُ مَنْ يَشَاءُ وَإِلَيْهِ تُقْلِبُونَ

Surah al-‘Ankabūt (29) : 21

"Ia menyeka sesiapa yang dikehendakiNya, dan ia juga yang memberi rahmat kepada sesiapa yang dikehendakiNya; dan kepadaNyalah kamu semua akan dikembalikan (untuk menerima balasan).

Terjemahan Surah al-‘Ankabūt (29) : 21

4.3 FATWA-FATWA YANG TIDAK MEMPUNYAI DALIL AL-QURAN

Sepanjang tempoh 1994-2010 sebanyak 9 fatwa yang berkaitan dengan isu akidah, syariah dan sosial telah diwartakan dengan tidak disertakan dalil-dalil dari al-Quran. Penulis akan menganalisa satu persatu fatwa-fatwa berkenaan dan berusaha untuk memurnikan lagi fatwa sedia ada dengan mencadangkan beberapa ayat al-Quran yang boleh dijadikan atas pendalilannya.

4.3.1 FATWA-FATWA AKIDAH

4.3.1.1 Fatwa mengenai Ajaran Cahaya Qursani.

JFNP telah bersetuju untuk membuat fatwa bahawa amalan dan kepercayaan dalam ajaran Cahaya Qursani adalah sesat dan menyeleweng dari Ajaran Islam yang sebenar.

Ulasan pendalilan fatwa:

JFNP tidak mengemukakan sebarang dalil dalam fatwa ini selain menyenaraikan beberapa fahaman yang jelas menyeleweng dari ajaran Islam. Antara faktor penting yang menyebabkan JFNP tidak menyatakan dalil ialah penyelewengan-penyelewangan berkenaan termasuk dalam perkara-perkara asas agama yang sudah sedia dimaklumi²⁷⁶ (معلوم من الدين بالضرورة)²⁷⁷.

Namun pada pandangan penulis, dalam usaha kita mendidik masyarakat supaya mempunyai hubungan yang lebih rapat dengan al-Quran sebagai sumber rujukan dalam kehidupan, lebih-lebih lagi masyarakat hari ini lebih bermaklumat, maka adalah lebih murni setiap fatwa disertakan dalil-dalil yang akan memperkuuhkan sesuatu fatwa.

²⁷⁶ Tan Sri Dato Seri Haji Harussani b. Hj Zakaria , Pengurus JFNP . Temubual pada 7 November 2010.

²⁷⁷ ialah sesuatu hukum sama-sama dimaklumi oleh mereka yang berkepakanan dan orang awam berdasarkan dalil-dalil al-Quran yang qat‘ī , hadith-hadith yang mutawātir lagi tidak ada keraguan padanya , ataupun ijmā‘ keseluruhan sahabat r.a. secara perkataan (tidak cukup ijma’ secara persetujuan senyap) lagi qat‘ī . Lihat Ibrāhīm al-Bajūrī (1972), *Syarah Jauharah al-Tauhīd*, T.T.P., h. 454

Terdapat beberapa perkara yang jelas menyeleweng dalam Ajaran Cahaya Qursani antara seperti menggunakan perantaraan makhluk halus dan mantera dalam amalan perbomohan.²⁷⁸ Ini jelas bertentangan dengan ayat-ayat :

وَأَنَّهُ رَجَالٌ مِنَ الْإِنْسِينَ يَعْوِذُونَ بِرَجَالٍ مِنَ الْجِنِّ فَزَادُوهُمْ رَهْقًا ﴿٦﴾

Surah al-Jin (72): 6

Dan bahawa sesungguhnya adalah (amat salah perbuatan) beberapa orang dari manusia, menjaga dan melindungi dirinya dengan meminta pertolongan kepada ketua-ketua golongan jin, kerana dengan permintaan itu mereka menjadikan golongan jin bertambah sombang dan jahat.

Terjemahan Surah al-Jin (72): 6

وَيَوْمَ تَحْشِرُهُمْ جَمِيعًا يَمْعَشَرُ الْجِنِّ قَدِ اسْتَكْثَرْتُمْ مِنَ الْإِنْسِينَ وَقَالَ أَوْلِيَأُؤُلُّهُمْ مِنَ الْإِنْسِينَ رَبَّنَا أَسْتَمْتَعَ بِعَضُّنَا بِعَضْنَا وَلَغُنَا أَجَلَنَا الَّذِي أَحَجَّلَتْ لَنَا قَالَ الْنَّارُ مَتَّوْلُكُمْ خَالِدِينَ فِيهَا إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ إِنَّ رَبَّكَ حَكِيمٌ

عَلَيْمٌ

Surah al-An‘ām (6): 128

dan (ingatlah) hari (kiamat yang padanya) Allah akan himpukkan mereka semua, (lalu berfirman): "Wahai sekalian jin (Syaitan-syaitan)! Sesungguhnya kamu telah banyak pengikut-pengikut dari manusia". dan berkatalah pula pengikut-pengikut mereka dari golongan manusia: "Wahai Tuhan kami, sebahagian kami (manusia) telah bersenang-senang (mendapat kemudahan) bekerjasama dengan sebahagian yang lain (Syaitan-syaitan), dan telah sampailah kepada masa kami (hari kiamat) yang engkau telah tentukan bagi kami". (Allah berfirman): "Nerakalah tempat kediaman kamu, kekal kamu di dalamnya, kecuali apa yang dikehendaki Allah". Sesungguhnya Tuhanmu (Wahai Muhammad) Maha Bijaksana, lagi Maha mengetahui.

²⁷⁸Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 179, perkara 4.2.

Terjemahan Surah al-An‘ām (6): 128

Amalan memuja guru ketika amalan perbomohan²⁷⁹ jelas bertentangan dengan ayat

وَإِلَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ هَا وَذَرُوا الَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِي أَسْمَائِهِ سَيُجْزَوْنَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Surah al-‘Arāf (7): 180

dan Allah mempunyai nama-nama yang baik (yang mulia), maka serulah (dan berdoalah) kepadanya dengan menyebut nama-nama itu, dan pulaukanlah orang-orang yang berpaling dari kebenaran dalam masa menggunakan nama-namaNya. mereka akan mendapat balasan mengenai apa yang mereka telah kerjakan.

Terjemahan Surah al-‘Arāf (7): 180

وَأَنَّ الْمَسَاجِدَ لِلَّهِ فَلَا تَدْعُوا مَعَ اللَّهِ أَحَدًا

Surah al-Jin (72):18

"dan bahawa sesungguhnya masjid-masjid itu untuk (ibadat kepada) Allah semata-mata; maka janganlah kamu seru dan sembah sesiapapun bersama-sama Allah."

Terjemahan Surah al-Jin (72):18

Dakwaan mengetahui alam ghaib²⁸⁰ jelas bertentangan dengan ayat:

قُلْ لَا يَعْلَمُ مَنِ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبَ إِلَّا اللَّهُ وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانَ يُبَعْثُوتَ

Surah al-Naml (27) : 65

²⁷⁹ Ibid

²⁸⁰ Ibid

"Katakanlah lagi: tiada sesiapapun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib melainkan Allah!" dan tiadalah mereka menyedari bilakah masing-masing akan dibangkitkan hidup semula (Sesudah mati)."

Terjemahan Surah al-Naml (27) : 65

عَلِمَ الْغَيْبُ فَلَا يُظْهِرُ عَلَىٰ غَيْبِهِ حَدَّا

Surah al-Jin (72) : 26

"Tuhanlah sahaja yang mengetahui segala yang ghaib, maka ia tidak memberitahu perkara ghaib yang diketahuiNya itu kepada sesiapapun, -

Terjemahan Surah al-Jin (72) : 26

4.3.1.2 Fatwa mengenai ajaran Ayah Pin

JFNP telah memutuskan bahawa ajaran Arifin bin Muhamad (Ayah Pin) ialah ajaran yang menyeleweng daripada ajaran Islam sebenar, sesat dan syirik.

Ulasan pendalilan fatwa

Fatwa ini tidak disertai dengan sebarang dalil. Walaupun tidak mengemukakan sebarang dalil, fatwa ini mempunyai sedikit perbezaan daripada fatwa-fatwa lain kerana *sighah* fatwa menyertakan sekali dengan perkara-perkara yang dikira sebagai penyelewengan dari sudut akidah dan syariah. Semua penyelewengan berkenaan termasuk dalam perkara-perkara perkara-perkara asas agama yang sudah sedia dimaklumi (معلوم من الدين بالضرورة). Namun adalah lebih murni jika fatwa ini diperkuuhkan dengan dalil-dalil khususnya dengan ayat-ayat al-Quran, amnya dengan dalil-dalil yang lain.

Penulis hanya akan memberikan contoh penyelewengan yang utama menyebabkan ajaran ini dihukumkan sesat bahkan penganutnya adalah murtad tanpa diragui lagi.

Dari aspek akidah, dakwaan bahawa Ayah Pin turun dari langit dan mempunyai kerajaan langit adalah bertentangan dengan ayat:

إِنَّ رَبَّكُمُ اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ
أَسْتَوَى عَلَى الْعَرْشِ يُغْشِي الْلَّيلَ النَّهَارَ يَطْلُبُهُ حَثِيشًا وَالشَّمْسَ
وَالْقَمَرَ وَالنُّجُومَ مُسَخَّرَاتٍ بِأَمْرِهِ إِلَّا لَهُ الْحَلْقُ وَالْأَمْرُ تَبَارَكَ اللَّهُ
رَبُّ الْعَالَمِينَ

Surah al-A'rāf (7) : 54

Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang menciptakan langit dan bumi dalam enam masa lalu ia bersemayam di atas 'Arasy; ia melindungi malam dengan siang yang mengiringinya dengan deras (silih berganti) dan (ia pula yang menciptakan) matahari dan bulan serta bintang-bintang, (Semuanya) tunduk kepada perintahNya. ingatlah, kepada Allah jualah tertentu urusan menciptakan (sekalian makhluk) dan urusan pemerintahan. Maha Suci Allah yang mencipta dan mentadbirkan sekalian alam.

Terjemahan Surah al-A'rāf (7) : 54

Dakwaan mengatakan Ayah Pin mampu menolak kemusnahan pada hari kiamat jelas bertentangan dengan ayat :

وَيَوْمَ نُسِيرُ الْجِبَالَ وَتَرَى الْأَرْضَ بَارِزَةً وَحَشَرْنَاهُمْ فَلَمْ نُغَادِرْ مِنْهُمْ
أَحَدًا

Surah al-Kahfi (18) : 47

dan (ingatkanlah) hari Kami bongkar dan terbangkan gunung-ganang dan Engkau akan melihat (seluruh) muka bumi terdedah nyata; dan Kami himpukkan mereka (di padang Mahsyar) sehingga Kami tidak akan tinggalkan seorangpun dari mereka.

Terjemahan Surah al-Kahfi (18) : 47

Dari aspek syariah, penolakkan Ayah Pin terhadap rukun-rukun Islam seperti solat, puasa zakat dan haji jelas menjadikan beliau murtad kerana semua ibadat berkenaan jelas pensyariatannya di dalam al-Quran menerusi ayat-ayat berikut:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَإِذَا قَدِمْتُم مَّا لَعَلَّكُمْ تُرَحَّمُونَ ﴿٥١﴾

Surah al-Nūr (24): 56

dan dirikanlah sembahyang serta berilah zakat; dan taatlah kamu kepada Rasul Allah; supaya kamu beroleh rahmat.

Terjemahan Surah al-Nūr (24): 56

يَتَأْمُوا إِلَيْهَا الَّذِينَ أَمْنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ

مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

Surah al-Baqarah (2): 183

Wahai orang-orang yang beriman! kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwah.

Terjemahan Surah al-Baqarah (2): 183

وَأَتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ

Surah al-Baqarah (2): 196

dan sempurnakanlah Ibadat Haji dan Umrah kerana Allah

Terjemahan Surah al-Baqarah (2): 196

Semua ayat di atas jelas menunjukkan perintah wajib melaksanakan ibadat-ibadat solat, zakat, puasa dan haji. Ini dapat difahami dari penggunaan perkataan yang berbentuk arahan.

4.3.1.3 Fatwa mengenai Ajaran Ilmu Hakikat Hassan Jonit.

JFNP mendapati bahawa ajaran dan amalan Ilmu Hakikat Hassan bin Jonit adalah sesat dan terkeluar dari ajaran Islam yang sebenar.

Ulasan pendalilan fatwa

Fatwa ini tidak disertakan dalil dan tidak juga dinyatakan bentuk-bentuk penyelewengan. Setelah penelitian dilakukan ke atas kertas-kertas perbincangan JFNP²⁸¹, didapati banyak ajaran yang menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar. Penulis hanya akan membincangkan dua perkara pokok yang menyebabkan ajaran kumpulan ini jelas menyeleweng dari ajaran Islam samada ada dari aspek akidah dan syariah apabila dinilai dengan dalil-dalil al-Quran.

Antara aspek akidah yang jelas menyeleweng ialah menolak hari akhirat. Al-Quran memerintahkan agar memerangi orang yang menolak hari akhirat²⁸²

قَاتِلُوا الظَّالِمِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَا بِالْيَوْمِ الْآخِرِ

Surah al-Taubah (9): 29

perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak beriman kepada hari akhirat,

Terjemahan Surah al-Taubah (9): 29

²⁸¹ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 157, perkara 4.8

²⁸² *Ibid.*

Dakwaan bahawa Hassan Junit mampu menemui Allah²⁸³ dalam alam hakikat juga adalah dakwaan yang menyeleweng kerana jelas bertentangan dengan pengajaran yang diambil dari peristiwa percubaan Nabi Musa a.s. untuk bertemu dengan Allah s.w.t.

وَلَمَّا جَاءَ مُوسَى لِمِيقَاتِنَا وَكَلَمَهُ رَبُّهُ قَالَ رَبِّ أَرِنِّي أَنْظُرْ إِلَيْكَ
فَقَالَ لَنْ تَرَنِي

Surah al-A'rāf (7): 143

dan ketika Nabi Musa datang pada waktu yang Kami telah tentukan itu, dan Tuhannya berkata-kata dengannya, maka Nabi Musa (merayu dengan) berkata: "Wahai Tuhan! Perlihatkanlah kepadaKu (ZatMu Yang Maha Suci) supaya Aku dapat melihatMu". Allah berfirman: "Engkau tidak sekali-kali akan melihatKu,

Terjemahan Surah al-A'rāf (7): 143

Ibnu Kathīr menukilkan pandangan bahawa yang dimaksudkan tidak melihat Allah ialah tidak melihatNya di dunia ini sedangkan di akhirat nanti manusia akan melihat Allah.²⁸⁴

Dari sudut syariah, antara ajaran yang jelas menyeleweng ialah seperti tidak perlu meratakan air keseluruh anggota badan bagi seseorang yang hendak mandi wajib, hanya cukup dengan mencelup jari kita di dalam air, beserta niat maka sempurnalah mandi wajib tersebut.²⁸⁵ Ini jelas bertentangan dengan ayat:

²⁸³ Ibid

²⁸⁴ Ibnu Kathīr (1991), op.cit , , j. 1, h. 203-204

²⁸⁵ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 157, Ibid

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَنُوا لَا تَقْرَبُوا الْصَّلَاةَ وَإِنْتُمْ سُكَّرَى حَتَّىٰ تَعْلَمُوا مَا تَقُولُونَ وَلَا جُنُبًا إِلَّا عَابِرِي سَبِيلٍ حَتَّىٰ تَغْتَسِلُوْا

Surah al-Nisā' (4): 43

Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu hampiri sembahyang (mengerjakannya) sedang kamu dalam keadaan mabuk, hingga kamu sedar dan mengetahui akan apa yang kamu katakan. dan janganlah pula (hampiri masjid) sedang kamu dalam keadaan junub (berhadas besar) - kecuali kamu hendak melintas sahaja - hingga kamu mandi bersuci.

Terjemahan Surah al-Nisā' (4): 43

Di dalam tafsirnya, Al-Qurṭubi menjelaskan bahawa perkataan () تَغْتَسِلُوا merujuk kepada mandi dan meratakan air seluruh badan, mencelup jari dipanggil غمسته في الماء²⁸⁶

4.3.1.4 Fatwa mengenai ajaran Islam Jamaah.

JFNP telah memutuskan bahawa ajaran dan amalan Islam Jamaah adalah sesat dan terkeluar dari ajaran Islam yang sebenar

Ulasan pendalilan fatwa

Fatwa ini tidak disertakan dengan dalil dan bentuk-bentuk penyelewengan yang berlaku. Setelah penelitian dilakukan ke atas kertas-kertas perbincangan JFNP²⁸⁷, didapati banyak ajaran yang menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar. Penulis hanya akan membincangkan perkara pokok yang menyebabkan ajaran

²⁸⁶ Al-Qurṭubi (1986), *op.cit* j 6, h. 211.

²⁸⁷ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 155, perkara 4.7.

kumpulan ini jelas menyeleweng dari ajaran Islam samada ada dari aspek akidah dan syariah apabila dinilai dengan dalil-dalil al-Quran.

Antara aspek akidah yang jelas menyeleweng ialah taat yang melampau kepada ketua sehingga dianggap sebagai sumber hukum dan berhak mengkafirkan orang-orang yang berada di luar jemaahnya. Ini bertentangan dengan ayat:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمْنَوْا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ مِنْ كُمْ
فَإِنْ تَنْزَعُمْ فِي شَيْءٍ فَرْدُوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ
وَالْيَوْمِ أَلَا خِرْ ذَلِكَ حَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Surah al-Nisā' (4) : 59

Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.

Terjemahan surah al-Nisā' (4) : 59

Ketika menafsirkan ayat ini, Ibnu Kathīr menukilkan beberapa hadith sahih yang menerangkan sempadan ketaatan kepada pemimpin adalah dalam lingkungan perkara-perkara yang dibenarkan oleh syarak sahaja, bukan pada perkara-perkara maksiat.²⁸⁸ Ayat ini juga secara jelas dan tuntas bahawa sumber

²⁸⁸ Ibnu Kathīr (1991), *op.cit* , , j. 1, h. 567

utama hukum adalah al-Quran dan al-Sunnah untuk menjadi rujukan utama ketika berlaku perselisihan.²⁸⁹

Menghukum kafir orang-orang yang tidak bersama jemaah mereka²⁹⁰ adalah termasuk larangan menggelar seseorang dengan gelaran-gelaran yang tidak sewajarnya seperti firman Allah s.w.t.

وَلَا تَنَابِرُوا بِالْأَلْقَبِ بِئْسَ الْأَسْمُ الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ وَمَنْ
لَمْ يَتُبْ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٤٩﴾

Surah al-Hujurāt (49) : 11

dan janganlah pula kamu panggil-memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk, amatlah buruknya sebutan nama fasik (kepada seseorang) sesudah ia beriman. dan (ingatlah), sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan fasiknya) maka merekalah orang-orang yang zalim.

Terjemahan Surah al- Hujurāt (49) : 11

Perbuatan guru kumpulan ini dengan sewenang-wenangnya merombak dan membuat hukum-hakam baru²⁹¹ yang menyalahi ijmak umat Islam selama ini seperti pengertian najis-najis, pengertian air *musta'mal*, pengertian golongan mu'allaf dan sebagainya adalah termasuk dalam larangan Allah dalam ayat:

²⁸⁹ *Ibid*, h. 568

²⁹⁰ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 155, perkara 4.7.

²⁹¹ *Ibid*.

أَمْ لَهُمْ شُرَكَاءُ شَرَعُوا لَهُم مِّنَ الَّذِينَ مَا لَمْ يَأْذِنْ بِهِ اللَّهُ
 وَلَوْلَا كَلِمَةُ الْفَصْلِ لَقُضِيَ بَيْنَهُمْ وَإِنَّ الظَّالِمِينَ لَهُمْ
٢١
 عَذَابٌ أَلِيمٌ

Surah al-Syūrā (42): 21

Patutkah mereka mempunyai sekutu-sekutu yang menentukan - mana-mana bahagian dari ugama mereka - sebarang undang-undang yang tidak diizinkan oleh Allah? dan kalaulah tidak kerana kalimah ketetapan yang menjadi pemutus (dari Allah, untuk menangguhkan hukuman hingga ke suatu masa yang tertentu), tentulah dijatuhkan azab dengan serta-merta kepada mereka (yang berbuat demikian). dan sesungguhnya orang-orang yang zalim itu akan beroleh azab seksa yang tidak terperinci sakitnya.

Terjemahan Surah al-Syūrā (42): 21

4.3.2 FATWA-FATWA SYARIAH

4.3.2.1 Fatwa mengenai harta wakaf khas Masjid Taiping

JFNP telah membuat keputusan bahawa segala perolehan harta wakaf khas Masjid Melayu Taiping hendaklah dibelanjakan untuk tujuan wakaf berkenaan dan tidak boleh dipindahkan untuk tujuan lain selama mana mauquf ‘alaih iaitu Masjid Melayu Taiping masih ada. JFNP juga bersetuju bahawa harus hukumnya bangunan masjid yang berusia 100 tahun diletakkan di bawah pemuliharaan muzium dalam keadaan fungsi masjid dan kehormatan masjid dijamin untuk dijaga.

Ulasan pendalilan fatwa:

JFNP tidak menggunakan dalil al-Quran dalam fatwa ini selain menggunakan dalil dari hadith Rasulullah s.a.w yang bersifat umum dan mengambil

pandangan dari beberapa kitab dalam mazhab Syafii seperti kitab *al-Muhadhdhab* dan *al-Fiqh al-Manhāji* untuk penjelasan perinciannya.²⁹² Pendekatan membuat kesimpulan hukum dengan membuat rujukan kepada rujukan-rujukan bermazhab Syafii tidak menyalahi Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004²⁹³:

43. (1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 37, atau memperakuan sesuatu pendapat di bawah seksyen 42, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak hendaklah pada lazimnya mengikut *qaul* muktamad (pendapat-pendapat yang diterima) Mazhab Shafie.

(2) Jika Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak berpendapat bahawa dengan mengikut *qaul* muktamad Mazhab Shafie suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan berhasil, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak bolehlah mengikut *qaul* muktamad Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali.

(3) Jika Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak berpendapat bahawa tiada satu pun *qaul* muktamad daripada empat Mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan berlawanan dengan kepentingan awam, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak bolehlah membuat fatwa itu mengikut *ijtihad* tanpa terikat dengan *qaul* muktamad daripada mana-mana Mazhab yang empat itu.²⁹⁴

Penulis berpandangan walaupun fatwa ini memenuhi peruntukan undang-undang, namun adalah lebih murni jika fatwa ini disertakan dalil dari ayat al-Quran di samping dalil sedia ada supaya dapat mendidik masyarakat yang semakin berilmu untuk menghubungkan segenap kehidupan mereka dengan al-Quran.

²⁹² Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 161, perkara 4.1.

²⁹³ Tan Sri Dato Seri Haji Harussani b. Hj Zakaria , Pengerusi JFNP . Temubual pada 7 November 2010.

²⁹⁴ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak), 2004,(Seksyen 43)

Penelitian terhadap latar belakang fatwa ini menunjukkan bahawa jelas wakaf berkenaan khas kepada Masjid Melayu Taiping yang masih berfungsi dan memerlukan pembiayaan berterusan. Usaha untuk memindahkan manfaat wakaf berkenaan kepada Masjid Daerah Taiping yang sudah mempunyai sumbangan tetap dari pihak-pihak berwajib lebih-lebih lagi dalam keadaan *mauqūf ‘alaih* iaitu masjid Melayu Taiping masih ada, masih berfungsi dan memerlukan pembiayaan adalah bertentangan dengan ayat berikut:

كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةٌ بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ وَمَا أَنْتُمْ كُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ
وَمَا هَنَّكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Surah al-Hasyr (59) : 7

(Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu. dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (s.a.w) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarang kamu melakukannya maka patuhilah larangan. dan bertaqwalah kamu kepada Allah; Sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksanya (bagi orang-orang yang melanggar perintahNya).

Terjemahan Surah al-Hasyr (59) : 7

Mengenai keharusan pemuliharaan masjid berkenaan yang berusia lebih 100 tahun oleh Jabatan Muzium dapat diambil dari *mafhūm mukhālafah*²⁹⁵ dari ayat:

²⁹⁵ Hukum tersirat yang ditunjukkan oleh nas adalah berlawanan dengan hukum yang ditunjukkan oleh nas yang zahir. Lihat: ‘Abd al-Karīm Zaidān (1987), *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*, Baghdād: Maktabah al-Quds, h.366

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ مَنَعَ مَسَاجِدَ اللَّهِ أَن يُذْكَرَ فِيهَا أَسْمُهُ، وَسَعَىٰ فِي
 حَرَابِهَا أُولَئِكَ مَا كَانَ لَهُمْ أَن يَدْخُلُوهَا إِلَّا خَابِفِينَ لَهُمْ فِي
 الْأَدْنِيَا حِزْبٌ وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ
١٦

Surah al-Baqarah (2): 114

dan siapakah yang lebih zalim daripada orang-orang yang menyekat dan menghalangi dari menggunakan masjid-masjid Allah untuk (sembahyang dan) menyebut nama Allah di dalamnya, dan ia berusaha pula untuk meruntuhkan masjid-masjid itu? Orang-orang yang demikian, tidak sepatutnya masuk ke dalam masjid-masjid itu melainkan dengan rasa penuh hormat dan takut kepada Allah (bukan secara yang mereka lakukan itu). mereka (dengan perbuatan itu) akan beroleh kehinaan di dunia, dan di akhirat kelak mereka mendapat azab seksa yang amat besar.

Terjemahan Surah al-Baqarah (2): 114

Dalam ayat ini Allah s.w.t. mencela orang-orang yang cuba menghalang masjid daripada berfungsi sebagai tempat untuk mengingati Allah dan berusaha meruntuhkannya. *Mafhūm mukhālafah* daripada ayat ini ialah usaha untuk mengimarahkan dan memelihara masjid adalah perbuatan yang dipuji oleh Allah s.w.t.

4.3.2.2 Fatwa mengenai penyalahgunaan kubur (binaan bangunan kekal) di tanah rizab perkuburan Kampung Changkat Bincang, Malim Nawar, Perak.

JFNP telah bersetuju untuk memutuskan bahawa haram hukumnya membina bangunan samada berbentuk rumah, kubah atau masjid di atas tanah perkuburan am (musabbalah), dan wajib dirobohkan segala binaan tersebut.

Ulasan pendalilan fatwa

JFNP tidak menggunakan dalil al-Quran dalam fatwa ini selain memetik pandangan daripada dua buah mazhab al-Syafii iaitu kitab *Mughnī al-Muhtāj* dan kitab *al-Majmū' Syarh al-Muhadhdhab*²⁹⁶.

Pada pandangan penulis, adalah tidak salah untuk menonjolkan kaitan rapat antara al-Quran dan al-Sunnah melalui bentuk pendalilan tafsiran al-Quran yang jelaskan oleh al-Sunnah.

Dalam fatwa ini, walaupun tiada ayat al-Quran yang menjelaskan secara *dilālah qat'iyyah* mengenai larangan binaan berkenaan namun penulis menemui perbahasan yang berkaitan dengan fatwa di atas ketika ahli tafsir menafsirkan ayat:

فَقَالُوا أَبْنُوا عَلَيْهِمْ بُنِيَّنَا رَبُّهُمْ أَعْلَمُ بِهِمْ قَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا عَلَىٰ
أَمْرِهِمْ لَنَتَّخِذَنَّ عَلَيْهِمْ مَسْجِدًا

Surah al-Kahfi (18): 21

maka (sebahagian dari) mereka berkata: "Dirikanlah sebuah bangunan di sisi gua mereka, Allah jualah yang mengetahui akan hal ehwal mereka". orang-orang yang berkuasa atas urusan mereka (pihak raja) pula berkata: "Sebenarnya kami hendak membina sebuah masjid di sisi gua mereka".

Terjemahan Surah al-Kahfi (18): 21

Al-Qurtubī telah menukarkan beberapa buah hadith yang bertaraf sahih bahawa Rasulullah s.a.w melarang daripada membina binaan di atas tanah

²⁹⁶ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 169, perkara 4.2

perkuburan²⁹⁷ khususnya di atas tanah perkuburan *al-musabbalah*²⁹⁸ Ibnu Kathīr juga merekodkan ketika menafsirkan ayat ini peristiwa Umar al-Khattab r.a melarang membuat binaan pada kubur Danial di Iraq²⁹⁹

Imam al-Syafii (150-204) telah meletakkan empat asas peranan hadith di dalam Islam khususnya sebagai penafsir al-Quran antaranya ialah memberi penerangan yang jelas dan mendalam pada ayat-ayat yang bersifat umum.³⁰⁰

4.3.2.3 Fatwa mengenai zakat atas pendapatan (Gaji)

JFNP berpandangan bahawa gaji atau pendapatan tidak wajib zakat.

Ulasan pendalilan fatwa

Dalam fatwa ini, JFNP tidak menggunakan dalil al-Quran³⁰¹ namun berpegang teguh kepada prinsip bahawa sesuatu ibadat perlu kepada nas seiring dengan pandangan Dr Yusuf al-Qaraḍāwī yang menyimpulkan pandangan Imam Ahmad, fukaha' ahli hadith dan Ibnu Taimiyyah yang mengatakan bahawa asal pensyariatan sesuatu ibadat mestilah ada ketetapan syarak melalui nas.³⁰² Jika mewajibkan sesuatu ibadat dengan tanpa nas, dikhawatiri termasuk dalam ayat:

²⁹⁷ Al-Qurtubi ,Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansari(1986), *op.cit* j 10, h. 380-381.

²⁹⁸ Tanah perkuburan yang dikhaskan untuk orang awam. Lihat Muhammad Zakī Ibrāhīm (2005), *Uṣūl al-Wuṣūl*, j. 1, c. 5, al-Qāhirah: Mu’assasah Ihyā’ al-Turāth al-Šūfī, h.254.

²⁹⁹ Ibnu Kathīr (1991), *op.cit* , , j. 3, h. 87

³⁰⁰ Muhammad Ajjāj al-Khāṭib (1998), *Uṣūl al-Hadīth ‘Ulūmuhu wa Muṣtolāḥuhu*. Beirut: Dār al-Fikr, , h. 46-50

³⁰¹ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 113,perkara 2.4

³⁰² Yusuf al-Qaraḍāwī (1988), *al-Halāl wa al-Ḥarām fī al-Islām*, al-Qāherah: Maktabah Wahbah, h. 21

أَمْ لَهُمْ شُرَكَاءُ شَرِّعُوا لَهُم مِّنَ الْدِينِ مَا لَمْ يَأْذَنْ بِهِ اللَّهُ

Surah al-Syūrā(42): 21

Patutkah mereka mempunyai sekutu-sekutu yang menentukan - mana-mana bahagian dari ugama mereka yang tidak diizinkan oleh Allah?

Terjemahan Surah al-Syūrā(42): 21

JFNP juga menolak qiyas untuk menetapkan kadar zakat atas gaji kepada ayat:

وَإِاتُوا حَقَّهُ رَبِّيْوَمَ حَصَادِهِ

Surah al-An‘ām(6): 41

dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya.

Terjemahan Surah al-An‘ām(6): 41

JFNP juga memetik pandangan daripada beberapa buah kitab fekah perbandingan dan kitab-kitab fekah mazhab al-Syafii seperti *al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuhu*, *al-Hāwi li al-Fatāwā*, dan *al-Fatāwā li al-Suyūti*.

4.3.2.4 Fatwa status tanah pemberian kerajaan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak.

JFNP telah membuat keputusan bahawa tanah-tanah pemberian kerajaan kepada Majlis Agama dan ‘Adat Melayu Perak untuk tujuan rumah ibadat orang Islam, masjid, surau dan tanah perkuburan adalah dikira wakaf manakala tanah-tanah pemberian kerajaan untuk tujuan pembangunan adalah dikira sebagai harta Baitulmal.

Ulasan pendalilan fatwa

JFNP tidak menyandarkan fatwa ini kepada mana-mana dalil al-Quran³⁰³ sebaliknya memetik pandangan ulama' dari dua buah kitab mazhab al-Syafii iaitu *Asna al-Maṭālib Syarḥ Raud al-Tālib* dan *al-Fiqh al-Manhājī ‘alā madhhab al-Imām al-Syāfi‘ī*.³⁰⁴

Pengarang-pengarang kitab di atas telah berdalil kepada perbuatan Saidina Umar r.a ketika menjadi khalifah telah mewakafkan sebidang tanah di Iraq. Ia juga bertepatan dengan kaedah fekah تصرف الإمام بالرعاية منوط بالمصلحة. Ketetapan pemerintah yang tidak menyalahi syarak wajib ditaati berdasarkan firman Allah s.w.t.

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكَ الْمُرْسَلُونَ
فَإِن تَنْزَعُمْ فِي شَيْءٍ فَرْدُوْهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ
وَاللَّيْلَمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Surah al-Nisā' (4): 59

Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.

Terjemahan Surah al-Nisā' (4): 59

³⁰³ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 154, perkara 4.7.

³⁰⁴ *Ibid.*

Al-Ṭābarī telah menukilkan beberapa pandangan mengenai "Ulil-Amri" iaitu pemimpin, para sultan, ahli ilmu dan fekah, sebelum membuat kesimpulan bahawa tafsiran yang lebih utama ialah pemimpin dan penguasa.³⁰⁵

Walaupun ayat di atas tidak menunjukkan hukum yang berkaitan dengan fatwa ini secara khusus, namun ia terpakai berdasarkan keumuman dilalahnya . Menurut al-Shāṭibī apabila sesuatu hukum tidak dapat ditunjukan secara langsung oleh sesuatu nas sebagai dalil khusus mengenainya , tetapi bersamaan kehendaknya dengan nas umum yang lain maka, hukum tadi boleh disandarkan kepadanya. Adalah menjadi kesukaran untuk tidak menggabung nas dan beberapa bentuk dalil yang lain untuk menatijahkan hukum.³⁰⁶

4.3.3 FATWA-FATWA SOSIAL

4.3.3.1 Fatwa mengenai senaman yoga di kalangan umat Islam.

JFNP berpandangan senaman yoga adalah bertentangan dengan akidah umat Islam sama ada diamalkan dengan mentera atau hanya pergerakan badan. JFNP bersetuju memutuskan bahawa apa juar jenis atau bentuk senaman yoga adalah dilarang dan bertentangan dengan syariat Islam.

Ulasan pendalilan fatwa:

JFNP tidak mengemukakan sebarang dalil dalam fatwa ini selain menyatakan beberapa unsur sejarah dan penyerupaan senaman yoga dengan masyarakat hindu dan

³⁰⁵ Al-Ṭabarī (1992), *op. cit*, j. 4, h. 150-153

³⁰⁶ Abū Ishāq al-Syāṭibī (t.t), *al-Muwafiqāt fī Uṣūl al-Syari’ah*, j. 1 Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, h.27

pengaruh hinduisme dalam senaman tersebut yang jelas menyeleweng dari ajaran Islam.

Pada pendapat penulis, JFNP boleh menggunakan dalil al-Quran untuk menjelaskan lagi bahawa sesuatu perbuatan yang dilakukan mestalah dengan pengetahuan untuk mengelakkan diri dari meniru-niru lebih-lebih lagi jika ia menyerupai acara penyembahan agama hindu. Firman Allah s.w.t.

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ
كَانَ عَنْهُ مَسْعُولاً

Surah al-Isrā' (17) :36

dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; Sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya.

Terjemahan Surah al-Isrā' (17) :36

Sikap menyisih dan mengelakkan diri dari mencontohi orang-orang kafir dan tidak meniru-niru tutur kata, amalan dan keinginan-keinginan mereka adalah merupakan antara tujuan dan matlamat yang di asas dan dibawa oleh al-Quran dan diperjuangkan oleh Nabi s.a.w.³⁰⁷ Ini dapat difahami dari *mafhum* ayat:

³⁰⁷ Zulkifli Mohamad al-Bakri (2005), *Hukum Penyerupaan Menurut Islam*, Kajang: Darul Fuqaha' h.34

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَقُولُوا رَأَيْنَا وَقُولُوا انْظُرْنَا وَاسْمَعُوا وَلِلَّهِ الْكَافِرُونَ
عَذَابٌ أَلِيمٌ

Surah al-Baqarah (2): 104

Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu mengatakan: "rā'inā", (ketika kamu berkata-kata dengan Nabi Muhammad), sebaliknya katakanlah: "unzurnā", dan dengarlah kamu (segala perintah dengan sebulat hati menerimanya); dan (ingatlah, bahawa) orang-orang kafir itu akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

Terjemahan Surah al-Baqarah (2): 104

Ketika menafsirkan ayat ini, Ibnu Kathīr menjelaskan bahawa orang beriman dilarang keras daripada menyerupai orang-orang kafir samada dalam bentuk perkataan mahupun perbuatan dengan mengambil iktibar perlakuan orang-orang Yahudi ketika berbicara dengan Nabi Muhammad s.a.w.³⁰⁸

وَلَا يَكُونُوا كَالَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِ فَطَالَ عَلَيْهِمُ الْأَمْدُ فَقَسَّتْ
قُلُوبُهُمْ وَكَثِيرٌ مِّنْهُمْ فَاسِقُونَ

Surah al-Hadīd (57) : 16

dan janganlah pula mereka menjadi seperti orang-orang yang telah diberikan Kitab sebelum mereka, setelah orang-orang itu melalui masa yang lanjut maka hati mereka menjadi keras, dan banyak di antaranya orang-orang yang fasik - derhaka.

Terjemahan Surah al-Hadīd (57) : 16

Ibnu Kathīr telah membuat kesimpulan melalui tafsiran ayat ini bahawa orang-orang beriman adalah ditegah untuk meniru dan menyerupai golongan ahli

³⁰⁸ Ibnu Kathīr (1991), *op.cit* , , j. 1, h. 158

kitab samada dalam perkara-perkara asas mahupun dalam perkara-perkara cabang dan ranting.³⁰⁹

4.4 FATWA BERDASARKAN PEMBONGKARAN TERHADAP PENYELEWENGAN TAFSIRAN AL-QURAN.

Sepanjang tempoh 1994-2010 terdapat 2 fatwa di mana JFNP telah menumpukan kepada pembongkaran terhadap penyelewengan tafsiran al-Quran di dalam membuat keputusan fatwa iaitu mengenai al-Arqam dan fatwa mengenai buku-buku gerakan anti-hadith.

4.4.1 Fatwa mengenai Pertubuhan Al-Arqam

JFNP membuat pendedahan terhadap penyelewengan dalam mentafsir ayat poligami oleh Ashaari Muhammad melalui ayat 3 surah al-Nisā' di mana Ashaari Muhammad mengatakan :

“Ini (berpoligami) bermula daripada dua dahulu, selepas itu tiga dan selepas itu empat orang. Sudah cuba dan rasa-rasa tak adil, baru boleh berunding baik-baik. Lepaskan, tinggalkan satu ataupun dua ataupun tiga. Kalau satu sahaja, tidak tahu lagi apakah adil atau tidak sebab itu Allah berfirman “masna” (dua), satu disebut dihujung selepas...”

(Buku “Inilah Sikap Kita” oleh Ashaari Muhammad 1990, m.s. 171)³¹⁰

JFNP menggunakan pendekatan mendedahkan kesilapan pegangan kumpulan ini hasil dari tafsiran yang salah terhadap surah al-Nisā'(4): 3 berhubung dengan poligami. Adalah lebih baik jika JFNP menjelaskan tafsiran

³⁰⁹ Ibnu Kathīr (1991), *op.cit* , , j. 4, h. 327

³¹⁰ Minit Mesyuarat JFNP kali ke 130, perkara 4.10.

yang yang sepatutnya di mana ayat itu mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan menjalankan amanah secara berlaku adil dan menjauhi kezaliman samada dalam penjagaan anak yatim mahupun dengan isteri-isteri yang dikahwini. Setelah mendatangkan banyak riwayat dalam tafsiran ayat ini, al-Tabari membuat kesimpulan bahawa janganlah memulakan perkahwinan kecuali merasa yakin tidak melakukan kezaliman kepada wanita-wanita bermula dengan seorang sehingga galah empat orang.³¹¹ Pandangan ini disokong oleh al-Zamakhsyari bahawa isu yang penting adalah menegakkan keadilan samada kepada anak yatim mahupun kepada isteri-isteri di mana neraca keadilan dan jangkaan kemampuan bermula dengan satu isteri.³¹² Ketika menghuraikan ayat ini, ‘Abdullah Nāṣih ‘Ulwān telah menegaskan bahawa tidak harus seseorang yang tidak yakin berlaku adil untuk berkahwin melebihi seorang. Jika pernikahan terus dilakukan maka pernikahannya sah tetapi ia telah melakukan satu dosa.³¹³

4.4.2. Fatwa mengenai buku-buku yang berkaitan dengan gerakan anti-hadith.

JFNP telah mendapati buku-buku Hadith Satu Penilaian Semula” dan ”Hadith Jawapan Kepada Pengkritik ” yang kedua-duanya ditulis oleh Kassim Ahmad; ”Pendedahan Kebenaran Adalah Dari Tuhanmu-Hadith di dalam Al-Quran” yang ditulis oleh Idris Abdul Rahman; Bacaan” yang ditulis oleh Othman Ali dan ”The Computer Speaks-God’s Message To The World” yang ditulis oleh

³¹¹ Al-Tabari (1992), *op. cit*, j. 3, h. 577.

³¹² Maḥmūd bin ‘Omar al-Zamakhsyari (1986), *al-Kasyāf*, Beirūt: Dār al-Kitāb al-‘Arabiyy, c.3 j. 1 h. 468

³¹³ ‘Abdullah Nāṣih ‘Ulwān (1988), *Ta‘addud al-Zaujāt fī al-Islām*, Beirut : Dār al-Salām, h. 44.

Dr. Rashad Khalifa mengandungi ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang bertentangan dengan akidah, syariah dan akhlak Islam serta mengeliru dan menyesatkan masyarakat Islam.

Penggunaan dalil-dalil al-Quran:³¹⁴

JFNP telah mendedahkan beberapa fakta salah mengenai penafsiran ayat-ayat al-Quran yang dianuti oleh kumpulan ini menerusi buku-buku yang diharamkan ini antaranya:-

V. Memesangkan pengertian sebenar ayat-ayat al-Quran.

Antara penyelewengan paling nyata yang dilakukan oleh golongan anti hadith ini ialah menterjemah dan menafsirkan ayat-ayat al-Quran mengikut 'selera' sendiri tanpa memperhitungkan disiplin ilmu Islam yang sebenar.

Contoh ayat-ayat yang telah diselewengkan tersebut ialah:

4) Ayat 12 surah al-Tagħabun

Ayat ini telah ditafsirkan dengan maksud bahawa taat kepada perintah rasul bermakna taat kepada wahyu(Quran). Penjelasan ayat ini dikembangkan oleh Kassim Ahmad, di dalam buku "HADIS JAWAPAN KEPADA PENGKRITIK" hal. 26 dan 27.

"Ayat ini menerangkan bahawa tugas rasul hanyalah menyampaikan wahyu Allah, iaitu al-Quran. Jadi taat kepada Rasul bermakna taat kepada Allah yang diwakili oleh rasulNya

³¹⁴Minit Mesyuarat JFNP kali ke 134, perkara 4.3.

dalam al-Quran, dan berpegang kepada al-Quran. Jadi taat kepada rasul dengan sendirinya bermakna taat kepada Allah dan berpegang kepada Quran.”

”Bukti-bukti bahawa inilah makna ungkapan tersebut yang sebenar dapat dilihat dari kegunaan perkataan ’rasul’ dan bukan Muhammad dan juga dari banyak ayat Quran lain yang memerintah kita supaya tunduk, berpegang dan patuh hanya kepada Tuhan”.

5) Ayat 114, surah Hūd

Pengertian ini telah diselewengkan dengan maksud bahawa sembahyang dengan maksud bahawa sembahyang hanya tiga kali sehari, iaitu Subuh, Maghrib dan Isyak.

”Othman memberikan contoh Surah 11:114 yang berbunyi: dan lakukanlah solat pada dua tepi siang dan awal malam. Ayat ini bermakna sembahyang hanya tiga kali sehari iaitu Subuh, Maghrib dan isyak...”

(petikan dari Utusan Malaysia, 14 Julai 1995. Kenyataan oleh Othman Ali)

6) Ayat 15, Surah Tāha

Pengertian ayat ini telah diselewengkan dengan maksud bahawa:

”Saat itu (tamatnya dunia) pasti tiba, Aku hampir-hampir merahsiakannya supaya tiap-tiap diri dibalas mengikut kerjanya’.

(petikan dari buku ”HADIS JAWAPAN KEPADA PENGKRITIK, tulisan Kassim Ahmad hal. 57)

Dengan pentafsiran seperti di atas. Golongan Antihadith ini mendakwa tarikh akan berlakunya kiamat tidak menjadi rahsia kepada manusia, malah iaanya boleh ditentukan dengan menggunakan kod 19.

VI. Mempertikai kesahihan ayat-ayat al-Quran.

Selain daripada memesongkan pengertian ayat-ayat al-Quran, Golongan Antihadith ini juga didapati telah mempertikaikan kesahihan ayat 128 dan 129, surah al-Taubah. Kassim Ahmad melalui bukunya "Hadis Jawapan Kepada Pengkritik", hal. 60, mendakwa bahawa terdapat sabotaj dalam penulisan kedua-dua ayat ini kerana ia tidak dapat diselaraskan kepada kod 19.

"Kita tidak boleh meninggalkan bab ini tanpa menyebut suatu lagi pendedahan besar yang telah dibuat oleh kod 19. Bukhari dan al-Suyuti (811 T.M) menyatakan bahawa Khalifah Uthman melantik sebuah suruhanjaya untuk menyemak naskhah-naskhah Quran yang wujud pada waktu itu, termasuk menyemak dengan mereka yang menghafal Quran, untuk mengadakan suatu naskhah Quran yang rasmi, suruhanjaya itu mendapati bahawa tiap-tiap ayat Quran disahkan oleh banyak saksi, ' kecuali ayat 128 dan 129, surah 9Tetapi yang amat memerlukan jangka itu bila kita dapati bahawa kedua-dua ayat ini, dari segi huruf, perkataan dan ayat- ditolak oleh kod 19. Ini bermakna Kod 19 mengesahkan dua kenyataan sejarah oleh Bukhari dan al-Suyuti yang kita petik tadi bahawa ayat-ayat ini ialah tambahan yang tidak terdapat dalam Quran".

VII. Mendakwa kiamat akan berlaku pada 1710H / 2280 M

Golongan antihadith ini juga mendakwa bahawa kiamat akan berlaku pada 1710H / 2280 M berdasarkan kepercayaannya kepada kod 19 . Kenyataan ini terkandung di dalam buku "HADITH JAWAPAN KEPADA PENGKRITIK" tulisan Kassim Ahmad, hal. 59.

"Angka 309 ada disebut dalam al-Quran dalam konteks yang berkaitan dengan tamatnya dunia dan kiamat. Ini bermakna Quran sendiri mengesahkan tarikh tamatnya dunia dan kiamat. Oleh yang demikian, dunia ini akan berakhir 309 tahun hijrah dari 1400, atau 300 tahun masih dari 1980 pada 1710 T.H. bersamaan dengan 2280 T.M.

VIII. Menfitnah para ulama melalui ayat al-Quran dengan memesongkan pengertian ayat tersebut, contohnya:

"Dalam hal ini al-Quran mengatakan: "Wahai orang beriman, sesungguhnya kebanyakan pendita-pendita dan alim ulama itu memakan harta manusia dengan cara palsu (batil) dan mereka menghalang orang daripada jalan Allah". (Q.9:34)

(petikan akhbar Berita Harian 14 Julai 1995), tulisan Wadan Kassim, hal. 10)

Analisis kaedah pendalilan.

JFNP telah menggunakan kaedah membongkar penyelewengan dalam menafsirkan beberapa ayat al-Quran oleh kumpulan anti hadith. Semua penyelewengan ini dilakukan semata-mata untuk memberikan justifikasi kepada kumpulan antihadith bahawa memadai hanya berpegang kepada al-Quran sahaja. Namun adalah lebih baik jika JFNP menerangkan elemen penyelewengan yang dilakukan oleh kumpulan ini di samping memperkuuhkan pembuktian penyelewengan mereka dengan membawa dalil-dalil al-Quran yang mematahkan hujah mereka.

- i. Kumpulan anti hadith mengatakan tumpuan maksud surah al-Tagħabun (64) : 12 ialah tugas rasul hanya menyampaikan sahaja dan tidak lebih dari itu adalah tidak tepat dari kehendak sebenar maksud ayat berkenaan. Menurut al-Ālūsi, ayat ini menjelaskan bahawa jika orang masih berpaling dari dakwah kebenaran RasulNya selepas ia disampaikan dengan sempurna, maka Rasul s.a.w. tidak

lagi bertanggungjawab terhadap keengganan mereka kerana tugas *al-risālah* telah disempurnakan oleh Rasul.s.a.w.³¹⁵

- ii. Kumpulan ini menggunakan surah Hūd (11): 114 sebagai hujjah bahawa solat hanyalah dikerjakan sebanyak tiga waktu sahaja adalah jelas penafsiran yang menyeleweng. Ibnu Kathīr mengemukakan pandangan bahawa ayat ini diturunkan sebelum berlaku peristiwa Isrā' dan Mi'rāj di mana solat difardhukan sebanyak lima waktu.³¹⁶ Sayyid Quṭb pula berpandangan bahawa ayat ini hanya menyebut sempadan waktu solat sahaja iaitu awal siang dan akhirnya serta pada waktu malam, manakala cara dan bilangan rakaat solat diceritakan dalam hadith Rasulullah s.a.w.³¹⁷
- iii. Kumpulan ini jelas menyelewengkan tafsiran surah Tāha (20): 15 mengatakan bahawa hari kiamat tidak lagi dirahsiakan dan bakal berlaku pada tahun 1710H / 2280 M. Ibnu Kathīr menukilkhan pandangan Ibnu Mas'ūd bahawa perkataan (أَكَادْ أَخْفِيَهَا) bermaksud hampir Allah s.w.t. sembunyikan masa berlaku kiamat ini sehingga kepada diriNya sendiri kerana tarikh sebenar berlakunya kiamat hanya diketahui oleh Allah s.w.t. sahaja.³¹⁸ Bahkan banyak ayat

³¹⁵ Syihāb al-Dīn Maḥmūd b. ‘Abd Allāh al-Husayni al-’Alūsi (1994), *Rūḥ al-Ma‘āni fī Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm wa al-Sab‘ al-Mathānī*, j. 28, Beirut: Dar al-Fikr, h. 185

³¹⁶ Ibnu Kathīr (1991), *op.cit* , j. 1, h. 203-204

³¹⁷ Sayyid Quṭb (1990), *Fī Zilāl al-Qur’ān*, j. 4, c. 16, al-Qāhirah: Dār al-Syurūq, h. 1932

³¹⁸ Ibnu Kathīr (1991), *op.cit* , , j. 1, h. 203-204

Allah s.w.t. yang menegaskan bahawa tarikh berlakunya kiamat adalah rahsia yang tidak diketahui oleh sesiapa pun.

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْسَّاعَةِ أَيَّانَ مُرْسَلَهَا قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِنْدَ رَبِّهِ لَا تُجْعِلَهَا لِوْقَهَا إِلَّا هُوَ ثَقُلٌ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ
لَا تَأْتِيكُمْ إِلَّا بَغْتَةً يَسْأَلُونَكَ كَانَكَ حَفِيْظٌ عَنْهَا قُلْ إِنَّمَا
عِلْمُهَا عِنْدَ اللَّهِ وَلِكُنَّ أَكْثَرُ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ 

Surah al-A'rāf (7): 187

Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) tentang hari kiamat: "Bilakah masa datangnya?" katakanlah: "Sesungguhnya pengetahuan mengenainya hanyalah ada di sisi Tuhanmu, tidak ada sesiapa pun yang dapat menerangkan kedatangannya pada waktunya melainkan Dia. (huru-hara) hari kiamat itu amatlah berat (menggerunkan makhluk-makhluk yang ada) di langit dan di bumi; ia tidak datang kepada kamu melainkan secara mengejut". Mereka bertanya kepadamu seolah-olah engkau sedia mengetahuinya. katakanlah: "Sesungguhnya pengetahuan mengenai hari kiamat itu adalah di sisi Allah, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui".

Terjemahan Surah al-A'rāf (7): 187

- iv. Kumpulan antihadith mempertikaikan kesahihan al-Quran dan juga mempercayai bahawa berlaku sabotaj dalam penulisan al-Quran di mana ayat 128 dan ayat 129 sepatutnya tidak tersenarai dalam surah al-Taubah. Untuk menolak kenyataan ini, JFNP boleh menggunakan ayat al-Quran seperti :

وَاتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنْ كِتَابٍ رَّبِّكَ لَا مُبَدِّلٌ لِّكَلْمَاتِهِ

وَلَنْ تَجِدَ مِنْ دُونِهِ مُلْتَحِدًا

Surah al-Kahfi (18): 27

dan baca serta turutlah apa yang diwahyukan kepadamu dari Kitab Tuhanmu; tiada sesiapa yang dapat mengubah kalimah-kalimahNya; dan engkau tidak sekali-kali akan mendapat tempat perlindungan selain daripadanya.

Terjemahan Surah al-Kahfi (18): 27

Ayat ini memberikan *dilālah yaqīniyyah qat‘iyyah* terhadap keaslian dan kesahihan al-Quran. Perkara ini ditegaskan oleh Ibnu Kathīr³¹⁹ dan al-Razi³²⁰ dalam kitab tafsir mereka.

- v. Kumpulan antihadith tidak amanah di dalam menterjemahkan surah al-Taubah (9): 34 di mana mereka menterjemahkan perkataan (الرَّهَبَانِ) sebagai alim ulama' sedangkan terjemahan sebenarnya ialah paderi-paderi kristian dan ayat berkenaan bermaksud memberi amaran agar tidak menuruti jejak langkah pendita-pendita yahudi dan paderi-paderi kristian di dalam membuat penyelewengan agama.³²¹

Kesimpulannya JFNP telah menggunakan kaedah membongkar penyelewengan dalam menafsirkan beberapa ayat al-Quran oleh kumpulan

³¹⁹ Ibnu Kathīr (1991), *op.cit*, j. 1, h. 203-204

³²⁰ Imam al-Rāzi(t.t), *op. cit*, j. 21, h 114.

³²¹ Ibnu Kathīr (1991), *op.cit* , j. 1, h. 203-204

anti hadith namun tidak memperincikan bentuk penyelewengan berkenaan dan menghujjah balas semula pandangan mereka.

5.0 KESIMPULAN

Dalam tempoh 1994-2010, sebanyak 20 fatwa telah dikeluarkan oleh JFNP, 11 daripadanya mengandungi dalil-dalil al-Quran manakala 9 bakinya tidak disandarkan kepada mana-mana dalil al-Quran.

JFNP telah menggunakan ayat-ayat al-Quran yang jelas dilalahnya di dalam memperkuuhkan sesuatu fatwa namun pada pandangan penulis JFNP perlu konsisten dalam menyatakan rujukan tafsiran kepada mana-mana kitab tafsir dan cara istinbat hukum dari ayat berkenaan. Penulis mendapati amat jarang JFNP menyebutkan sumber ambilan rujukan dan cara istinbat hukum.

Walaupun JFNP mempunyai alasan tersendiri untuk tidak mendatangkan dalil dalam beberapa fatwanya, penulis berpandangan dalil-dalil ini masih perlu untuk diketengahkan agar fatwa berkenaan lebih berwibawa lebih-lebih lagi ia akan menambah nilai fatwa berkenaan bukan sekadar memberitahu mengenai sesuatu hukum namun ia juga mempunyai unsur mendidik masyarakat dan penulis mendapati ada ayat-ayat al-Quran yang relevan dengan isu-isu tertentu tetapi tidak digunakan oleh JFNP.

JFNP juga menggunakan pendekatan membuat pendedahan terhadap kesalahan dan kesilapan yang dilakukan terhadap tafsiran beberapa ayat al- Quran oleh golongan-golongan tertentu. Ada di antara pendedahan kesilapan tafsir berkenaan diperbetulkan dan ada diantaranya tidak dijelaskan maksud yang sebenar. Bagi pandangan penulis, setiap tafsiran yang menyeleweng perlu dilakukan penjelasan yang terarah kepada tafsiran yang

betul agar sesuatu fatwa itu kukuh dengan hujahan yang jelas dan pembuktian yang nyata terhadap kesesatan sesuatu ajaran tertentu.

BAB LIMA

PENUTUP

5.1 Pendahuluan

Bab ini adalah merupakan bab penutup dan terakhir kepada kajian ini. Penulis akan membuat beberapa kesimpulan dan rumusan terhadap kajian mengenai kaedah pendalilan berasaskan al-Quran yang digunakan oleh JFNP bagi tempoh masa 1994-2010. Seterusnya penulis akan mencadangkan beberapa saranan dan cadangan untuk diambil faedah oleh umat Islam amnya dan pegawai-pegawai istinbat yang terlibat secara langsung dalam proses pembuatan fatwa amnya. Bagi penulis, kajian ini sangat bermakna kerana ia telah menambahkan ilmu pengetahuan penulis dalam bidang ini dan berharap ianya dikira sebagai salah satu khidmat bakti kepada al-Quran dan perkembangan Islam di Malaysia.

5.2 Kesimpulan

Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan terhadap kaedah pendalilan berasaskan al-Quran dengan memfokuskan kepada penggunaannya dalam fatwa-fatwa Negeri Perak bagi tempoh 1994-2010, beberapa kesimpulan telah dirumuskan.

- i. Penggunaan dalil-dalil berasaskan al-Quran di dalam fatwa merupakan satu tradisi keilmuan yang telah diasaskan oleh Rasulullah s.a.w. dan diteladani oleh generasi-generasi berikutnya namun ia mengalami saat kemerosotannya di zaman taqlid. Era taqlid berlangsung lama iaitu dari pertengahan abad keempat hijrah sampai akhir abad ke tiga belas hijrah³²² sedikit sebanyak mempengaruhi fatwa-fatwa yang di

³²² Abd al-Wahhāb Khallāf , (1995) , *'Ilm al-Uṣūl al-Fiqh*, al-Qāherah: Dār al-Fikr al-‘Arabiyy Abd al-Wahhāb Khallāf (1995) , op.cit., h. 260.

keluarkan oleh JFNP dan Jawatankuasa-jawatankuasa fatwa kebanyakan negeri-negeri di Malaysia di mana fatwa-fatwa yang dikeluarkan hanya mengandungi *sīghah* fatwa sahaja tanpa dalil. Namun apabila penelitian dibuat oleh penulis menerusi kertas-kertas perbincangan dan minit-minit fatwa, penulis mendapati sebenarnya berlaku perbincangan dalil-dalil termasuklah dalil-dalil yang berasaskan al-Quran.

- ii. Keperluan memperkuuhkan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh JFNP dengan dalil-dalil khususnya dalil-dalil al-Quran sangat dituntut pada hari ini kerana fatwa tidak lagi difahami secara pemahaman tradisi, iaitu hukum syarak yang dikemukakan oleh *al-faqīh* yang berkelayakan untuk berfatwa kepada orang yang bertanya kepadanya, bukan secara wajib untuk diikuti (*la ‘ala wajh al-ilzām*) dengan makna *al-mustafti* tidak semestinya patuh dengan hukum berkenaan bahkan berhak untuk bertanya hukum berkenaan kepada mufti yang lain dan ia boleh beramal dengan hukum yang dikemukakan oleh mufti kedua walaupun berbeza dengan mufti pertama selama mana mufti kedua mempunyai kelayakan yang cukup untuk berfatwa.³²³ Fatwa pada hari ini telah diberi kekuatan undang-undang bahkan tindakan undang-undang dikenakan kepada orang yang mengengkarinya. Perkembangan ini sejajar dengan tuntutan semasa dan sesuai dengan aktiviti berfatwa yang telah diinstitusikan secara rasmi oleh pemerintah. Sudah tentu fatwa yang mempunyai autoriti seluas itu perlu dilihat kejituhan dan ketepatan melalui istinbat yang dilakukan menerusi penggunaan dalil-dalil terutamanya dalil-dalil al-Quran yang tepat.

³²³ Quṭub Muṣṭafa Sano (2000), *Mu‘jam Muṣṭolahāt Uṣūl al-Fiqh*, Beirut: Dār al-Fikr al-Mu‘āfir, h.312

- iii. Menggunakan dalil-dalil berdasarkan al-Quran di dalam fatwa – fatwa bersangkutan dengan akidah adalah sangat dituntut kerana urusan akidah mesti ditegakkan dengan dalil, bukan hanya secara taqlid. Akidah seseorang yang berdasarkan dalil adalah akidah yang sah dan sah imannya, dan tidak termasuk dalam golongan *muqallid*.³²⁴ Penemuan yang penulis dapati bahawa sepanjang tempoh 1994-2010, sebanyak 20 fatwa telah diwartakan meliputi isu akidah, syariah dan sosial, namun isu-isu akidah adalah merupakan fatwa yang terbanyak iaitu sebanyak 10 fatwa yang meliputi 50% daripada keseluruhan fatwa. Bertitik tolak daripada penemuan berkenaan, penulis sangat bersetuju agar fatwa-fatwa berkenaan diperteguhkan dengan dalil-dalil ayat al-Quran.
- iv. JFNP tidak membentuk kaedah yang khusus dalam membuat pendalilan berdasarkan ayat-ayat al-Quran dan membuat rujukan-rujukan kepada kitab tafsir yang terhad bahkan kebanyakan tafsiran ayat tidak dinyatakan secara jelas sumber rujukan kitab tafsir . Kebanyakan kesimpulan hukum hanya bersandar kepada dalil ayat al-Quran secara umum tanpa membincangkan cara pengambilan hukum berkenaan daripada sesuatu nas. Namun semakan penulis mengenai cara pendalilan yang dilakukan oleh JFNP melalui kitab-kitab tafsir dan kitab usul fikah yang muktabar, penulis mendapati tafsiran yang dibuat oleh JFNP tidak terpesong daripada makna yang sebenar.

JFNP juga menggunakan pendekatan membuat pendedahan terhadap kesalahan dan kesilapan yang dilakukan terhadap tafsiran beberapa ayat al- Quran seperti fatwa

³²⁴ Haji Said Haji Ibrahim (1996), *Akidah Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah*, Kuala Lumpur: Dār al-Ma'rifah, h. 18.

mengenai aliran anti-hadith dan fatwa mengenai ajaran al-Arqam. Ada di antara pendedahan kesilapan tafsir berkenaan diperbetulkan dan ada di antaranya tidak dijelaskan maksud yang sebenar bahkan diserahkan penafsirannya kepada umum namun pada pandangan penulis, adalah lebih baik semua tafsiran songsang berkenaan diberikan tafsiran yang betul kerana majoriti orang awam tidak mampu melakukan kajian mengenainya.

- v. Setelah penelitian dibuat terhadap 9 fatwa yang tidak mempunyai dalil-dalil termasuk dalil-dalil daripada al-Quran, penulis mendapati bahawa antara alasan yang digunakan oleh JFNP untuk menjustifikasi pendekatan tidak mendatangkan dalil-dalil al-Quran dalam fatwa berkenaan ialah:-
 1. Kebanyakan isu penyelewengan yang berkaitan dengan akidah dan syariah adalah perkara-perkara yang termasuk dalam asas agama yang sudah sedia dimaklumi (معلوم من الدين بالضرورة) seperti isu penetapan hari akhirat, penghormatan yang melampau terhadap guru, perintah menunaikan solat dan lain-lain. JFNP menyerahkan kepada masyarakat umum untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai perkara-perkara berkenaan. Bagi pandangan penulis, fatwa perlu dipersembahkan dalam bentuk dan matlamat yang baru iaitu di samping menjelaskan hukum terhadap isu tertentu, ia juga sebagai mekanisme mendidik masyarakat sentiasa membuat rujukan kepada al-Quran dalam mengatur kehidupan mereka.
 2. Fatwa-fatwa yang tidak disertai dengan dalil dengan hanya merujuk kitab-kitab mazhab Syafii adalah tidak menyalahi peruntukan undang-undang.

3. Walaupun sesetengah fatwa tidak disandarkan kepada dalil-dalil al-Quran, namun ia disokong dengan dalil-dalil lain seperti hadith, maṣlaḥah , sadd al-Dhari‘ah dan lain-lain.

5.3 Saranan dan cadangan

Setelah membuat kesimpulan dan rumusan, penulis mengemukakan cadangan dan saranan dengan harapan dapat dimanfaatkan oleh beberapa pihak yang berkaitan.

5.3.1 Pusat-pusat Pengajian Islam Awam dan Swasta

- a) Memperkayakan silibus dan penawaran subjek yang berkaitan dengan kaedah pendalilan berdasarkan al-Quran.
- b) Menawarkan perkidmatan nasihat dan bimbingan kepada pegawai-pegawai istinbat yang terlibat secara langsung dengan penyediaan jawapan fatwa dengan mengadakan kursus-kursus jangka pendek, seminar dan bengkel.
- c) Menggalakkan kajian-kajian mengenai kaedah pendalilan berdasarkan al-Quran ini dikembangkan kepada fatwa-fatwa negeri-negeri lain bahkan perlu dibuat kajian mengenainya terhadap keputusan-keputusan Muzakarah Fatwa Kebangsaan. Penulis mendapati kajian-kajian ilmiah mengenai sumber-sumber hukum lain seperti ijmak, qiyas, maṣālih al-mursalah dan lain-lain telah banyak dilakukan tetapi kajian mengenai sumber hukum yang disepakati oleh semua ulama iaitu al-Quran dan al-Hadith masih belum giat dijalankan.

- d) Menggalakkan penulisan dan penerbitan koleksi akademik berkaitan dengan kaedah pendalilan berdasarkan al-Quran untuk mendidik masyarakat.

5.3.2 Institusi kefatwaan

- a) Jabatan Mufti perlu mempunyai pegawai istinbat yang berpengetahuan dengan kaedah-kaedah pendalilan berasaskan al-Quran supaya dalil-dalil dari nas al-Quran dapat difahami dengan tepat untuk melahirkan fatwa yang berwibawa.
- b) Jabatan Mufti perlu dilengkapi dengan kitab-kitab tafsir yang muktabar supaya memudahkan rujukan dilakukan.
- c) Jabatan Mufti perlu mewujudkan garispanduan yang jelas mengenai kaedah pendalilan berasaskan al-Quran seperti perlu dinyatakan kitab rujukan, cara istinbat terhadap nas dan lain-lain perkara yang berkaitan seterusnya memanjangkannya kepada Bahagian Pengurusan Fatwa dan Pengembangan Ijtihad Jabatan Kemajuan Islam Malaysia untuk dijadikan panduan kepada Jawatankuasa-jawatankuasa Fatwa negeri-negeri.
- d) Adalah lebih berwibawa jika setiap fatwa itu disertakan dalil dan cara istinbat hukum mengikut susunan sepatutnya dalam usul fiqah bermula dengan dalil-dalil al-Quran walaupun perundangan negeri tidak mensyaratkan sesuatu fatwa itu mesti berdalil ataupun perkara berkenaan termasuk dalam asas agama yang sudah sedia dimaklumi (معلوم من الدين بالضرورة).

5.3.3 Masyarakat Muslim

- a) Masyarakat muslim perlu menyuburkan budaya menimbang sebarang tindakan dengan neraca pedoman al-Quran.
- b) Masyarakat perlu mengambil iktibar bahawa banyak ajaran sesat berpaksi kepada pegangan-pegangan dan amalan-amalan yang jelas bersalahan dengan ajaran al-Quran.
- c) Masyarakat perlu didedahkan dengan keseimbangan antara pembacaan al-Quran secara betul dan pemahaman al-Quran secara tepat. Penulis mendapati secara umumnya aspek pembacaan al-Quran dari sudut tajwid dan tarannum pada hari ini lebih mendapat perhatian berbanding dengan pemahaman, penghayatan dan pengamalan kandungan al-Quran.

5.4 Penutup

Al-Quran adalah sumber hukum yang paling utama. Penyelidikan ini telah menemukan beberapa dapatan, kesimpulan dan saranan yang perlu diambil perhatian seterusnya tindakan yang sewajarnya untuk mempertaut hubungan antara al-Quran dalam kehidupan khususnya untuk melahirkan fatwa yang lebih berwibawa pada masa akan datang.

Usaha mulia ini perlu disambut oleh semua pihak. Penulis berdoa agar usaha kecil yang penuh dengan kekurangan ini dijadikan sebagai mata rantai kepada kajian-kajian seterusnya mengenai aspek pendalilan al-Quran dalam majlis-majlis fatwa negeri-negeri lain termasuklah Muzakarah Fatwa Kebangsaan.

BIBLIOGRAFI

Rujukan Buku

‘Asqalāni, Muhammad bin ‘Āli b Ḥajar al- (2000), *Fath al-Bāri Syarḥ Sahih Bukhari*, Riyāḍ : Dar al-Salām.

‘Awdah , Abd al-Qādir (1998), *al-Tasyrī‘ al-Jinā‘īt al-Islāmiy*, 2 j. c 14. Beirūt: Mu’assasah al-Risālah.

‘Ulwān, ‘Abdullah Nāṣih (1988), *Ta‘addud al-Zaujāt fī al-Islām*, Beirūt : Dār al-Salām.

’Alūsi, Syihāb al-Dīn Maḥmūd b. ‘Abd Allāh al-Ḥusayni al- (1994), *Rūh al-Ma‘ānī fī Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīz wa al-Sab‘ al-Mathānī*, Beirūt: Dar al-Fikr.

A.Hanafi M.A (1984), *Pengantar dan Sejarah Hukum Islam*, Jakarta: Bulan Bintang.

Abdul Halim El Muhammady (1994), *Penyelewengan al-Arqam dari aqidah Quran dan Sunnah* , Petaling Jaya : ABIM.

Abu Zahrah , Al-Imam Muhammad (t.t), *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah fi al-Siyāsah wa al-‘aqāid wa tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah* , al-Qāhirah: Dār al-Fikr al-‘Arabiyy.

Ahmad Muhammad Yusuf (2008), *Himpunan dalil dalam al-Quran dan al-Hadith*, 6 Jilid, Jakarta : PT Media Suara Agung

al-Dimyātī , Al-Sayyid al-Bakri bin Muhammad Shatā (t.t), *I‘ānah al-Talibīn*, 4 jilid, al-Qāhirah: ‘Īsā al-Halabiy

al-Farābi , Abi Naṣr Ismail bin Ḥammād al-Jauhari (1998), *al-Ṣīhāh*, 2 jilid, Beirūt: Dār al-Fikr.

al-Jurjāni , Al-Sharīf ‘Ali bin Muhammad al-Jurjāni (t.t), *kitab al-Ta‘rifāt*, Singapura: Al-Haramayn.

Anes Malik Toha (2005), *al-Ta‘addudiyyah al-Diniyyah Ru‘yah Islamiyyah*, Kuala Lumpur: Pusat Penyelidikan Universiti Islam Antarabangsa.

Badrān, Abu al-‘Aynayn (1969) , *Uṣūl al-Fiqh*, al-Qāherah: Dār al-Ma‘ārif .

Būṭī, Sa‘īd Ramaḍān al- (1992), *Dawābit al- Maṣlahah Fī al-Syarī‘ah al-Islāmiyyah*, Beirūt: Dār al-Muttaḥidah.

Dārimī , Abu Muḥammad ‘Abdullah bin Abd al-Rahmān bin al-Faḍl bin Bahram al- (1991), *Sunan al-Dārimī* , 2 j. Damshiq: Dār al-Qalam.

Dhahabiy, Muḥammad Ḥussain al- (1989), *al-Tafsīr wa al-Mufassirūn*, al-Qāhirah: Maktabah Wahbah.

Farahwahida Mohd Yusof (2007), *Al-Arqam dan Ajaran Aurad Muhammadiyah satu penilaian*, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Ghazālī , Abu Ḥāmid bin Muḥammad bin Muḥammad al- (t.t), *al-Mustasfa fi ‘Ilm al-Uṣūl*, Beirūt: Dār al-Ehyā’ al-Turāth al-Islami.

Għiriyāni ‘Adil Muhammad Abd al-‘Aziz al- (2002), *Mabāhith Tārikh al-Tashrī‘ al-Islāmiyy*, Kuala Lumpur: Fajar Ulung.

Hassan Hj Ahmad (1998), *Uṣūl al-Fiqh*, Kuala Lumpur: Pustaka Abdul Majid.

Ibn Kathīr, Abū al-Fidā’ Ismā‘īl (1991), *Tafsīr al-Qur’ān al-Azīm*, Beirūt: Dār al-Khayr.

Ibn Khaldūn, ‘Abd al-Rahmān (1993), *Muqaddimah Ibn Khaldūn*, Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ibn Mājah, Muḥammad ibn Yazīd (1987), *Sunan Ibnu Mājah*. 2 j. Beirūt: Maktabah al-Ilmiyyah.

Ibn Qayyim al-Jauziyyah , Shams al-Dīn Abi ‘Abdillah Muḥammad bin Abi Bakr (1991), *I'lām al-Muwaqqi 'īn 'an Rab al-Ālamīn*, 2 j, Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ibrāhīm al-Bajūry (1972), *Syarah Jauharah al-Tauhīd*, T.T.P.

Idris Awang (2009), *Penyelidikan ilmiah amalan dalam pengajian Islam* . Rawang : Sri Elila Resources.

Jabatan Mufti Kerajaan Brunei (2001), *Fatwa Mufti Kerajaan Brunei* , Brunei: Syarikat Printing BISMI

Jabatan Mufti Negeri Perak (t.t) , *Fatwa Negeri Perak 1994-2004*, T.T.P

Jabatan Mufti Negeri Sembilan (1998), *Himpunan Fatwa* , T.T.P

Jabatan Mufti Pulau Pinang (t.t) , *Fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Pulau Pinang*, T.T.P

Jabatan Mufti Selangor (t.t), *Keputusan Fatwa Negeri Selangor (Januari – September 2001)*, T.T.P

Jādul Haq ‘Ali Jādul Haq (1994), *Buhūth wa Fatāwā Islāmiyyah fi Qadāyā Mu‘āsirah al-Qāhirah* :Dār al-Turāth al-‘Arabiyyah

Khallāf , Abd al-Wahhāb (1995) , ‘Ilm al-Uṣūl al-Fiqh, al-Qāherah: Dār al-Fikr al-‘Arabiyyah.

Khatīb al-Baghdādi , Aḥmad bin ‘Ali Abū Bakr Al- (t.t), *Tārīkh Baghdaḍ*, 14 j, Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah .

Mahmood Zuhdi bin Hj Abdul Majid (1988), *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*, Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.

Mallāḥ, Dr al-Sheikh Husin Muḥammad al- (2001), *al-Fatwā Nash’atuhā Wa Taṭawwaruhā Uṣūluhā Wa Taṭbiquhā*, 2 j . Beirut: Al-Maktabah al-‘Aṣriyyah.

Muhammad , ‘Ali Jum‘ah (2004) , *al-Madkhal ila dirāsah al-madhāhib al-fiqhiyyah.*, al-Qāhirah: Dār al-Salām.

_____ (2006) .,*Fatāwa ‘asriyah*, al-Qāhirah: Dar al-Salām .

Muhammad Abu Zahrah (t.t), *Uṣūl al-Fiqh*, al-Qāhirah: Dār al-Fikr al-‘Arabiyyah.

Muhammad ‘Ajjāj al-Khāṭib (1998), *Uṣūl al-Hadīth ‘Ulūmuhu wa Muṣtolāḥuhu*. Beirūt: Dār al-Fikr.

Muhammad Nur bin Idris (1993), *Muḥādarāt fi uṣūl al-fiqh*, Kota Bharu: al-Maṭba‘ah al-Nūriah al- Kelantāniyyah.

Muhammad Zakī Ibrāhīm (2005), *Uṣūl al-Wuṣūl*, al-Qāhirah: Mu’assasah Ihyā’ al-Turāth al-Ṣūfi.

Othman Hj Ishak (1981), *Fatwa Dalam Perundangan Islam*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2002), *Fatwa-fatwa Mufti Wilayah Persekutuan* ,Kuala Lumpur : Percetakan Nasional Berhad.

Qādī ‘Iyād , Abu al-Faḍl ‘Iyād bin Mūsā Al- (1967), *Tartīb al-Madārik Wa Taqrīb al-Masālik Li Ma ‘rifah A ‘lam Madhhab Mālik*, Beirūt: Dār Maktabah al-Ḥayāh.

Qaraḍāwi (1993) *Fatāwa Mu‘āsirah*, al-Manṣūrah : Dār al-Wafa’

_____ (1988), *al-Halāl wa al-Harām fi al-Islām*, al-Qāhirah: Maktabah Wahbah.

Qarāfī , Syihāb al-Dīn Aḥmad bin Idrīs al- (1998), *Anwār al-Burūq Fī Anwār ‘al-Furūq*, Beirūt: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.

Qatṭān , Mannā‘ al-Qatṭān (1973), *Mabāhith fi ‘Ulūm al-Qur’ān*, Beirūt: al-Syarikah al-Muttaḥadah li al-Tauzi‘.

Qurṭubi , Abu ‘Abdillah Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣāri Al- (1968), *al-Jāmi‘ Li aḥkām Al-Qur’ān*, 10 j , al- Qāhirah: al-Maktabah al-‘Arabiyyah.

_____ (1986), *al-Jāmi‘ Li Aḥkām al-Qur’ān*, al-Qāhirah: al-Hay’ah al-Miṣriyyah al-‘Ammah li al-Kitāb.

Quṭub Muṣṭafa Sano (2000), *Mu‘jam Muṣṭolahāt Uṣūl al-Fiqh*, Beirūt: Dār al-Fikr al-Mu‘āşir.

Rāzī , Abū ‘Abd Allāh Muḥammad ‘Umar b. Ḥussayn Fakhr al-Dīn al- (t.t), *al-Tafsīr al-Kabīr*, al-Qāhirah : Mu’assasah al-Maṭbu‘āt al-Islāmiyyah .

Şāliḥ, Şubhī al- (1972), *Mabāhith fi ‘ulūm al-Qur’ān*, c.7, Beirūt: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn,

Sayyid Quṭb (1990), *Fī Zilāl al-Qur’ān*, al-Qāhirah: Dār al-Syurūq.

Syāfi’ e , Mohammad bin Idris Al- (t.t), *al-Risālah*, Naskhah hadiah kerajaan Arab Saudi tanpa penerbit.

_____ (1973), *al-Umm*, 7 j, c.2, Beirūt: Dār al-Ma‘rifah.

Syalabi , Muhammad Muṣṭafa (1985), *al-Madkhāl fi al-Ta‘rīf bi al-Fiqh al-Islāmi*, Beirūt: Dār al-Nahḍah al-‘Arabiyyah.

Syaltūt , Mahmūd (2007), *Al-Islām ‘Akidah wa Sharī‘ah* , cet. 29, al-Qāhirah: Dār al-Syurūq.

_____ (1991), *al-Fatāwā* , c 17 , al-Qāherah : Dār al-Syurūq

Syaraf al-Dīn , Dr ‘Abd al-‘Azīm (1993), *Tārikh al-Tashrī‘al-Islāmiy*, Benghāzi: Mansyūrāt Khān Yūnus.

Syarbāṣī , Dr Aḥmad al- (t.t) *Yas’ālūnaka fi al-Dīn wa al-Hayāh*, Beirūt :Dār al-Jayl.

Syāṭībi , Abi Ishāq Ibrāhīm bin Mūsā al-Lakhmi al-Gharnāṭī al-Mālikī (t.t), *al-Muwafiqāt fi uṣūl al-Syari‘ah*, Beirūt: Dār al-Kutub al-‘ Ilmiyyah

Syiddieqy ,Prof . T.M Hasbi Ash- (1971), *Sedjarah Pertumbuhan Dan Perkembangan Hukum Islam*, Jakarta: Penerbitan Bulan Bintang.

Suyūti , Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān al- (1987), *al-Itqān fi ‘Ulūm al-Qur’ān*, 2 j, Beirūt: Dār Ibn Kathīr.

Sya'rawi , Muhammad Mutawalli (1991), *Tafsīr al-Sha`rawi*, al-Qāhirah : Akhbār al-Yawm, Idārah al-Kutub wa al-Maktabah.

Syāṭibi , Abū Ishāq al- (t.t), *al-Muwāfiqāt fī Uṣūl al-Syari`ah*, j. 1 Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ṭabari , Abū Ja‘far Muhammad bin Jarīr Al- (1992), *Jāmi‘ al-Bayān fī Ta’wīl al-Qur‘ān* , Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah .

Zamakhsyari , Maḥmūd bin ‘Omar al- (1986), *al-Kasyāf*, Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabiyy.

Zarkasyī , Badr al-Dīn Muḥammad bin ‘Abd Allāh al- (t.t.), *al-Burhān fī ‘Ulūm al-Qur‘ān*, Beirut: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah.

Zarqā’ , Muṣṭafa al- (1999), *Fatāwā*, Damshiq: Dār al-Qalam.

Zaydān, ‘Abd al-Karīm (1987), *al-Wajīz fī uṣūl al-Fiqh*, c. 2. Beirut: Mu’assasah al-Risālah .

Zuhayli , Wahbah al- (1986), *Uṣul al-Fiqh al-Islāmiy*, 2 j. Dimashq: Dār al-Fikr.

_____ (1998), *al-Tafsīr al-Munīr* , Beirut: Dār al-Fikr al-Mu‘aşir.

Zulkifli Mohamad al-Bakri (2005), *Hukum Penyerupaan Menurut Islam*, Kajang: Darul Fuqaha’ .

_____ (2008), *Institusi Fatwa dalam Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Negeri Sembilan*, Kuala Lumpur: USIM.

Rujukan Kamus

‘Abd al-Bāqi , Muhammad Fu’ād (1994), *al-Mu‘jam al-Mufahras Li alfāz al-Qur‘ān al-Karīm*, c. 4. Beirut: Dār al- Ma‘rifah.

Abu al-Ḥusayn Ahmad bin Fāris bin Zakaria (1981), *Mu‘jam Maqāyīs al-Lughah*, cet. 2, 6 jilid, al-Qāhirah: Syarikah Maktabah Muṣṭāfa al-Bābī al-Ḥalabi.

Kamus Dewan, c. 4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka .

Louis Ma’aluf (1952), *al-Munjid*, c 19, Beirut:Dār al-Masyriq.

Rujukan Makalah

Ahmad Hidayat Buang et. al. (2000), *Laporan Projek Penganalisaan Fatwa-fatwa Semasa di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

Hasnan Kasan (2006) , *Penginstitusian Pentadbiran Hukum Syarak di Semenanjung Malaysia*. Sari (ATMA), bil. 24

Mohd Mohadis Yasin (2007), "Pengurusan dan Penyelarasaran Fatwa: Perlaksanaan dan Cabaran Di Malaysia "Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa Vol 1, Bil 1.

Zulkifli Hj Mohd Yusuf, Tafsir al-Quran Bi al-Ma'thur: satu Analisis Terhadap Tafsir Al-Quran Bi Al Quran dan Tafsir al-Quran bi al-Hadith", *Jurnal Usuluddin* , bil 5, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam.

Rujukan Latihan Ilmiah

Abdul Hamid Yunus (1991), "Ijtihad dan amalannya dalam pembinaan fatwa di Malaysia" (Disertasi M.A. Akademi Pengajian Islam ,Universiti Malaya)

Ahmad Zaharuddin bin Mohd Alias (2004), "Fatwa Jawatankuasa Perundangan Hukum Syara' Negeri Pahang Dari Tahun 1980 hingga 1997: Satu Analisis. "(Disertasi M.A. Akademi Pengajian Islam ,Universiti Malaya)

Alias Azhar (2001), "Metodologi Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah dalam mengeluarkan fatwa-fatwa kajian dari tahun 1985-1995" "(Disertasi M.A. Akademi Pengajian Islam ,Universiti Malaya)

Amalul Izzah binti Hassan (2003), "Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perak Dari Tahun 1995 hingga 2002 : Satu Analisis" (Latihan Ilmiah Jabatan Fiqh dan Ushul Bahagian Pengajian Shariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur)

Asiah Abol (1990), "Undang-undang Islam Negeri Perak Darul Ridzuan : Suatu Tinjauan Mengenai Pentadbiran Fatwa "(Latihan Ilmiah Fakulti Shariah Universiti Malaya)

Faisal Haji Muhammad Ali Nurdin (1997), "Sadd Al-Dhara'i : pemakaianya dalam fatwa Majelis Ulama Indonesia (kajian dibuat kepada fatwa Majlis Ulama Indonesia 1975 – 1994)"(Disertasi M.A. Akademi Pengajian Islam ,Universiti Malaya)

Mazni Abdul Wahab (2001), Pentadbiran fatwa di negeri Selangor : kajian terhadap Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989"(Disertasi M.A Akademi Pengajian Islam ,Universiti Malaya)

Mohamad Nabil Mohamad Shukri (2006), “Fatwa Negeri Kelantan dalam ibadat : satu analisis” (Disertasi M.A. Akademi Pengajian Islam ,Universiti Malaya)

Mohd Marbawi Taha (2006), “Pendekatan Ijtihad dalam fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu”(Disertasi M.A. Akademi Pengajian Islam ,Universiti Malaya)

Mohd Nazri Asiabu (2004), “Penggunaan Maslahah dalam fatwa:Kajian kes bagi fatwa-fatwa Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia. ”(Disertasi M.A. Akademi Pengajian Islam ,Universiti Malaya)

Mohd Nor Hashri Junoh (2003), “Pendekatan ijtihad dalam fatwa Jemaah Ulama Negeri Kelantan” (Disertasi M.A. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Noor Naemah Abdul Rahman (2004), “Fatwa Jemaah Ulama Kelantan tahun 1920 an hingga 1990 an : Satu analisis. ” (Tesis Ph.D. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)

Norizan Masron (2005), “Penentuan hukum berdasarkan ijma’ oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia “ (Disertasi M.A. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)

Othman Hj Ishak (1979), “Satu kajian kritikal mengenai institusi fatwa dalam hukum syara’ di negeri –negeri Melayu: Sejarah dan interpretasinya” ”(Tesis Ph.D. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)

Saipul Anuar Haji Mohd. Yusop (1999), “Sadd Al-Dhara'i sebagai sumber fatwa : satu kajian tentang pemakaianya dalam fatwa-fatwa Negeri Selangor” (Disertasi MA Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)

Rujukan Temubual

Abdul Halim bin Badray, Penolong Pegawai Fatwa, Jabatan Mufti Perak. Temubual pada 4 Ogos 2010.

Kamaruddin bin Adam, Pegawai Fatwa Jabatan Mufti Perak, Temubual pada 5 Ogos 2010.

Tan Sri Dato Seri Haji Harussani b. Hj Zakaria , Pengurus JFNP. Temubual pada 7 November 2010.

Rujukan Statut

Enakmen Jenayah (Syariah) Bil. 3 Tahun 1992

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak), 2004,(Seksyen 37)

Warta Kerajaan

- Warta Kerajaan Negeri Perak Jil. 54, No. 508.
- Warta Kerajaan Negeri Perak Jil. 57, Bil. 5, No. 164.
- Warta Kerajaan Negeri Perak Jil. 57, Bil. 5, No. 165.
- Warta Kerajaan Negeri Perak Jil. 60 Bil. 2 Pk. P.U. 3.
- Warta Kerajaan Negeri Perak Jil. 60, Bil. 2, Pk. P.U. 4.
- Warta Kerajaan Negeri Perak Jil. 63 Bil.12 Pk. P.U. 20.
- Warta Kerajaan Negeri Perak Jil. 63, Bil. 12, Pk. P.U. 22.
- Warta Kerajaan Negeri Perak Jil. 63, Bil. 12, Pk. P.U. 23.
- Warta Kerajaan Negeri Perak, Jil 49 No. 139.
- Warta Kerajaan Negeri Perak, Jil 62, no. 297.
- Warta Kerajaan Negeri Perak, Jil 62, No. 298
- Warta Kerajaan Negeri Perak, Jil. 47, Bil. 17, Pk. P.U. 16.
- Warta Kerajaan Negeri Perak, Jil. 56, No. 474
- Warta Kerajaan Negeri Perak, Jil. 56, No. 317
- Warta Kerajaan Negeri Perak, Jil. 57, Bil. 16, No. 1083.
- Warta Kerajaan Negeri Perak, Jil. 57, Bil. 16, No. 1084.
- Warta Kerajaan Negeri Perak, Jil. 63, Bil.12, Pk. P.U. 25
- Warta Kerajaan Negeri Perak, Jilid 54, No. 509
- Warta Kerajaan Negeri Perak, Jilid 63, Bil. 12, Pk. P.U. 24

Minit-minit Mesyuarat

- Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 113.
- Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 130.
- Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 134.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 150.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 151.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 154.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 155.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 157.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 161.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 169.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 172.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 178.


Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 179.

Surat-surat

M.N. Pk A351. IST. 05/09 J 3 (4) surat Mufti kepada Setiausaha Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak.


LAMPIRAN A

Rajah Proses Penghasilan Fatwa



LAMPIRAN B

Rajah Proses Pewartaan Fatwa



LAMPIRAN C

Jadual Penggunaan dalil al-Quran dalam fatwa-fatwa tahun 1994-2010.

BIL	FATWA	PENGGUNAAN DALIL AL-QURAN	
		YA	TIDAK
1	ISU AKIDAH Fatwa mengenai Ajaran Cahaya Qursani .		Tidak
2	Fatwa mengenai penggunaan kalimah Allah	Ya	
3	Fatwa mengenai ajaran Ayah Pin		Tidak
4	Fatwa mengenai penulisan Astora Jabat berkenaan dengan azab kubur	Ya	
5	Fatwa mengenai ajaran Azhar bin Wahab (pengasas Al-Mansur Holding Sdn. Bhd	Ya	
6	Fatwa mengenai kedudukan Ajaran Ilmu Hakikat Hassan Jonit		Tidak
7	Fatwa mengenai kedudukan ajaran Islam Jamaah		Tidak
8	Fatwa tentang kandungan buku "Persaudaraan ilmu dalam al-Maunah	Ya	
9	Fatwa mengenai buku-buku yang berkaitan dengan gerakan anti-hadith	Ya	
10	Fatwa Mengenai al-Arqam	Ya	

ISU SYARIAH			
11	Fatwa mengenai kewajipan mendirikan solat Jumaat ketika bersuluk oleh pengamal tareqat	Ya	
12	Fatwa mengenai harta wakaf khas Masjid Taiping		Tidak
13	Fatwa mengenai penyalahgunaan kubur		Tidak
14	Fatwa mengenai zakat atas pendapatan (Gaji)		Tidak
15	Fatwa status tanah pemberian kerajaan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak		Tidak
ISU SOSIAL			
16	Fatwa mengenai hukum wanita menyerupai lelaki (Pengkid) dan hukum lelaki menyerupai perempuan (pondan dan mak nyah)	Ya	
17	Fatwa mengenai Kumpulan Black Metal .	Ya	
18	Fatwa mengenai kedudukan senaman yoga .		Tidak
19	Fatwa mengenai Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd. .	Ya	
20	Fatwa menangani masalah perpecahan orang melayu/Islam	Ya	